NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| | | |
|---|---|---|
| Jil. 72<br>No. 21 | **17hb Oktober 2019** | *TAMBAHAN*<br>*No. 2* |


**No. 4010.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan MBSA pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada MBSA dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis MBSA bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan MBSA tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan MBSA yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan MBSA adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan MBSA, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan MBSA untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan MBSA secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan MBSA, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan

bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman MBSA.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunapakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan MBSA sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan MBSA atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan MBSA memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh MBSA telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

SHAH ALAM
Bertarikh 28 September 2018

HAJI ROSLAN BIN ABU BAKAR
*b.p. Ketua Audit Negara*
*Malaysia*

KENYATAAN OLEH DATUK BANDAR DAN AHLI MAJLIS

Kami, Dato' Haji Ahmad Zaharin bin Mohd. Saad, Datuk Bandar dan Tan Ah Kow @ Tan Sie Wai, Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Shah Alam dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi Majlis yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Shah Alam pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

DATO' AHMAD ZAHARIN BIN MOHD. SAAD — TAN AH KOW @ TAN SIE WAI

Bertarikh 31 Mei 2018 — Bertarikh 31 Mei 2018

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Affandi bin Haji Jaafar, KP. No. 710227-04-5171, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Bandaraya Shah Alam, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017, Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 dan Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai yang berikutnya ini berserta dengan nota-nota, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
Diakui oleh Penama di atas
Affandi bin Haji Jaafar
di Shah Alam, Negeri Selangor
Pada 31 Mei 2018

Di hadapan saya

ZAINAL ABIDIN FADZIL
*Pesuruhjaya Sumpah*
*Shah Alam*

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| ASET SEMASA | | |
| Urusniaga bukan pertukaran belum terima (Nota 3) | 54,676,343 | 52,933,513 |
| Urusniaga pertukaran belum terima (Nota 4) | 5,447,301 | 5,371,376 |
| Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan (Nota 5) | 321,639 | 2,327,384 |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Simpanan Tetap (Nota 6) | 769,748,000 | 796,217,000 |
| Wang di tangan dan di bank (Nota 7) | 69,555,824 | 45,233,449 |
| | 899,749,107 | 902,082,722 |
| ASET BUKAN SEMASA | | |
| Hartanah, loji dan peralatan (Nota 8) | 112,601,731 | 113,437,048 |
| Kerja dalam kemajuan (Nota 9) | 3,948,867 | 1,571,230 |
| Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan (Nota 5) | 13,380,328 | 6,812,879 |
| | 129,930,926 | 121,821,157 |
| JUMLAH ASET | 1,029,680,033 | 1,023,903,879 |
| LIABILITI SEMASA | | |
| Geran tertunda (Nota 10) | 5,189,294 | 5,367,577 |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru (Nota 11) | 347,439,681 | 386,632,369 |
| Wang amanah (Nota 12) | 183,316,867 | 161,096,528 |
| | 535,945,842 | 553,096,474 |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | |
| Pinjaman (Nota 14) | 1,668,279 | 2,901,940 |
| JUMLAH LIABILITI | 537,614,121 | 555,998,414 |
| ASET BERSIH | 492,065,912 | 467,905,465 |
| EKUITI | | |
| Kumpulan Wang Majlis | 489,865,912 | 465,705,465 |
| Kumpulan Pinjaman Kakitangan | 2,200,000 | 2,200,000 |
| JUMLAH EKUITI | 492,065,912 | 467,905,465 |

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| HASIL CUKAI | | |
| Urusniaga bukan pertukaran (Nota 15) | 360,594,603 | 319,105,290 |
| Urusniaga Pertukaran (Nota 16) | 79,447,046 | 77,507,163 |
| Pelbagai Hasil | 2,148,476 | 179,537 |
| JUMLAH HASIL | 442,190,125 | 396,791,990 |

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| PERBELANJAAN | | |
| Emolumen | | |
| Gaji dan upahan | 28,811,959 | 27,277,241 |
| Elaun tetap | 8,133,407 | 7,770,129 |
| Sumbangan berkanun untuk kakitangan | 5,085,043 | 4,831,539 |
| Elaun lebih masa | 6,294,697 | 9,330,973 |
| Lain-lain faedah kewangan | 11,553,765 | 5,763,634 |
| Elaun ahli majlis | 689,050 | 502,383 |
| | 60,567,921 | 55,475,899 |
| Perkhidmatan Dan Bekalan | | |
| Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup (Nota 17) | 2,507,548 | 3,245,054 |
| Perhubungan dan utiliti (Nota 18) | 22,630,225 | 22,398,336 |
| Sewaan (Nota 19) | 5,778,276 | 1,573,889 |
| Bekalan bahan-bahan mentah (Nota 20) | 7,059,598 | 5,862,049 |
| Bekalan bahan-bahan lain (Nota 21) | 11,130,142 | 6,600,802 |
| Penyelenggaraan dan pembaikan kecil (Nota 22) | 117,542,515 | 134,160,946 |
| Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti (Nota 23) | 57,294,414 | 63,047,452 |
| Binatang, pokok dan benih | 2,940 | 1,325 |
| | 223,945,658 | 236,889,853 |
| Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap | | |
| Pemberian dalam negeri (Nota 24) | 479,000 | 473,190 |
| Faedah dan dividen (Nota 24) | 1,066,195 | 1,029,142 |
| Ganjaran (Nota 24) | 855,386 | 249,174 |
| Gantian cuti rehat (Nota 24) | 509,193 | 475,689 |
| Tuntutan, insuran dan pampasan | — | 755,564 |
| | 2,909,774 | 2,982,759 |
| Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain | | |
| Pelbagai perbelanjaan (Nota 25) | 919,162 | 804,241 |
| Perbelanjaan pembangunan (Nota 26) | 116,487,262 | 73,031,322 |
| Pulangbalik dan hapuskira | 42,343 | — |
| Hutang ragu | 2,213,057 | 224,766 |
| | 119,661,824 | 74,060,329 |
| Susutnilai Dan Pelunasan (Nota 8) | 10,944,501 | 11,189,381 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 418,029,678 | 380,598,221 |
| LEBIHAN BAGI TAHUN | 24,160,447 | 16,193,769 |

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Kumpulan Wang Majlis | Kumpulan Wang Kakitangan | Jumlah Aset Bersih |
|---|---|---|---|
| EKUITI | | | |
| Baki Pada 1 Januari 2016 | | | |
| Seperti Yang Dinyatakan Semula | 465,705,465 | 2,200,000 | 467,905,465 |
| Kesan Pemakaian Awal MPSAS | — | — | — |
| Baki Pada 31 Disember 2016 | | | |
| Seperti yang dinyatakan semula | 465,705,465 | 2,200,000 | 467,905,465 |
| Lebihan bersih bagi tahun | 24,160,447 | — | 24,160,447 |
| Baki pada 31 Disember 2017 | 489,865,912 | 2,200,000 | 492,065,912 |

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI | | |
| Lebihan bagi tahun | 24,160,447 | 16,193,769 |
| Pergerakan Bukan Tunai: | | |
| Susutnilai dan pelunasan | 10,718,233 | 9,618,235 |
| Hapuskira hartanah, loji dan peralatan | 597,739 | 2,919,845 |
| Wang amanah | 22,220,339 | 51,986,442 |
| Peningkatan dalam peruntukan hutang ragu | 1,571,230 | — |
| Pelunasan geran | (178,283) | (178,283) |
| Perbelanjaan faedah | 139,078 | 1,029,142 |
| (Peningkatan)/pengurangan belum terima | (6,380,459) | (13,845,314) |
| Tambahan belum bayar | (39,192,688) | 39,846,230 |
| Kurangan dalam kumpulan wang majlis | — | (960,458) |
| | (10,504,811) | 90,415,839 |
| Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi | 13,655,636 | 106,609,608 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | | |
| Belian hartanah, loji dan peralatan | (10,480,655) | (9,738,203) |
| Tambahan kerja dalam kemajuan | (3,948,867) | (1,077,296) |
| Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan | (14,429,522) | (10,815,499) |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN | | |
| Bayaran balik pinjaman | (1,233,661) | (1,233,661) |
| Faedah dibayar | (139,078) | (139,078) |
| Aliran tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan | (1,372,739) | (1,372,739) |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai | (2,146,625) | 93,531,306 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh | 841,450,449 | 747,919,143 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TEMPOH | 839,303,824 | 841,450,449 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TEMPOH TERDIRI DARIPADA: | | |
| Simpanan tetap | 769,748,000 | 796,217,000 |
| Wang ditangan dan di bank | 69,555,824 | 45,233,449 |
| | 839,303,824 | 841,450,449 |

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | JUMLAH BAJET | | JUMLAH | VARIAN |
|---|---|---|---|---|
| | ASAL | AKHIR | SEBENAR | BAJET |
| | RM | RM | RM | RM |
| PENERIMAAN | | | | |
| Urusniaga bukan pertukaran | 320,920,560 | 320,920,560 | 365,437,871 | (44,517,311) |
| Urusniaga pertukaran | 89,556,660 | 89,556,660 | 75,327,454 | 14,229,206 |
| Lain-lain terimaan | 32,573,760 | 32,573,760 | 178,283 | 32,395,477 |
| Jumlah penerimaan | 443,050,980 | 443,050,980 | 440,943,608 | 2,107,372 |
| PEMBAYARAN | | | | |
| Perbelanjaan mengurus | | | | |
| Emolumen | 59,945,600 | 59,406,990 | 60,567,921 | (1,160,931) |
| Perkhidmatan dan bekalan | 239,666,660 | 241,110,230 | 192,002,665 | 49,107,565 |
| Pemilikan harta modal | 9,713,670 | 10,931,660 | 10,480,655 | 451,005 |
| Pemberian dan kenaan bayaran tetap | 2,975,710 | 2,488,700 | 2,754,774 | (266,074) |
| Perbelanjaan Lain-lain | 28,843,670 | 27,207,730 | 30,916,050 | (3,708,320) |
| Jumlah belanja mengurus | 341,145,310 | 341,145,310 | 296,722,065 | 44,423,245 |
| Perbelanjaan pembangunan | | | | |
| Perkhidmatan dan bekalan | 49,703,560 | 48,392,530 | 45,159,430 | 3,233,100 |
| Projek pembangunan | 79,429,630 | 80,705,660 | 71,928,239 | 8,777,421 |
| Pemberian dan kenaan tetap | 120,000 | 155,000 | 155,000 | — |
| Jumlah Perbelanjaan Pembangunan | 129,253,190 | 129,253,190 | 117,242,669 | 12,010,521 |
| Jumlah pembayaran | 470,398,500 | 470,398,500 | 413,964,734 | 56,433,766 |
| PENERIMAAN BERSIH | (27,347,520) | (27,347,520) | 26,978,874 | (54,326,394) |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. MAKLUMAT AM

1.1 Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan Utama Majlis adalah untuk memberikan perkhidmatan perbandaran yang efisien, mengawal pembangunan hartanah di dalam kawasan pentabiran MBSA, memberikan perkhidmatan pembersihan kawasan-kawasan, perparitan serta longkang, jalan raya dan menguruskan kutipan, pembuangan serta pelupusan sampah. Majlis juga bertanggungjawab menjaga dan mengawal kesihatan awam serta menyelenggarakan kemudahan awam.

Disamping itu Majlis juga mengenakan dan mengutip hasil dan terimaan yang ditetap oleh akta dan undang-undang kecil yang berkuatkuasa.

1.2 Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan matawang fungsian dan persembahan Majlis.

1.3 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Penuh pada 30 Mei 2018.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan digunakan secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan ini kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1 Penyata Kewangan Majlis disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan persembahan Penyata Kewangan adalah mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP).

2.1.2 Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama disediakan menggunakan MPSAS kerana Majlis telah memilih pengecualian berhubung dengan pengiktirafan aset infrastruktur, aset tidak ketara, manfaat kakitangan dan liabiliti-liabiliti seperti yang dinyatakan pada nota 2.20.2 kepada Penyata Kewangan. Sebelum ini penyata kewangan Majlis telah disediakan menggunakan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Majlis.

2.1.3 Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberikan kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ianya hendaklah didedahkan dalam Nota 2.20 kepada Penyata Kewangan.

2.2 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.2.1 Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urus Niaga Bukan Pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus Niaga Bukan Pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran

Cukai Taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan pentadbiran Majlis. Cukai Taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Sumbangan Membantu Kadar

Sumbangan Membantu kadar adalah cukai tidak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di kawasan pentadbiran Majlis. Sumbangan Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) Lesen, Permit dan Bayaran Pendaftaran

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan,permit sementara, lesen anjing, lesen iklan dan lain-lain.

(iv) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk fi notis Cukai Taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

(v) Geran Kerajaan

Geran Keseimbangan yang diterima dari Kerajaan Persekutuan adalah merupakan geran yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu dan ianya diambilkira sebagai hasil di dalam penyata kewangan.

Majlis juga menerima geran-geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu dan perakaunannya adalah berbeza-beza bergantung kepada syarat-syarat pemberian geran berkenaan. di dalam penyata kewangan ini, Geran MARRIS dinyatakan sebagai bawaan Wang Amanah manakala Geran Gantian Peralatan Lampu Jalan,Geran Pemasangan CCTV Stadium, Geran Pembangunan Kota Seni, Geran Pemasangan SPAH, Geran Kawalan dan Pencenggahan Denggi serta Geran Program Pelancongan diakaunkan sebagai bawaan liabiliti.

2.2.2 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti tersebut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

(ii) Perolehan dari Jualan Barang

Perolehan dari Jualan Barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebutharga serta tender, cenderahati, jualan harta benda fizikal ( tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain.

(iii) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(iv) Faedah Dan Perolehan dari Pelaburan

Hasil faedah adalah terdiri dari faedah yang di terima dari simpanan di bank-bank Majlis, faedah dari pinjaman kepada kakitangan seperti pinjaman komputer dan pinjaman kenderaan dan lain faedah yang timbul dari urusniaga. Manakala hasil keuntungan perolehan dari pelaburan Majlis diiktiraf pada tarikh penerimaan selaras dengan konsep Perbankan Islam seperti Al-Mudharabah, Al-Murabahah, Simpanan Amanah.

(v) Lain-Lain Terimaan

Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.2.2 (i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

2.3.1. Hartanah, Loji dan Peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000.00 setiap satu.

2.3.2. Hartanah, Loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan di permodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

2.3.3. Jika berlaku sesuatu aset diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan , melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

2.3.4. Nilai di bawah item hartanah ,loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset diman perbezaannya diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

2.4 Susutnilai Hartanah, Loji Dan Peralatan.

2.4.1. Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Susutnilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.

2.4.2. Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

| Hartanah, Loji Dan Peralatan | Kadar Tahunan |
|---|---|
| Tanah Pajakan | 99 Tahun |
| Tanah Pegangan Bebas | |
| Bangunan | 2% |
| Jentera Mesin | 20% |
| Kenderaan dan Jentera Berat | 20% |
| Perabot dan Lengkapan | 10% |
| Komputer dan Kelengkapan Pejabat | 10%-20% |
| Lain-lain Alat Kelengkapan | 10% |

2.4.3. Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atu corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas maka nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.5 Kerja Dalam Kemajuan

Kerja Dalam Kemajuan adalah merujuk kepada kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan hartanah, loji dan peralatan akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan perlatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (Certificate of Practical Completion) dikeluarkan atau tarikh siap kerja dan dilunaskan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan dan dilunaskan.

2.6 Liabiliti kewangan

2.6.1 Liabilti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.6.2 Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

2.6.3 Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2.6.4 Majlis mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau rosot nilai.

Kaedah Faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

(ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan I antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang nyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.7 Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Dan Pembiayaan Komputer

Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer adalah merupakan jumlah wang yang dipindahkan daripada Kumpulan Wang Mengurus bagi tujuan membiayai Pinjaman Kenderaan, Pinjaman Komputer.

2.8 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata Aliran Tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan Tunai teridiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang disedia tukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.9 Percukaian

Majlis Bandaraya Shah Alam adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6: Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.10 Cukai Barang dan Perkhidmatan - GST

Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Implikasi cukai barangan dan perkhidmatan kepada Majlis adalah seperti berikut:

(i) Cukai Output

Terimaan hasil Cukai Taksiran dan Lesen adalah dikecualikan dari pada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan selain Cukai Taksiran dan Lesen contohnya sewaan ruang niaga, sewaan dewan adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

(ii) Cukai Input

Majlis menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan. Majlis boleh menuntut GST ( Cukai Input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard (6%) sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan yang berkadar standard (6%) Cukai Output.

2.11 Maklumat Bajet

2.11.1 Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.11.2 Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Khas Belanjawan dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

2.12 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran.

2.12.1 Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

2.12.2 Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Elaun Rosotnilai bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit serupa.

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan.

Semua hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garislurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Majlis menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh 3 hingga 99 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iv) Pengukuran Peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.13 Kesan Pemakaian MPSAS

2.13.1 Penyata Kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana penyata kewangan Majlis sebelum ini telah disediakan dengan mengunakan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Majlis. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan penyata kewangan tahun ini adalah selaras dengan yang telah digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini kecuali:

Pengiktirafan Geran atau Akaun Amanah.

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis mengklasifikasikan akaun geran atau akaun amanahnya sebagai salah satu item di dalam penyata perubahan aset bersih. Pemakaian MPSAS menghendaki semua geran atau akaun amanah yang mempunyai syarat ke atasnya hendaklah diklasifikasikan sebagai liabiliti. Oleh itu, Majlis telah mengklasifikasikan semula geran atau akaun amanahnya kepada liabiliti. Majlis sedang di dalam proses untuk menentukan baki sebenar akaun geran atau akaun amanahnya kerana di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis melunaskan akaun geran dan akaun amanahnya ke Penyata Prestasi Kewangan tidak bersamaan dengan jumlah yang dibelanjakan.

2.13.2 Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Majlis juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

(i) Peruntukan dan Pengecualian Yang Memberikan Kesan Ketara Ke atas Penyata Kewangan.

(a) Aset Infrastruktur

Majlis memiliki aset infrastruktur iaitu jalanraya, pondok bas dan lain-lain lagi tidak dipermodalkan di dalam penyata kewangan. Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi aset infrastruktur telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Kewangan. MPSAS menghendaki aset infrastruktur ini di dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset infrastruktur ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (yang mana terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset infrastrukturnya.

(b) Penentuan Nilai Saksama Aset Yang Direkodkan Pada Nilai Nominal

Majlis memiliki beberapa aset infrastruktur iaitu jalanraya, pondok bas dan lain-lain lagi tidak dipermodalkan di dalam penyata kewangan. Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi aset infrastruktur telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Kewangan. MPSAS menghendaki aset infrastruktur ini di dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset infrastruktur ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (yang mana terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset infrastrukturnya.

(c) Peruntukan Ke Atas Gantian Cuti Rehat Dan Ganjaran Kontrak

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis tidak membuat peruntukan ke atas gantian cuti rehat dan ganjaran kontrak. MPSAS menghendaki peruntukan-peruntukan ini dibuat kerana ia telah memenuhi syarat kepada sesuatu peruntukan itu perlu dibuat. Majlis akan menggunapakai kaedah 'Projected Unit Credit' bagi membuat pengiraan peruntukan gantian cuti rehat di mana Majlis akan membuat beberapa andaian di dalam pengiraan tersebut. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi mengiktiraf peruntukan ke atas gantian cuti rehat dan ganjaran kontrak ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (yang mana terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung dengan kakitangannya.

(d) Pengiktirafan Inventori

Majlis memiliki beberapa inventori yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan di mana Majlis telah mengiktiraf sebagai belanja di dalam penyata prestasi kewangan. MPSAS menghendaki inventori dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian pengiktirafan inventori ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (yang mana dahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung inventori Majlis.

(e) Aset Hidup

Majlis memiliki aset hidup iaitu pokok dan tumbuhan yang tidak dipermodalkan di dalam penyata kewangan. MPSAS menghendaki aset hidup ini di dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset hidup ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (yang mana dahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset hidupnya.

Sebelum ini, Majlis menggunakan pertimbangan untuk menentukan elaun bagi elaun rosot nilainya. Elaun akan dibuat apabila Majlis menilai sesuatu hutang itu tidak boleh dikutip. Selepas menggunapakai MPSAS, penilaian ke atas kemerosotan aset kewangan dibuat berdasarkan kepada peristiwa kerugian yang telah berlaku (incurred loss model, di mana kemerosotan diiktiraf berdasarkan bukti objektif yang wujud. Walau bagaimanapun, elaun rosotnilai pada tarikh peralihan ini di selaraskan secara retrospektif.

2.13.2 Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Majlis juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

(ii) Peruntukan dan Pengecualian yang tidak memberikan kesan ketara ke atas penyata kewangan.

(a) Aset dan Liabiliti Kewangan Yang Telah Dinyahiktiraf.

Majlis tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunapakai rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunapakai rangka kerja MPSAS. Jika sesuatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah rangka kerja perakaunan terdahulu maka Majlis memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

(b) Anggaran Perakaunan

Sebelum ini, Majlis menggunakan pertimbangan untuk menentukan elaun bagi elaun rosot nilainya. Elaun akan dibuat apabila Majlis menilai sesuatu hutang itu tidak boleh dikutip. Selepas menggunapakai MPSAS, penilaian ke atas kemerosotan aset kewangan dibuat berdasarkan kepada peristiwa kerugian yang telah berlaku (incurred loss model, di mana kemerosotan diiktiraf berdasarkan bukti objektif yang wujud. Walau bagaimanapun, elaun rosotnilai pada tarikh peralihan ini di selaraskan secara retrospektif.

2.14 Kesan Pemakaian MPSAS

Kesan pemakaian MPSAS ke atas Penyata Kewangan Majlis pada 1 Januari 2017 selepas mengambilkira penggunaan pengecualian dan pertukaran dasar-dasar perakaunan adalah seperti berikut:

| | Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 | | |
|---|---|---|---|
| | Piawaian Perakaunan Terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan Terdahulu | MPSAS |
| | RM | RM | RM |
| ASET SEMASA | | | |
| Bayaran terdahulu | 179,778 | (179,778) | — |
| Pelbagai penghutang | 6,812,879 | (6,812,879) | — |

| | Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 | | |
|---|---|---|---|
| | Piawaian Perakaunan Terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan Terdahulu | MPSAS |
| | RM | RM | RM |
| Pelbagai pertaruhan dan terakru | 1,308,164 | (1,308,164) | — |
| Penghutang | 58,304,889 | (58,304,889) | — |
| Pinjaman kakitangan | 839,442 | (839,442) | — |
| Simpanan tetap | 796,217,000 | — | 796,217,000 |
| Wang di tangan dan di bank | 45,233,449 | — | 45,233,449 |
| Urusniaga bukan pertukaran belum terima | — | 52,933,513 | 52,933,513 |
| Urusniaga pertukaran belum terima | — | 5,371,376 | 5,371,376 |
| Pelbagai akaun belum terima, deposit dan | — | — | 2,327,384 |
| Pendahuluan: | | | |
| Bayaran Terdahulu | | 179,778 | |
| Pelbagai Pertaruhan dan Terakru | | 1,308,164 | |
| Pinjaman Kakitangan | | 839,442 | |
| | 908,895,601 | (6,812,879) | 902,082,722 |
| ASET BUKAN SEMASA | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 113,437,048 | — | 113,437,048 |
| Kerja dalam kemajuan | 1,571,230 | — | 1,571,230 |
| Pelbagai akaun belum terima, deposit dan Pendahuluan - Pelbagai Penghutang | — | 6,812,879 | 6,812,879 |
| | 115,008,278 | 6,812,879 | 121,821,157 |
| JUMLAH ASET | 1,023,903,879 | — | 1,023,903,879 |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pemiutangan | 93,982,266 | (93,982,266) | — |
| Peruntukan bayaran audit | 54,175 | (54,175) | — |
| Terimaan terdahulu | 41,585,386 | (41,585,386) | — |
| Wang cagaran | 251,010,542 | (251,010,542) | — |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru | — | 386,632,369 | 386,632,369 |
| Geran tertunda | — | 5,367,577 | 5,367,577 |
| Wang amanah | — | 161,096,528 | 161,096,528 |
| | 386,632,369 | 166,464,105 | 553,096,474 |
| Liabiliti Bukan Semasa | | | |
| Pinjaman | 2,901,940 | — | 2,901,940 |
| | 2,901,940 | — | 2,901,940 |
| JUMLAH LIABILITI | 389,534,309 | 166,464,105 | 555,998,414 |
| ASET BERSIH | 634,369,570 | (166,464,105) | 467,905,465 |

| | Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 | | |
|---|---|---|---|
| | Piawaian Perakaunan Terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan Terdahulu | MPSAS |
| | RM | RM | RM |
| ASET BERSIH | | | |
| Geran tertunda | 5,367,577 | (5,367,577) | — |
| Kumpulan Wang Majlis | 465,705,465 | — | 465,705,465 |
| Kumpulan Pinjaman Kakitangan | 2,200,000 | — | 2,200,000 |
| Kumpulan Wang Amanah | 161,096,528 | (161,096,528) | — |
| | 634,369,570 | (166,464,105) | 467,905,465 |
| HASIL | | | |
| Cukai taksiran | 267,270,183 | (267,270,183) | — |
| Sumbangan membantu kadar | 3,623,335 | (3,623,335) | — |
| Lesen dan permit | 22,614,360 | (22,614,360) | — |
| Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan | 11,555,661 | (11,555,661) | — |
| Perolehan dari jualan barang | 2,136,205 | (2,136,205) | — |
| Keuntungan pelupusan hartanah | 392,765 | (392,765) | — |
| Sewaan | 32,804,163 | (32,804,163) | — |
| Faedah, keuntungan dari pelaburan | 30,618,369 | (30,618,369) | — |
| Kompaun dan denda | 15,641,560 | (15,641,560) | — |
| Sumbangan dan bayaran gantirugi | 866,301 | (866,301) | — |
| Geran keseimbangan | 5,000,000 | (5,000,000) | — |
| Pelbagai geran | 4,089,551 | (4,089,551) | — |
| Kredit tertunda | 178,283 | (178,283) | — |
| Pelbagai hasil | 1,254 | (1,254) | — |
| Urusniaga Bukan Pertukaran | — | — | 319,105,290 |
| Cukai taksiran | — | 267,270,183 | — |
| Kompaun dan denda | — | 15,641,560 | — |
| Lain-lain terimaan | — | 9,089,551 | — |
| Lesen dan permit | — | 22,614,360 | — |
| Sumbangan | — | 866,301 | — |
| Sumbangan membantu kadar | — | 3,623,335 | — |
| Urusniaga Pertukaran | — | — | 77,507,163 |
| Bayaran dan bayaran perkhidmatan | — | 11,555,661 | — |
| Jualan | — | 2,136,205 | — |
| Faedah pinjaman kakitangan | — | 29,484 | — |
| Faedah pinjaman kakitangan | — | 256,185 | — |
| Keuntungan simpanan tetap | — | 30,332,700 | — |
| Keuntungan pelupusan hartanah | — | 392,765 | — |
| Sewaan | — | 32,804,163 | — |
| Pelbagai Hasil | — | 179,537 | 179,537 |
| JUMLAH HASIL | 396,791,990 | — | 396,791,990 |
| PERBELANJAAN | | | |
| Emolumen | | | |
| Gaji dan upahan | 43,810,385 | (16,533,144) | 27,277,241 |
| Elaun tetap | 15,555,084 | (7,784,955) | 7,770,129 |
| Sumbangan berkanun untuk Kakitangan | 8,369,043 | (3,537,504) | |

| | Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 | | |
|---|---|---|---|
| | Piawaian Perakaunan Terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan Terdahulu | MPSAS |
| | RM | RM | RM |
| Elaun lebih masa | 9,330,973 | — | |
| Lain-lain faedah kewangan | 9,270,712 | (3,507,078) | |
| Elaun ahli majlis | — | 502,383 | |
| | 86,336,197 | (30,860,298) | |
| Baki Bawa Hadapan | 86,336,197 | (30,860,298) | 55,475,899 |
| PERBELANJAAN | | | |
| Perkhidmatan Dan Bekalan | | | |
| Tuntutan perjalanan dan sara hidup | 3,245,054 | — | 3,245,054 |
| Perhubungan dan utiliti | 22,398,336 | — | 22,398,336 |
| sewaan | 1,573,889 | — | 1,573,889 |
| Bekalan bahan-bahan mentah | 5,862,049 | — | 5,862,049 |
| Bekalan dan bahan-bahan lain | 6,600,802 | — | 6,600,802 |
| Penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli | 134,160,946 | — | 134,160,946 |
| Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti | 33,216,296 | — | 63,047,452 |
| Gaji kakitangan kontrak & tetap | — | 16,533,144 | — |
| Elaun tetap kakitangan kontrak & tetap | — | 7,282,572 | — |
| Sumbangan berkanun kakitangan kontrak & tetap | — | 3,537,504 | — |
| Lain-lain faedah kewangan Kakitangan Kontrak & tetap | — | 3,507,078 | — |
| Faedah Dan Dividen | — | (1,029,142) | — |
| Binatang, Pokok Dan Benih | 1,325 | — | 1,325 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | | | |
| Pemberian Dalam Negeri | 457,500 | 15,690 | 473,190 |
| Biasiswa Dan Dermasiswa | 15,690 | (15,690) | — |
| Tuntutan, Insurans dan Pampasan | 755,564 | — | 755,564 |
| Ganjaran | 249,174 | — | 249,174 |
| Gantian Cuti Rehat | 475,689 | — | 475,689 |
| Faedah dan Dividen | — | 1,029,142 | 1,029,142 |
| Perbelanjaan-perbelanjaan Lain | | | |
| Hutang Ragu | 224,766 | — | 224,766 |
| Lain-lain Bayaran | 804,241 | (804,241) | — |
| Pelbagai pembayaran | — | 804,241 | 804,241 |
| Perbelanjaan Pembangunan | 73,031,322 | — | 73,031,322 |
| | 369,408,840 | — | 369,408,840 |
| Susutnilai dan Pelunasan | 11,189,381 | — | 11,189,381 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 380,598,221 | — | 380,598,221 |
| LEBIHAN BAGI TAHUN | 16,193,769 | — | 16,193,769 |

2.15 Kontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, terdapat hak undang-undang untuk membuat 'off-set' dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.16 Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli-ahli Majlis.

2.17 Pajakan

(i) Pajakan Kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minima, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah pada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minima adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunkan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang ditetapkan ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Majlis menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosotnilai.

(ii) Pajakan Operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindahkan sebahagian besar dari semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.18 Kos Pembiayaan

Semua kos pembiayaan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh ia terlibat.

3. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Akaun Belum Terima Cukai Taksiran | 57,893,360 | 55,151,304 |
| Tolak: | | |
| Elaun Hutang Ragu | 5,588,930 | 4,079,244 |
| | 52,304,430 | 51,072,060.23 |

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Akaun Belum Terima Sumbangan Membantu Kadar | 2,371,913 | 1,861,453 |
| Tolak: | | |
| Elaun Hutang Ragu | — | — |
| | 2,371,913 | 1,861,453 |
| Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima | 54,676,343 | 52,933,513 |
| Butiran pergerakan akaun peruntukan hutang ragu adalah seperti berikut: | | |
| Baki pada 1 Januari | 4,079,244 | 4,233,577 |
| Tolak: | | |
| Pengurangan Dalam Tahun Semasa | 249,060 | 198,914 |
| Campur: | | |
| Tambahan Dalam Tahun Semasa | 1,758,746 | 44,581 |
| Baki pada 31 Disember | 5,588,930 | 4,079,244 |

4. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Akaun Belum Terima Sewaan | 10,690,852 | 10,226,655 |
| Tolak: | | |
| Elaun Hutang Ragu | 5,243,551 | 4,855,279 |
| Urusniaga Pertukaran Belum Terima | 5,447,301 | 5,371,376 |
| Butiran pergerakan akaun peruntukan hutang ragu adalah seperti berikut: | | |
| Baki pada 1 Januari | 4,855,279 | 4,685,884 |
| Tolak: | | |
| Pengurangan Dalam Tahun semasa | 66,039<br>454,311 | 10,790<br>180,185 |
| Baki pada 31 Disember | 5,243,551 | 4,855,279 |

5. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Wang Pertaruhan | 1,328,801 | 1,350,507 |
| Tolak: | | |
| Peruntukan Hutang Ragu | — | 42,343 |
| | 1,328,801 | 1,308,164 |
| Agensi Kutipan | — | — |
| Jabatan Kastam DiRaja Malaysia | 10,457,452 | 5,994,803 |
| Kutipan Kad Kredit | — | — |
| Pendahuluan Kepada Kakitangan | 321,639 | — |
| Pendahuluan Perubatan Kepada Kakitangan | 65,800 | 76,600 |
| Pembatalan Pembelian Lot Kedai/Pejabat | 818,076 | 818,076 |
| Perbelanjaan Terdahulu | 14,522 | 177,268 |

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Pinjaman Kenderaan | 695,677 | 765,352 |
| Pinjaman Komputer | 64,279 | 74,090 |
| | 12,373,166 | 7,832,099 |
| Pelbagai Akaun Belum, Terima Deposit Dan Pendahuluan | 13,701,967 | 9,140,263 |

Butiran pergerakan akaun peruntukan hutang ragu adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 42,343 | 42,343 |
| Tolak: | | |
| Pengurangan Dalam Tahun semasa | 42,343 | — |
| Campur: | | |
| Tambahan Dalam Tahun Semasa | — | — |
| Baki pada 31 Disember | — | 42,343 |

Analisa Pengumuran:

| | | |
|---|---|---|
| Kurang daripada 12 bulan | 321,639 | 2,327,384 |
| Lebih daripada 12 bulan | 13,380,328 | 6,812,879 |
| Pelbagai Akaun Belum, Terima Deposit Dan Pendahuluan | 13,701,967 | 9,140,263 |

Pelbagai pertaruhan dan terakru terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| Deposit Air | 475,657 | 466,167 |
| Deposit Elektrik | 606,853 | 606,353 |
| Deposit Sewaan | 106,500 | 106,500 |
| Deposit Penyelenggaraan | 10,051 | 8,803 |
| Deposit Telekom | 1,000 | 1,000 |
| Deposit Tindakan Mahkamah | 22,615 | 22,615 |
| Pelbagai Deposit | 106,124 | 96,726 |
| Baki pada 31 Disember | 1,328,800 | 1,308,164 |

6. SIMPANAN TETAP

| | | |
|---|---|---|
| Al Mudharabah | 269,248,000 | 530,000,000 |
| Al Murobahah | 129,000,000 | — |
| Simpanan Amanah Institusi | 202,500,000 | 203,500,000 |
| Am I-Corporate | 169,000,000 | 60,717,000 |
| Repo | — | 2,000,000 |
| Baki pada 31 Disember | 769,748,000 | 796,217,000 |

7. WANG DITANGAN DAN DIBANK

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Tunai Di tangan: | | |
| Jabatan Kewangan | 1,000 | 1,000 |
| Khairat Kematian | 3,000 | 3,000 |
| Kaunter Depoh Tunda | 700 | 700 |
| Kaunter Kota Kemuning | 200 | 200 |
| Kaunter Setia Alam | 200 | 200 |
| Kaunter Sungai Buloh | 100 | 100 |
| Kaunter Utama | 200 | 200 |
| Baki Hantar Hadapan | 5,400 | 5,400 |
| Baki Bawa hadapan | 5,400 | 5,400 |
| (ii) Wang Di Bank: | | |
| Affin Bank Berhad | 5,174,885 | 751,744 |
| Affin Bank Berhad - Collection A | 842,268 | 715,560 |
| Affin Bank Berhad - MBSA Galaksi US | 79,215 | 77,842 |
| Affin Bank Berhad - PERHATIN | 665 | 23,625 |
| Affin Bank Berhad - Pesta Bunga Shah Alam | 62,805 | 26,826 |
| AGRO Bank | 991,973 | 451,357 |
| Ambank Berhad | 615,786 | 18,440 |
| Bank Islam Malaysia Berhad | 10,978,846 | 9,349,102 |
| Bank Islam Malaysia Berhad - Kutipan | 476,329 | 88,162 |
| Bank Islam Malaysia Berhad - Cagaran | 5,125,202 | 5,903,526 |
| Bank Kerjasama Rakyat | 963,691 | 611,379 |
| Bank Muamalat M'sia Bhd | 1,301,414 | 1,202,455 |
| Bank Muamalat M'sia Bhd - Cukai | 320,600 | 352,240 |
| Bank Muamalat M'sia Bhd - Kompaun | 47,973 | 401,808 |
| Bank Muamalat M'sia Bhd - Akaun ISF | 1,477,556 | 6,507,971 |
| Bank Muamalat M'sia Bhd - Akaun MARRIS | 15,590,437 | 11,574,326 |
| Bank Muamalat M'sia Bhd - Caj Pemajuan | 21,743,875 | 2,724,568 |
| Bank Simpanan Nasional - Corporate | 18,554 | 10,617 |
| CIMB Bank Berhad | 1,482,924 | 2,528,932 |
| Maybank Berhad - M2E | 424,638 | 1,204,531 |
| Maybank Berhad - Corporate | 36,528 | 59,298 |
| Maybank Berhad - Islamic | 1,762,813 | 578,849 |
| Public Islamic Bank | 31,447 | 64,891 |
| | 69,550,424 | 45,228,049 |
| JUMLAH WANG DITANGAN DAN DIBANK | 69,555,824 | 45,233,449 |

8(a). JADUAL HARTANAH, LORI DAN PERALATAN - PADA 31 DISEMBER 2017

| | Jenis-Jenis Hartanah, Loji dan Peralatan | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Tanah | Bangunan | Jentera Dan Mesin | Kenderaan & Jentera Berat | Perabot & Lengkapan | Komputer | Kelengkapan Pejabat | Lain-lain Alat Kelengkapan | Alat Muzik | Jumlah |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| KOS | | | | | | | | | | |
| Baki awal pada 1 Januari 2017 | 38,807,407 | 88,967,935 | 1,738,092 | 43,341,658 | 3,956,630 | 15,599,500 | 2,741,834 | 97,780 | — | 195,250,836 |
| Campur: | | | | | | | | | | |
| Penambahan | 1,610,072 | 1,572,230 | 983,330 | 2,790,737 | 703,471 | 2,479,793 | 90,945 | 133,767 | 116,310 | 10,480,655 |
| Tolak: | | | | | | | | | | |
| Pelupusan | — | (592,889) | — | — | — | — | — | (4,850) | — | (597,739) |
| Baki akhir pada 31-12-2017 | 40,417,479 | 89,947,276 | 2,721,422 | 46,132,395 | 4,660,101 | 18,079,293 | 2,832,779 | 226,697 | 116,310 | 205,133,752 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | | | | | | |
| Baki awal pada 1 Januari 2017 | 6,022,440 | 28,954,335 | 914,970 | 29,668,928 | 1,965,600 | 12,027,839 | 2,249,898 | 9,778 | — | 81,813,788 |
| Campur: | | | | | | | | | | |
| Susutnilai Semasa | 427,347 | 1,755,709 | 494,997 | 5,798,979 | 422,088 | 1,803,496 | 207,099 | 23,155 | 11,631 | 10,944,501 |
| Tolak: | | | | | | | | | | |
| Susutnilai Pelupusan | — | (225,298) | — | — | — | — | — | (970) | — | (226,268) |
| Baki akhir pada 31-12-2017 | 6,449,787 | 30,484,746 | 1,409,967 | 35,467,907 | 2,387,688 | 13,831,335 | 2,456,997 | 31,963 | 11,631 | 92,532,021 |
| Nilai buku pada 31-12-2017 | 33,967,692 | 59,462,530 | 1,311,455 | 10,664,488 | 2,272,413 | 4,247,958 | 375,782 | 194,734 | 104,679 | 112,601,731 |

| | Jenis-Jenis Hartanah, Loji dan Peralatan | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Tanah | Bangunan | Jentera dan Mesin | Kenderaan & Jentera Berat | Perabot & Lengkapan | Komputer | Kelengkapan Pejabat | Lain-lain Alat Kelengkapan | Jumlah |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| KOS | | | | | | | | | |
| Baki awal pada 1 Januari 2016 | 38,807,407 | 90,932,970 | 1,369,167 | 37,699,232 | 3,543,133 | 13,628,041 | 2,452,528 | — | 188,432,478 |
| Campur: | | | | | | | | | |
| Penambahan | — | 800,000 | 368,925 | 5,797,236 | 413,497 | 1,971,460 | 289,305 | 97,780 | 9,738,203 |
| Tolak: | | | | | | | | | |
| Pelupusan | — | (2,765,035) | — | (154,810) | — | — | — | — | (2,919,845) |
| Baki akhir pada 31-12-2016 | 38,807,407 | 88,967,935 | 1,738,092 | 43,341,658 | 3,956,630 | 15,599,501 | 2,741,833 | 97,780 | 195,250,836 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | | | | | |
| Baki awal pada 1 Januari 2016 | 5,627,295 | 28,634,549 | 591,484 | 23,728,415 | 1,570,248 | 10,266,422 | 1,777,140 | — | 72,195,553 |
| Campur: | | | | | | | | | |
| Susutnilai Semasa | 395,145 | 1,736,122 | 323,486 | 6,095,323 | 395,352 | 1,761,417 | 472,758 | 9,778 | 11,189,381 |
| Tolak: | | | | | | | | | |
| Pelupusan/Pelarasan | — | (1,044,800) | — | (154,810) | — | — | — | — | (1,199,610) |
| | — | (371,536) | — | — | — | — | — | — | (371,536) |
| Baki akhir pada 31-12-2016 | 6,022,440 | 28,954,335 | 914,970 | 29,668,928 | 1,965,600 | 12,027,839 | 2,249,898 | 9,778 | 81,813,788 |
| Nilai buku pada 31-12-2016 | 32,784,967 | 60,013,600 | 823,122 | 13,672,730 | 1,991,030 | 3,571,662 | 491,935 | 88,002 | 113,437,048 |

9. PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari | 1,571,230 | 493,934 |
| Tambahan | 3,948,867 | 1,877,296 |
| Pindahan Ke Hartanah, Loji & Peralatan | 1,571,230 | 800,000 |
| Baki Pada 31 Disember | 3,948,867 | 1,571,230 |

10. GERAN BANTUAN KHAS

| | | |
|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari | 5,367,577 | 5,545,860 |
| Terimaan Geran Dalam Tahun Semasa | — | — |
| Tolak: | | |
| Pelunasan | (178,283) | (178,283) |
| Baki Pada 31 Disember | 5,189,294 | 5,367,577 |

11. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR DAN PERBELANJAAN TERAKRU

| | | |
|---|---|---|
| Pemiutang | 70,704,490 | 93,427,544 |
| Pelbagai Pemiutang | 338,601 | 608,897 |
| Pelbagai Terimaan Terdahulu | 40,864,521 | 41,585,386 |
| Wang Cagaran | 235,532,069 | 251,010,542 |
| Baki Pada 31 Disember | 347,439,681 | 386,632,369 |

(i) Pelbagai Pemiutang terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| Akaun Cek Bayaran Terbatal | — | — |
| Lain-lain Sipiutang | 285,426 | 554,722 |
| Peruntukan Bayaran Audit | 53,175 | 54,175 |
| | 338,601 | 608,897 |

(ii) Pelbagai Terimaan Terdahulu terdiri daripada:

Pelbagai Terimaan terdahulu adalah terdiri dari Terimaan Pendahuluan bagi urusniaga bukan pertukaran dan urusniaga pertukaran serta sumber yang diterima yang mana perpindahannya masih belum terikat.

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Urusniaga Bukan Pertukaran: | | |
| Cukai Taksiran | 6,115,315 | 4,541,513 |
| Caruman Membantu Kadar | 115,956 | 104,455 |
| Urusniaga Pertukaran: | | |
| Sewaan | 1,111,284 | 1,703,007 |
| Sewa Tong RORO | 2,054,958 | 2,208,533 |
| Lain-Lain Terimaan: | | |
| Bayaran Insentif Pembersihan | 65,000 | 65,000 |
| Geran audit Tenaga Bersyarat | 51,887 | — |

| | 2017 | 2016 |
| --- | --- | --- |
| | RM | RM |
| Geran Baikpulih Stadium | 4,345,033 | 9,823,750 |
| Geran Gantian Peralatan Lampu Jalan | 18,907,590 | 16,480,242 |
| Geran Kawalan Dan Pencegahan Denggi | 380,619 | 68,761 |
| Geran Pemasangan SPAH | 4,528 | 80,000 |
| Geran Pembangunan Kota Seni | 183,578 | 181,940 |
| Geran Program Pelancongan | 80,000 | 80,000 |
| Inventori Pokok | 433,873 | 355,303 |
| Lembaga Perumahan & Hartanah | 53,886 | 67,340 |
| Pelbagai Terimaan Terdahulu | 43,434 | 235,959 |
| Penyelenggaraan Operasi Teater | 219,138 | 219,138 |
| Peruntukan - Smart Selangor | 2,403,698 | 1,687,316 |
| Program Karnival Sihat | 2,689 | — |
| Program Hijau | 120,000 | 9,000 |
| Program Komuniti | 95,553 | 45,000 |
| Program Murni Net | — | 6,500 |
| Program PEBT | 35,308 | 1,538 |
| Projek Kecil Kg. Baru/Bagan Tersusun | 6,059 | — |
| Projek Naik Taraf Tempat Letak Kereta | 492,743 | 492,743 |
| Projek Selangor Sejahtera | 51,439 | 53,930 |
| Sewa TOL | 2,267,000 | 1,714,000 |
| Simposium Taman Tasik | 38,752 | 38,752 |
| Sumbangan Pembaikan | — | 39,045 |
| Sumbangan Zon Bersih | — | 72,563 |
| Tabung Anak Yatim Perhatin | 227,921 | 227,921 |
| Tabung Majikan Prihatin | 201,280 | 226,137 |
| Tabung Warga Emas | 621,000 | 621,000 |
| Tapak Niaga Masjid | 135,000 | 135,000 |
| Jumlah Pelbagai Terimaan Terdahulu | 40,864,521 | 41,585,386 |

(iii) Wang Cagaran

Wang cagaran adalah jumlah keseluruhan wang awam yang diterima sebagai deposit bagi kerja dan perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak Majlis.

| | 2017 | 2016 |
| --- | --- | --- |
| | RM | RM |
| Baki Pada 1 Januari | 251,010,542 | 231,481,843 |
| Tambahan Dalam Tahun | 35,351,806 | 43,058,716 |
| Tolak: | | |
| Pulangan Balik/Kontra | 21,361,921 | 23,354,210 |
| Rampasan | 29,468,358 | — |
| Pematuhan Akta WTD | — | 175,807 |
| Cagaran Terkumpul Sehingga 31 Disember | 235,532,069 | 251,010,542 |

Majlis telahpun mengambil langkah membuat pengasingan status cagaran yang masih aktif dan tidak aktif bagi wang cagaran ini. Tindakan ini telahpun kami mulai dengan wang cagaran yang diterima bermula dari tahun 1979 sehingga 2015 di mana tindakan ini melibatkan jumlah wang cagaran sebanyak RM231,481,843. Dari jumlah ini sebanyak RM65,236,257 telah dikenalpasti sebagai wang cagaran berstatus tidak aktif.

12. WANG AMANAH

Akaun Amanah ini diwujudkan untuk merekodkan sumbangan yang diterima bagi maksud yang telah ditentukan dan segala perbelanjaan bagi maksud yang berkenaan akan dicaj ke akaun ini.

| BIL. | BUTIRAN AKAUN | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|---|
| 1. | Akaun MARRIS | 34,018,258 | 30,132,566 |
| 2. | Caj Pemajuan | 78,552,482 | 57,549,559 |
| 3. | Caruman Perkuburan | 10,135,021 | 8,474,620 |
| 4. | Caruman Penanaman Anggerik | 3,774,443 | 3,496,643 |
| 5. | Caruman Kemudahan Sosial | 829,667 | 769,667 |
| 6. | Caruman Penanaman Pokok | 838,467 | 702,787 |
| 7. | MBSA Persiaran Galaksi U5 | 325,250 | 325,250 |
| 8. | Perimeter Planting | 934,231 | 731,225 |
| 9. | Pesta Bunga Shah Alam | 62,555 | 26,555 |
| 10. | Tabung ISF | 53,846,493 | 58,887,656 |
| | Baki Pada 31 Disember | 183,316,867 | 161,096,528 |

14. PINJAMAN

Pinjaman ini adalah merupakan pinjaman tanpa cagaran di antara Majlis Bandaraya Shah Alam dengan Kerajaan Negeri Selangor.

| | | | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|---|---|
| (i) | Tujuan: | Membiayai Kos Baikpulih Stadium Utama, Kompleks Sukan Shah Alam | 869,237 | 1,303,856 |
| | Jumlah: | RM3,476,950.00 | | |
| | Kadar Faedah: | 4% Setahun | | |
| | Tempoh Bayaran Balik: | 8 Tahun | | |
| | Ansuran: | RM573,696.75 | | |
| (ii) | Tujuan: | Membiayai Projek Penyambungan Jalan Mat Raji, Shah Alam | 799,042 | 1,598,084 |
| | Jumlah: | RM3,995,210.00 | | |
| | Kadar Faedah: | 0% | | |
| | Tempoh Bayaran Balik: | 5 Tahun | | |
| | Ansuran: | RM799,042.00 | | |
| | Baki Pinjaman Pada 31 Disember | | 1,668,279 | 2,901,940 |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Analisa Pinjaman: | | |
| Bayaran Balik Dalam Tempoh 1 Tahun | 1,372,739 | 1,372,739 |
| Bayaran Balik Di antara 1 hingga 8 Tahun | 573,697 | 1,946,436 |
| | 1,946,436 | 3,319,174 |
| Tolak: | | |
| Faedah Tertunda | (278,156) | (417,234) |
| Baki Pinjaman Pada 31 Disember | 1,668,280 | 2,901,940 |
| Mewakili Pinjaman: | | |
| Matang Dalam Tempoh 12 Bulan | 1,233,661 | 1,233,661 |
| Matang Selepas Tempoh 12 Bulan | 434,619 | 1,668,280 |
| Baki Pinjaman Pada 31 Disember | 1,668,280 | 2,901,940 |

15. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

| | | |
|---|---|---|
| Cukai Taksiran | 279,291,823 | 267,270,183 |
| Hutang Ragu Baikpulih | 315,099 | — |
| Kompaun Dan Denda | 16,312,899 | 15,641,560 |
| Lain-lain Terimaan | 9,094,937 | 9,089,551 |
| Lesen Dan Permit | 21,901,039 | 22,614,360 |
| Sumbangan | 467,688 | 866,301 |
| Sumbangan Membantu Kadar | 3,742,760 | 3,623,335 |
| Rampasan Wang Cagaran | 29,468,358 | — |
| Baki Pada 31 Disember | 360,594,603 | 319,105,290 |

16. URUSNIAGA PERTUKARAN

| | | |
|---|---|---|
| Bayaran dan Bayaran Perkhidmatan | 15,570,433 | 11,555,661 |
| Jualan | 4,216,133 | 2,136,205 |
| Faedah Pinjaman Kakitangan | 30,083 | 29,484 |
| Faedah Bank | 35,979 | 256,185 |
| Keuntungan Simpanan Tetap | 30,586,838 | 30,332,700 |
| Keuntungan Pelupusan Hartanah | 82,409 | 392,765 |
| Sewaan | 28,925,171 | 32,804,163 |
| Baki Pada 31 Disember | 79,447,046 | 77,507,163 |

17. PERJALANAN DAN SARA HIDUP

| | | |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Dan Sara Hidup | 854,551 | 1,119,611 |
| Latihan Dan Kursus | 1,301,328 | 1,795,721 |
| Menjalankan Tugas Rasmi Diluar Negara | 351,669 | 329,722 |
| Baki Pada 31 Disember | 2,507,548 | 3,245,054 |

18. PERHUBUNGAN DAN UTILITI

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Air | 3,421,462 | 3,708,574 |
| Elektrik | 17,635,515 | 17,237,103 |
| Perhubungan Dan Komunikasi | 1,485,735 | 1,351,462 |
| Pos | 87,513 | 101,197 |
| Baki Pada 31 Disember | 22,630,225 | 22,398,336 |

19. SEWAAN

| | | |
|---|---|---|
| Sewaan Kenderaan | 3,866,705 | 201,952 |
| Sewa Alat Kelengkapan Pejabat | 365,663 | 317,317 |
| Pelbagai Sewa | 1,545,908 | 1,054,620 |
| Baki Pada 31 Disember | 5,778,276 | 1,573,889 |

20. BEKALAN BAHAN MENTAH

| | | |
|---|---|---|
| Alat Ganti Kenderaan | 1,016,089 | 674,226 |
| Alat Ganti Mesin | 129,181 | 53,380 |
| Lampu Dan Alat Ganti | — | 146,634 |
| Alat Ganti Mekanikal Dan Elektrikal | 83,234 | — |
| Alat Ganti Kelengkapan Muzik | 38,811 | 69,559 |
| Minyak | 1,084,585 | 840,275 |
| Tayar Dan Tiub | 218,817 | 192,300 |
| Kayu | 178,239 | 162,033 |
| Bahan Kimpalan | 4,978 | 5,000 |
| Bahan Pertanian/Tanah/Pasir | 55,399 | 118,814 |
| Bahan Asas Jalan | 3,651,368 | 2,424,726 |
| Cat Dan Barnis | 64,886 | 96,844 |
| Bahan Pencuci | 20,275 | 17,934 |
| Gas | 2,490 | 3,900 |
| Bahan Kimia | 356,440 | 492,455 |
| Baja | 91,375 | 38,100 |
| Racun | 21,766 | 15,445 |
| Alat Kecil Pertanian | 28,333 | 42,318 |
| Pokok | — | 462,366 |
| Makanan Ternakan | 13,332 | 5,740 |
| Baki Pada 31 Disember | 7,059,598 | 5,862,049 |

21. BEKALAN DAN BAHAN LAIN

| | | |
|---|---|---|
| Majalah Dan Penerbitan | 244,619 | 246,389 |
| Alat Tulis Dan Bekalan Pejabat | 1,683,081 | 1,328,885 |
| Bekalan Cendera Hati | 83,726 | 2,500 |
| Baki Hantar Hadapan | 2,011,426 | 1,577,774 |
| Baki bawa hadapan | 2,011,426 | 1,577,774 |
| Bekalan Rumahtangga | 68,000 | 155,435 |
| Bekalan sukan Riadah | 57,143 | 65,505 |
| Ubat | 24,750 | 27,402 |
| Bekalan Bahan Fotografi | 13,190 | 45,810 |
| Pakaian Seragam | 1,313,957 | 1,452,728 |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Alat Perkakas | 1,240,228 | 1,046,094 |
| Tong Sampah | 5,496,690 | 1,491,223 |
| Peralatan, Perabut Dan Lengkapan | 884,300 | 711,481 |
| Pasu | 20,458 | 27,350 |
| Baki Pada 31 Disember | 11,130,142 | 6,600,802 |

22. PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL DIBELI

| | | |
|---|---|---|
| Penyelenggaraan Bangunan Kuarters | 1,372,207 | 881,066 |
| Penyelenggaraan Bangunan Pejabat | 5,617,112 | 5,891,825 |
| Penyelenggaraan Dewan/Pasar/Gerai | 8,298,210 | 7,147,731 |
| Penyelenggaraan Bangunan Penyetoran | 20,802 | — |
| Penyelenggaraan Kompleks Sukan | 3,725,051 | 2,675,767 |
| Penyelenggaraan Jalanraya | 3,819,410 | 7,123,489 |
| Penyelenggaraan Cerun | 1,200,887 | 1,957,981 |
| Penyelenggaraan Bekalan Elektrik | 5,579,662 | 7,377,713 |
| Penyelenggaraan Kemudahan Perhubungan | 3,540 | — |
| Penyelenggaraan Parit Dan Longkang | 7,354,697 | 7,280,424 |
| Penyelenggaraan Riadah Dan Taman | 3,760,259 | 2,643,329 |
| Penyelenggaraan Kawasan | 74,451,144 | 60,679,704 |
| Penyelenggaraan Tasik | 11,368 | 22,965 |
| Penyelenggaraan Tapak | 109,270 | 275,274 |
| Penyelenggaraan Kutipan Sampah | — | 27,669,302 |
| Penyelenggaraan Binaan Haram | 10,000 | 33,098 |
| Penyelenggaraan Kenderaan | 721,779 | 907,462 |
| Penyelenggaraan Mesin | 163,275 | 176,510 |
| Penyelenggaraan Alat Kelengkapan Pejabat | 115,637 | 49,687 |
| Penyelenggaraan Komputer | 1,208,205 | 1,367,619 |
| Baki Pada 31 Disember | 117,542,515 | 134,160,946 |

23. PERKHIDMATAN IKHTISAS, LAIN-LAIN PERKHIDMATAN DAN HOSPITALITI

| | | |
|---|---|---|
| Perkhidmatan Perubatan | 10,031,500 | 9,304,140 |
| Perkhidmatan Perundangan | 383,001 | 552,530 |
| Perkhidmatan Pengurusan | 2,330 | 30,711 |
| Perkhidmatan Perunding | — | 1,045,148 |
| Perkhidmatan Kawalan Kesihatan/Pencegahan | 570,937 | 434,547 |
| Perkhidmatan Komputer | 834,658 | 833,460 |
| Kaji Selidik/Laporan | — | 578,590 |
| Perkhidmatan Fotografi | 22,593 | 2,650 |
| Perkhidmatan Pengeluaran Pita Video | 110,080 | 104,846 |
| Perkhidmatan Pengiklanan | 516,451 | 460,708 |
| Perkhidmatan Makmal | 500 | 1,712 |
| Perkhidmatan Insuran | 1,148,936 | 1,003,356 |
| Perkhidmatan Pemusnahan Serangga/Binatang | 153,376 | 135,913 |
| Perkhidmatan Dobi | — | 1,044 |
| Perkhidmatan Keselamatan | 5,409,744 | 4,936,290 |
| Sahabat Shah Alam | — | 7,420 |
| Perkhidmatan Menarik Kereta | 1,227,230 | 918,938 |
| Kempen Kebersihan | — | 715,823 |
| Perkhidmatan Pertanian | 30,208 | 65,953 |
| Carian Maklumat | 4,000 | — |
| Percetakan Dan Penerbitan | 131,379 | 815,242 |
| Percetakan Borang, Kad Nama Dan Kepala Surat | 2,004,668 | 1,337,729 |
| Perkhidmatan Percetakan Peta, dan Nama Jalan | 11,946 | 2,504 |
| Perkhidmatan Pelekat Kenderaan | 77,360 | 86,187 |
| Keraian & Hospitaliti/Sambutan Perayaan | 3,819,868 | 6,590,895 |

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Sambutan Bandaraya Shah Alam | 99,851 | 96,678 |
| Program MAMPAN | — | 161,722 |
| Progam Shah Alam | 84,099 | 137,216 |
| Aktiviti Kemasyarakatan | 333,397 | 1,825,202 |
| Gaji Kakitangan Kontrak Dan Sambilan | 17,609,316 | 16,533,144 |
| Elaun Tetap Kakitangan Kontrak Dan Sambilan | 6,948,708 | 7,282,572 |
| Sumbangan Berkanun Kakitangan Kontrak & Sambilan | 3,485,424 | 3,537,504 |
| Lain-lain Faedah Kakitangan Kontrak Dan Sambilan | 2,242,854 | 3,507,078 |
| Baki Pada 31 Disember | 57,294,414 | 63,047,452 |

24. PEMBERIAN DALAM NEGERI DAN KENAAN TETAP

1. Pemberian Dalam Negeri:

| | | |
|---|---|---|
| Biasiswa Dalam Negeri | 9,000 | 15,690 |
| Pemberian Kepada Kelab Rekreasi MBSA | 315,000 | 307,500 |
| Pemberian Kepada Badan Kebajikan | 155,000 | 150 000 |
| Baki Di Hantar Kehadapan | 479,000 | 473,190 |
| Baki Di bawa Ke hadapan | 479,000 | 473,190 |

2. Kenaan Tetap:

| | | |
|---|---|---|
| Faedah Pinjaman Kerajaan Negeri | 139,078 | 139,078 |
| Komisyen Dan Caj Bank | 927,117 | 890,064 |
| | 1,066,195 | 1,029,142 |

3. Ganjaran:

| | | |
|---|---|---|
| Kakitangan Kontrak | 855,386 | 249,174 |

4. Gantian Cuti Rehat:

| | | |
|---|---|---|
| Kakitangan Tetap | 378,113 | 409,085 |
| Kakitangan Kontrak | 131,080 | 66,604 |
| | 509,193 | 475,689 |
| 5. Tuntutan, Insuran Dan Pampasan | — | 755,564 |
| Baki Pada 31 Disember | 2,909,774 | 2,982,759 |

25. BAYARAN-BAYARAN LAIN

| | | |
|---|---|---|
| Yuran Tahunan | 11,190 | 8,618 |
| Cukai Tanah | 907,172 | 794,403 |
| Bayaran Lesen | 800 | 1,220 |
| Baki Pada 31 Disember | 919,162 | 804,241 |

26. BELANJA PEMBANGUNAN

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Papan Tanda Dan Papan Nama | 2,610,164 | 739,323 |
| Jalan, Bulatan Dan Lay-By | 1,724,161 | 7,247,259 |
| Longkang Dan Parit Besar | 377,281 | 2,645,553 |
| Lampu | 1,524,879 | 3,984,283 |
| Pokok | 285,158 | — |
| Baki Di Hantar Kehadapan | 6,521,643 | 14,616,418 |
| Baki Di bawa Ke hadapan | 6,521,643 | 14,616,418 |
| Padang Permainan | 3,098,793 | 2,801,972 |
| Tasik | 5,187,128 | 3,862,151 |
| Cerun | 2,549,131 | 2,407,267 |
| Bangunan Perniagaan | 4,420,380 | 15,760,967 |
| Dewan | 11,376,526 | 7,641,155 |
| Bengkel Dan Stor | 2,331,049 | 1,227,705 |
| Bangunan Pejabat | 17,085,365 | 17,258,217 |
| Komplek Sukan | 6,745,857 | 1,377,014 |
| Terminal | 874,956 | 145,970 |
| Landskap | 1,254,097 | 2,062,197 |
| Pembangunan ICT | 9,637,378 | 3,870,289 |
| Penyelenggaraan Parit Dan Longkang | 242,940 | — |
| Penyelenggaraan Kutipan Sampah | 31,251,271 | — |
| Perkhidmatan Perunding | 4,259,159 | — |
| Kempen Kebersihan | 4,508,094 | — |
| Keraian & Hospitaliti/Sambutan Perayaan | 2,721,045 | — |
| Program MAMPAN | 272,819 | — |
| Program Towards Shah Alam A Low Carbon Cit | 83,732 | — |
| Aktiviti Kemasyarakatan | 1,405,155 | — |
| Kaji Selidik Dan Laporan | 660,744 | — |
| Baki Pada 31 Disember | 116,487,262 | 73,031,322 |

27. TANGGUNGAN LUAR JANGKA

Sehingga tempoh kewangan berakhir pada 31 Disember 2017, terdapat beberapa kes perundangan yang belum selesai. Antara kes-kes yang ketara adalah seperti berikut:

i. Mahkamah: Pusat Timbangtara Serantau, Kuala Lumpur

No. Fail/No. Saman:

Plaintif: Menara Biru Sdn. Bhd.

Defendan: Majlis Bandaraya Shah Alam

Tuntutan: RM3,587,719.71

Fakta Kes: Pihak Plaintif telah mengemukakan tuntutan terhadap MBSA untuk bayaran sebanyak RM3,587,719.71 tidak termasuk faedah dan gantirugi yang akan ditaksirkan serta kos berkaitan dengan projek pembinaan kuarters pegawai MBSA di Jalan 8/7, Seksyen 8, Shah Alam.

| | | |
|---|---|---|
| ii. | Mahkamah: | Mahkamah Sesyen Shah Alam |
| | No. Fail/No. Saman: | BA-25-124-07/2016 |
| | Plaintif: | Nurliza Binti Shafien |
| | Defendan: | Majlis Bandaraya Shah Alam |
| | Tuntutan: | (a) Gantirugi Am dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM100,000.00<br>(b) Gantirugi Teladan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM100,000.00<br>(c) Keseluruhan keputusan responden bertarikh 7-4-2016 tersebut digantung dan/atau tidak dikuatkuasakan sehingga pelupusan secara inter-perte permohonan untuk semakan kehakiman berkenaan.<br>(d) Kos permohonan ini dijadikan kos di dalam klausa; dan<br>(e) Segala arahan-arahan atau relif-relif lain atau lanjutan yang sesuai dan wajar. |
| | Fakta Kes: | Plaintif telah menerima Notis Kompaun Kenderaan No. WXT 7636 bagi 50 kompaun berkaitan tempat letak kereta. Kereta plaintif telah ditunda oleh pihak MBSA. Jumlah kesemua kompaun, kos penundaan dan kos menyimpan sebanyak RM2,506.00 dibayar pada 12-4-2016. Plaintif menuntut kos dan gantirugi. |

**No. 4011.**

## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan MBPJ pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada MBPJ dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis MBPJ bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan MBPJ tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan MBPJ yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan MBPJ adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan MBPJ, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan MBPJ untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan MBPJ secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan MBPJ, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman MBPJ.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunapakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan MBPJ sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan MBPJ atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan MBPJ memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh MBPJ telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

SHAH ALAM
Bertarikh 18 Oktober 2018

HAJI ROSLAN BIN ABU BAKAR
*b.p. Ketua Audit Negara*
*Malaysia*

KENYATAAN OLEH DATUK BANDAR DAN AHLI MAJLIS

Kami, Dato' Mohd Azizi bin Mohd Zain, Datuk Bandar dan Ahmad Akhir bin Pawan Chik, Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017, Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017, Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada 31 Disember 2017 serta hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

DATO' MOHD AZIZI BIN MOHD ZAIN
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Bertarikh 1 Oktober 2019

AHMAD AKHIR BIN PAWAN CHIK
Ahli Majlis,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Bertarikh 1 Oktober 2019

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Saya, Nik Nazli binti Nik Abdullah (KP. 651129-03-5108) pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, dengan ikhlasnya mengakui bahawa, Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017, Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017, Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 yang berikutnya ini berserta dengan nota-nota, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh Penama di atas
Nik Nazli binti Nik Abdullah
Di Petaling Jaya.
Pada 1 Oktober 2018 }

Di hadapan saya

SARASWATHI A/P KRISHNAN
*Pesuruhjaya Sumpah*
*Malaysia*

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| ASET | | |
| ASET SEMASA | | |
| Urusniaga bukan Pertukaran belum Terima (Nota 3) | 74,062,364 | 50,692,527 |
| Urusniaga Pertukaran belum Terima (Nota 4) | 10,143,039 | 12,111,253 |
| Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Terakru (Nota 5) | 6,779,572 | 8,679,492 |
| Simpanan Tetap (Nota 6) | 460,982,877 | 509,062,730 |
| Wang Dalam Bank dan Di Tangan (Nota 7) | 61,782,589 | 82,965,421 |
| Jumlah Aset Semasa | 613,750,441 | 663,511,423 |
| Aset Bukan Semasa | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 8) | 93,262,442 | 74,195,548 |
| Kerja Dalam Kemajuan (Nota 9) | 6,302,381 | 5,877,338 |
| Aset tak Ketara (Nota 10) | 2 | 2 |
| Jumlah Aset bukan Semasa | 99,564,825 | 80,072,888 |
| Jumlah Aset | 713,315,266 | 743,584,311 |
| LIABILITI | | |
| LIABILITI SEMASA | | |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru (Nota 11) | 253,374,277 | 231,286,619 |
| Geran Tertunda (Nota 12) | 15,088,952 | 15,105,255 |
| Wang Amanah (Kurang 1 Tahun) (Nota 13) | 878,492 | 657,395 |
| Akaun Amanah (Nota 14) | 154,998,238 | 167,251,893 |
| Jumlah Liabiliti Semasa | 424,339,959 | 414,301,162 |
| Jumlah Aset Bersih | 288,975,307 | 329,283,149 |
| ASET BERSIH | | |
| Kumpulan Wang Majlis | 287,475,307 | 327,783,149 |
| Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan | 1,500,000 | 1,500,000 |
| Jumlah Aset Bersih | 288,975,307 | 329,283,149 |

Nota-nota merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| HASIL | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran (Nota 15.1) | 292,301,324 | 280,111,440 |
| Urusniaga Pertukaran (Nota 15.2) | 62,417,471 | 74,219,195 |
| Pelbagai Hasil (Nota 15.3) | 18,250,197 | 20,909,726 |
| JUMLAH HASIL | 372,968,992 | 375,240,361 |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| PERBELANJAAN | | |
| Perbelanjaan Mengurus | | |
| Emolumen (Nota 15.4) | 103,642,876 | 93,338,471 |
| Perkhidmatan dan Bekalan (Nota 15.5) | 165,333,379 | 197,895,687 |
| Aset (Nota 15.6) | 79,180 | — |
| Pemberian dan Kenaan Tetap (Nota 15.7) | 430,436 | 1,256,810 |
| Perbelanjaan Lain (Nota 15.8) | 29,689,451 | 36,071,259 |
| JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS | 299,175,322 | 328,562,227 |
| Perbelanjaan Pembangunan | | |
| Perkhidmatan dan Bekalan (Nota 15.9) | 76,930,662 | 25,736,832 |
| Aset (Nota 15.10) | 36,061,032 | 23,791,772 |
| Pemberian dan Kenaan Tetap (Nota 15.11) | 1,109,818 | — |
| JUMLAH PERBELANJAAN PEMBANGUNAN | 114,101,512 | 49,528,604 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 413,276,834 | 378,090,831 |
| KURANGAN BAGI TAHUN | (40,307,842) | (2,850,470) |

Nota-nota merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Kumpulan Wang Majlis | Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan | Jumlah Aset Bersih |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Pada 1 Januari 2016 | 330,633,619 | 1,500,000 | 332,133,619 |
| Tambahan/(Kurangan) Kumpulan Wang | — | — | — |
| (Kurangan) tahun semasa | (2,850,470) | — | (2,850,470) |
| Pada 31 Disember 2016 | 327,783,149 | 1,500,000 | 329,283,149 |
| Pada 1 Januari 2017 | 327,783,149 | 1,500,000 | 329,283,149 |
| Tambahan/(Kurangan) Kumpulan Wang | — | — | — |
| (Kurangan) tahun semasa | (40,307,842) | — | (40,307,842) |
| Pada 31 Disember 2017 | 287,475,307 | 1,500,000 | 288,975,307 |

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI: | | |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan | (40,307,842) | (2,850,470) |
| Pergerakan bukan tunai: | | |
| Susutnilai dan pelunasan | 16,899,587 | 15,962,549 |
| Hapuskira hartanah, loji dan peralatan | — | 117 |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Peruntukan Hutang Ragu | (11,171,265) | (1,672,622) |
| (Pengurangan) belum terima | (8,330,438) | (15,832,966) |
| Peningkatan belum bayar | 22,087,658 | 56,570,733 |
| Wang Amanah (kurang 1 tahun) | 221,097 | (2,735,451) |
| Pelunasan geran | (16,303) | (841,499) |
| Kumpulan Akaun Amanah | (12,253,655) | (33,181,654) |
| Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi | (32,871,161) | 15,418,737 |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN | | |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | (35,966,481) | (8,871,852) |
| Peningkatan Kerja Dalam Kemajuan | (425,043) | (3,839,760) |
| Aliran Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan | (36,391,524) | (12,711,612) |
| Peningkatan/(Penurunan) Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai | (69,262,685) | 2,707,125 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Bawa Hadapan | 592,028,151 | 589,321,026 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER | 522,765,466 | 592,028,151 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh terdiri daripada: | | |
| Wang dalam Bank dan di Tangan | 460,982,877 | 509,062,730 |
| Simpanan Tetap | 61,782,589 | 82,965,421 |
| WANG TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK | 522,765,466 | 592,028,151 |

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Jumlah Bajet Asal | Jumlah Bajet Akhir | Jumlah Sebenar | ^Varian Bajet |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| PENERIMAAN | | | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran | 297,850,710 | 297,850,710 | 278,743,922 | 19,106,788 |
| Urusniaga Pertukaran | 71,928,590 | 71,928,590 | 63,487,768 | 8,440,822 |
| Pelbagai Hasil | 25,307,300 | 25,307,300 | 15,336,159 | 9,971,141 |
| Jumlah Penerimaan | 395,086,600 | 395,086,600 | 357,567,849 | 37,518,751 |
| PEMBAYARAN | | | | |
| Perbelanjaan Mengurus | | | | |
| Emolumen | 110,913,560 | 113,260,720 | 103,642,876 | 9,617,844 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 175,264,930 | 176,021,040 | 165,337,380 | 10,683,660 |
| Aset | 19,489,800 | 19,581,280 | 19,094,744 | 486,536 |
| Pemberian dan Kenaan Tetap | 1,474,350 | 866,560 | 430,436 | 436,124 |
| Perbelanjaan Lain | 32,461,850 | 29,874,890 | 22,133,692 | 7,741,198 |
| Jumlah Perbelanjaan Mengurus | 339,604,490 | 339,604,490 | 310,639,128 | 28,965,362 |

| | Jumlah Bajet Asal | Jumlah Bajet Akhir | Jumlah Sebenar | ^Varian Bajet |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| Perbelanjaan Pembangunan | | | | |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 86,685,510 | 84,541,040 | 79,565,293 | 4,975,747 |
| Aset | 52,055,450 | 54,144,920 | 47,509,242 | 6,635,678 |
| Pemberian dan Kenaan Tetap | 1,143,000 | 1,198,000 | 1,109,818 | 88,182 |
| Jumlah Perbelanjaan Pembangunan | 139,883,960 | 139,883,960 | 128,184,353 | 11,699,607 |
| Jumlah Pembayaran | 479,488,450 | 479,488,450 | 438,823,481 | 40,664,969 |
| PENERIMAAN BERSIH | (84,401,850) | (84,401,850) | (81,255,632) | (3,146,218) |

^Merujuk kepada varian di antara Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar

NOTA KEPADA AKAUN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. MAKLUMAT AM

1.1 Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan Utama Majlis adalah untuk menyediakan perkhidmatan perbandaran, mengawal pembangunan tanah dan bangunan, memberikan perkhidmatan pembersihan, menjaga dan mengawal kesihatan awam, membina dan menyelenggara kemudahan rekreasi, jalan awam serta parit/saliran.

Mengutip/mengenakan hasil dan terimaan ditetapkan oleh akta dan undang-undang kecil yang berkuatkuasa.

1.2 Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

1.3 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 telah dibentangkan dan diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan pada 22 Mei 2018 dan disahkan di dalam Mesyuarat Majlis pada 28 Mei 2018. Surat kelulusan yang ditandatangani oleh Datuk Bandar dan Ahli Majlis bagi pindaan Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah pada 1 Oktober 2018.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1 Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

2.1.2 Penyata Kewangan ini adalah merupakan Penyata Kewangan peralihan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS kerana Majlis telah memilih pengecualian berhubung dengan pengiktirafan aset dan liabiliti seperti yang dinyatakan pada Nota 2.20.2 kepada Penyata Kewangan. Sebelum ini Penyata Kewangan Majlis telah disediakan menggunakan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Majlis.

2.1.3 Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.20 kepada Penyata Kewangan.

2.2 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.2.1 Hasil daripada Urusniaga bukan Pertukaran

Urusniaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran

Cukai Taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai Taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai taksiran dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Sumbangan Membantu Kadar

Sumbangan Membantu Kadar adalah hasil cukai tidak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

(iv) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

(v) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambil kira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.2.2 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

(ii) Perolehan dari Jualan Barang-Barang

Perolehan dari Jualan Barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain.

(iii) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan. Hasil sewaan bagi tujuan sosial (sewaan Rumah PPR) diiktiraf sebagai asas tunai.

(iv) Faedah dan Perolehan dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada Nota 2.2.2 (i) hingga (iv) di atas ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

2.3.1 Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000.00 setiap satu.

2.3.2 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.3.3 Jika berlaku sesuatu aset diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

2.3.4 Nilai di bawah item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.4 Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1 Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Susutnilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.

2.4.2 Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

| Bil. | Kategori Hartanah, Loji dan Peralatan | Kadar Susutnilai (%) | Tempoh Usia Guna |
|---|---|---|---|
| i. | Tanah | – Tanah milikan bebas tidak disusutnilaikan<br>– Tanah pajakan disusutnilai berdasarkan tempoh pajakan | — |
| ii. | Bangunan | 5% setahun | 20 tahun |
| iii. | Kenderaan dan Jentera Berat | 20% setahun | 5 tahun |
| iv. | Kelengkapan Pejabat | 20% setahun | 5 tahun |
| v. | Peralatan ICT | 33.33% setahun | 3 tahun |
| vi. | Jentera Ringan dan Mesin | 33.33% setahun | 3 tahun |
| vii. | Lain-lain kelengkapan alat-alat/buku | 33.33% setahun | 3 tahun |

2.4.3 Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.5 Hartanah Pelaburan

2.5.1 Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

2.5.2 Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

2.5.3 Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul (jika ada).

2.5.4 Susutnilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.5.5 Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6 Aset Tak Ketara

2.6.1 Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

2.6.2 Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

2.6.3 Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosotnilai jika terdapat sebarang petunjuk.

2.6.4 Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 3 hingga 10 tahun.

2.6.5 Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

2.6.6 Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.7 Kerja Dalam Kemajuan

Kerja Dalam Kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan hartanah, loji dan peralatan akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (Certificate of Practical Completion) dikeluarkan atau tarikh siap kerja dan dilunaskan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan dan dilunaskan.

2.8 Aset Kewangan

2.8.1 Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.8.2 Pada pengiktirafan awal, aset kewangan yang diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

2.8.3 Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

2.8.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvesyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.8.5 Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan Belum Terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan atau ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambilkira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

(ii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang sehingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan atau ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kaedah faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosotnilai. Bukti objektif termasuk:

(i) Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;

(ii) Pembayaran tertunggak;

(iii) Kemungkinan bahawa peminjam akan muflis;

(iv) Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai;

(v) Selepas sekurang-kurangnya 8 kali notis E dikeluarkan; atau

(vi) Selepas penggulungan dan pembubaran syarikat serta pengambilalihan tanah.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosotnilai.

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.9 Peruntukan dan Liabiliti

2.9.1 Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam Penyata Prestasi Kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

2.10 Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

2.10.1 Liabiliti Luar Jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf tetapi didedahkan dalam Penyata Kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2.10.2 Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam Penyata Kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2.11 Liabiliti Kewangan

2.11.1 Liabiliti Kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.11.2 Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

2.11.3 Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2.11.4 Majlis mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

(ii) Penyahiktirafan Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.12 Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Lain-Lain

Kumpulan wang pinjaman kenderaan dan lain-lain merupakan jumlah wang yang dipindahkan daripada Kumpulan Wang Mengurus bagi tujuan membiayai Pinjaman Kenderaan dan Pinjaman Komputer.

2.13 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata Aliran Tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang disedia tukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.14 Manfaat Pekerja

2.14.1 Manfaat kakitangan jangka pendek

Majlis sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, kemudahan perubatan di lnstitut Jantung Negara (IJN), dialisis dan peralatan bahan tiruan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer.

Faedah kakitangan jangka masa pendek termasuk gaji, upah, bonus dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan gantirugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap gantirugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan gantirugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

2.14.2 Manfaat selepas perkhidmatan

(i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(ii) Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi tarat berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(iii) Manfaat Ganti Cuti Rehat dan Ganjaran Kakitangan Tetap Kontrak

Bagi kakitangan tetap Majlis sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhimatan Awam dan digunapakai oleh Majlis.

Majlis hanya mengambilkira peruntukan GCR bagi kakitangan tetap dan telah berkhidmat melebihi 10 tahun dan telah mencapai umur 40 tahun dalam tempoh kewangan berakhir di mana ia dikira berdasarkan formula berikut:

1/30 x Gaji dan elaun akhir yang diterima (dengan andaian peningkatan gaji sebanyak 3% setahun) x 150 hari (had maksimum yang boleh dituntut)

Pihak Majlis juga akan memberi ganjaran kepada kakitangan kontrak yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka berdasarkan formula berikut:

[17.5% – 12% (caruman KWSP majikan) x Gaji pokok terakhir x Jumlah bulan perkhidmatan] - (Faedah syer ke atas caruman KWSP majikan).

2.15 Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

2.15.1 Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Majlis mengkaji semula nilai di bawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosotnilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urusniaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urusniaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

2.15.2 Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat pertunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis menggunapakai pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susutnilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.16 Percukaian

Majlis adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6 : Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.17 Cukai Barangan dan Perkhimatan (GST)

2.17.1 Perlaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Implikasi Cukai Barang dan Perkhidmatan kepada Majlis adalah seperti berikut:

(i) Cukai Output

Terimaan hasil cukai taksiran dan lesen adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan hasil selain cukai taksiran contohnya seperti sewaan ruang niaga, sewaan dewan adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

(ii) Cukai Input

Majlis menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan. Majlis boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/ perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

2.18 Maklumat Bajet

2.18.1 Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan Penyata Kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.18.2 Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Khas Belanjawan dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

2.19 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian

2.19.1 Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat sepeti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam Penyata Kewangan.

2.19.2 Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Elaun Rosotnilai bagi belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan

bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Majlis menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 99 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iii) Penentuan Hartanah Pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan niali boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

(iv) Pengukuran Peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.20 Kesan Pemakaian MPSAS

2.20.1 Penyata Kewangan ini adalah merupakan Penyata Kewangan peralihan pertama Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana Penyata Kewangan Majlis sebelum ini telah disediakan menggunakan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Majlis. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan Penyata Kewangan tahun kewangan ini adalah selaras dengan yang telah digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan seperti berikut:

(i) Aset dan Liabiliti Kewangan

Pada tahun kewangan sebelum ini, beberapa item aset dan liabiliti kewangan diukur pada kos yang memperuntukkan keuntungan mengikut asas garis lurus. Penggunaan rangka kerja MPSAS menyebabkan item-item tersebut diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah keuntungan berkesan. Jumlah kos dilunaskan semua item tersebut akan dikira semula secara retrospektif dan perbezaan di antara jumlah kos dilunaskan dan nilai dibawa sebelumnya telah diselaraskan kepada baki awal Kumpulan Wang Majlis.

(ii) Aset Tak Ketara

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua perbelanjaan berhubung dengan perisian komputer telah diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki perbelanjaan berhubung perisian komputer ini dipermodalkan kerana terdapat kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti. Oleh itu, pelarasan berhubung aset tak ketara ini telah diambilkira di dalam Penyata Kewangan ini.

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua perisian komputer telah dikategorikan di bawah hartanah, loji dan peralatan. Pemakaian MPSAS menghendaki perisian komputer ini diklasifikasikan semula berdasarkan kepada ciri-cirinya yang perlu ditunjukkan secara berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Majlis telah membuat pengklasifikasian tersebut di dalam tahun kewangan semasa.

(iii) Elaun Rosotnilai

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, salah satu dasar perakaunan Majlis berhubung elaun hutang ragu adalah membuat peruntukan ke atas hutang yang mempunyai usia tunggakan melebihi 5 tahun. Pemakaian MPSAS menghendaki elaun rosotnilai ini dibuat atas bukti objektif dan bukannya berdasarkan kepada pertimbangan. Dasar perakaunan berhubung dengan elaun rosotnilai ini dinyatakan pada Nota 2.8 kepada Penyata Kewangan. Oleh itu, semua kesan berhubung elaun rosotnilai ini telah dibuat secara prospektif di dalam tahun kewangan ini.

(iv) Pengiktirafan Geran atau Akaun Amanah

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis mengklasifikasikan akaun geran atau akaun amanahnya sebagai salah satu item di dalam Penyata Perubahan Aset Bersih. Pemakaian MPSAS menghendaki semua geran atau akaun amanah yang mempunyai syarat ke atasnya hendaklah diklasifikasikan sebagai liabiliti. Oleh itu, Majlis telah mengklasifikasikan semula geran atau akaun amanahnya kepada liabiliti. Majlis sedang di dalam proses untuk menentukan baki sebenar akaun geran atau akaun amanahnya kerana di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis melunaskan akaun geran dan akaun amanahnya ke Penyata Prestasi Kewangan tidak bersamaan dengan jumlah yang dibelanjakan.

2.20.2 Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Majlis juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan Penyata Kewangan ini yang pertama kali disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

Peruntukan dan Pengecualian yang memberi kesan ketara ke atas Penyata Kewangan

(i) Aset Insfrastruktur

Majlis memiliki aset insfrastruktur iaitu jalan raya, pondok bas dan lain-lain lagi yang tidak dipermodalkan di dalam Penyata Kewangan. Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi aset insfrastruktur telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki aset infrastruktur ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset insfrastruktur ini bagi tempoh tiga tahun bermula daripada tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset infrastrukturnya.

(ii) Penentuan Nilai Saksama Aset yang Direkodkan pada Nilai Nominal

Majlis memiliki beberapa aset nyata dan tidak nyata yang diterima secara percuma dan direkodkan pada nilai nominal di dalam Penyata Kewangan Majlis. MPSAS menghendaki semua aset nyata dan tidak nyata yang diterima melalui urusniaga bukan pertukaran hendaklah direkodkan pada nilai saksama. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset-aset tersebut bagi tempoh tiga tahun bermula daripada tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset-aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menentukan nilai saksama aset-aset tersebut.

(iii) Peruntukan ke atas Gantian Cuti Rehat dan Ganjaran Kontrak

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis tidak membuat peruntukan ke atas gantian cuti rehat dan ganjaran kontrak. MPSAS menghendaki peruntukan ini dibuat kerana ia telah memenuhi syarat kepada sesuatu peruntukan itu perlu dibuat. Majlis akan menggunapakai kaedah Projected Unit Credit bagi membuat pengiraan peruntukan gantian cuti rehat di mana Majlis akan membuat beberapa andaian di dalam pengiraan tersebut. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi mengiktiraf peruntukan ke atas gantian cuti rehat dan ganjaran kontrak ini bagi tempoh tiga tahun bermula daripada tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga peruntukan tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk mengumpul data berhubung dengan kakitangannya.

(iv) Pengiktirafan Inventori

Majlis memiliki beberapa inventori yang tidak direkodkan di dalam Penyata Kewangan di mana Majlis telah mengiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki inventori ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan inventori ini bagi tempoh tiga tahun bermula daripada tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung inventori.

(v) Aset Hidup

Majlis memiliki aset hidup iaitu pokok dan tumbuhan yang tidak dipermodalkan di dalam Penyata Kewangan. MPSAS menghendaki aset hidup ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset hidup ini bagi tempoh tiga tahun bermula daripada tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset hidupnya.

Peruntukan dan Pengecualian yang tidak memberi kesan ketara ke atas Penyata Kewangan

(i) Aset dan liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf

Majlis tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangannya yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunapakai rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunapakai rangka kerja MPSAS. Jika sesuatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah rangka kerja perakaunan terdahulu maka Majlis memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

(ii) Anggaran perakaunan

Sebelum ini, Majlis menggunakan pertimbangan untuk menentukan elaun bagi elaun rosotnilainya. Elaun akan dibuat apabila Majlis menilai sesuatu hutang itu tidak boleh dikutip. Selepas menggunapakai MPSAS, penilaian ke atas kemerosotan aset kewangan dibuat berdasarkan kepada peristiwa kerugian yang telah berlaku (incurred loss model), di mana kemerosotan diiktiraf berdasarkan bukti objektif yang wujud. Walau bagaimanapun, elaun rosot nilai pada tarikh peralihan ini tidak diselaraskan secara retrospektif.

(iii) Hartanah Pelaburan

Majlis memiliki beberapa hartanah pelaburan. Nilai buku bersih aset diambilkira di dalam hartanah, loji dan peralatan. MPSAS menghendaki hartanah pelaburan ini diklasifikasikan berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan hartanah pelaburan bagi tempoh tiga tahun bermula daripada tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga hartanah pelaburan tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berkaitan hartanah pelaburan.

2.20.3 Kesan pemakaian MPSAS ke atas Penyata Kewangan Majlis pada 1 Januari 2016 selepas mengambilkira penggunaan pengecualian dan pertukaran dasar-dasar perakaunan adalah seperti berikut:

Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016

| | Piawaian perakaunan terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Aset Semasa | | | |
| Urusniaga bukan Pertukaran belum Terima | — | 50,692,527 | 50,692,527 |
| Urusniaga Pertukaran belum Terima | — | 12,111,253 | 12,111,253 |
| Simpanan Tetap | 509,062,730 | — | 509,062,730 |
| Wang dalam Bank dan di Tangan | 82,965,421 | — | 82,965,421 |
| Penghutang | 58,265,910 | (58,265,910) | — |
| Pelbagai Penghutang, Deposit dan Terakru | 12,997,348 | (4,317,856) | 8,679,492 |
| Jumlah Aset Semasa | 663,291,409 | 220,014 | 663,511,423 |
| Aset bukan Semasa | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 74,195,550 | (2) | 74,195,548 |
| Kerja dalam Kemajuan | 5,877,338 | — | 5,877,338 |
| Aset Tak Ketara | — | 2 | 2 |
| Jumlah Aset Bukan Semasa | 80,072,888 | — | 80,072,888 |
| Jumlah Aset | 743,364,297 | 220,014 | 743,584,311 |
| Liabiliti Semasa | | | |
| Pemiutang dan Perbelanjaan Terakru | — | 231,286,619 | 231,286,619 |
| Geran Tertunda | — | 15,105,255 | 15,105,255 |
| Akaun Amanah | — | 167,251,893 | 167,251,893 |
| Wang Amanah (Kurang 1 Tahun) | 657,395 | — | 657,395 |
| Pemiutang | 75,575,527 | (75,575,527) | — |
| Pelbagai Pemiutang | 11,339,546 | (11,339,546) | — |
| Wang Cagaran | 144,371,546 | (144,371,546) | — |
| Jumlah Liabiliti Semasa | 231,944,014 | 182,357,148 | 414,301,162 |
| Jumlah Aset Bersih | 511,420,283 | (182,137,134) | 329,283,149 |
| Aset Bersih | | | |
| Kumpulan Wang Majlis | 327,783,149 | — | 327,783,149 |
| Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan | 1,279,986 | 220,014 | 1,500,000 |
| Geran Bantuan Khas | 15,105,255 | (15,105,255) | — |
| Kumpulan Wang Amanah | 167,251,893 | (167,251,893) | — |
| Jumlah Aset Bersih | 511,420,283 | (182,137,134) | 329,283,149 |

Kesan ke atas Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016

| | Piawaian perakaunan terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| HASIL | | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran | — | 280,111,440 | 280,111,440 |
| Urusniaga Pertukaran | — | 74,219,195 | 74,219,195 |
| Pelbagai Hasil | — | 20,909,726 | 20,909,726 |
| Hasil Cukai | 235,807,282 | (235,807,282) | — |
| Hasil Bukan Cukai | 118,523,353 | (118,523,353) | — |
| Pelbagai Terimaan | 20,909,726 | (20,909,726) | — |
| | 375,240,361 | — | 375,240,361 |
| JUMLAH HASIL | | | |
| PERBELANJAAN | | | |
| Perbelanjaan Mengurus | | | |
| Emolumen | 93,338,471 | — | 93,338,471 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 197,895,687 | — | 197,895,687 |
| Pemberian dan Kenaan Tetap | 1,256,810 | — | 1,256,810 |
| Perbelanjaan Lain | 36,071,259 | — | 36,071,259 |
| Perbelanjaan Pembangunan | | | |
| Perkhidmatan dan Bekalan | — | 25,736,832 | 25,736,832 |
| Aset | — | 23,791,772 | 23,791,772 |
| Pemberian dan Kenaan Tetap | — | — | — |
| Perbelanjaan Lain | — | — | — |
| Perbelanjaan Pembangunan | 49,528,604 | (49,528,604) | — |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 378,090,831 | — | 378,090,831 |
| KURANGAN BAGI TAHUN | (2,850,470) | — | (2,850,470) |

2.21 Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.22 Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada Ahli-Ahli Majlis.

2.23 Pajakan

Pajakan Kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Majlis menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosotnilai.

Pajakan Operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.24 Angka Perbandingan

Angka tahunan terdahulu ditunjukkan semula untuk tujuan perbandingan. Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

Pengecualian bagi nota 15.3 dan 15.8 iaitu Terimaan Balik Bayaran GST dan Perbelanjaan GST tidak boleh dibandingkan dengan tahun sebelum kerana terdapat perubahan perekodan bagi tahun kewangan 2017.

3. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Keterangan | | |
| Tunggakan Cukai Taksiran (Nota 3.1) | 80,181,020 | 67,982,448 |
| (-) Elaun Hutang Ragu (Nota 3.2) | (6,118,656) | (17,289,921) |
| JUMLAH | 74,062,364 | 50,692,527 |

3.1 Tunggakan Cukai

Tunggakan Cukai adalah terdiri daripada jenis cukai seperti di bawah:

| Keterangan | | |
|---|---|---|
| Cukai Taksiran | 78,328,564 | 66,911,446 |
| Caruman Bantu Kadar Persekutuan | 1,852,456 | 1,071,002 |
| JUMLAH | 80,181,020 | 67,982,448 |

| | | 2017 | 2016 |
|---|---|---|---|
| | | RM | RM |
| 3.2 | Elaun Hutang Ragu | | |
| | Keterangan | | |
| | Baki Elaun Hutang Ragu pada 1 Januari | 17,289,921 | 19,148,804 |
| | (Kurang) – Tahun Semasa | (11,171,265) | (1,858,883) |
| | BAKI PADA 31 DISEMBER | 6,118,656 | 17,289,921 |

4. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | Keterangan | 2017 | 2016 |
|---|---|---|---|
| (i) | Sewa Menara MBPJ | 9,100 | 9,722 |
| (ii) | Sewa Tempat Letak Kereta | 5,450,175 | 7,563,661 |
| (iii) | Keuntungan Simpanan Tetap Terakru | 4,663,482 | 4,537,870 |
| (iv) | Lain-lain Akaun belum Terima | 206,543 | 186,261 |
| | | 10,329,300 | 12,297,514 |
| (-) | Elaun Hutang Ragu (Nota 4.2) | (186,261) | (186,261) |
| | JUMLAH | 10,143,039 | 12,111,253 |

4.1 Analisa pengumuran urusniaga pertukaran belum terima adalah seperti berikut:

| Keterangan | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| Tidak rosot atau melepasi tempoh kena dibayar | 4,683,764 | 4,537,870 |
| Melepasi tempoh kena dibayar 1 hingga 30 hari tetapi tidak dirosot nilai | 46,500 | 54,019 |
| Melepasi tempoh kena dibayar 31 hingga 60 hari tetapi tidak dirosot nilai | 45,500 | 45,603 |
| Melepasi tempoh kena dibayar 61 hingga 90 hari tetapi tidak dirosot nilai | — | — |
| Melepasi tempoh kena dibayar 91 tetapi tidak dirosot nilai | 5,367,274 | 7,473,761 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 10,143,038 | 12,111,253 |

4.2 Butiran pergerakan akaun elaun adalah seperti berikut:

| Keterangan | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| Baki Peruntukan Hutang Ragu pada 1 Januari | 186,261 | — |
| Tambahan - Tahun Semasa | — | 186,261 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 186,261 | 186,261 |

5. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN TERAKRU

| | Keterangan | 2017 | 2016 |
|---|---|---|---|
| (i) | Deposit dibayar | 1,359,310 | 1,358,810 |
| (ii) | Jabatan Kastam Diraja Malaysia | 5,119,382 | 7,100,668 |
| (iii) | Hasil Cukai Belum Terima dari Pelbagai Agensi | 248 | — |
| (iv) | Pinjaman Kakitangan | 300,632 | 220,014 |
| JUMLAH | | 6,779,572 | 8,679,492 |

5.1 Analisa seperti berikut:

| Keterangan | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Kurang daripada 12 bulan | 6,544,018 | 8,519,879 |
| Lebih daripada 12 bulan | 235,554 | 159,613 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 6,779,572 | 8,679,492 |

6. SIMPANAN TETAP

| Keterangan | | |
|---|---|---|
| Simpanan Tetap – Al-Mudharabah | 460,982,877 | 509,062,730 |
| JUMLAH | 460,982,877 | 509,062,730 |

7. WANG DALAM BANK DAN DI TANGAN

| Keterangan | | |
|---|---|---|
| (i) Wang Runcit | 25,200 | 22,100 |
| (ii) Wang di Tangan | 6,382 | 4,463 |
| (iii) Bank | 61,751,007 | 82,938,858 |
| JUMLAH | 61,782,589 | 82,965,421 |

8. HARTANAH, LOJI & PERALATAN

| Jenis Harta | 1. Tanah | 2. Bangunan | 3. Kenderaan dan Jentera Berat | Jumlah A |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| Kos/Nilai | | | | |
| Baki pada 1-1-2017 | 8, 533,734 | 344,865,143 | 31,980,602 | 385,379,479 |
| Tambahan dalam tahun | - | 21,498,343 | 3,333,776 | 24,832,119 |
| Baki pada 31-12-2017 | 8,533,734 | 366,363,486 | 35,314,378 | 410,211,598 |
| Susutnilai Terkumpul | | | | |
| Susutnilai terkumpul pada 1-1-2017 | 2,134,946 | 286,271,295 | 25,860,155 | 314,266,396 |
| Susutnilai dalam tahun | 107,771 | 9,371,150 | 3,199,154 | 12,678,075 |
| Susutnilai terkumpul pada 31-12-2017 | 2,242,717 | 295,642,445 | 29,059,309 | 326,944,471 |
| Nilai Buku 2017 | 6,291,017 | 70,721,041 | 6,255,069 | 83,267,127 |
| Nilai Buku 2016 | 6,398,788 | 58,593,848 | 6,120,447 | 71,113,083 |

| Jenis Harta | 4. Kelengkapan Pejabat | 5. Peralatan ICT | 6. Jentera Ringan dan Mesin | Jumlah B |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| Kos/Nilai | | | | |
| Baki pada 1-1-2017 | 36,023,943 | 5,429,922 | 14,631,194 | 56,085,059 |
| Tambahan dalam tahun | 6,789,537 | 3,146,483 | 1'198,342 | 11,134,362 |
| Baki pada 31-12-2017 | 42,813,480 | 8,576,405 | 15,829,536 | 67,219,421 |
| Susutnilai Terkumpul | | | | |
| Susutnilai terkumpul pada 1-1-2017 | 34,347,009 | 4,658,601 | 13,999,912 | 53,005,522 |
| Susutnilai dalam tahun | 1,938,389 | 1,554,180 | 728,943 | 4,221,512 |
| Susutnilai terkumpul pada 31/12/2017 | 36,285,398 | 6,212,781 | 14,728,855 | 57,227,034 |
| Nilai Buku 2017 | 6,528,082 | 2,363,624 | 1,100,681 | 9,992,387 |
| Nilai Buku 2016 | 1,676,934 | 771,321 | 631,282 | 3,079,537 |

| Jenis Harta | 8. Lain-Lain Kelengkapan, Alatan, Buku | Jumlah C | Jumlah Besar A+B+C |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Kos/Nilai | | | |
| Baki pada 1-1-2017 | 8,273,793 | 8,273,793 | 449,738,331 |
| Tambahan dalam tahun | — | — | 35,966,481 |
| Baki pada 31-12-2017 | | | |
| Susutnilai Terkumpul | 8,273,793 | 8,273,793 | 485,704,812 |
| Susutnilai Terkumpul | | | |
| Susutnilai terkumpul pada 1-1-2017 | 8,270,865 | 8,270,865 | 375,542,783 |
| Susutnilai dalam tahun | — | — | 16,899,587 |
| Susutnilai terkumpul pada 31-12-2017 | 8,270,865 | 8,270,865 | 392,442,370 |
| Nilai Buku 2017 | 2,928 | 2,928 | 93,262,442 |
| Nilai Buku 2016 | 2,928 | 2,928 | 74,195,548 |

9. PEMBINAAN/KERJA DALAM KEMAJUAN/PROSES

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Keterangan | | |
| Baki pada 1 Januari | 5,877,338 | 2,037,578 |
| (+) Pembinaan/Kerja Dalam Kemajuan/Proses | 6,302,381 | 5,552,238 |
| (-) Pembinaan/Kerja Dalam Kemajuan/Proses Yang Telah Selesai | (5,877,338) | (1,712,478) |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 6,302,381 | 5,877,338 |

10. ASET TAK KETARA

| Jenis Harta | Perisian Komputer RM |
|---|---|
| Kos/Nilai | |
| Baki pada 1-1-2017 | 2,691,975 |
| (+) Tambahan dalam tahun | — |
| Baki pada 31-12-2017 | 2,691,975 |
| Susutnilai Terkumpul | |
| Susutnilai terkumpul pada 1-1-2017 | 2,691,973 |
| (+) Susutnilai dalam tahun | — |
| Susutnilai terkumpul pada 31-12-2017 | 2,691,973 |
| Nilai Buku 2017 | 2 |
| Nilai Buku 2016 | 2 |

11. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR DAN PERBELANJAAN TERAKRU

| | | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|---|
| | Keterangan | | |
| (i) | Pemiutang | 70,240,155 | 74,983,629 |
| (ii) | Pemiutang Utiliti | 422,281 | 591,898 |
| (iii) | Sewa Terima Terdahulu | 917,395 | 882,990 |
| (iv) | Cukai Taksiran Terdahulu daripada Agensi | 21,880 | 33,189 |
| (v) | Cek Ganti | 260,593 | 2,056,612 |
| (vi) | Kos Guaman Cukai Taksiran | 6,899 | 7,544 |
| (vii) | Pelbagai Pemiutang | 952,402 | 971,742 |
| (viii) | Cukai Taksiran Terima Terdahulu | 7,384,260 | 7,387,469 |
| (ix) | Cagaran | 173,168,412 | 144,371,546 |
| JUMLAH | | 253,374,277 | 231,286,619 |

12. GERANTERTUNDA

12.1 Geran Kerajaan Tertunda

| Keterangan | | |
|---|---|---|
| Pembinaan Stadium Petaling Jaya | 15,000,000 | 15,000,000 |
| Kompleks Penjaja Jalan SS3/39 | 2,400,000 | 2,400,000 |
| Jejantas di Jalan SS24/1 | 200,000 | 200,000 |
| Dewan Serbaguna Persiaran Perdana | 815,206 | 815,206 |
| Pusat Peniaga Taman Sri Manja 4 | 799,619 | 799,619 |
| Dewan Serbaguna SS 7/28, Kelana Jaya | 1,386,883 | 1,386,883 |
| Dewan Serbaguna SS 5A/15, Kelana Jaya | 1,543,749 | 1,543,749 |
| Memasang High Mast/Elektronik Score Board | 2,998,829 | 2,998,829 |
| Membina Dewan Masyarakat Taman Medan | 1,399,881 | 1,399,881 |
| Arena PJ | 729,746 | 729,746 |
| Dewan Sivik | 2,000,000 | 2,000,000 |
| Gerai Jalan Penchala | 299,988 | 299,988 |
| Gelanggang Futsal di SS 26/9 | 70,000 | 70,000 |
| | 29,643,901 | 29,643,901 |

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Geran Kerajaan tertunda terkumpul direalisasikan 1995-2016 (5%) | (24,329,531) | (23,097,336) |
| Geran Kerajaan tertunda direalisasikan 2017 (5%) (Nota (a)) | (1,149,765) | (1,232,195) |
| Baki pada 31 Disember (Nota (b)) | 4,164,605 | 5,314,370 |

12.2 Geran Keseimbangan Tertunda yang Diterima

Berikut adalah tahun Geran Keseimbangan

Tertunda Diterima seperti berikut:

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| 2007 | 4,998,870 | 4,998,870 |
| 2010 | 3,419,715 | 3,419,715 |
| 2012 | — | 3,482,917 |
| 2013 | 3,842,718 | 3,842,718 |
| 2014 | 4,945,091 | 4,945,091 |
| 2015 | 5,000,000 | 5,000,000 |
| 2016 | 5,000,000 | 5,000,000 |
| 2017 | 5,000,000 | — |
| | 32,206,394 | 30,689,311 |
| Geran Keseimbangan Tertunda yang Direalisasikan Dalam Tahun 2007-2016 | (17,415,509) | (16,289,122) |
| Geran Keseimbangan Tertunda yang Direalisasikan Dalam Tahun 2017 (Nota (c)) | (3,866,538) | (4,609,304) |
| Geran Keseimbangan Tertunda yang belum Direalisasikan Pada 31 Disember 2017 (Nota (d)) | 10,924,347 | 9,790,885 |
| Bantuan Kerajaan Tertunda yang Direalisasikan Tahun Semasa (Nota (a)+(c)) | 5,016,303 | 5,841,499 |
| Baki Bantuan Kerajaan Tertunda pada 31 Disember (Nota (b)+(d)) | 15,088,952 | 15,105,255 |

13. WANG AMANAH (KURANG DARIPADA 1 TAHUN)

Wang Amanah merupakan wang yang diterima untuk dibelanjakan semula bagi membiayai program tertentu.

| Keterangan | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| 1. Bantuan Subsidi Sewa | 84,850 | 84,850 |
| 2. Program Penggerak Belia | 75,523 | 54,891 |
| 3. Seroja | 7,577 | 50,000 |
| 4. Projek Pintu Gerbang | 40,915 | 68,000 |
| 5. Pelarasan Cukai Taksiran | 9,974 | 1,822 |
| 6. Pelarasan Cagaran | 2,000 | 300 |
| 7. Pembangunan Kota Seni | 200,000 | — |
| 8. Pest Controller- Menangani wabak Penyakit | 252,000 | — |
| 9. Naiktaraf Kemudahan Sukan SEA | 112,995 | — |
| 10. Aktiviti Kawalan Demam Denggi Selangor | 51,838 | — |
| 11. Program Alam Sekitar | 13,820 | — |
| 12. Program Tanam Pokok | 7,000 | — |
| 13. Program Sijil Niaga Hijau | 17,000 | — |
| 14. Kursus Penyediaan Unit Syer JMB | 3,000 | — |

| Keterangan | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| 15. Pembinaan Tapak Perkuburan Islam | — | 23,195 |
| 16. Menaiktaraf Stadium Hoki | — | 139,549 |
| 17. Projek Kecil Kampung Tersusun | — | 101,830 |
| 18. Projek Jelajah Kitar Semula | — | 20,000 |
| 19. Program Aktiviti Pencegahan Denggi | — | 10,810 |
| 20. Skim Laman Hijau | — | 6,000 |
| 21. Kejohanan Bola Sepak Penguatkuasaan | — | 12,144 |
| 22. Program Pelancongan Negeri | — | 20,000 |
| 23. Program Malam Seni & Kebudayaan S'gor | — | 20,000 |
| 24. Potongan Gaji Kakitangan | — | 120 |
| 25. Penganjuran Pelancaran Garis Panduan | — | 43,884 |
| JUMLAH | 878,492 | 657,395 |

14. KUMPULAN WANG AMANAH

| Bil. | Akaun Amanah | Baki pada 1-1-2017 (a) | Terimaan (b) | Bayaran (c) | Baki pada 31-12-2017 (d)= (a)+(b)-(c) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Program Penggerak Belia Tempatan (PeBT) | 12 | — | — | 12 |
| 2. | Geran Penyelenggaraan Jalan (Marris) | 12,173,684 | 44,658,913 | 40,633,454 | 16,199,143 |
| 3. | Wang Caruman Pembinaan Interchange Persiaran Surian & Mahagony | 23,986,223 | 803,588 | 5,129,246 | 19,660,565 |
| 4. | Menaiktaraf Infrastruktur Kg. Kayu Ara | 2,777,270 | 893,693 | 136,990 | 3,533,973 |
| 5. | Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF) | 14,834,747 | 4,715,172 | 12,029,614 | 7,520,305 |
| 6. | Tabung Pembangunan Mampan | 435,810 | 43,000 | 466,319 | 12,491 |
| 7. | Caj Pemajuan | 27,333,355 | 11,579,082 | 7,141,170 | 31,771,267 |
| 8. | Program Zon Bersih MBPJ | 11,361 | — | — | 11,361 |
| 9. | Pembinaan Ramp/Terowong dari Kawasan PJU1A melintas NKVE | 16,855,544 | 4,642,696 | 1,002,579 | 20,495,661 |
| 10. | Tabung Hijau | 861,310 | — | — | 861,310 |
| 11. | Terowong Tropicana | 378,094 | — | 4,289 | 373,805 |
| 12. | Menaiktaraf Jalan Penchala dan Mensehala Jalan Utara | 3,250,158 | — | 3,006,893 | 243,265 |
| 13. | Menaiktaraf Infra Sek. 13, P. Jaya dan Jalan Harapan | 25,286,078 | 6,216,834 | 2,682,704 | 28,820,208 |
| | Jumlah (i) | 128,183,646 | 73,552,978 | 72,233,258 | 129,503,366 |
| 14. | Pembangunan Kompleks Bazaar Muhibbah, Kota Damansara | 78,386 | — | 73,826 | 4,560 |
| 15. | PJ City Innovation & Service Centre, Kota Damanasara | 27,039,677 | — | 12,391,625 | 14,648,052 |

| Bil. | Akaun Amanah | Baki pada 1-1-2017 (a) | Terimaan (b) | Bayaran (c) | Baki pada 31-12-2017 (d)= (a)+(b)-(c) |
|---|---|---|---|---|---|
| 16. | Tabung Pendidikan | 5,151,426 | 400,000 | 2,475,677 | 3,075,749 |
| 17. | Menaiktaraf Jalan Tanjung | 3,282,204 | — | — | 3,282,204 |
| 18. | Projek Tempat Letak Kereta di 3 Tapak Tanah Bawah Rentis Elektrik Dekat Stesyen LRT | 2,264,328 | — | 1,835,669 | 428,659 |
| 19. | Hadiah Kemenangan | 25,820 | 33,000 | 45,045 | 13,775 |
| 20. | Tabung Perkuburan | 1,226,406 | 1,603,250 | — | 2,829,656 |
| 21. | Tabung "PJ City Food Bank" | — | 894,950 | 560,088 | 334,862 |
| 22. | Studio Terbuka Petaling Jaya | — | 953,450 | 76,095 | 877,355 |
| | Jumlah (ii) | 39,068,247 | 3,884,650 | 17,458,025 | 25,494,872 |
| | Jumlah Besar (i) + (ii) | 167,251,893 | 77,437,628 | 89,691,283 | 154,998,238 |

15. PENYATA PRESTASI KEWANGAN TERPERINCI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

HASIL

15.1 Urusniaga bukan Pertukaran

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Cukai Taksiran | 243,854,476 | 233,785,165 |
| Caruman Bantuan Kadar | 1,852,456 | 2,022,117 |
| Lesen dan Permit | 25,324,675 | 27,136,394 |
| Denda dan Hukuman | 16,723,201 | 17,164,820 |
| Sumbangan Tempatan dan Bayaran Gantirugi dari Luar Negara | 4,546,516 | 2,944 |
| | 292,301,324 | 280,111,440 |

15.2 Urusniaga Pertukaran

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan | 22,321,391 | 28,318,498 |
| Perolehan Dari Jualan Barang | 1,751,841 | 652,354 |
| Sewaan | 16,055,900 | 20,218,034 |
| Faedah Dan Perolehan Pelaburan | 22,288,339 | 25,030,309 |
| | 62,417,471 | 74,219,195 |

15.3 Pelbagai Terimaan

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Pulangan Balik Perbelanjaan | 2,062,629 | 2,245,417 |
| Bantuan Kerajaan Tertunda Direalisasikan | 5,016,303 | 5,841,499 |
| Terimaan Balik Bayaran GST | — | 11,150,188 |
| Peruntukan Hutang Ragu | 11,171,265 | 1,672,622 |
| | 18,250,197 | 20,909,726 |
| JUMLAH HASIL | 372,968,992 | 375,240,361 |

| | | 2017 | 2016 |
|---|---|---|---|
| | | RM | RM |
| | PERBELANJAAN MENGURUS | | |
| 15.4 | Emolumen | | |
| | Gaji dan Upahan | 52,388,152 | 48,173,824 |
| | Elaun Tetap | 20,586,195 | 19,473,887 |
| | Sumbangan Berkanun | 9,797,352 | 9,053,123 |
| | Elaun Lebih Masa | 10,350,147 | 9,982,867 |
| | Faedah Kewangan yang Lain | 10,521,030 | 6,654,770 |
| | | 103,642,876 | 93,338,471 |
| 15.5 | Perkhidmatan & Bekalan | | |
| | Tuntutan Perjalanan | 4,147,927 | 3,488,052 |
| | Pengangkutan Barang-barang | 3,491 | 10,365 |
| | Perhubungan dan Utiliti | 15,792,305 | 16,012,897 |
| | Sewaan | 3,241,545 | 2,585,822 |
| | Makanan-makanan Yang Lain | 71,549 | 61,973 |
| | Bekalan Bahan Mentah | 4,041,102 | 5,720,134 |
| | Bekalan Bahan Lain | 9,793,995 | 11,463,159 |
| | Penyelenggaraan dan Pembaikan | 24,277,004 | 26,490,711 |
| | Perkhidmatan lkhtisas | 103,964,461 | 132,062,574 |
| | | 165,333,379 | 197,895,687 |
| 15.6 | Aset | | |
| | Bangunan dan Pembaikan Bangunan | 39,380 | — |
| | Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan | 39,800 | — |
| | | 79,180 | — |
| 15.7 | Pemberian & Kenaan Tetap | | |
| | Pemberian dalam Negeri | 429,136 | 1,252,910 |
| | Tuntutan, Insuran dan Pampasan | 1,300 | 3,900 |
| | | 430,436 | 1,256,810 |
| 15.8 | Perbelanjaan Lain | | |
| | Bayaran-bayaran Lain | 5,797,979 | 4,576,571 |
| | Pulangbalik dan Hapuskira | — | 117 |
| | Susutnilai | 16,899,587 | 15,962,549 |
| | Perbelanjaan GST | 6,991,885 | 15,532,022 |
| | | 29,689,451 | 36,071,259 |
| | JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS | 299,175,322 | 328,562,227 |
| | PERBELANJAAN PEMBANGUNAN | | |
| 15.9 | Perkhidmatan & Bekalan | | |
| | Bekalan Bahan Mentah | 7,985,803 | — |
| | Bekalan Bahan Lain | 1,188,886 | 222,088 |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Penyelenggaraan Dan Pembaikan | 28,326,576 | 21,611,289 |
| Perkhidmatan Ikhtisas | 39,429,397 | 3,903,455 |
| | 76,930,662 | 25,736,832 |
| 15.10 Aset | | |
| Bangunan dan Pembaikan Bangunan | 16,305,122 | 9,564,329 |
| Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan | 19,755,910 | 14,227,443 |
| | 36,061,032 | 23,791,772 |
| 15.11 Pemberian & Kenaan Tetap | | |
| Pemberian dalam Negeri | 1,109,818 | — |
| | 1,109,818 | — |
| JUMLAH PERBELANJAAN PEMBANGUNAN | 114,101,512 | 49,528,604 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 413,276,834 | 378,090,831 |
| KURANGAN BERSIH | (40,307,842) | (2,850,470) |

16. TANGGUNGAN LUAR JANGKA

Liabiliti Luar Jangka akan menjadi liabiliti sebenar sekiranya Majlis gagal memenuhi obligasi perjanjian atau berlaku sesuatu peristiwa tertentu. Liabiliti Luar Jangka Majlis pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

16.1 Mahkamah Tinggi Shah Alam
Guaman Sivil No. MT4-13-24-2003
Abdul Ghapor Hussin & 85 yang lain Lwn Majlis Perbandaran
Petaling Jaya & Mentari Housing Development Sdn. Bhd.

Plantif menuntut kerugian terhadap Majlis berdasarkan laporan penilaian mereka seperti berikut:

(i) Nilai harga rumah menurun akibat pembinaan rumah kos rendah di kawasan perumahan mereka

(ii) Aktiviti dan kes jenayah meningkat

(iii) Tiada kemudahan taman permainan khas untuk taman perumahan mereka kerana terpaksa berkongsi dengan rumah kos rendah

(iv) Meningkatkan kesesakan lalu lintas yang teruk

Jumlah Tuntutan

RM10,000,000

Status Kes

Masih di peringkat Mahkamah Tinggi. Tarikh pendengaran kes pada 11 Jun 2018 dan 12 Jun 2018.

16.2 Mahkamah Persekutuan Permohonan Sivil No. 08(f)-159-04/2018(B)
Mahkamah Rayuan Sivil No. B-02(NCVC)(W)-2185-11/2016
Digital Viva Sdn. Bhd. lawan
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Permohonan melalui Mahkamah untuk memasukkan Majlis sebagai pihak ketiga oleh Defendan yang menyatakan penglibatan dalam kemungkiran Perjanjian antara Defendan dengan Majlis (yang didakwa oleh Defendan terhadap Majlis)

Jumlah Tuntutan

RM16,000,000

Status Kes

Digital Viva Sdn. Bhd., telah memasukkan rayuan ke Mahkamah Persekutuan dan kes akan didengar pada 23 Julai 2018.

16.3 Mahkamah Tinggi Shah Alam
Guaman Sivil No. BA-22NCVC-546-09/2017
Godell Parking Sdn. Bhd. lawan Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Kes ini adalah satu perintah deklarasi bahawa penamatan perjanjian bertarikh 5 Ogos 1999 adalah salah dan terbatal. Pihaknya juga menuntut gantirugi khas sebanyak RM21,190,530.76 (tidak termasuk lain faedah dan kos).

Jumlah Tuntutan

RM21,190,530.76

Status Kes

Tarikh pengurusan kes pada 25 Mei 2018 dan tarikh pendengaran kes pada 4 Jun 2018 dan 5 Jun 2018.

17. INSTRUMEN KEWANGAN–DASAR PENGURUSAN RISIKO

Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, Majlis mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Majlis adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Majlis akan sentiasa memantau baki tunggakan secara berterusan dan akan mengambil tindakan mengikut kaedah perundangan yang dibenarkan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Majlis akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan Majlis kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti Majlis pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

| | Dalam Tempoh setahun | Lebih Tempoh Setahun | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Pada 31 Disember 2017 | | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan | 253,378,277 | — | 253,378,277 |
| | 253,378,277 | — | 253,378,277 |

| | Dalam Tempoh setahun | Lebih Tempoh Setahun | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Pada 31 Disember 2016 | | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan | 231,286,619 | — | 231,286,619 |
| | 231,286,619 | — | 231,286,619 |

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

18. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting hanya terdiri oleh Ahli-Ahli Majlis sahaja di mana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

| | 2017 |
|---|---|
| Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan | 25 |

| | 2017 |
|---|---|
| | RM |
| Jumlah ganjaran | 1,725,769 |

19. KOMITMEN MODAL

| Keterangan | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| (i) Diluluskan dan dikontrakkan | 799,770 | — |
| (ii) Diluluskan | — | — |
| JUMLAH | 799,770 | — |

Komitmen modal yang 'Diluluskan dan dikontrakkan' merupakan pesanan rasmi dan arahan kerja yang telah dikeluarkan tetapi penerimaan belakan atau kerja belum dilaksanakan setakat 31 Disember 2017. Manakala komitmen modal yang 'Diluluskan' pula merujuk kepada perolehan yang diluluskan untuk urusan penyediaan kontrak dan pesanan.

20. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai tempoh kewangan dari 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017. Jumlah bajet ini telah dibentangkan di Mesyuarat Majlis Khas (Bajet) pada 5 Oktober 2016.

Bajet dan Penyata Kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada Penyata Kewangan. Penyata Kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam Penyata Kewangan ini telah disusun semula dari asas akruan kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan

sebenar yang disediakan secara perbandinagn dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar. Selain perbezaan asas ini pelarasan kepada jumlah dalam Penyata Kewangan dan Bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti yang tidak direkodkan di dalam Penyata Kewangan ini.

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di bawah.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di bawah:

| | Operasi | Pelaburan | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Jumlah sebenar di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar | (14,651,646) | (66,603,986) | (81,255,632) |
| Perbezaan asas (Nota (a)) | (18,219,515) | 30,212,462 | 11,992,947 |
| Perbezaan masa | | | |
| Perbezaan entiti (Nota (b)) | | | |
| Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai | (32,871,161) | (36,391,524) | (69,262,685) |

Nota a:

Perbezaan asas merujuk kepada pembayaran yang dibuat di dalam tahun kewangan semasa tetapi merupakan pembayaran berhubung tahun kewangan yang lalu.

Nota b:

Perbezaan entiti bagi aktiviti pembiayaan wujud disebabkan oleh lain-lain kenaan bank.

**No. 4012.**

## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

### Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Klang telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 6 hingga 39.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Klang pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Klang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Para Ahli Majlis Majlis Perbandaran Klang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Perbandaran Klang tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Klang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Klang adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Klang, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Klang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Perbandaran Klang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat

saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Klang, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Klang.

(c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunapakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

(d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Klang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Klang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

(e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Perbandaran Klang memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Perbandaran Klang telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

(a) Seperti yang dinyatakan pada Nota 2.1 kepada penyata kewangan, Majlis Perbandaran Klang telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) mulai 1 Januari 2017 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2016. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Majlis terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Majlis Perbandaran Klang pada 31 Disember 2016 dan 1 Januari 2016, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Majlis Perbandaran Klang bagi tahun berakhir 31 Disember 2017, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2017 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

(b) Laporan ini disediakan untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

SHAH ALAM
Bertarikh 12 September 2018

HJ. ROSLAN BIN ABU BAKAR
*b.p. Ketua Audit Negara Malaysia*

KENYATAAN OLEH YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Kami, Mohamad Yasid bin Bidin, Yang Dipertua dan Abdul Ghani bin Pateh Akhir, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Klang dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar bagi Majlis yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Klang pada 31 Disember 2017 serta hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

DATO' MOHAMAD YASID BIN BIDIN
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Klang

Tarikh 23 April 2018

DATO' SETIA DIRAJA ABDUL GHANI BIN PATEH AKHIR
Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Klang

Tarikh 23 April 2018

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN
KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Saya, Zate Aziana Binti Abdul Rahman, (KP. 781223-10-5024), pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Klang, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017, Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar yang berikutnya ini berserta dengan nota-nota, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya berikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas

ZATE AZIANA BINTI ABDUL RAHMAN
di Klang pada 23 April 2018

P. DEV ANAND PILLAI
*Pesuruhjaya Sumpah*

*No. 5l-03-1*
*Lorong Batu Nilam 1A,*
*Bandar Bukit Tinggi,*
*41200 Klang, Selangor.*

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| ASET SEMASA | | |
| Urusniaga bukan pertukaran belum terima (Nota 3) | 47,087, 206 | 48,285,211 |
| Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan (Nota 4) | 10,903,458 | 8,175,812 |
| Simpanan Tetap (Nota 5) | 270,500,000 | 239,202,680 |
| Wang di tangan dan di bank (Nota 6) | 12,938,902 | 12,367,269 |
| JUMLAH ASET SEMASA | 341,429,566 | 308,030,972 |
| ASET BUKAN SEMASA | | |
| Hartanah, loji dan peralatan (Nota 7) | 74,963,868 | 78,170,827 |
| Kerja dalam kemajuan (Nota 8) | 4,780,689 | 1,520,933 |
| Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan (Nota 4) | 177,160 | 114,189 |
| Aset tak ketara (Nota 9) | 51,034 | 323,440 |
| JUMLAH ASET BUKAN SEMASA | 79,972,751 | 80,129,389 |
| JUMLAH ASET | 421,402,317 | 388,160,361 |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| LIABILITI SEMASA | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru (Nota 10) | 83,544,142 | 75, 417,998 |
| Geran tertunda (Nota 11) | 2,947,869 | 3,804,341 |
| Akaun amanah (Nota 12) | 106,607,213 | 106,048,681 |
| JUMLAH LIABILITI SEMASA | 193,099,224 | 185,271,020 |
| ASET BERSIH | 228,303,093 | 202,889,341 |
| ASET BERSIH | | |
| Kumpulan Wang Majlis (Nota 13) | 227,353,093 | 201,939,341 |
| Kumpulan Wang Pinjaman (Nota 14) | 950,000 | 950,000 |
| | 228,303,093 | 202,889,341 |

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
| HASIL | | |
| Urusniaga bukan pertukaran (Nota 15) | 212,511,715 | 206,207,516 |
| Urusniaga pertukaran (Nota 15) | 26,577,163 | 26,616,868 |
| Pelbagai Hasil (Nota 15) | 6,359,793 | 6,985,757 |
| JUMLAH HASIL | 245,448,671 | 239,810,141 |
| PERBELANJAAN | | |
| Emolumen (Nota 15) | 86, 282,432 | 77,123,396 |
| Perkhidmatan dan bekalan (Nota 15) | 85, 160,353 | 103,794,582 |
| Pemberian dan kenaikan tetap (Nota 15) | 482,411 | 645,918 |
| Perbelanjaan lain (Nota 15) | 5, 144,814 | 7,699,816 |
| Perbelanjaan pembangunan (Nota 15) | 36,137,802 | 3,441,198 |
| Susutnilai (Nota 15) | 9,937,644 | 10,016,242 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 223,145,456 | 202,721,152 |
| LEBIHAN BAGI TAHUN | 22,303,215 | 37,088,989 |

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR MAJLIS 31 DISEMBER 2017

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI: | | |
| Lebihan bagi Tahun | 22,303,215 | 37,088,989 |
| Pergerakan Bukan Tunai: | | |
| Susutnilai dan perlunasan | 9,937,644 | 10,016,242 |
| Pelupusan hartanah, loji dan peralatan | — | 60 |
| Penurunan dalam peruntukan hutang ragu | 197,753 | 1,464,987 |
| Peningkatan Belum Terima | (1,790,365) | (4, 252,900) |
| Peningkatan Belum Bayar | 13,472,913 | 56,002,733 |
| Perlunasan Geran | (856,472) | 2,908,736 |
| Pelarasan Tahun Lalu | (1,677,700) | (20,191) |
| Pelarasan Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan | (28,000) | (119,200) |
| Keuntungan Dari Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | (69,000) | (36,200) |
| Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi | 41,489,988 | 103,053,256 |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN | | |
| Belian Hartanah, Loji dan Peralatan | (5,728,139) | (7,099,289) |
| Belian Aset tak ketara | (63,600) | — |
| Tambahan Kerja Dalam Kemajuan | (3,954,296) | (1,520,933) |
| Penerimaan Dari Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | 125,000 | 65,000 |
| Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan | (9,621,035) | (8,555,222) |
| Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai | 31,868,953 | 94,498,034 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh | 251,569,949 | 157,071,915 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh | 283,438,902 | 251,569,949 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh terdiri daripada: | | |
| Simpanan Tetap | 270,500,000 | 239,202,680 |
| Wang di tangan dan di bank | 12,938,902 | 12,367,269 |
| | 283,438,902 | 251,569,949 |

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Kumpulan Wang Majlis<br>RM | Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan<br>RM | Kumpulan Wang Pinjaman Komputer<br>RM | Kumpulan Wang Tabung Pendidikan<br>RM | Jumlah Aset bersih<br>RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari 2016 Seperti yang dinyatakan terdahulu | 164,044,150 | 600,000 | 250,000 | 100,000 | 164,994,150 |
| Pindahan Antara Kumpulan Wang | 826,393 | — | — | — | 826,393 |

| | Kumpulan Wang Majlis RM | Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan RM | Kumpulan Wang Pinjaman Komputer RM | Kumpulan Wang Tabung Pendidikan RM | Jumlah Aset bersih RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Lebihan/(Kurangan) dalam tahun | 37,088,989 | — | — | — | 37,088,989 |
| Pelarasan Tahun Lalu | (20,191) | — | — | — | (20,191) |
| Baki Pada 1 Januari 2017 Seperti yang dinyatakan semula | 201,939,341 | 600,000 | 250,000 | 100,000 | 202,889,341 |
| Tambahan Antara Kumpulan Wang (Nota 13) | 4,788,237 | — | — | — | 4,788,237 |
| Lebihan/(kurang) dalam tahun | 22,303,215 | — | — | — | 22,303,215 |
| Pelarasan Tahun Lalu (Nota 16) | (1,677,700) | — | — | — | (1,677,700) |
| Baki pada 31 Disember 2017 | 227,353,093 | 600,000 | 250,000 | 100,000 | 228,303,093 |

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | JUMLAH BAJET Asal RM | Akhir RM | Jumlah Sebenar RM | Varian bajet RM |
|---|---|---|---|---|
| PENERIMAAN | | | | |
| Urusniaga bukan pertukaran | 199,970,772 | 207,515,002 | 198,670,446 | 8,844,556 |
| Urusniaga pertukaran | 21,346,919 | 21,911,289 | 26,993,703 | (5,082,414) |
| Pelbagai Hasil | 500,010 | 500,010 | — | 500,010 |
| JUMLAH HASIL | 221,817,701 | 229,926,301 | 225,664,149 | 4,262,152 |
| PERBELANJAAN | | | | |
| Emolumen | 89,957,002 | 92,617,675 | 86,097,081 | 6,520,594 |
| Perkhidmatan dan bekalan | 87,914,742 | 93,236,813 | 72,875,199 | 20,361,614 |
| Aset | 3,712,300 | 3,685,580 | 2,290,592 | 1,394,988 |
| Pemberian dan kenaikan tetap | 2,565,000 | 1,452,000 | 556,914 | 895,086 |
| Perbelanjaan lain | 7,227,750 | 6,743,688 | 5,190,349 | 1,553,339 |
| Perbelanjaan pembangunan | 40,672,520 | 42,901,918 | 31,664,106 | 11,237,812 |
| | 232,049,314 | 240,637,674 | 198,674,241 | 41,963,433 |
| PENERIMAAN BERSIH | (10,231,613) | (1,711,373) | 26,989,908 | (37,701,281) |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. MAKLUMAT AM

1.1. Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan Utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan pelaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Majlis Perbandaran Klang.

Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta bagi harta-harta yang boleh dikenakan cukai taksiran yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis seperti penataan lampu jalan, pembersihan longkang dan kutipan sampah.

Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.

Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi Majlis.

1.2. Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”) yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

1.3. Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017 telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Penuh pada 23 April 2018.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1. Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan 1 Pekeliling Perbendaharaan.

2.1.2. Penyata Kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS kerana Majlis telah memilih pengecualian berhubung dengan pengiktirafan aset dan liabiliti seperti yang dinyatakan pada nota 2.19.2 kepada Penyata Kewangan. Sebelum ini Penyata Kewangan Majlis telah disediakan menggunakan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Majlis.

2.1.3. Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa ke masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberikesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.18 kepada Penyata Kewangan.

2.2 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.2.1 Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran

Cukai Taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang di dalam kawasan Majlis. Cukai taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Sumbangan Membantu Kadar

Sumbangan Membantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

(iv) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

(v) Geran Kerajaan

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambilkira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.2.2. Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

(ii) Perolehan dari Jualan Barang-Barang

Perolehan dari Jualan Barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain.

(iii) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(iv) Faedah dan Perolehan dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada Nota 2.2.1 (i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.3. Hartanah, Loji dan Peralatan

2.3.1. Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000.00 setiap satu.

2.3.2. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.3.3. Jika berlaku sesuatu aset diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

2.3.4. Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkannilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.4. Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1. Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Susutnilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.

2.4.2. Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut :

| Hartanah, Loji Dan Peralatan | Kadar Tahunan |
|---|---|
| Tanah | |
| i. Tanah Pajakan | mengikut tempoh pajakan |
| ii. Tanah Pegangan Bebas | Tidak Disusut nilaikan |
| Bangunan | |
| i. Kekal | 2% - 4% |
| ii. Sementara | 10% |
| iii. Ubahsuai | 20% |
| iv. Jejantas | 5% |
| Mesin Jentera | 20% |
| Kenderaan | 20% |
| Peralatan dan Kelengkapan | |
| i. Perabut dan Pejabat | 10% |
| ii. Mesin Pejabat | 20% |
| iii. Komputer | 20% |
| iv. Buku | 20% |

2.4.3. Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.5. Aset Tak Ketara

2.5.1. Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

2.5.2. Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

2.5.3. Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

2.5.4. Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.

2.5.5. Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

2.5.6. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan dan kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6. Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan hartanah, loji dan peralatan akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap Kerja (Certificate of Practical Completion) dikeluarkan dan dilunaskan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan dan dilunaskan.

2.7. Aset Kewangan

2.7.1. Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.7.2. Pada pengiktirafan awal, aset kewangan yang diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

2.7.3. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

2.7.4. Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.7.5. Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah berkesan dan ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

(ii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dalam tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

(i) Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;

(ii) Pembayaran tertunggak;

(iii) Kemungkinan bahawa peminjam akan muflis;

(iv) Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai;

(v) Selepas sekurang-kurangnya 12 kali notis E dikeluarkan; atau

(vi) Selepas penggulungan dan pembubaran syarikat serta pengambil alihan tanah.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta merta. Jika dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktiraf aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.8. Peruntukan dan Liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam Penyata Prestasi Kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

2.9. Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

2.9.1. Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam Penyata Kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2.9.2. Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada perisitwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam Penyata Kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2. 10. Liabiliti Kewangan

2.10.1. Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.10.2. Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

2.10.3. Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2.10.4. Majlis mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

(ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.11. Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Dan Lain-Lain

Kumpulan wang pinjaman kenderaan dan lain-lain merupakan jumlah wang yang dipindahkan daripada Kumpulan Mengurus bagi tujuan membiayai Pinjaman Kenderaan, Pinjaman Komputer dan Pinjaman Pendidikan Boleh Ubah.

2.12. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata Aliran Tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk risiko perubahan nilai yang tak ketara.

2.13. Manfaat Pekerja

2.13.1. Manfaat kakitangan jangka pendek

Majlis sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, kemudahan perubatan di lnstitut Jantung Negara (IJN), Dialisis dan peralatan bahan tiruan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan, komputer dan pendidikan.

Faedah kakitangan jangka pendek termasuk gaji, upah, bonus dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambilkira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

2.13.2. Manfaat selepas perkhidmatan

(i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut dicaj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(ii) Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadanan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut dicaj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(iii) Manfaat Cuti Rehat dan Ganjaran Kakitangan Kontrak

Bagi kakitangan tetap Majlis sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunapakai oleh Majlis.

Majlis hanya mengambilkira peruntukan Gantian Cuti Rehat bagi kakitangan tetap dan telah berkhidmat melebihi 10 tahun dan telah mencapai umur 40 tahun dan ke atas dalam tempoh kewangan berakhir di mana ia dikira berdasarkan formula berikut:

1/30 X Gaji akhir yang diterima X jumlah hari cuti rehat yang dikumpulkan (tertakluk kepada hak maksimum 150 hari)

Pihak Majlis juga akan memberi ganjaran kepada kakitangan kontrak yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka berdasarkan formula berikut:

[17.5%–12% (caruman KWSP majikan) X gaji pokok terakhir X jumlah bulan perkhidmatan] (-) faedah syer ke atas caruman KWSP majikan.

2.14. Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

2.14.1. Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Majlis mengkaji semua nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai mata wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta-merta apabila nilai aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

2.14.2. Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya, dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.15. Percukaian

Majlis Perbandaran Klang adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6 : Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.16. Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. lmplikasi cukai barang dan perkhidmatan kepada Majlis adalah seperti berikut:

(i) Cukai Output

Terimaan hasil cukai taksiran dan lesen adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan hasil selain cukai taksiran contohnya seperti sewaan ruang niaga, sewaan dewan adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

(ii) Cukai Input

Majlis menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan. Majlis boleh dituntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

2.17. Maklumat Bajet

2.17.1. Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan Penyata Kewangan disediakan mengunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.17.2. Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Khas Belanjawan MPK dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Selangor.

2.18. Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

2.18.1. Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam Penyata Kewangan.

2.18.2. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Elaun Rosot Nilai bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan

pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu bayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Majlis menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh 3 hingga 50 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iii) Penentuan hartanah pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

(iv) Pengukuran Peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.19. Kesan Pemakaian MPSAS

2.19.1. Penyata Kewangan ini adalah merupakan Penyata Kewangan peralihan pertama Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana Penyata Kewangan Majlis sebelum ini telah disediakan menggunakan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Majlis. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan Penyata Kewangan tahun kewangan sebelum ini selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan seperti berikut:

(i) Aset dan liabiliti kewangan

Pada tahun kewangan sebelum ini, beberapa item aset dan liabiliti kewangan diukur pada kos yang memperuntukkan keuntungan mengikut asas garis lurus. Penggunaan rangka kerja MPSAS menyebabkan item-item tersebut diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah keuntungan berkesan. Jumlah kos dilunaskan semua item tersebut akan dikira semula secara retrospektif dan perbezaan di antara jumlah kos dilunaskan dan nilai dibawa sebelumnya telah diselaraskan kepada baki awal Kumpulan Wang Majlis.

(ii) Peruntukan manfaat kakitangan

MPSAS 25 Employee Benefits menghendaki entiti mengiktiraf semua manfaat yang diberikan kepada kakitangan. Majlis mempunyai obligasi untuk membayar Gantian Cuti Rehat kepada kakitangannya apabila mereka bersara kelak. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi

pengiktirafan manfaat kakitangan ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga manfaat kakitangan tersebut diktiraf dan diukur (mana yang terdahulu).

(iii) Aset Tak Ketara

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua perbelanjaan berhubung dengan perisian komputer telah diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki perbelanjaan berhubung perisian komputer ini dipermodalkan kerana terdapat kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti. Oleh itu, pelarasan berhubung aset tidak ketara ini telah diambilkira di dalam Penyata Kewangan ini.

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua perisian komputer telah dikategorikan di bawah hartanah, loji dan peralatan. Pemakaian MPSAS menghendaki perisian komputer ini diklasifikasikan semula berdasarkan kepada ciri-cirinya yang perlu ditunjukkan secara berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Majlis telah membuat pengklasifikasian tersebut di dalam tahun kewangan semasa.

(iv) Hartanah Pelaburan

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, hartanah pelaburan yang dimiliki oleh Majlis ditunjukkan di bawah Hartanah, Loji dan Peralatan. Pemakaian MPSAS menghendaki hartanah pelaburan ini diklasifikasikan berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan hartanah pelaburan ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diktiraf dan diukur (mana yang terdahulu).

(v) Elaun Rosot Nilai

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, salah satu dasar perakaunan Majlis berhubung elaun rosot nilai adalah dengan membuat peruntukan terhadap tunggakan yang melebihi 6 tahun. Pemakaian MPSAS menghendaki elaun rosot nilai ini dibuat atas bukti objektif dan bukannnya berdasarkan kepada pertimbangan. Dasar perakaunan berhubung dengan elaun rosot nilai ini dinyatakan pada nota 2.7 kepada Penyata Kewangan. Oleh itu, semua kesan berhubung elaun rosot nilai ini telah dibuat secara prospektif di dalam tahun kewangan ini.

(vi) Pengiktirafan geran atau akaun amanah

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis mengiktiraf akaun geran atau geran amanahnya sebagai salah satu item dalam Penyata Perubahan Aset Bersih. Pemakaian MPSAS menghendaki semua geran atau akaun amanah yang mempunyai syarat ke atasnya hendaklah diklasifikasikan sebagai liabiliti. Oleh itu, Majlis telah mengklafikasikan semula geran atau akaun amanah yang mempunyai syarat ke atasnya diklasifikasikan sebagai liabiliti. Majlis melunaskan akaun geran dan akaun amanahnya ke penyata prestasi kewangan tidak bersamaan dengan jumlah yang dibelanjakan.

2.19.2. Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Majlis juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan Penyata Kewangan ini yang pertama kali disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

Peruntukan dan Pengecualian yang memberi kesan ketara ke atas Penyata Kewangan

(i) Aset Infrastruktur

Majlis memiliki aset infrastruktur iaitu jalan raya dan pondok bas yang tidak dipermodalkan di dalam Penyata Kewangan. Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi aset infrastruktur telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki aset-aset ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset infrastruktur ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset infrastrukturnya.

(ii) Penentuan Nilai Saksama Aset Yang Direkodkan Pada Nilai Nominal

Majlis memiliki beberapa aset nyata dan tidak nyata yang diterima secara percuma dan direkodkan pada nilai nominal di dalam Penyata Kewangan Majlis. MPSAS mengkehendaki semua aset nyata dan tidak nyata yang diterima melalui urusniaga bukan pertukaran hendaklah direkodkan pada nilai saksama. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset-aset tersebut bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset-aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menentukan nilai saksama aset-aset tersebut.

(iii) Peruntukan Ke Atas Gantian Cuti Rehat Dan Ganjaran Kontrak

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis tidak membuat peruntukan ke atas gantian cuti rehat dan ganjaran kontrak. MPSAS mengkehendaki peruntukan-peruntukan ini dibuat kerana ia telah memenuhi syarat kepada sesuatu peruntukan itu perlu dibuat. Majlis akan menggunapakai kaedah Projected Unit Credit bagi membuat pengiraan peruntukan gantian cuti rehat di mana Majlis akan membuat beberapa andaian di dalam pengiraan tersebut. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi mengiktiraf peruntukan ke atas gantian cuti rehat dan ganjaran kontrak ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga peruntukan-peruntukan tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk mengumpul data berhubung dengan kakitangannya.

(iv) Pengiktirafan inventori

Majlis memiliki beberapa inventori yang tidak direkodkan di dalam Penyata Kewangan di mana Majlis telah mengiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki inventori ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan inventori ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung inventori.

(v) Aset Hidup

Majlis memiliki aset hidup iaitu pokok dan tumbuhan yang tidak dipermodalkan di dalam penyata kewangan. MPSAS menghendaki aset hidup ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset hidup ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset hidupnya.

Peruntukan dan Pengecualian yang tidak memberi kesan ketara ke atas Penyata Kewangan

(i) Aset dan liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf

Majlis tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangannya yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunapakai rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunapakai rangka kerja MPSAS. Jika sesuatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah rangka kerja perakaunan terdahulu, maka Majlis memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

(ii) Anggaran perakaunan

Sebelum ini, Majlis menggunakan pertimbangan untuk menentukan elaun bagi elaun rosot nilainya. Elaun akan dibuat apabila Majlis menilai sesuatu hutang itu tidak boleh dikutip. Selepas menggunapakai MPSAS, penilaian ke atas kemerosotan aset kewangan dibuat berdasarkan kepada perisitwa kerugian yang telah berlaku (incurred loss model), di mana kemerosotan diiktiraf berdasarkan bukti objektif tidak wujud. Walau bagaimanapun, elaun rosot nilai pada tarikh peralihan tidak diselaraskan secara retrospektif pada tarikh tersebut.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.19 Kesan Pemakaian MPSAS

Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016

| | PERS | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| ASET SEMASA | | | |
| Urusniaga bukan pertukaran belum terima | — | 48,285,211 | 48,285,211 |
| Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan | — | 8,175,812 | 8,175,812 |
| Simpanan tetap | 239,202,680 | — | 239,202,680 |
| Wang di tangan dan di bank | 12,367,269 | — | 12,367,269 |
| Bayaran terdahulu | 33,601 | (33,601) | — |
| Pelbagai Penghutang | 1,152,693 | (1,152,693) | — |
| Penghutang | 55,183,079 | (55,183,079) | — |
| Pinjaman Kakitangan | 205,839 | (205,839) | — |
| | 308,145,161 | (114,189) | 308,030,972 |
| ASET BUKAN SEMASA | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 78,494,267 | (323,440) | 78,170, 827 |
| Kerja dalam kemajuan | 1,520,933 | — | 1,520,933 |
| Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan | — | 114,189 | 114,189 |
| Aset tak ketara | — | 323,440 | 323,440 |
| | 80,015,200 | 114,189 | 80,129,389 |
| JUMLAH ASET | 388,160,361 | — | 388,160,361 |

| | PERS | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru | — | 75,417,998 | 75,417,998 |
| Geran tertunda | — | 3,804,341 | 3,804,341 |
| Akaun amanah | — | 106,048,681 | 106,048,681 |
| Pemiutang | 25,348,640 | (25,348,640) | — |
| Wang cagaran | 39,058,032 | (39,058,032) | — |
| Terimaan terdahulu | 11,011,326 | (11,011,326) | — |
| JUMLAH LIABILITI | 75,417,998 | 109,853,022 | 185,271,020 |
| ASET BERSIH | 312,742,363 | (109,853,022) | 202,889,341 |
| ASET BERSIH | | | |
| Kumpulan Wang Majlis | 201,939,341 | — | 201,939,341 |
| Kumpulan Wang Pinjaman | 950,000 | — | 950,000 |
| Kumpulan Wang Amanah | 106,048,681 | (106,048,681) | — |
| Kredit Tertunda | 3,804,341 | (3,804,341) | — |
| | 312,742,363 | (109,853,022) | 202,889,341 |

Kesan ke atas penyata prestasi kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016

| | PERS | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| HASIL | | | |
| Urusniaga bukan pertukaran | — | 206,207,516 | 206,207,516 |
| Urusniaga pertukaran | — | 26,616,868 | 26,616,868 |
| Pelbagai hasil | — | 6,985,757 | 6,985,757 |
| Hasil cukai | 156,237,940 | (156,237,940) | — |
| Hasil bukan cukai | 74,213,359 | (74,213,359) | — |
| Pelbagai terimaan | 9,358,842 | (9,358,842) | — |
| JUMLAH HASIL | 239,810,141 | — | 239,810,141 |
| PERBELANJAAN | | | |
| Emolumen | 77,123,396 | — | 77,123,396 |
| Perkhidmatan dan bekalan | 103,794,582 | — | 103,794,582 |
| Pemberian dan kenaikan tetap | 645,918 | — | 645,918 |
| Perbelanjaan lain | 17,716,058 | (10,016,242) | 7,699,816 |
| Perbelanjaan pembangunan | 3,441,198 | — | 3,441,198 |
| Susutnilai | — | 10,016,242 | 10,016,242 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 202,721,152 | — | 202,721,152 |
| LEBIHAN BAGI TAHUN | 37,088,989 | — | 37,088,989 |

2.20. Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.21. Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada Ahli-Ahli Majlis.

2.22. Pajakan

Pajakan Kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Majlis menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosotnilai.

Pajakan Operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

3. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

| Keterangan | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Akaun belum terima cukai taksiran (Nota 3.1) | 46,756,499 | 48,060,743 |
| Akaun belum terima carum bantuan kadar (Nota 3.2) | 65,400 | 84,621 |
| Akaun belum terima sewa harta Majlis (Nota 3.3) | 180,054 | 48,604 |

| Keterangan | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Akaun belum terima sewa dan perkhidmatan lain-lain (Nota 3.4) | 85,253 | 91,243 |
| Akaun belum terima sewa letak kereta bermeter (Nota 3.5) | — | — |
| JUMLAH | 47,087,206 | 48,285,211 |
| | | |
| 3.1 Akaun belum terima cukai taksiran | 57,857,372 | 59,959,127 |
| 3.1.1 Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai (Tahun Sebelum) | (10,941,391) | (10,815,026) |
| Elaun Rosot Nilai (Tahun Semasa) | (159,482) | (1,083,358) |
| JUMLAH | 46,756,499 | 48,060,743 |
| | | |
| 3.2 Akaun belum terima carum bantuan kadar | 167,040 | 179,001 |
| 3.2.1 Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai (Tahun Sebelum) | (94,380) | (87,120) |
| Elaun Rosot Nilai (Tahun Semasa) | (7,260) | (7,260) |
| JUMLAH | 65,400 | 84,621 |
| | | |
| 3.3 Akaun belum terima sewa harta majlis | 1,738,652 | 1,798,964 |
| 3.3.1 Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai (Tahun Sebelum) | (1,546,211) | (1,380,701) |
| Elaun Rosot Nilai (Tahun Semasa) | (12,387) | (369,659) |
| JUMLAH | 180,054 | 48,604 |
| | | |
| 3.4 Akaun belum terima sewa dan Perkhidmatan lain-lain | 183,523 | 192,463 |
| 3.4.1 Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai (Tahun Sebelum) | (87,330) | (96,510) |
| Elaun Rosot Nilai (Tahun Semasa) | (10,940) | (4,710) |
| JUMLAH | 85,253 | 91,243 |
| | | |
| 3.5 Akaun belum terima sewa letak kereta bermeter | 83,057 | 83,057 |
| 3.5.1 Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai (Tahun Sebelum) | (83,057) | (83,057) |
| Elaun Rosot Nilai (Tahun Semasa) | — | — |
| JUMLAH | — | — |

Butiran pergerakan akaun elaun rosot nilai adalah seperti berikut:

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | (13,927,401) | (13,919,094) |
| (+) Pelarasan | 1,175,032 | 1,456,680 |
| Baki diselaraskan | (12,752,369) | (12,462,414) |
| (Kurangan)/Tambahan tahun semasa | (190,069) | (1,464,987) |
| Baki pada akhir tahun | (12,942,438) | (13,927,401) |

4. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

| Keterangan | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Gaji terlebih bayar | 31,037 | 12,610 |
| Pinjaman kenderaan | 118,444 | 53,519 |
| Pinjaman komputer | 165,060 | 152,320 |
| Pendahuluan kontrak | — | — |
| Pendahuluan Kakitangan | 5,634 | 13,886 |
| Pendahluan perlingungan insurans | 9,613 | — |
| Pendahuluan panel klinik | — | 19,715 |
| Deposit TNB | 360,813 | 360,813 |
| Deposit SYABAS | 186,705 | 186,705 |
| Deposit lain-lain | 610,675 | 605,175 |
| Jabatan Kastam-GST belum terima | 4,178,202 | 3,567,778 |
| Jualan rumah pangsa Bukit Tinggi | — | 58,500 |
| Faedah Pelaburan/wang simpanan tetap | 2,913,327 | 1,914,689 |
| Suasa Effektif Sdn. Bhd. | 200,946 | 310,689 |
| Tuntutan semula pendaftar wang tak dituntut | 13,926 | 13,550 |
| UOB kad kredit | 1,009 | 732 |
| Citibank Berhad | 2,136 | 3,512 |
| MBF Cards | — | 4,511 |
| RHB Bank (E-Cukai) | 22,538 | 27,001 |
| HSBC Bank | 848 | 4,998 |
| Bank Raykat (M) Bhd. | 1,244 | 1,602 |
| Affin Bank | 53 | 74 |
| Bank Muamalat | 749,584 | 144,642 |
| Pos Malaysia Bhd. | 17,478 | 7,672 |
| Pejabat Tanah/Daerah Klang | 399 | 1,697 |
| Majlis Perbandaran Selayang | 70 | 59 |
| Jualan Tender Online belum terima | 1,480,820 | 817,980 |
| Majlis Bandaraya Shah Alam | 1,324 | 114 |
| Majlis Perbandaran Petaling Jaya | 2,398 | 1,585 |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya | 4,402 | 3,067 |
| Majlis Perbandaran Ampang Jaya | — | 149 |
| Majlis Perbandaran Kajang | — | 179 |
| Majlis Daerah Kuala Langat | 1,933 | 380 |
| Majlis Daerah Hulu Selangor | — | 98 |
| JUMLAH | 11,080,618 | 8,290,001 |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| 4.1 Gaji terlebih bayar | 33,846 | 12,610 |
| 4.1.1 Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai (Tahun Sebelum) | — | — |
| Elaun Rosot Nilai (Tahun Semasa) | (2,809) | — |
| JUMLAH | 31,037 | 12,610 |

| Keterangan | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| 4.2 Pinjaman Kenderaan | 118,444 | 53,519 |
| 4.2.1 Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai (Tahun Sebelum) | — | — |
| Elaun Rosot Nilai (Tahun Semasa) | — | — |
| | 118,444 | 53,519 |
| 4.3 Pinjaman Kenderaan | 169,935 | 152,320 |
| 4.3.1 Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai (Tahun Sebelum) | — | — |
| Elaun Rosot Nilai (Tahun Semasa) | (4,875) | — |
| JUMLAH | 165,060 | 152,320 |
| 4.4 Pendahuluan Kontrak | — | 119,117 |
| 4.4.1 Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai (Tahun Sebelum) | — | (119,117) |
| Elaun Rosot Nilai (Tahun Semasa) | — | — |
| JUMLAH | — | — |
| Dianalisa seperti berikut: | | |
| Kurang daripada 12 bulan | 10,903,458 | 8,175,812 |
| Lebih daripada 12 bulan | 177,160 | 114,189 |
| JUMLAH | 11,080,618 | 8,290,001 |

5. SIMPANAN TETAP

| | | |
|---|---|---|
| Al-Mudharabah (Nota 5.1) | 265,500,000 | 158,000,000 |
| Simpanan Jangka Pendek (Nota 5.2) | 5,000,000 | 7,000,000 |
| Simpanan Jangka Panjang (Nota 5.3) | — | 74,202,680 |
| JUMLAH | 270,500,000 | 239,202,680 |

5.1 Al-Mudharabah

| | | |
|---|---|---|
| Malaysia Building Society Bhd. | 78,500,000 | 45,000,000 |
| PT Bank Muamalat Indonesia | 34,000,000 | 23,000,000 |
| Bank Kerjasama Rakyat | 39,000,000 | 39,000,000 |
| Al-Rajhi Bank Berhad | 50,000,000 | — |
| Malayan Banking Berhad | 18,000,000 | — |
| Kuwait Finance Berhad | 46,000,000 | — |
| Alkhair International Islamic Bhd. | — | 7,000,000 |
| Bank Muamalat Malaysia | — | 10,000,000 |
| Bank Islam Malaysia Berhad | — | 11,000,000 |
| Public Bank | — | 23,000,000 |
| JUMLAH | 265,500,000 | 158,000,000 |

| Keterangan | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| 5.2 Simpanan Jangka Pendek | | |
| Bank Islam Malaysia Berhad | 5,000,000 | 7,000,000 |
| JUMLAH | 5,000,000 | 7,000,000 |
| 5.3 Simpanan Jangka Panjang | | |
| Amanah Raya Berhad | — | 74,202,680 |
| JUMLAH | — | 74,202,680 |
| 6. WANG DI TANGAN DAN DI BANK | | |
| Tunai di tangan (Nota 6.1) | 16,553 | 17,250 |
| Tunai di bank (Nota 6.2) | 12,922,349 | 12,350,019 |
| JUMLAH | 12,938,902 | 12,367,269 |
| 6.1 Tunai di tangan | | |
| Jabatan kewangan | 11,900 | 12,900 |
| Jabatan Undang-Undang | 25 | 90 |
| Jabatan Kejuruteraan | 1,760 | 744 |
| Jabatan Khidmat Pengurusan | 2 | 891 |
| Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta | 386 | 452 |
| Jabatan Kesihatan | 1 | 3 |
| Jabatan Taman & Rekreasi | 18 | 51 |
| Jabatan Bangunan | 9 | 122 |
| Jabatan Perlesenan & Penjaja | 1,000 | 228 |
| Jabatan Perancang Bandar | 58 | 500 |
| Jabatan Pusat Setempat | 39 | 274 |
| Jabatan Perkhidmatan Persekitaran | 22 | 7 |
| Bahagian Audit Dalaman | 274 | 167 |
| Jabatan Pesuruhjaya Bangunan | 181 | 8 |
| Unit Integriti | 500 | 500 |
| Unit Ukur Bahan | 378 | 313 |
| JUMLAH | 16,553 | 17,250 |
| 6.2 Tunai di bank | | |
| Bank Islam (M) Bhd. Caw. Klang | 6,740,381 | 6,604,899 |
| Bank Islam (M) Bhd. Caw. Klang (SBBS) | 2,223,111 | 2,426,853 |
| CIMB Bank. Bhd. Caw. Kapar | 68,901 | 52,257 |
| RHB Bhd. Caw. Meru | 14,545 | 12,761 |
| CIMB Bank Bhd. Caw. Klang | 721,743 | 833,388 |
| Bank Simpanan Nasional | 99,951 | 42,174 |
| CIMB Bank Bhd. (E-Cukai) | 184,700 | 161,578 |
| Maybank Bhd. Caw. Klang | 2,572,280 | 883,658 |
| Arab Malaysia Bank Bhd. | 82,738 | 1,242,818 |
| Public Bank Bhd. | 213,999 | 89,633 |
| JUMLAH | 12,922,349 | 12,350,019 |

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

7.1 TAHUN 2017

| | Tanah | Bangunan | Kenderaan Bermotor | Mesin Jentera | Perabut, Kelengkapan, Perkakas dan Peralatan Komputer | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| KOS | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | 3,899,069 | 197,404,359 | 25,271,275 | 2,663,684 | 14,967,912 | 244,206,299 |
| - Seperti yang dinyatakan semula | | | | | | |
| Tambahan dalam tahun | — | 2,819,206 | 1,468,622 | — | 1,440,311 | 5,728,139 |
| Pindahan dari kerja dalam kemajuan (Nota 8) | — | 694,540 | — | — | — | 694,540 |
| Pelarasan | (10) | 40,000 | — | — | — | 39,990 |
| Jualan/Hapuskira | | (80,000) | — | — | — | (80,000) |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2017 | 3,899,059 | 200,878,105 | 26,739,897 | 2,663,684 | 16,408,223 | 250,588,968 |
| SUSUT NILAI TERKUMPUL | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | 904,094 | 127,997,778 | 21,272,989 | 2,596,396 | 13,264,215 | 166,035,472 |
| Susutnilai tahun semasa | 50,849 | 6,365,271 | 2,141,030 | 23,720 | 1,020,768 | 9,601,638 |
| Pelarasan | (10) | 12,000 | — | — | — | 11,990 |
| Jualan/Hapuskira | — | (24,000) | — | — | — | (24,000) |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2017 | 954,933 | 134,351,049 | 23,414,019 | 2,620,116 | 14,284,983 | 175,625,100 |
| AMAUN BAWAAN | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2017 | 2,944,126 | 66,527,056 | 3,325,878 | 43,568 | 2,123,240 | 74,963,868 |

7.2 TAHUN 2016

| | Tanah | Bangunan | Kenderaan Bermotor | Mesin Jentera | Perabut, Kelengkapan, Perkakas dan Peralatan Komputer | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| KOS | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 - Seperti yang dinyatakan semula | 3,899,069 | 194,267,587 | 22,647,664 | 2,600,684 | 14,263,601 | 237,678,605 |
| Tambahan dalam tahun | — | 3,708,367 | 2,623,611 | 63,000 | 704,311 | 7,099,289 |
| Pelarasan | — | 160,000 | — | — | — | 160,000 |
| Jualan/Hapuskira | — | (731,595) | — | — | — | (731,595) |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2016 | 3,899,069 | 197,404,359 | 25,271,275 | 2,663,684 | 14,967,912 | 244,206,299 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | 853,053 | 122,846,902 | 18,583,663 | 2,476,420 | 12,244,417 | 157,004,455 |
| Susutnilai tahun semasa | 51,041 | 5,812,811 | 2,689,326 | 119,976 | 1,019,798 | 9,692,952 |
| Pelarasan | — | 40,800 | — | — | — | 40,800 |
| Jualan/Hapuskira | — | (702,735) | — | — | — | (702,735) |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2016 | 904,094 | 127,997,778 | 21,272,989 | 2,596,396 | 13,264,215 | 166,035,472 |
| AMAUN BAWAAN | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2016 | 2,994,975 | 69,406,581 | 3,998,286 | 67,288 | 1,703,697 | 78,170,827 |

8. KERJA DALAM KEMAJUAN

| Keterangan | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 1,520,933 | — |
| Tambahan | 3,954,296 | 1,520,933 |
| Pindahan ke hartanah, loji dan peralatan (Nota 7.1) | (694,540) | — |
| Baki pada akhir tahun | 4,780,689 | 1,520,933 |

9. ASET TAK KETARA

| Perisian komputer | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| KOS | | |
| Pada 1 Januari Seperti yang dinyatakan semula | 2,101,610 | 2,101,610 |
| Tambahan dalam tahun | 63,600 | — |
| Kos pada 31 Disember | 2,165,210 | 2,101,610 |
| PELUNASAN TERKUMPUL | | |
| Pada 1 Januari Seperti yang dinyatakan semula | 1,778,170 | 1,454,880 |
| Pelunasan tahun semasa | 336,006 | 323,290 |
| PELUNASAN TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER | 2,114,176 | 1,778,170 |
| AMAUN BAWAAN PADA 31 DISEMBER | 51,034 | 323,440 |

10. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR DAN PERBELANJAAN TERAKRU

| Keterangan | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Perbelanjaan belum bayar (Nota 10.1) | 20,916,389 | 19,010,090 |
| Emolumen belum bayar (Nota 10.2) | 80,450 | 35,752 |
| Pendaftar wang tidak dituntut (Nota 10.3) | 318,516 | 78,660 |
| Pelbagai belum bayar (Nota 10.4) | 7,739,233 | 6,224,138 |
| Wang cagaran (Nota 10.5) | 40,899,712 | 39,058,032 |
| Hasil terima dahulu | 13,589,842 | 11,011,326 |
| JUMLAH | 83,544,142 | 75,417,998 |

10.1 Perbelanjaan belum bayar

| | | |
|---|---|---|
| Kerja-kerja kontrak belum bayar | 14,338,323 | 14,983,294 |
| Pesanan tempatan belum bayar | 1,745,150 | 661,436 |
| Inden belum bayar | 2,224,630 | 1,130,343 |
| Lain-lain perbelanjaan belum bayar | 2,608,286 | 2,235,017 |
| JUMLAH | 20,916,389 | 19,010,090 |

| Keterangan | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| **10.2 Emolumen belum bayar** | | |
| Gaji kakitangan tetap belum bayar | 5,519 | — |
| Gaji pekerja sambilan belum bayar | 65,567 | 29,900 |
| KWSP belum bayar | 8,303 | 5,336 |
| SOCSO belum bayar | 1,061 | 516 |
| JUMLAH | 80,450 | 35,752 |
| **10.3 Pendaftar wang tidak dituntut** | | |
| Serahan cagaran kepada Akta Wang tak Dituntut 1965 | 318,516 | 78,660 |
| JUMLAH | 318,516 | 78,660 |
| **10.4 Pelbagai belum bayar** | | |
| Bon perlaksanaan kontrak | 7,637,056 | 6,115,219 |
| Bayaran tidak dituntut | 42,086 | 32,938 |
| Pampasan setinggan | 50,032 | 50,032 |
| Majlis Bandaraya Shah Alam | — | 307 |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya | 1,928 | — |
| Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 211 | 280 |
| Majlis Perbandaran Kajang | — | 394 |
| Majlis Daerah Kuala Selangor | — | 2,208 |
| Majlis Daerah Kuala Langat | 1,113 | 197 |
| Majlis Daerah Hulu Selangor | — | 99 |
| Pejabat Tanah | 6,807 | 9,726 |
| Tabung En. Raja Muhammad Shah | — | 7,738 |
| Vista Sayang Sdn. Bhd. | — | 5,000 |
| JUMLAH | 7,739,233 | 6,224,138 |
| **10.5 Wang Cagaran** | | |
| Cagaran Teknikal (Nota 10.5.1) | 33,300,101 | 33,246,285 |
| Cagaran bukan teknikal (Nota 10.5.2) | 7,599,611 | 5,811,747 |
| JUMLAH | 40,899,712 | 39,058,032 |
| **10.5.1 Cagaran teknikal** | | |
| Deposit Saliran | 18,549,882 | 21,554,292 |
| Deposit sambungan/tambahan bangunan | 1,186,879 | 1,448,574 |
| Deposit khemah | 27,591 | 23,491 |
| Deposit parit dan lampu jalan | 5,084,189 | 3,272,721 |
| Deposit pengorekan jalan | 6,301,563 | 4,869,661 |
| Deposit lampu jalan | 2,000 | 2,000 |
| Deposit lesen/P/iklan sementara | 527,523 | 597,024 |
| Deposit sisa bahan binaan | 104,363 | 96,363 |
| Deposit zon industri Telok Gong | 1,516,111 | 1,382,159 |
| JUMLAH | 33,300,101 | 33,246,285 |

| Keterangan | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| 10.5.2 Cagaran bukan teknikal | | |
| Deposit papan iklan/sepanduk | 926,840 | 629,340 |
| Deposit penggunaan dewan | 158,815 | 133,644 |
| Deposit sewa bangunan majlis/gerai | 3,370,673 | 2,551,322 |
| Deposit bangsal/wayang tokong | 35,000 | 19,900 |
| Deposit petak letak kereta | 183,300 | 123,810 |
| Deposit kemudahan riadah | 46,550 | 32,100 |
| Deposit pertunjukan/Ekspo | 8,400 | 8,400 |
| Deposit lesen hiburan | 1,998,450 | 1,448,150 |
| Deposit rumah pangsa bukit tinggi | 38,600 | 101,600 |
| Deposit lain-lain | 154,300 | 174,143 |
| Deposit pusat siber & siber cafe | 210,000 | 210,000 |
| Deposit pusat kecantikan | 300,000 | 290,000 |
| Deposit iklan | 138 | 138 |
| Deposit kupon letak kereta | 44,000 | 42,100 |
| Deposit kerusi meja | 54,700 | 46,600 |
| Deposit rumah rehat jalan raya barat | — | 500 |
| Deposit permit perayaan | 69,845 | — |
| JUMLAH | 7,599,611 | 5,811,747 |

11. GERAN TERTUNDA

| | | |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 14,740,376 | 10,975,169 |
| Tambah: | | |
| Penambahan tahun semasa | — | 3,765,207 |
| Tolak: | | |
| Pelunasan terkumpul | (11,792,507) | (10,936,035) |
| Baki pada akhir tahun | 2,947,869 | 3,804,341 |

12. KUMPULAN WANG AMANAH

| | | |
|---|---|---|
| Geran jalan raya Marris (Nota 12.1) | 30,103,348 | 38,816,687 |
| Tabung Amanah Perkuburan (Nota 12.2) | 1,514,544 | 1,514,544 |
| Penggerak belia tempatan (PeBT) (Nota 12.3) | 50,898 | 27,162 |
| Tabung Amanah Telok Gong (Nota 12.4) | 2,640,650 | 2,113,328 |
| Sumbangan kerajaan dan Agensi (Nota 12.5) | 3,557,749 | 2,251,479 |
| Caj pemajuan (Nota 12.6) | 68,740,024 | 61,325,481 |
| JUMLAH | 106,607,213 | 106,048,681 |

| Bil. | Keterangan | Baki pada 1-1-2017 RM | Terimaan dalam tahun RM | Pembayaran dalam tahun RM | Baki pada 31-12-2017 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| 12.1 | Geran Jalan raya Marris | 38,816,687 | 53,512,007 | (62,225,346) | 30,103,348 |
| 12.2 | Tabung Amanah Perkuburan | 1,514,544 | — | — | 1,514,544 |
| 12.3 | Penggerak Belia Tempatan (PeBT) | 27,162 | 152,920 | (129,184) | 50,898 |

| Bil. | Keterangan | Baki pada 1-1-2017 | Terimaan dalam tahun | Pembayaran dalam tahun | Baki pada 31-12-2017 |
|---|---|---|---|---|---|
| | | RM | RM | RM | RM |
| 12.4 | Tabung Amanah Telok Gong | 2,113,328 | 527,322 | — | 2,640,650 |
| 12.5 | Sumbangan Kerajaan dan Agensi | 2,251,479 | 6,008,014 | (4,701,744) | 3,557,749 |
| 12.6 | Caj Pemajuan | 61,325,481 | 16,058,000 | (8,643,457) | 68,740,024 |
| | | 106,048,681 | 76,258,263 | (75,699,731) | 106,607,213 |

13. KUMPULAN WANG MAJLIS

| Keterangan | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM Seperti yang dinyatakan semula |
| Baki terkumpul pada 1 Januari | 201,939,341 | 164,044,150 |
| Tambah/(Tolak): Pelarasan Tahun lalu | (1,677,700) | (20,191) |
| Baki diselaraskan semula pada 1 Januari | 200,261,641 | 164,023,959 |
| Tambahan Kumpulan Wang Majlis | 4,788,237 | 826,393 |
| Lebihan pendapatan & perbelanjaan dalam tahun | 22,303,215 | 37,088,989 |
| Baki berakhir 31 Disember | 227,353,093 | 201,939,341 |

14. KUMPULAN WANG PINJAMAN KAKITANGAN

| | | |
|---|---|---|
| Kumpulan wang pinjaman kenderaan (Nota 14.1) | 600,000 | 600,000 |
| Kumpulan wang pinjaman kenderaan (Nota 14.2) | 250,000 | 250,000 |
| Kumpulan wang tabung pendidikan (Nota 14.3) | 100,000 | 100,000 |
| Baki berakhir 31 Disember | 950,000 | 950,000 |

14.1 Kumpulan wang pinjaman kenderaan

| | | |
|---|---|---|
| Baki pinjaman kenderaan belum bayar | 118,444 | 53,519 |
| Pinjaman belum digunakan | 481,556 | 546,481 |
| JUMLAH | 600,000 | 600,000 |

14.2 Kumpulan wang pinjaman komputer

| | | |
|---|---|---|
| Baki pinjaman komputer belum bayar | 169,935 | 152,320 |
| Pinjaman belum digunakan | 80,065 | 97,680 |
| JUMLAH | 250,000 | 250,000 |

14.3 Kumpulan Wang tabung pendidikan

| | | |
|---|---|---|
| Baki tabung pendidikan belum bayar | — | — |
| Pinjaman belum digunakan | 100,000 | 100,000 |
| JUMLAH | 100,000 | 100,000 |

15. PENYATA PRESTASI KEWANGAN TERPERINCI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| HASIL | | |
| URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN | | |
| Cukai taksiran | 159,046,941 | 154,776,806 |
| Carum bantuan kadar | 1,511,921 | 1,461,134 |
| Lesen dan permit | 21,598,231 | 20,405,811 |
| Sewaan harta majlis | 11,071,752 | 8,144,625 |
| Denda dan kompaun | 8,941,665 | 11,926,181 |
| Hutang ragu baikpulih | 1,009,910 | 134,117 |
| Geran keseimbangan | 5,000,000 | 5,000,000 |
| Lain-lain geran | 4,331,295 | 4,358,842 |
| | 212,511,715 | 206,207,516 |
| URUSNIAGA PERTUKARAN | | |
| Terimaan perkhidmatan | 8,126,966 | 9,792,429 |
| Letak kereta | 6,310,755 | 6,204,526 |
| Lain-lain jualan | 879,953 | 1,172,841 |
| Faedah dan perolehan pelaburan | 10,729,635 | 8,458,239 |
| Sumbangan dan terimaan tempatan | 529,854 | 988,833 |
| | 26,577,163 | 26,616,868 |
| PELBAGAI HASIL | | |
| Keuntungan atas jualan aset | 69,000 | 36,200 |
| Cagaran dilucut hak | 6,290,793 | 6,949,557 |
| | 6,359,793 | 6,985,757 |
| JUMLAH HASIL | 245,448,671 | 239,810,141 |
| PERBELANJAAN | | |
| EMOLUMEN | | |
| Gaji dan upahan | 43,436,993 | 47,015,487 |
| Elaun tetap | 16,700,676 | 15,821,074 |
| Sumbangan berkanun | 7,920,075 | 7,487,822 |
| Elaun lebih masa | 6,411,129 | 5,876,630 |
| Faedah kewangan yang lain | 841,702 | 922,383 |
| Bayaran bantuan kewangan | 10,971,857 | — |
| | 86,282,432 | 77,123,396 |
| PERBELANJAAN | | |
| PERKHIDMATAN DAN BEKALAN | | |
| Tuntutan perjalanan | 527,046 | 571,699 |
| Pengangkutan barang-barang | 3,272 | 503 |
| Perhubungan dan utiliti | 12,900,120 | 14,244,865 |

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Sewaan | 998,604 | 983,233 |
| Bahan mentah dan alat ganti | 3,186,852 | 1,360,031 |
| Bekalan bahan lain | 2,872,918 | 2,491,941 |
| Penyelenggaraan dan pembaikan | 56,824,026 | 77,803,816 |
| Perkhidmatan ikthtisas & hospitaliti | 7,847,515 | 6,338,494 |
| | 85,160,353 | 103,794,582 |
| PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP | | |
| Biasiswa dan bantuan pelajaran | 1,900 | 3,800 |
| Pemberian dalam negeri | 281,063 | 404,702 |
| Tuntutan insuran dan pampasan | — | 5,000 |
| Ganjaran | 199,448 | 232,416 |
| | 482,411 | 645,918 |
| PERBELANJAAN LAIN | | |
| Pulangbalik dan hapuskira | 562,134 | 555,644 |
| Bayaran-bayaran lain | 4,384,927 | 5,679,185 |
| Elaun rosot nilai | 197,753 | 1,464,987 |
| | 5,144,814 | 7,699,816 |
| PERBELANJAAN PEMBANGUNAN | | |
| Penyelenggaraan & pembaikan kecil dibeli | 31,724,106 | 623,984 |
| Perkhidmatan ikhtisas & hospitaliti | 97,472 | — |
| Aset tidak dipermodalkan | 2,239,143 | 2,817,214 |
| Bayaran-bayaran lain | 2,077,071 | — |
| | 36,137,802 | 3,441,198 |
| Susutnilai | 9,937,644 | 10,016,242 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 223,145,456 | 202,721,152 |
| LEBIHAN BAGI TAHUN | 22,303,215 | 37,088,989 |

16. PELARASAN TAHUN LALU

Pelarasan tahun lalu dinyatakan semula seperti berikut:

| Keterangan | Dinyatakan Terdahulu (2016)<br>RM | Pelarasan Tahun Lalu/ Perbezaan<br>RM | Dinyatakan Semula<br>RM |
|---|---|---|---|
| GST belum terima (Nota 16.1) | | | |
| (a) Pelarasan GST Oktober 2016 | 881,032 | (465,787) | 415,245 |
| (b) Pelarasan GST November 2016 | 792,867 | (388,325) | 404,542 |
| (c) Pelarasan GST Disember 2016 | 1,119,826 | (786,588) | 333,238 |
| | 2,793,725 | (1,640,700) | 1,153,025 |

| Keterangan | Dinyatakan Terdahulu (2016) RM | Pelarasan Tahun Lalu/ Perbezaan RM | Dinyatakan Semula RM |
|---|---|---|---|
| Susut Nilai Terkumpul | | | |
| (a) Jualan Rumah Pangsa Bukit Tinggi (Nota 16.2) | (11,200) | (800) | (12,000) |
| Keuntungan Atas Jualan Aset | | | |
| (a) Jualan Rumah Pangsa Bukit Tinggi (Nota 16.3) | 36,200 | (36,200) | — |
| Jumlah Pelarasan Tahun Lalu | | (1,677,700) | |

Nota:

16.1 GST belum terima

(a) Pelarasan GST Oktober 2016

Pelarasan tahun lalu adalah GST MARRIS bagi bulan Oktober 2016 yang telah tersilap caj sebagai cukai input GST berjumlah RM465,787.

(b) Pelarasan GST November 2016

Pelarasan tahun lalu adalah GST MARRIS bagi bulan November 2016 yang telah tersilap caj sebagai cukai input GST berjumlah RM388,325.

(c) Pelarasan GST Disember 2016

Pelarasan tahun lalu adalah GST MARRIS bagi bulan Disember 2016 yang telah tersilap caj sebagai cukai input GST berjumlah RM786,588.

16.2 Susut Nilai Terkumpul

(a) Jualan Rumah Pangsa Bukit Tinggi

Pelarasan tahun lalu bagi susut nilai terkurang rekod untuk tahun 2016 sebanyak RM800 kerana Majlis telah mengambilkira penjualan aset kepada En. Rosli bin Ramli pada tahun Perjanjian Jual Beli ditandatangani.

16.3 Keuntungan Atas Jualan Aset

(a) Jualan Rumah Pangsa Bukit Tinggi

Pelarasan tahun lalu bagi keuntungan atas jualan aset untuk tahun 2016 sebanyak RM36,200 kerana Majlis telah mengambilkira penjualan aset kepada En. Rosli bin Ramli pada tahun Perjanjian Jual Beli ditandatangani.

17. INSTRUMEN KEWANGAN - DASAR PENGURUSAN RISIKO

Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, Majlis mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Majlis adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Majlis akan sentiasa memantau baki tunggakan secara berterusan dan akan mengambil tindakan mengikut kaedah perundangan yang dibenarkan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Majlis akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan Majlis kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti Majlis pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai wajar atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan Majlis akan berubah-ubah kerana perubahan dalam pasaran kadar faedah.

Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah

Pendedahan Majlis kepada risiko kadar faedah timbul daripada pinjaman Kerajaan Negeri. Pelaburan Majlis dalam aset kewangan kebanyakannya untuk jangka pendek dan kebanyakannya adalah deposit kewangan.

Aset dan liabiliti kewangan Majlis yang lain adalah tidak mempunyai kesan ketara ke atas Penyata Prestasi Kewangan Majlis.

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan keseteraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

18. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting hanya terdiri oleh Ahli-Ahli Majlis sahaja di mana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

| | 2017<br>Orang | 2016<br>Orang |
|---|---|---|
| Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan | 25 | 25 |

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Jumlah ganjaran | 2,007,374 | 1,360,984 |

19. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai tempoh kewangan dari 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017. Jumlah bajet ini telah dibentangkan oleh Mesyuarat Khas Belanjawan MPK pada 4 Oktober 2016. Peruntukan tambahan telah dibuat kepada bajet yang telah diluluskan mengikut kelulusan khusus daripada Pihak Berkuasa yang berkenaan. Peruntukan tambahan ini telah dimasukkan ke dalam bajet asal oleh Majlis setelah menerima kelulusan. Pada tahun 2017, Majlis mencatatkan peruntukan tambahan berjumlah RM16,696,960.00

Belanjawan dan Penyata Kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada Penyata Kewangan. Penyata Kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akruan kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar. Selain perbezaan asas ini pelarasan kepada jumlah dalam Penyata Kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di bawah.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di bawah:

| | Operasi<br>RM | Pelaburan<br>RM | Pembiayaan<br>RM | Jumlah<br>RM |
|---|---|---|---|---|
| Jumlah sebenar di dalam Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar | 29,280,500 | (2,290,592) | — | 26,989,908 |
| Perbezaan asas (Nota (a)) | 12,209,488 | (7,330,443) | — | 4,879,045 |
| Perbezaan masa | — | — | — | — |
| Perbezaan entiti | — | — | — | — |
| Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai | 41,489,988 | (9,621,035) | — | 31,868,953 |

Nota a:

Perbezaan asas merujuk kepada pembayaran yang dibuat di dalam tahun kewangan semasa tetapi merupakan berhubung tahun kewangan yang lalu.

20. KOMITMEN MODAL

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Nilai kontrak dipersetujui (Nota (a)) | 5,087,849 | 6,105,229 |
| Tolak: | | |
| Kerja dalam Kemajuan (Nota 8) | (4,780,689) | (1,520,933) |
| JUMLAH | 307,160 | 4,584,296 |

Nota (a):

Komitmen modal yang ditunjukkan adalah untuk perbelanjaan bagi menaiktaraf dan mengubahsuai bangunan di mana kontrak-kontrak perjanjian telah dipersetujui bagi tahun 2017 dan sebelumnya yang bernilai seperti berikut:

| | | Nilai Kontrak<br>(RM) |
|---|---|---|
| (1) | Menaiktaraf Bangunan Dewan Hamzah, Majlis Perbandaran Klang | 4,560,000 |
| (2) | Menaiktaraf Mini Auditorium, Majlis Perbandaran Klang | 264,332 |
| (3) | Mengubahsuai Pejabat Penguatkuasa di Dewan D'Anjung, Jalan Tepi Sungai | 263,517 |
| | | 5,087,849 |

**No. 4013.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan MPAJ pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada MPAJ dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Para Ahli Majlis MPAJ bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan MPAJ tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan MPAJ yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan MPAJ adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan MPAJ, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan MPAJ untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan MPAJ secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan MPAJ, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman MPAJ.

(c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunapakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

(d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan MPAJ sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan MPAJ atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

(e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan MPAJ memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh MPAJ telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

(a) Seperti yang dinyatakan pada Nota 2.1 kepada penyata kewangan, MPAJ telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) mulai 1 Januari 2017 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2016. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Majlis terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan MPAJ pada 31 Disember 2016 dan 1 Januari 2016, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan MPAJ bagi tahun berakhir 31 Disember 2017, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2017 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

(b) Laporan ini disediakan untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

SHAH ALAM
Bertarikh 20 Julai 2018

ROKIAH BINTI SAHAT
*b.p. Ketua Audit Negara Malaysia*

KENYATAAN OLEH
YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Kami, Abd. Hamid bin Hussain, Yang DiPertua dan Wan Hasrina binti Wan Hassan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi Majlis yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya pada 31 Disember 2017 serta hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

ABD. HAMID BIN HUSSAIN
AIS, PPT, PPC
*Yang DiPertua*
*Majlis Perbandaran Ampang Jaya*

Bertarikh 24 April 2018

WAN HASRINA BINTI WAN HASSAN
*Ahli Majlis*
*Majlis Perbandaran Ampang Jaya*

Bertarikh 24 April 2018

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS
PERBANDARAN AMPANG JAYA

Saya, Maizatul Hanisa binti M. Isa, nombor kad pengenalan 770512-02-5430, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya, dengan ikhlasnya mengakui bahawa, Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017, Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 dan Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikutnya ini berserta dengan nota-nota, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenar dan sesungguhnya diakui
Penama di atas
MAIZATUL HANISA BINTI M. ISA
Di KUALA LUMPUR
Pada 24 April 2018

Di hadapan saya:

ZAINALABIDIN BIN NAN
*Pesuruhjaya Sumpah*
*Malaysia*

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| ASET | | |
| Aset Semasa | | |
| Wang Dalam Bank dan Di Tangan (Nota 4) | 49,326,182 | 50,733,788 |
| Simpanan Tetap (Nota 5) | 98,000,000 | 91,034,784 |
| Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima (Nota 6) | 63,824,647 | 60,276,210 |
| Pelbagai Akaun Belum Terima (Nota 7) | 7,351,575 | 4,322,957 |
| Jumlah Aset Semasa | 218,502,404 | 206,367,739 |
| Aset Bukan Semasa | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 8) | 54,990,817 | 54,669,546 |
| Aset Tak Ketara (Nota 9) | 1,112,871 | 757,732 |
| Pembinaan Dalam Kemajuan (Nota 10) | 24,114,427 | 7,951,812 |
| Jumlah Aset Bukan Semasa | 80,218,115 | 63,379,090 |
| Jumlah Aset | 298,720,519 | 269,746,829 |
| LIABILITI | | |
| Liabiliti Semasa | | |
| Akaun Belum Bayar (Nota 11) | 4,998,511 | 3,748,871 |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar (Nota 12) | 23,510,974 | 13,476,789 |
| Wang Cagaran (Nota 13) | 34,478,118 | 29,166,845 |
| Terimaan Hasil Terdahulu (Nota 14) | 4,611,224 | 4,637,768 |
| Kumpulan Wang Amanah (Nota 15) | 33,520,186 | 24,038,010 |
| Geran Tertunda (Nota 16) | 9,538,140 | 9,644,078 |
| Jumlah Liabiliti Semasa | 110,657,153 | 84,712,361 |
| Liabiliti Bukan Semasa | | |
| Pinjaman (Tempoh melebihi setahun) (Nota 17) | 24,333,485 | 25,166,107 |
| Jumlah Liabiliti Bukan Semasa | 24,333,485 | 25,166,107 |
| Jumlah Liabiliti | 134,990,638 | 109,878,468 |
| Aset Bersih | 163,729,881 | 159,868,361 |
| ASET BERSIH | | |
| Kumpulan Wang Majlis (Nota 18) | 163,029,881 | 159,168,361 |
| Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan (Nota 19) | 700,000 | 700,000 |
| Jumlah Aset Bersih | 163,729,881 | 159,868,361 |

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| PENDAPATAN (Nota 20) | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran | 126,653,278 | 120,912,238 |
| Urusniaga Pertukaran | 10,624,961 | 8,173,657 |
| Pelbagai Hasil | 509,524 | 278,357 |
| JUMLAH PENDAPATAN | 137,787,763 | 129,364,252 |
| PERBELANJAAN (Nota 20) | | |
| Emolumen | 42,842,584 | 37,073,203 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 80,896,126 | 109,394,117 |
| Pemberian dan Kenaan Tetap | 3,695,276 | 3,382,265 |
| Perbelanjaan Lain | 6,492,257 | 7,769,466 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 133,926,243 | 157,619,051 |
| LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN BERSIH | 3,861,520 | (28,254,799) |

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Kumpulan Wang Majlis<br>RM | Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan<br>RM | Jumlah<br>RM |
|---|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari 2016 | 187,423,160 | 700,000 | 188,123,160 |
| Tambahan/(Kurangan) dalam tahun | — | — | — |
| Kurangan Pendapatan | (28,254,799) | — | (28,254,799) |
| Baki pada 31 Disember 2016 | 159,168,361 | 700,000 | 159,868,361 |
| Seperti yang dinyatakan semula | | | |
| Baki pada 1 Januari 2017 | 159,168,361 | 700,000 | 159,868,361 |
| Tambahan/(Kurangan) dalam tahun | — | — | — |
| Lebihan Pendapatan | 3,861,520 | — | 3,861,520 |
| Baki pada 31 Disember 2017 | 163,029,881 | 700,000 | 163,729,881 |

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI | | |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan | 3,861,520 | (28,254,799) |
| Pelarasan Yang Tidak Melibatkan Tunai: | | |
| Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan | 5,708,426 | 5,585,181 |
| Susutnilai Aset Tak Ketara | 78,945 | — |
| Peruntukan Hutang Ragu | (1,428,570) | 1,954,312 |
| Pelarasan Hartanah, Loji dan Peralatan/Hapuskira | 2,953 | 1 |
| Hapuskira Pinjaman Kenderaan | 2,245 | — |
| Rugi Atas Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | 19,381 | 34,228 |
| | 4,383,380 | 7,573,722 |
| Keuntungan/(Kerugian) Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja | 8,244,900 | (20,681,077) |
| (Peningkatan)/Penurunan Pada Aset Semasa: | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima | (2,119,867) | (6,514,373) |
| Pelbagai Akaun Belum Terima | (3,030,863) | (2,252,717) |
| | (5,150,730) | (8,767,090) |
| Peningkatan/(Penurunan) Pada Liabiliti Semasa: | | |
| Akaun Belum Bayar | 1,249,640 | (2,903,664) |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar | 10,034,185 | 382,292 |
| Wang Cagaran | 5,311,273 | 8,323,641 |
| Terimaan Hasil Terdahulu | (26,544) | 1,792,995 |
| Geran Tertunda | (105,938) | (105,940) |
| Kumpulan Wang Amanah | 9,482,176 | 5,571,808 |
| | 25,944,792 | 13,061,132 |
| Aliran Tunai Bersih Dijana/(Digunakan) Dari Aktiviti Operasi | 29,038,962 | (16,387,035) |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN | | |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | (6,400,766) | (7,431,962) |
| Pembelian Aset Tak Ketara | (86,850) | — |
| Peningkatan Pembinaan Dalam Kemajuan | (16,162,614) | (3,054,291) |
| Penerimaan dari Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | 1,500 | 37,900 |
| Aliran Tunai Bersih Digunakan Dari Aktiviti Pelaburan | (22,648,730) | (10,448,353) |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN | | |
| Pembayaran Pinjaman | (1,520,000) | — |
| Penerimaan Pinjaman | 687,378 | 17,255,758 |
| Aliran Tunai Bersih (Digunakan)/Dijana Dari Aktiviti Pembiayaan | (832,622) | 17,255,758 |

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| PENINGKATAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI | 5,557,610 | (9,579,630) |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Bawa Hadapan | 141,768,572 | 151,348,202 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER | 147,326,182 | 141,768, 572 |
| ANALISA TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DI AKHIR TEMPOH | | |
| Wang Dalam Bank dan Tunai Di Tangan | 49,326,182 | 50,733,788 |
| Simpanan Tetap | 98,000,000 | 91,034,784 |
| WANG TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK | 147,326,182 | 141,768,572 |

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | JUMLAH BAJET | | Jumlah | Varian |
|---|---|---|---|---|
| | Asal | Akhir | Sebenar | Bajet |
| | RM | RM | RM | RM |
| PENERIMAAN | | | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran | 153,072,980 | 153,072,980 | 125,118,768 | 27,954,212 |
| Urusniaga Pertukaran | 11,927,000 | 11,927,000 | 10,624,961 | 1,302,039 |
| Pelbagai Hasil | 20 | 20 | 509,524 | (509,504) |
| JUMLAH PENERIMAAN | 165,000,000 | 165,000,000 | 136,253,253 | 28,746,747 |
| PEMBAYARAN | | | | |
| Emolumen | 45,616,831 | 47,293,650 | 42,842,584 | 4,451,066 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 55,376,629 | 50,205,517 | 80,896,126 | (30,690,609) |
| Aset | 5,503,030 | 6,716,323 | 4,187,186 | 2,529,137 |
| Pemberian dan Kenaan Tetap | 10 | 2,131,010 | 3,695,276 | (1,564,266) |
| Perbelanjaan Lain | 2,551,000 | 2,701,000 | 323,986 | 2,377,014 |
| Pembangunan | 66,952,500 | 66,952,500 | 17,661,741 | 49,290,759 |
| JUMLAH PEMBAYARAN | 176,000,000 | 176,000,000 | 149,606,899 | 26,393,101 |
| PENERIMAAN BERSIH | (11,000,000) | (11,000,000) | (13,353,646) | 2,353,646 |

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. MAKLUMAT AM

1.1. Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan pelaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta bagi harta-harta yang boleh dikenakan cukai taksiran yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis seperti penataan lampu jalan, pembersihan longkang dan kutipan sampah.

Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.

Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi Majlis.

1.2. Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

1.3. Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 telah diluluskan oleh Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 4/2018 pada 24 April 2018.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1. Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

2.1.2. Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS kerana Majlis telah memilih pengecualian berhubung dengan pengiktirafan aset dan liabiliti seperti yang dinyatakan pada nota 2.18.2 kepada Penyata Kewangan. Sebelum ini penyata kewangan Majlis telah disediakan menggunakan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Majlis.

2.1.3. Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan. Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan.

Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang. Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.18 kepada Penyata Kewangan.

2.2. Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.2.1. Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran

Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada 1 Januari dan 1 Julai setiap tahun.

(ii) Sumbangan Membantu Kadar

Sumbangan membantu kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Sumbangan membantu kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) Lesen dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

(iv) Bayaran Perkhidmatan

Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan proses pelan, proses lesen, proses landskap, penggunaan tong sampah dan lain-lain perkhidmatan.

(v) Sewaan Harta Majlis

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(vi) Denda dan Kompaun

Denda dan kompaun merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan kompaun yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis kerana menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan kompaun

(vii) Geran Kerajaan

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambilkira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.2.2. Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Jualan Barang-Barang

Perolehan dari jualan barang-barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebutharga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain.

(ii) Pendapatan Tempat Letak Kereta

Pendapatan tempat letak kereta merupakan terimaan daripada jualan kupon, pas bulanan dan sewa petak khas tempat letak kereta.

(iii) Faedah dan Pelaburan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(iv) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.2.2 (i) hingga (iii) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.3. Hartanah, Loji dan Peralatan

2.3.1. Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000 setiap satu.

2.3.2. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosot nilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahaktifkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.3.3. Jika sesuatu aset diperoleh melalui urusniaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

2.3.4. Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.4. Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1. Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan.

2.4.2. Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Bangunan | 3% |
| Kenderaan Bermotor | 20% |
| Harta Modal | 10% |
| Komputer | 20% |

2.4.3. Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.5. Aset Tak Ketara

2.5.1. Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

2.5.2. Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

2.5.3. Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

2.5.4. Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.

2.5.5. Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

2.5.6. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6. Pembinaan Dalam Kemajuan

Pembinaan dalam kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan hartanah, loji dan peralatan akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (Certificate of Practical Completion) dikeluarkan dan dilunaskan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan dan dilunaskan.

2.7. Aset Kewangan

2.7.1. Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.7.2. Pada pengiktirafan awal, aset kewangan yang diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kekurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

2.7.3. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

2.7.4. Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvesyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.7.5. Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah berkesan atau ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

(ii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang sehingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan atau ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kaedah faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

(i) Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;

(ii) Pembayaran tertunggak;

(iii) Kemungkinan bahawa peminjam akan muflis;

(iv) Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai;

(v) Selepas sekurang-kurangnya 8 kali notis E dikeluarkan; atau

(vi) Selepas penggulungan dan pembubaran syarikat serta pengambil alihan tanah.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan di terima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.8. Peruntukan dan Liabiliti

2.8.1. Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam Penyata Prestasi Kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

2.9. Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

2.9.1. Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam Penyata Kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2.9.2. Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam Penyata Kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2.10. Liabiliti Kewangan

2.10.1. Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.10.2. Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

2.10.3. Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2.10.4. Majlis mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

(ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.11. Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan

Kumpulan wang pinjaman kakitangan merupakan jumlah wang yang dipindahkan daripada Kumpulan Wang Mengurus bagi tujuan membiayai Pinjaman Kenderaan dan Pinjaman Komputer.

2.12. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.13. Manfaat Pekerja

2.13.1. Manfaat kakitangan jangka pendek

Majlis sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan jawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, kemudahan perubatan di Institut Jantung Negara (IJN), Dialisis dan peralatan bahan tiruan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer.

Faedah kakitangan jangka pendek termasuk gaji, upah, bonus dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

2.13.2. Manfaat selepas perkhidmatan

(i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(ii) Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi tarat berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(iii) Manfaat Cuti Rehat dan Ganjaran Kakitangan Kontrak

Bagi kakitangan tetap Majlis sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunapakai oleh Majlis.

2.14. Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

2.14.1. Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urusniaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urusniaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

2.14.2. Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhimatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susutnilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.15. Percukaian

Majlis Perbandaran Ampang Jaya adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6 : Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.16. Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Implikasi cukai barang dan perkhidmatan kepada Majlis adalah seperti berikut:

(i) Cukai Output

Terimaan hasil cukai taksiran dan lesen adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan hasil selain cukai taksiran contohnya seperti sewaan ruang niaga, sewaan dewan adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

(ii) Cukai Input

Majlis menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan. Majlis boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

2.17. Maklumat Bajet

2.17.1. Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan Penyata Kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.17.2. Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Khas Belanjawan dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

2.18. Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

2.18.1. Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam Penyata Kewangan.

2.18.2. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Elaun Rosot Nilai Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan Semua hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Majlis menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 5 hingga 30 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iii) Pengukuran Peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.19. Kesan Pemakaian MPSAS

2.19.1 Penyata Kewangan ini adalah merupakan Penyata Kewangan peralihan pertama Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana Penyata Kewangan Majlis sebelum ini telah disediakan menggunakan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Majlis. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan Penyata Kewangan tahun kewangan ini adalah selaras dengan yang telah digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan adalah seperti berikut:

(i) Aset Tak Ketara

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua perisian komputer telah dikategorikan di bawah hartanah, loji dan peralatan. Pemakaian MPSAS menghendaki perisian komputer ini diklasifikasikan semula berdasarkan kepada ciri-cirinya yang perlu ditunjukkan secara berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Majlis telah membuat pengklasifikasian tersebut di dalam tahun kewangan semasa.

(ii) Elaun Rosot Nilai

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, salah satu dasar perakaunan Majlis berhubung elaun hutang ragu adalah membuat peruntukan sebanyak 30% daripada jumlah tunggakan. Pemakaian MPSAS menghendaki elaun rosot nilai ini dibuat atas bukti objektif dan bukannya berdasarkan kepada pertimbangan. Dasar perakaunan berhubung dengan elaun rosot nilai ini dinyatakan pada nota 2.7 kepada Penyata Kewangan. Oleh itu, semua kesan berhubung elaun rosot nilai ini telah dibuat secara prospektif di dalam tahun kewangan ini. Walaubagaimanapun, Majlis kini sedang mengemaskini data dan di dalam proses untuk menentukan baki sebenar urusniaga bukan pertukaran belum terima dan jumlah elaun hutang ragu.

(iii) Pengiktirafan Geran atau Akaun Amanah

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis mengklasifikasikan akaun geran atau akaun amanahnya sebagai salah satu item di dalam Penyata Perubahan Aset Bersih. Pemakaian MPSAS menghendaki semua geran atau akaun amanah yang mempunyai syarat ke atasnya hendaklah diklasifikasikan sebagai liabiliti. Oleh itu, Majlis telah mengklasifikasikan semula geran atau akaun amanahnya kepada liabiliti. Majlis sedang di dalam proses untuk menentukan baki sebenar akaun geran atau akaun amanahnya kerana di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis melunaskan akaun geran dan akaun amanahnya ke Penyata Prestasi Kewangan tidak bersamaan dengan jumlah yang dibelanjakan.

(iv) Pengiktirafan Faedah ke atas Pinjaman Kepada Kakitangan

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis mengiktiraf semua faedah yang akan diperolehi daripada pinjaman kepada kakitangan pada ketika mengiktiraf pinjaman tersebut. MPSAS 9, Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran menghendaki faedah diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif ke atas aset. Majlis telah mengambil kira perubahan dasar perakaunan tersebut di dalam tahun kewangan semasa.

2.19.2. Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Majlis juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan Penyata Kewangan ini yang pertama kali disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

Peruntukan dan Pengecualian yang memberi kesan ketara ke atas Penyata Kewangan

(i) Aset Infrastruktur

Majlis memiliki aset insfrastruktur iaitu jalan raya, pondok bas dan lain lain lagi yang tidak dipermodalkan di dalam Penyata Kewangan. Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi aset insfrastruktur telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki aset infrastruktur ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset insfrastruktur ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset infrastrukturnya.

(ii) Penentuan Nilai Saksama Aset Yang Direkodkan Pada Nilai Nominal

Majlis memiliki beberapa aset nyata dan tidak nyata yang diterima secara percuma dan direkodkan pada nilai nominal di dalam Penyata Kewangan Majlis. MPSAS mengkehendaki semua aset nyata dan tidak nyata yang diterima melalui urusniaga bukan pertukaran hendaklah direkodkan pada nilai saksama. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset-aset tersebut bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset-aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menentukan nilai saksama aset-aset tersebut.

(iii) Peruntukan Ke Atas Gantian Cuti Rehat Dan Ganjaran Kontrak

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis tidak membuat peruntukan ke atas gantian cuti rehat dan ganjaran kontrak. MPSAS mengkehendaki peruntukan-peruntukan ini dibuat kerana ia telah memenuhi syarat kepada sesuatu peruntukan itu perlu dibuat. Majlis akan menggunapakai kaedah Unjuran Kaedah Kredit Unit bagi membuat pengiraan peruntukan gantian cuti rehat di mana Majlis akan membuat beberapa andaian di dalam pengiraan tersebut. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi mengiktiraf peruntukan ke atas gantian cuti rehat dan ganjaran kontrak ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga peruntukan-peruntukan tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk mengumpul data berhubung dengan kakitangannya.

(iv) Pengiktirafan lnventori

Majlis memiliki beberapa inventori yang tidak direkodkan di dalam Penyata Kewangan di mana Majlis telah mengiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki inventori ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan inventori ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung inventori.

(v) Aset Hidup

Majlis memiliki aset hidup iaitu pokok dan tumbuhan yang tidak dipermodalkan di dalam Penyata Kewangan. MPSAS menghendaki aset hidup ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset hidup ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset hidupnya.

Peruntukan dan Pengecualian yang tidak memberi kesan ketara ke atas Penyata Kewangan

(i) Aset Dan Liabiliti Kewangan Yang Telah Dinyahiktiraf

Majlis tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangannya yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunapakai rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunapakai rangka kerja MPSAS. Jika sesuatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah rangka kerja perakaunan terdahulu maka Majlis memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

(ii) Anggaran Perakaunan

Sebelum ini, Majlis menggunakan pertimbangan untuk menentukan elaun bagi elaun rosot nilainya. Elaun akan dibuat apabila Majlis menilai sesuatu hutang itu tidak boleh dikutip. Selepas menggunapakai MPSAS, penilaian ke atas kemerosotan aset kewangan dibuat berdasarkan kepada peristiwa kerugian yang telah berlaku (incurred loss model), di mana kemerosotan diiktiraf berdasarkan bukti objektif yang wujud. Walau bagaimanapun, elaun rosotnilai pada tarikh peralihan ini tidak diselaraskan secara retrospektif.

2.19.3. Kesan pemakaian MPSAS ke atas penyata kewangan Majlis pada 31 Disember 2016 selepas mengambilkira penggunaan pengecualian dan pertukaran dasar-dasar adalah seperti berikut:

Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016

| | Piawaian Perakaunan Terdahulu | Kesan MPSAS | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | | RM | RM |
| ASET | | | |
| Aset Semasa | | | |
| Wang Dalam Bank dan Di Tangan | 50,733,788 | — | 50,733,788 |
| Simpanan Tetap | 91,034,784 | — | 91,034,784 |
| Penghutang | 60,276,210 | (60,276,210) | — |
| Lain-lain Penghutang | 4,322,957 | (4,322,957) | — |
| Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima | — | 60,276,210 | 60,276,210 |
| Pelbagai Akaun Belum Terima | — | 4,322,957 | 4,322,957 |
| Jumlah Aset Semasa | 206,367,739 | — | 206,367,739 |
| Aset Bukan Semasa | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 55,427,278 | (757,732) | 54,669,546 |
| Aset Tak Ketara | — | 757,732 | 757,732 |
| Pembinaan Dalam Kemajuan | 7,951,812 | — | 7,951,812 |
| Jumlah Aset Bukan Semasa | 63,379, 090 | — | 63,379,090 |
| Jumlah Aset | 269,746,829 | — | 269,746,829 |
| LIABILITI | | | |
| Liabiliti Semasa | | | |
| Pemiutang | 3,748,871 | (3,748,871) | — |
| Lain-lain Pemiutang | 13,476,789 | (13,476,789) | — |
| Wang Cagaran | 29,166,845 | — | 29,166,845 |
| Terimaan Hasil Terdahulu | 4,637,768 | — | 4,637,768 |
| Akaun Belum Bayar | — | 3,748,871 | 3,748,871 |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar | — | 13,476,789 | 13,476,789 |

| | Piawaian Perakaunan Terdahulu | Kesan MPSAS | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | | RM | RM |
| Kumpulan Wang Amanah | — | 24,038,010 | 24,038,010 |
| Geran Tertunda | — | 9,644,078 | 9,644,078 |
| Jumlah Liabiliti Semasa | 51,030,273 | 33,682,088 | 84,712,361 |
| Liabiliti Bukan Semasa | | | |
| Pinjaman (Tempoh melebihi setahun) | 25,166,107 | — | 25,166,107 |
| Jumlah Liabiliti Bukan Semasa | 25,166,107 | — | 25,166,107 |
| Jumlah Liabiliti | 76,196,380 | 33,682,088 | 109,878,468 |
| Aset Bersih | 193,550,449 | (33,682,088) | 159,868,361 |
| EKUITI | | | |
| Geran Tertunda | 9,644,078 | (9,644,078) | — |
| Kumpulan Wang Majlis | 159,168,361 | — | 159,168,361 |
| Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan | 700,000 | — | 700,000 |
| Kumpulan Wang Amanah | 24,038,010 | (24,038,010) | — |
| Jumlah Ekuiti | 193,550,449 | (33,682,088) | 159,868,361 |
| PENDAPATAN | | | |
| Hasil Cukai | 91,480,639 | (91,480,639) | — |
| Hasil Bukan Cukai | 29,462,709 | (29,462,709) | — |
| Pelbagai Terimaan | 8,420,904 | (8,420,904) | — |
| Urusniaga Bukan Pertukaran | — | 120,912,238 | 117,537,363 |
| Urusniaga Pertukaran | — | 8,173,657 | 8,173,657 |
| Pelbagai Hasil | — | 278,357 | 3,653,232 |
| JUMLAH PENDAPATAN | 129,364,252 | — | 129,364,252 |
| PERBELANJAAN | | | |
| Emolumen | 37,073,203 | — | 37,073,203 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 109,394,117 | — | 109,394,117 |
| Pemberian dan Kenaan Tetap | 3,382,265 | — | 3,382,265 |
| Perbelanjaan Lain | 7,769,466 | — | 7,769,466 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 157,619,051 | — | 157,619,051 |
| KURANGAN PENDAPATAN BERSIH | (28,254,799) | — | (28,254,799) |

2.20. Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.21. Pajakan

Pajakan Kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Majlis menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosotnilai.

Pajakan Operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.22. Kos Pembiayaan

Semua kos pembiayaan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh ia terlibat.

2.23. Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli-ahli Majlis.

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting hanya terdiri oleh Ahli-Ahli Majlis sahaja di mana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| Jumlah Ahli Majlis | 24 | 24 |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Jumlah Perbelanjaan | 1,897,530 | 1,647,802 |

3. MAKLUMAT KAKITANGAN

Bilangan kakitangan adalah mengikut taraf jawatan seperti berikut:

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| Taraf Jawatan | | |
| Tetap/Kontrak | 822 | 779 |
| Sambilan | 60 | 78 |
| | 882 | 857 |

4. WANG DALAM BANK DAN DI TANGAN

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| KETERANGAN | | |
| Wang Dalam Bank | 49,314,906 | 50,732,856 |
| Wang Di Tangan | 11,276 | 932 |
| Menara : RM700; Tunai | | |
| Melawati : RM0.95; Tunai | | |
| : RM10,575; Cek | | |
| JUMLAH | 49,326,182 | 50,733,788 |

5. SIMPANAN TETAP

| | | |
|---|---|---|
| KETERANGAN | | |
| Bank Simpanan Nasional | — | 3,000,000 |
| Malaysian Building Society Berhad (MBSB) | 27,000,000 | 25,000,000 |
| Bank Kerjasama Rakyat, Ampang | 26,000,000 | 26,000,000 |
| Bank Kerjasama Rakyat, Kajang | — | 5,000,000 |
| AmIslamic Bank Berhad | 39,000,000 | 29,034,784 |
| OCBC Al-Amin Bank Berhad | 3,000,000 | 3,000,000 |
| Affin Bank | 3,000,000 | — |
| JUMLAH | 98,000,000 | 91,034,784 |

Nota:

Simpanan Tetap yang dibuat dalam bank-bank dan syarikat kewangan seperti di atas memberi pulangan faedah pada kadar antara 2.90% ke 4.00% setahun.

6. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| KETERANGAN | | |
| Siberhutang Cukai Taksiran dan Notis | | |
| Cukai Taksiran | 55,946,451 | 54,116,684 |
| Notis | 32,282,288 | 31,992,188 |
| | 88,228,739 | 86,108,872 |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Tolak: | | |
| Peruntukan Hutang Ragu: | | |
| Cukai Taksiran (Nota (i)) | (24,404,092) | (25,832,662) |
| Jumlah | 63,824,647 | 60,276,210 |

Nota:

(i) Peruntukan Hutang Ragu

| | | |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 25,832,662 | 23,878,350 |
| Peruntukan Dalam Tahun | (1,428,570) | 1,954,312 |
| Baki pada 31 Disember | 24,404,092 | 25,832,662 |
| JUMLAH | 63,824,647 | 60,276,210 |

7. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA

KETERANGAN

Pelbagai Akaun Belum Terima

| | | |
|---|---|---|
| Deposit TNB | 21,280 | 21,280 |
| Deposit JBA | 7,000 | 7,000 |
| Deposit Utiliti Kuarters MPAJ | 9,750 | 9,750 |
| Deposit Utiliti Olio Niaga | 25,300 | 25,300 |
| Faedah Simpanan Tetap | 431,690 | 377,025 |
| Pejabat Pos | 471,626 | 370,332 |
| Cukai Barang dan Perkhidmatan–GST | 5,773,035 | 3,017,778 |
| Emolumen OSC/COB | 3,866 | 46,974 |
| Caruman Bantu Kadar | — | 28,927 |
| Cukai Tanah–Bendahari Negeri Selangor | 64,097 | 64,088 |
| Cukai PBT Negeri Selangor | 78 | — |
| Jumlah Kecil (Nota (i)) | 6,807,722 | 3,968,454 |
| Pinjaman Kakitangan | | |
| Pinjaman Kenderaan | 268,873 | 53,530 |
| Faedah Pinjaman Kenderaan Terakru | (25,932) | — |
| Pinjaman Komputer | 327,499 | 300,973 |
| Faedah Pinjaman Komputer Terakru | (26,587) | — |
| Jumlah Kecil (Nota (ii)) | 543,853 | 354,503 |
| JUMLAH (Nota (i) + Nota (ii)) | 7,351,575 | 4,322,957 |

8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | Bangunan | Kenderaan Bermotor | Harta Modal | Komputer | Harta Modal Bangunan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| JENIS HARTA | | | | | | |
| 2017 | | | | | | |
| Kos/Nilai | | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2017 | 95,636,044 | 12,173,207 | 6,059,390 | 8,438,709 | — | 122,307,350 |

| | Bangunan | Kenderaan Bermotor | Harta Modal | Komputer | Harta Modal Bangunan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Tambahan dalam tahun | 2,300,430 | 2,056,093 | 289,400 | 1,412,580 | 342,263 | 6,400,766 |
| Pelarasan | — | — | — | (2,279,580) | — | (2,279,580) |
| Pelupusan | — | (3,638) | (1,247,065) | (3,052,231) | — | (4,302,934) |
| Pada 31 Disember 2017 | 97,936,474 | 14,225,662 | 5,101,725 | 4,519,478 | 342,263 | 122,125,602 |
| Susutnilai | | | | | | |
| Susutnilai pada 1 Januari 2017 | 51,120,484 | 7,575,024 | 2,638,217 | 5,546,347 | — | 66,880,072 |
| Susutnilai dalam tahun | 2,900,867 | 1,548,312 | 490,628 | 761,798 | 6,821 | 5,708,426 |
| Pelarasan | — | — | — | (1,174,614) | — | (1,174,614) |
| Pelupusan | — | (3,637) | (1,224,237) | (3,051,225) | — | (4,279,099) |
| Pada 31 Disember 2017 | (54,021,351) | (9,119,699) | (1,904,608) | (2,082,306) | (6,821) | (67,134,785) |
| Nilai Buku 2017 | 43,915,123 | 5,105,963 | 3,197,117 | 2,437,172 | 335,442 | 54,990,817 |
| Nilai Buku 2016 | 44,515,560 | 4,598,183 | 3,421,173 | 2,892,362 | — | 55,427,278 |
| Pelarasan | — | — | — | (757,732) | — | (757,732) |
| Nilai Buku 2016 seperti yang dinyatakan semula | 44,515,560 | 4,598,183 | 3,421,173 | 2,134,630 | — | 54,669,546 |

9. ASET TAK KETARA

| | Aset Tak Ketara | Jumlah |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| JENIS HARTA | | |
| 2017 | | |
| Kos/Nilai | | |
| Baki pada 1 Januari 2017 | 1,932,346 | 1,932,346 |
| Tambahan dalam tahun | 86,850 | 86,850 |
| Pelarasan | 347,234 | 347,234 |
| Pada 31 Disember 2017 | 2,366,430 | 2,366,430 |
| Susutnilai | | |
| Susutnilai pada 1 Januari 2017 | 1,174,614 | 1,174,614 |
| Susutnilai dalam tahun | 78,945 | 78,945 |
| Pada 31 Disember 2017 | (1,253,559) | (1,253,559 |
| Nilai Buku 2017 | 1,112,871 | 1,112,871 |
| Nilai Buku 2016 seperti yang dinyatakan semula | 757,732 | 757,732 |

10. PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN

| | DEWAN AU5 (NAIKTARAF) | DEWAN AMPANG INDAH | MEDAN SELERA PANDAN INDAH | STADIUM PANDAN PERDANA |
|---|---|---|---|---|
| | (A) | (B) | (C) | (D) |
| | RM | RM | RM | RM |
| KETERANGAN | | | | |
| 2017 | | | | |
| Kos/Nilai | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2017 | — | — | 629,030 | 6,581,021 |
| Tambahan dalam tahun | 681,845 | 73,372 | 732,909 | 9,410,262 |
| Jumlah | 681,845 | 73,372 | 1,361,939 | 15,991,283 |
| Pindahan ke Aset | (151,560) | — | — | — |
| Baki pada 31 Disember 2017 | 530,285 | 73,372 | 1,361,939 | 15,991,283 |

| | PASAR TASIK TAMBAHAN (WWTP) | PASAR KUALA AMPANG (WWTP) | PASAR PANDAN JAYA (WWTP) | LALUAN PEJALAN KAKI BERBUMBUNG |
|---|---|---|---|---|
| | (E) | (F) | (G) | (H) |
| | RM | RM | RM | RM |
| KETERANGAN | | | | |
| 2017 | | | | |
| Kos/Nilai | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2017 | 232,979 | 187,991 | 320,791 | — |
| Tambahan dalam tahun | 1,213,456 | 1,715,697 | 2,265,224 | 1,347,566 |
| Jumlah | 1,446,435 | 1,903,688 | 2,586,015 | 1,347,566 |
| Pindahan ke Aset | — | — | — | (1,347,566) |
| Baki pada 31 Disember 2017 | 1,446,435 | 1,903,688 | 2,586,015 | — |

| | RUMAH KUCING | JUMLAH KESELURUHAN |
|---|---|---|
| | (I) | |
| | RM | RM |
| 2017 | | |
| KETERANGAN | | |
| Kos/Nilai | | |
| Baki pada 1 Januari 2017 | — | 7,951,812 |
| Tambahan dalam tahun | 221,410 | 17,661,741 |
| Jumlah | 221,410 | 25,613,553 |
| Pindahan ke Aset | — | (1,499,126) |
| Baki pada 31 Disember 2017 | 221,410 | 24,114,427 |

Nota:

A. Kerja-kerja menaiktaraf bangunan dewan serta kerja-kerja berkaitan di Dewan AU5, Keramat, Mukim Hulu Kelang.
Kos Projek: RM752,380 : ZHR SERVICES ENTERPRISE
Caj GST : RM45,143

B. Cadangan membina dan menyiapkan dewan serbaguna di atas rezab kemudahan awam di Plot 1, Kampung Ampang Indah.
Kos Projek : RM2,002,312 : MULTI-SPEX ARCHITECTURE
Caj GST : RM120,139

C. Kerja-kerja membina bangunan Medan Selera Pandan Indah dan Kemudahan-Kemudahan Berkaitan di Atas Lot P.T. 12101/HS(D), Jalan Pandan Indah 6/2, Pandan Indah.
Kos Projek : RM2,285,403 : KHN TRADING & CONSTRUCTION RESOURCES SDN. BHD.
Caj GST : RM137,124
Kos Perunding : RM364,618: HAMID & ASSOCIATES ARCHITECHTS
Caj GST : RM19,381

D. Kerja-kerja membina dan menyiapkan Stadium Majlis Perbandaran Ampang Jaya di atas Lot 2501 dan Lot 45737, Jalan Perdana 6/3, Taman Pandan Perdana, Mukim Ampang.
Nilai Kontrak Tanpa GST: RM15,996,000: KEMUNCAK TEKNIK SDN. BHD.
PHK No. 1 (Piling Works) : RM43,329
APK No. 1 (Memecah Blok Konkrit) : RM26,910
Pelantikan Perunding : RM1,146,166 : MULTI SPEX ARCHITECTS SDN. BHD.
Penyiasatan Tanah (S.I) : RM19,650 : KITARAN ABADI

E. Kerja-kerja membina Loji Rawatan Air Sisa Pasar (WWTP) dan Kemudahan berkaitan di Atas Lot 37675, Pasar Tasek Tambahan.
Kos Projek : RM2,969,000 : ASHRAF VENTURE DEVELOPMENT SDN. BHD.
Caj GST: RM178,140

F. Kerja-kerja membina Loji Rawatan Air Sisa Pasar (WWTP) dan Kemudahan berkaitan di Atas Lot 3105, Pasar Kuala Ampang.
Kos Projek : RM2,968,639 : SILK ROAD CENTRE SB
Caj GST : RM178,118

G. Kerja-kerja membina Loji Rawatan Air Sisa Pasar (WWTP) dan Kemudahan berkaitan di Atas Lot 29985, Pasar Pandan Jaya.
Kos Projek: RM3,668,800 : TEKAD NUSANTARA SDN. BHD.
Caj GST : RM220,128

H. Kerja-kerja membina dan menaiktaraf Laluan Pejalan Kaki Berbumbung serta lain-lain kerja landskap bagi cadangan pelaksanaan projek showcase TOD di kawasan MPAJ.
Nilai Kontrak Tanpa GST : RM1,298,780: JENDELAMAS ENTERPRISE SDN. BHD.
APK 1 : RM42,546
Caj GST : RM80,479

I. Cadangan membina dan menyiapkan sebuah rumah kucing di atas tapak dewan sedia ada di Jalan Kerja Ayer Lama, Mukim Hulu Kelang.
Kos Projek : RM189,160 : OTHMAN BIN SUIN
Perubahan Kerja : RM32,570
Caj GST : RM13,304

11. AKAUN BELUM BAYAR

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| KETERANGAN | | |
| Cukai Taksiran | 4,855,614 | 3,748,871 |
| Notis | 142,897 | — |
| JUMLAH | 4,998,511 | 3,748,871 |

12. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| KETERANGAN | | |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar Aset | | |
| Kenderaan | 473,258 | 145,260 |
| Komputer | 671,689 | 326,438 |
| Harta Modal | 6,500 | — |
| Harta Modal Bangunan | 190,703 | — |
| Bangunan | 124,960 | — |
| Jumlah Kecil (i) | 1,467,110 | 471,698 |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar | | |
| Perkhidmatan Ikhtisas | 6,079,534 | 4,878,568 |
| Perhubungan dan Utiliti | 518,837 | 545,987 |
| Penyelenggaraan dan Kemudahan Pembaikan | 960,048 | 968,371 |
| Bekalan Bahan Mentah | 94,274 | 87,212 |
| Bekalan dan Bahan Lain | 331,476 | 434,106 |
| Sewaan | 51,454 | 23,004 |
| Gaji | — | 8,720 |
| Elaun Lebih Masa | 226,196 | 198,570 |
| Bonus | 500 | — |
| Perjalanan dan Sarahidup | 11,093 | 9,600 |
| Elaun Tetap Mesyuarat | 75,000 | 8,700 |
| Ganjaran Tamat Tempoh | 15,419 | 44,419 |
| Cukai Taksiran PBT Negeri Selangor | — | 10,890 |
| Perkeso | 921 | 808 |
| Insuran Takaful MPAJ | — | 150,298 |
| Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) | — | 14,697 |
| Kerja Dalam Kemajuan | 3,809,738 | 670,260 |
| Wang Jaminan Pelaksanaan | 37,993 | 50,669 |
| Elaun Khidmat Awam | — | 58 |
| Elaun Perumahan | — | 150 |
| Elaun Sarahidup | — | 150 |
| Elaun Insentif Kewangan | 112 | 120 |
| Elaun Memandu | 130 | 230 |
| Elaun Pemandu | 225 | — |
| Agro Bank Berhad | 382 | 382 |
| Kerja Naiktaraf Tandas (MPAJ) | 139,634 | — |
| Jumlah Kecil (ii) | 12,352,966 | 8,105,969 |
| Lain-lain Akaun Belum Bayar | | |
| Terimaan Perangkap Minyak | 659,180 | 587,291 |
| Terimaan Bas Smart Selangor | 1,590,688 | 350,064 |
| Infrastruktur Sukan Negeri Selangor | — | 60,000 |
| Skim Keselamatan Kejiranan (SEROJA) | 35,000 | 25,000 |
| Loji Rawatan Air Sisa Pasar (WWTP) | 217,578 | 331,767 |
| Bayaran Gantirugi Penamatan Kontrak Tempat Letak Kereta | 2,045,000 | 3,545,000 |
| Surau Bukit Sungai Seputeh | 6,668 | — |
| Surau Ar-Raudhah Taman Sierra Ukay | 5,050 | — |
| Program Teknologi Hijau Negeri Selangor | 44,700 | — |
| Penstabilan Cerun di Kampung Bukit Sungai Puteh | 4,194,281 | — |
| Pest Controller–(PCO) | 19,900 | — |
| Kawalan Pencegahan Wabak Denggi | 86,160 | — |
| Projek Alam Sekitar | 923 | — |

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Program Kebudayaan Negeri Selangor | 90 | — |
| Program Bebas Beg Plastik | 25,000 | — |
| Pest Controller–Wabak Denggi dan Zika | 288,000 | — |
| Insentif Pelaksanaan Laluan Basikal | 112,087 | — |
| Program Karnival Bebas Plastik | 2,400 | — |
| Kerja Naiktaraf Tandas (UPEN) | 358,193 | — |
| Jumlah Kecil (iii) | 9,690,898 | 4,899,122 |
| JUMLAH | 23,510,974 | 13,476,789 |

13. WANG CAGARAN

Jumlah wang cagaran adalah jumlah keseluruhan wang awam yang diterima bagi kerja dan perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak Majlis.

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| KETERANGAN | | |
| Cagaran Terkumpul sehingga tahun (Nota (i))<br>Cagaran Teknikal : RM22,993,536<br>Cagaran Bukan Teknikal : RM6,922,839 | 29,916,375 | 25,319,737 |
| Wang Jaminan Pelaksanaan | 4,561,743 | 3,847,108 |
| JUMLAH | 34,478,118 | 29,166,845 |

(i) Jumlah ini termasuk serahan wang cagaran kepada Akta Wang Tak Dituntut 1965

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| KETERANGAN | | |
| Jumlah Serahan Cagaran Kepada Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Tahun 1992-2008) | 11,837,536 | 9,096,551 |
| JUMLAH | 11,837,536 | 9,096,551 |

14. TERIMAAN HASIL TERDAHULU

| | | |
|---|---|---|
| KETERANGAN | | |
| Baki pada 1 Januari | | |
| Lesen | 4,637,768 | 2,844,773 |
| | 4,637,768 | 2,844,773 |
| Tambah: | | |
| (Penurunan)/Peningkatan lesen dalam tahun | (26,544) | 1,792,995 |
| JUMLAH | 4,611,224 | 4,637,768 |

15. KUMPULAN WANG AMANAH

| KETERANGAN | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Perkhidmatan Pengebumian–Kubur | 404,797 | 180,739 |
| Caj Pemajuan | 7,980,117 | 8,431,879 |
| Sumbangan Kemudahan Awam | 6,207,500 | 5,545,000 |
| Tabung Inovasi | 284,114 | 272,774 |
| Geran Penyelenggaraan Jalan–MARRIS | 18,643,658 | 9,607,618 |
| JUMLAH | 33,520,186 | 24,038,010 |

16. GERAN TERTUNDA

| KETERANGAN | | |
|---|---|---|
| Kompleks Muhibbah | | |
| Geran sehingga tahun | 2,800,000 | 2,800,000 |
| Pelunasan geran diiktiraf dalam tahun | (183,837) | (155,556) |
| (-) Pelunasan geran diiktiraf dalam tahun semasa | (28,283) | (28,283) |
| Baki pada 31 Disember (i) | 2,587,880 | 2,616,161 |
| Water Front | | |
| Geran sehingga tahun | 7,688,000 | 7,688,000 |
| Pelunasan geran diiktiraf dalam tahun | (660,083) | (582,426) |
| (-) Pelunasan geran diiktiraf dalam tahun semasa | (77,657) | (77,657) |
| Baki pada 31 Disember (ii) | 6,950,260 | 7,027,917 |
| JUMLAH (i) + (ii) | 9,538,140 | 9,644,078 |

17. PELUNASAN GERAN

| KETERANGAN | | |
|---|---|---|
| Kompleks Muhibbah | | |
| Geran sehingga tahun | 2,800,000 | 2,800,000 |
| Pelunasan geran diiktiraf dalam tahun | (28,283) | (28,283) |
| (-) Pelunasan geran diiktiraf dalam tahun semasa (i) | (28,283) | (28,283) |
| Baki pada 31 Disember | 2,743,434 | 2,743,434 |
| Water Front | | |
| Geran sehingga tahun | 7,688,000 | 7,688,000 |
| Pelunasan geran diiktiraf dalam tahun | (77,657) | (77,657) |
| (-) Pelunasan geran diiktiraf dalam tahun semasa (ii) | (77,657) | (77,657) |
| Baki pada 31 Disember | 7,532,686 | 7,532,686 |
| JUMLAH (i) + (ii) | (105,940) | (105,940) |

Nota:

Geran diterima adalah meliputi Kompleks Muhibbah dan Water Front yang diterima daripada Kerajaan Negeri.

17. PINJAMAN KERAJAAN NEGERI

Pinjaman ini adalah dengan kadar faedah sebanyak 4% berdasarkan kadar baki berkurangan.

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| KETERANGAN | | |
| Pinjaman diterima sehingga 31 Disember | 25,166,107 | 7,910,349 |
| Pinjaman diterima tahun semasa | 687,378 | 17,255,758 |
| Tolak: | | |
| Bayaran dijelaskan dalam tahun semasa | (1,520,000) | — |
| JUMLAH | 24,333,485 | 25,166,107 |

18. KUMPULAN WANG MAJLIS

| | | |
|---|---|---|
| KETERANGAN | | |
| Baki pada 1 Januari | 159,168,361 | 187,423,160 |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan dalam tahun | 3,861,520 | (28,254,799) |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 163,029,881 | 159,168,361 |

19. KUMPULAN WANG PINJAMAN KAKITANGAN

| | | |
|---|---|---|
| KETERANGAN | | |
| Pinjaman Kenderaan | 450,000 | 450,000 |
| Pinjaman Komputer | 250,000 | 250,000 |
| JUMLAH | 700,000 | 700,000 |

20. PENYATA PRESTASI KEWANGAN TERPERINCI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| PENDAPATAN | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran | | |
| Cukai Taksiran | 92,955,326 | 90,953,923 |
| Sumbangan Membantu Kadar | 526,716 | 526,716 |
| Hutang Lapuk Pulih Cukai Taksiran | 1,428,570 | — |
| Lesen dan Permit | 9,013,209 | 7,162,611 |
| Bayaran Perkhidmatan | 3,926,512 | 3,439,284 |
| Sewaan Harta Majlis | 7,674,651 | 7,398,879 |
| Denda dan Kompaun | 4,031,581 | 3,055,950 |
| Geran Keseimbangan | 5,000,000 | 5,000,000 |
| Sumbangan | 1,853,211 | 3,126,783 |
| Pelunasan Geran | 105,940 | 105,940 |
| Hasil LAD | 134,562 | 142,152 |
| Hadiah Anugerah | 3,000 | — |
| Jumlah Kecil (i) | 126,653,278 | 120,912,238 |

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Urusniaga Pertukaran | | |
| Jualan Barang-Barang | 1,712,360 | 670,882 |
| Pendapatan Tempat Letak Kereta (TLK) | 4,834,355 | 3,295,783 |
| Faedah dan Pelaburan | 4,078,246 | 4,206,992 |
| Jumlah Kecil (ii) | 10,624,961 | 8,173,657 |
| Pelbagai Hasil | | |
| Lain-lain Terimaan | 23,157 | 161,181 |
| Lain-lain Hasil | 9,392 | 18,988 |
| Cagaran Dihasilkan | 476,975 | 71,188 |
| Terimaan Semula Bank Deraf dari Akta Wang Tak Dituntut | — | 27,000 |
| Jumlah Kecil (iii) | 509,524 | 278,357 |
| Jumlah Pendapatan | 137,787,763 | 129,364,252 |
| PERBELANJAAN | | |
| Emolumen | | |
| Gaji dan Upahan | 24,011,475 | 21,713,699 |
| Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) | 870,156 | 768,322 |
| Lain-lain Elaun | 11,659,579 | 10,803,922 |
| Bantuan Khas Kewangan | 6,101,062 | 3,597,976 |
| Perkeso | 102,717 | 91,599 |
| Insuran Takaful Ikhlas | 97,595 | 97,685 |
| Jumlah Kecil (i) | 42,842,584 | 37,073,203 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | | |
| Perbelanjaan dan Perjalanan | 203,155 | 244,127 |
| Perhubungan dan Utiliti | 5,847,446 | 7,825,253 |
| Sewaan | 407,272 | 365,135 |
| Bekalan dan Bahan Lain | 2,493,060 | 2,889,222 |
| Bekalan Bahan Mentah | 835,894 | 749,140 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan Kemudahan | 8,802,841 | 33,293,711 |
| Perkhidmatan Ikhtisas | 62,021,529 | 63,719,334 |
| Faedah Kewangan yang Lain | 284,929 | 308,195 |
| Jumlah Kecil (ii) | 80,896,126 | 109,394,117 |
| Pemberian dan Kenaan Tetap | | |
| Pencen | 3,452,989 | 3,189,778 |
| Ganjaran Kakitangan Tamat Tempoh | 144,149 | 149,730 |
| Ganjaran Cuti Rehat | 98,138 | 42,757 |
| Jumlah Kecil (iii) | 3,695,276 | 3,382,265 |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| | | Seperti yang dinyatakan semula |
| Perbelanjaan Lain | | |
| Peruntukan Kelab Sukan | 300,000 | 150,000 |
| Hutang Lapuk Cukai Taksiran | — | 1,954,312 |
| Hapuskira | 2,245 | — |
| Pelupusan Aset | 1,552 | — |
| Pokok-pokok dan Benih Pokok | 23,986 | 45,744 |
| Susutnilai Aset Tetap | 5,787,371 | 5,585,181 |
| Kerugian Atas Pelupusan Aset | 19,381 | 34,228 |
| Pelarasan Hartanah dan Peralatan/Hapuskira | 1,401 | 1 |
| Pengecualian Denda 100% Notis Cukai Taksiran | 356,321 | — |
| Jumlah Kecil (iv) | 6,492,257 | 7,769,466 |
| Jumlah Perbelanjaan | 133,926,243 | 157,619,051 |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Bersih | 3,861,520 | (28,254,799) |

21. INSTRUMEN KEWANGAN–DASAR PENGURUSAN RISIKO

Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, Majlis mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institusi kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Majlis adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Majlis akan sentiasa memantau baki tunggakan secara berterusan dan akan mengambil tindakan mengikut kaedah perundangan yang dibenarkan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Majlis akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan Majlis kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti Majlis pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

| | Dalam tempoh setahun | Lebih tempoh setahun | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Pada 31 Disember 2017 | | | |
| Akaun belum bayar | 4,998,511 | — | 4,998,511 |
| Pelbagai akaun belum bayar | 23,510,974 | — | 23,510,974 |
| Wang cagaran | 34,478,118 | — | 34,478,118 |
| Terimaan hasil terdahulu | 4,611,224 | — | 4,611,224 |
| Kumpulan wang amanah | 33,520,186 | — | 33,520,186 |
| Pinjaman | — | 24,333,485 | 24,333,485 |
| | 101,119,013 | 24,333,485 | 125,452,498 |

| | Dalam tempoh setahun | Lebih tempoh setahun | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Pada 31 Disember 2016 | | | |
| Akaun belum bayar | 3,748,871 | — | 3,748,871 |
| Pelbagai akaun belum bayar | 13,476,789 | — | 13,476,789 |
| Wang cagaran | 29,166,845 | — | 29,166,845 |
| Terimaan hasil terdahulu | 4,637,768 | — | 4,637,768 |
| Kumpulan wang amanah | 24,038,010 | — | 24,038,010 |
| Pinjaman | — | 25,166,107 | 25,166,107 |
| | 75,068,283 | 25,166,107 | 100,234,390 |

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai wajar atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan Majlis akan berubah-ubah kerana perubahan dalam pasaran kadar faedah.

Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah

Pendedahan Majlis kepada risiko kadar faedah timbul daripada pinjaman Kerajaan Negeri. Pelaburan Majlis dalam aset kewangan kebanyakannya untuk jangka pendek dan kebanyakannya adalah deposit kewangan.

Pada tarikh pelaporan, jika kadar faedah adalah 10 mata asas lebih rendah/tinggi, dengan semua pemboleh ubah lain yang adalah sekata, kurangan bersih Majlis selepas cukai adalah pada RM2,433,348 lebih tinggi.

Aset dan liabiliti kewangan Majlis yang lain adalah tidak mempunyai kesan ketara ke atas Penyata Prestasi Kewangan Majlis.

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

22. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai tempoh kewangan dari 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017. Jumlah bajet ini telah dibentangkan oleh Mesyuarat Khas Belanjawan Majlis Perbandaran Ampang Jaya pada 25 Ogos 2016 dan telah diluluskan di dalam Mesyuarat Penuh Majlis pada 30 Ogos 2016.

Belanjawan dan Penyata Kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada Penyata Kewangan. Penyata Kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam Penyata Kewangan ini telah disusun semula dari asas akru kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar. Selain perbezaan asas ini pelarasan kepada jumlah dalam Penyata Kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan Penyata Kewangan ini disediakan. Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti yang tidak direkodkan di dalam Penyata Kewangan ini.

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di bawah.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di bawah:

| | Operasi RM | Pelaburan RM | Pembiayaan RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|
| Jumlah sebenar di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar | 10,816,584 | (22,650,230) | (1,520,000) | (13,353,646) |
| Perbezaan asas | 18,222,378 | 1,500 | 687,378 | 18,911,256 |
| Perbezaan masa | — | — | — | — |
| Jumlah sebenar di dalam Penyata Aliran Tunai | 29,038,962 | (22,648,730) | (832,622) | 5,557,610 |

**No. 4014.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan MPSJ pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Instituitions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada MPSJ dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Para Ahli Majlis MPSJ bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan MPSJ tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan MPSJ yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan MPSJ adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan MPSJ, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan MPSJ untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan MPSJ secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan MPSJ, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman MPSJ.

(c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunapakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

(d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan MPSJ sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan MPSJ atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

(e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan MPSJ memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh MPSJ telah disimpan dengan sempurna menurut Peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

(a) Seperti yang dinyatakan pada Nota 2.1 kepada penyata kewangan, MPSJ telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) mulai 1 Januari 2017 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2016. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Majlis terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan MPSJ pada 31 Disember 2016 dan 1 Januari 2016, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan MPSJ bagi tahun berakhir 31 Disember 2017, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2017 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

(b) Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

SHAH ALAM
Bertarikh 21 September 2018

ROKIAH BINTI SAHAT
*b.p. Ketua Audit Negara Malaysia*

YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Kami, Noraini binti Roslan, yang Dipertua dan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi Majlis yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya pada 31 Disember 2017 serta hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

NORAINI BINTI ROSLAN
*Yang Dipertua*
*Majlis Perbandaran*
*Subang Jaya*
Tarikh 30-5-2018

SHARMAZIRA BINTI MD SHARIF
*Ahli Majlis*
*Majlis Perbandaran*
*Subang Jaya*
Tarikh 30-5-2018

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Saya, Mohd Fadzil bin Mahat, (KP. 690501-14-5293), pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017, Penyata Prestasi Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikutnya ini berserta dengan nota-nota, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1860.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh
Penama di atas Mohd Fadzil bin Mahat
di Negeri Selangor
Bertarikh 30-5-2018 }

Di hadapan saya

*Pesuruhjaya Sumpah*
*Peguambela dan Peguamcara*
*Subang Jaya*

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| ASET SEMASA | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima (Nota 3) | 53,054,704 | 65,219,101 |
| Urusniaga Pertukaran Belum Terima (Nota 4) | 1,268,518 | 1,415,508 |
| Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan (Nota 5) | 3,828,420 | 4,299,107 |
| Simpanan Tetap (Nota 6) | 310,669,485 | 270,905,579 |
| Wang Di tangan dan Di Bank (Nota 7) | 22,483,764 | 37,715,849 |
| ASET BUKAN SEMASA | | |
| Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan (Nota 5) | 26,608,108 | 17,537,868 |
| Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 8) | 100,920,136 | 97,719,370 |
| Kerja Dalam Kemajuan | 2,527,984 | 7,711,856 |
| JUMLAH ASET | 521,361,119 | 502,523,968 |
| LIABILITI SEMASA | | |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru (Nota 11) | 34,660,027 | 24,602,121 |
| Akaun Amanah (Nota 12) | 13,121,445 | 12,713,669 |
| Pinjaman (Nota 13) | 3,321,245 | 3,321,245 |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | |
| Akaun Amanah (Nota 12) | 114,140,559 | 110,023,487 |
| Pinjaman (Nota 13) | 19,867,017 | 15,500,000 |
| Cagaran (Nota 14) | 172,297,267 | 163,318,934 |
| JUMLAH LIABILITI | 357,407,560 | 329,479,456 |
| ASET BERSIH | 163,953,559 | 173,044,512 |
| ASET BERSIH | | |
| Kumpulan Wang Majlis (Nota 15) | 161,790,559 | 170,881,512 |
| Kumpulan Wang Pinjaman (Nota 16) | 2,163,000 | 2,163,000 |
| | 163,953,559 | 173,044,512 |
| HASIL | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran (Nota 17) | 248,745,356 | 236,513,222 |
| Urusniaga Pertukaran (Nota 18) | 31,552,043 | 32,192,286 |
| Pelbagai Hasil (Nota 19) | 1,484,304 | 1,190,673 |
| JUMLAH HASIL | 281,781,703 | 269,896,181 |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| PERBELANJAAN | | |
| PERBELANJAAN MENGURUS | | |
| Emolumen (Nota 20) | 53,890,143 | 46,946,455 |
| Perkhidmatan dan Bekalan (Nota 21) | 142,124,843 | 196,124,042 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (Nota 22) | 7,158,973 | 6,316,911 |
| Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain (Nota 23) | 26,530,638 | 17,395,418 |
| PERBELANJAAN PEMBANGUNAN | | |
| Projek Pembangunan Majlis (Nota 24) | 61,918,039 | 2,833,382 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 291,622,636 | 269,616,208 |
| (KURANGAN)/LEBIHAN BAGI TAHUN | (9,840,933) | 279,973 |

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMSER 2017

| | Kumpulan Wang Majlis | Kumpulan Wang Pinjaman | Jumlah Aset Bersih |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari 2016 | 170,601,539 | 2,163,000 | 172,764,539 |
| Seperti yang dinyatakan terdahulu | | | |
| Kesan pemakaian awal MPSAS (Nota 2.21) | — | — | — |
| Baki pada 1 Januari 2016 | 170,601,539 | 2,163,000 | 172,764,539 |
| Seperti yang dinyatakan semula | — | — | — |
| Pelarasan tahun lalu | | | |
| Lebihan Bersih bagi tahun | 279,973 | — | 279,973 |
| Baki pada 31 Disember 2016 | 170,881,512 | 2,163,000 | 173,044,512 |
| Pelarasan Tabung Kebajikan Kakitangan | (50,000) | — | (50,000) |
| Pelarasan tahun lalu (Nota 25) | 799,980 | — | 799,980 |
| (Kurangan) Bersih Bagi Tahun | (9,840,933) | — | (9,840,933) |
| Baki pada 31 Disember 2017 | 161,790,559 | 2,163,000 | 163,953,559 |

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI | | |
| (Kurangan)/Lebihan Bagi Tahun | (9,840,933) | 279,973 |

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Pergerakan Bukan Tunai: | | |
| Penerimaan Faedah (Nota 18) | (10,222,106) | (11,661,596) |
| Susutnilai dan Pelunasan (Nota 23) | 16,265,170 | 16,440,084 |
| Keuntungan dari Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | (108,273) | (30,268) |
| Pelarasan Hartanah, Loji dan Peralatan | — | (1,244,354) |
| Pindahan Kerja Dalam Kemajuan (Nota 8) | (14,575,409) | — |
| Peningkatan Dalam Peruntukan Hutang Ragu (Nota 23) | 8,113,365 | (76,076) |
| (Peningkatan)/Penurunan belum terima (Nota 3) | (7,727,483) | (6,340,234) |
| (Penurunan)/Peningkatan belum bayar (Nota 5) | 10,057,906 | (6,963,756) |
| Pelunasan Akaun Amanah (Nota 12) | 4,524,848 | 6,406,179 |
| (Penurunan)/Peningkatan Wang Cagaran (Nota 14) | 8,978,333 | 14,907,799 |
| | 15,306,351 | 11,437,778 |
| Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi | 5,465,418 | 11,717,751 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | | |
| Belian Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota a) | (4,914,527 | (4,081,294)) |
| Pengurangan Kerja Dalam Kemajuan | (5,183,602) | (6,115,792) |
| Pindahan Ke Aset Tetap (Nota 8) | 14,575,409 | 1,356,419 |
| Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan | 4,477,280 | (8,840,667) |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN | | |
| Penerimaan Pinjaman (Nota 13) | 4,367,017 | 11,585,669 |
| Faedah Diterima | 10,222,106 | 11,661,596 |
| Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan | 14,589,123 | 23,247,265 |
| Peningkatan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai | 24,531,821 | 26,124,349 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tempoh | 308,621,428 | 282,497,079 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tempoh | 333,153,249 | 308,621,428 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tempoh Terdiri Daripada: | | |
| Simpanan Tetap (Nota 6) | 310,669,485 | 270,905,579 |
| Wang Di Tangan dan Di Bank (Nota 6) | 22,483,764 | 37,715,849 |
| | 333,153,249 | 308,621,428 |

| | RM | RM |
|---|---|---|
| Nota a: | | |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan | 2,736,633 | |
| Pembelian belum bayar | 2,177,894 | |
| | 4,914,527 | |

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | JUMLAH BAJET | | JUMLAH | ^Varian Bajet |
|---|---|---|---|---|
| | ASAL | AKHIR | SEBENAR | |
| | RM | RM | RM | RM |
| PENERIMAAN | | | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran | 222,122,110 | 208,000,000 | 197,647,521 | 10,352,479 |
| Urusniaga Pertukaran | 69,748,450 | 69,748,450 | 75,862,706 | (6,114,256) |
| Lain-Lain Terimaan | 8,184,000 | 8,184,000 | 8,975,364 | (791,364) |
| | 300,054,560 | 285,932,450 | 282,485,591 | 3,446,859 |
| PEMBAYARAN | | | | |
| Emolumen | 54,424,240 | 59,003,470 | 53,890,143 | 5,113,327 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 146,979,950 | 143,736,320 | 142,124,843 | 1,611,477 |
| Pemilikan Harta Modal | 4,481,120 | 5,841,100 | 2,736,633 | 3,104,467 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 8,816,820 | 7,805,540 | 7,158,973 | 646,567 |
| Perbelanjaan Lain-Lain | 13,209,000 | 11,524,700 | 2,152,103 | 9,372,597 |
| Perbelanjaan Pembangunan | 72,143,430 | 72,143,430 | 62,911,394 | 9,232,036 |
| PENERIMAAN BERSIH | 300,054,560 | 300,054,560 | 270,974,089 | 29,080,471 |
| | — | (14,122,110) | 11,511,502 | (25,633,612) |

"Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. MAKLUMAT AM

1.1. Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan perlaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya.

Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta bagi harta-harta yang boleh dikenakan cukai taksiran yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis seperti penataan lampu jalan, pembersihan longkang dan kutipan sampah.

Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.

Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti di kawasan operasi Majlis.

1.2. Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan matawang fungsian dan persembahan Majlis.

1.3. Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 telah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya pada 25 April 2018.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1. Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

2.1.2. Penyata Kewangan ini adalah merupakan Penyata Kewangan peralihan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS kerana Majlis telah memilih pengecualian berhubung dengan pengiklirafan aset dan liabiliti seperti yang dinyatakan pada Nota 2.21.2 kepada Penyata Kewangan. Sebelum ini Penyata Kewangan Majlis telah disediakan menggunakan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Majlis.

2.1.3. Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut atau dalam tempoh kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa ke masa akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.20 kepada Penyata Kewangan.

2.2. Hasil Daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga Bukan Pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga Bukan Pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

2.2.1. Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut

(i) Cukai Taksiran

Cukai Taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai Taksiran diiktiraf sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Sumbangan Membantu Kadar

Sumbangan Membantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar di iktiraf sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

(iv) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

(v) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti Geran Keseimbangan diambil kira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai akaun amanah dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.3. Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhimatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

(ii) Perolehan dari Jualan Barang-Barang

Perolehan dari jualan barang-barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebutharga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain.

(iii) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(iv) Faedah dan Perolehan dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada Nota 2.3 (i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.4. Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1. Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000.00 setiap satu.

2.4.2. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.4.3. Jika berlaku sesuatu aset diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

2.4.4. Nilai di bawah item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai di bawa aset di mana perbezaannya diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.5. Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.5.1. Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Susutnilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.

2.5.2. Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

| Hartanah, Loji dan Peralatan | Kadar Tahunan |
|---|---|
| Tanah Pajakan | Mengikut Tempoh Pajakan |
| Tanah Pegangan Bebas | Tidak Disusut Nilai |
| Bangunan | 2%-20% |
| Jentera/Mesin Rumput | 10%-35% |
| Alatan Pejabat | 10%-20% |
| Peralatan dan Kelengkapan | 20%-35% |
| Kenderaan | 10%-20% |

2.5.3. Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.6. Hartanah Pelaburan

2.6.1. Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

2.6.2. Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

2.6.3. Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul (jika ada).

2.6.4. Susut nilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut.

Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susut nilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6.5. Untung atau Rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.7. Aset Tak Ketara

2.7.1. Aset tak ketara diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

2.7.2. Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

2.7.3. Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

2.7.4. Perisian Komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 3 hingga 10 tahun.

2.7.5. Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

2.7.6. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.8. Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan hartanah, loji dan peralatan akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (Certificate of Practical Completion) dikeluarkan atau tarikh siap kerja dan dilunaskan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan dan dilunaskan.

2.9. Aset Kewangan

2.9.1. Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.9.2. Pada pengiktirafan awal, aset kewangan yang diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kekurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

2.9.3. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

2.9.4. Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.9.5. Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah berkesan atau ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

(ii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang sehingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan atau ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kaedah faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

(i) Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;

(ii) Pembayaran tertunggak;

(iii) Kemungkinan bahawa peminjam akan muflis;

(iv) Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai;

(v) Selepas sekurang-kurangnya 14 kali notis E dikeluarkan; atau

(vi) Selepas penggulungan dan pembubaran syarikat serta pengambil alihan tanah.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan Aset Kewanqan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.10. Peruntukan dan Liabiliti

2.10.1. Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam Penyata Prestasi Kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

2.11. Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

2.11.1. Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf tetapi didedahkan dalam Penyata Kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2.11.2. Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam Penyata Kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2.12. Liabiliti Kewangan

2.12.1. Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.12.2. Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi.lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

2.12.3. Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2.12.4. Majlis mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

(ii) Penyahiktirafan Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.13. Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Dan Lain-Lain

Kumpulan Wang Pinjaman kenderaan dan lain-lain merupakan jumlah wang yang dipindahkan daripada Kumpulan Mengurus bagi tujuan membiayai Pinjaman Kenderaan, Pinjaman Komputer dan Pinjaman Pendidikan Boleh Ubah.

2.14. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata Aliran Tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang duabelas (12) bulan atau kurang yang disedia tukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.15. Manfaat Pekerja

2.15.1. Manfaat kakitangan jangka pendek

Majlis sebagai pihak berkuasa tempatan adalah tertakluk kepada peratuaran-peraturan perjawatan Majlis sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, kemudahan perubatan di lnstitut Jantung Negara (IJN), dialisis dan peralatan bahan tiruan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer.

Faedah kakitangan jangka masa pendek termasuk gaji, upah, bonus dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

2.15.2. Manfaat selepas perkhidmatan

(i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(ii) Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(iii) Manfaat Cuti rehat dan Ganjaran Kakitangan Kontrak

Bagi kakitangan tetap Majlis sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunapakai oleh Majlis.

Majlis hanya mengambilkira peruntukan GCR bagi kakitangan tetap dan telah berkhidmat melebihi 10 tahun dan telah mencapai umur 40 tahun dalam tempoh kewangan berakhir di mana ia dikira berdasarkan formula berikut:

1/30 x Gaji dan elaun akhir yang diterima (dengan andaian peningkatan gaji sebanyak 3% setahun) x 150 hari (had maksimum yang boleh dituntut).

Pihak Majlis juga akan memberi ganjaran kepada kakitangan kontrak yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka berdasarkan formula berikut:

[17.5%- 12% (caruman KWSP majikan) x Gaji pokok terakhir x Jumlah bulan perkhidmatan) (-) Faedah syer ke atas caruman KWSP majikan.

2.16. Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

2.16.1. Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

2.16.2. Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat pertunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

2.16.3. Aset Penjanaan Bukan Tunai

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhimatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada dan yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.17. Percukaian

2.17.1. Majlis Perbandaran Subang Jaya adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6: Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.18. Cukai Barang dan Perkhimatan (GST)

2.18.1. Perlaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. lmplikasi cukai barang dan perkhidmatan kepada Majlis adalah seperti berikut:

(i) Cukai Output

Terimaan hasil cukai taksiran dan lesen adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan hasil selain cukai taksiran contohnya seperti sewaan ruang niaga, sewaan dewan adalah tertaluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%)

(ii) Cukai Input

Majlis menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan. Majlis boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai input)

2.19. Maklumat Bajet

2.19.1. Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan Penyata Kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.19.2. Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Khas Belanjawan dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Nota penyediaan bajet pada tahun 2017 adalah berbeza berbanding 2016 dengan mengambilkira penyelenggaraan dan aktiviti berkaitan dengan pembangunan masyarakat telah dimasukkan ke dalam perbelanjaan pembangunan berbanding perbelanjaan mengurus sebelum ini (2016).

2.20. Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

2.20.1. Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam Penyata Kewangan.

2.20.2. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Elaun Rosot Nilai bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar Siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Majlis menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 99 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iii) Penentuan hartanah pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk menyebabkan susut nilai aset pada masa tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

(iv) Pengukuran Peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.21. Kesan Pemakaian MPSAS

2.21.1. Penyata Kewangan ini adalah merupakan Penyata Kewangan peralihan pertama Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana Penyata Kewangan Majlis sebelum ini telah disediakan menggunakan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Majlis. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan Penyata Kewangan tahun kewangan ini adalah selaras dengan yang telah digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan seperti berikut:

(i) Aset dan Liabiliti Kewangan

Pada tahun kewangan sebelum ini, beberapa item aset dan liabiliti kewangan diukur pada kos yang memperuntukkan keuntungan mengikut asas garis lurus. Penggunaan rangka kerja MPSAS menyebabkan item-item tersebut diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah keuntungan berkesan. Jumlah kos dilunaskan semua item tersebut akan dikira semula secara retrospektif dan perbezaan di antara jumlah kos dilunaskan dan nilai dibawa sebelumnya telah diselaraskan kepada baki awal Kumpulan Wang Majlis.

(ii) Peruntukan Manfaat Kakitangan

MPSAS 25 Employee Benefits mengkehendaki entiti mengiktiraf semua manfaat yang diberikan kepada kakitangannya. Memandangkan Majlis mempunyai obligasi untuk membayar Gantian Cuti Rehat kepada kakitangannya apabila mereka bersara kelak, maka Majlis telah membuat peruntukan tersebut di dalam Penyata Kewangan ini.

(iii) Aset Tak Ketara

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua perbelanjaan berhubung dengan perisian komputer telah diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS mengkehendaki perbelanjaan berhubung perisian komputer ini dipermodalkan kerana terdapat kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti. Oleh itu, pelarasan berhubung aset tidak ketara ini telah diambilkira di dalam Penyata Kewangan ini.

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua perisian komputer telah dikategorikan di bawah hartanah, loji dan peralatan. Pemakaian MPSAS menghendaki perisian komputer ini diklasifikasikan semula berdasarkan kepada ciri-cirinya yang perlu ditunjukkan secara berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Majlis telah membuat pengklasifikasian tersebut di dalam tahun kewangan semasa.

(iv) Hartanah Pelaburan

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, hartanah pelaburan yang dimiliki oleh Majlis ditunjukkan di bawah Hartanah, Loji dan Peralatan. Pemakaian MPSAS menghendaki hartanah pelaburan ini diklasifikasikan berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan di mana Majlis telah membuat pengklasifikasian tersebut di dalam tahun kewangan semasa.

(v) Elaun Rosot Nilai

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, salah satu dasar perakaunan Majlis berhubung elaun hutang ragu adalah membuat peruntukan sebanyak 2% daripada jumlah tunggakan. Pemakaian MPSAS menghendaki elaun rosot nilai ini dibuat atas bukti objektif dan bukannya berdasarkan kepada pertimbangan. Dasar perakaunan berhubung dengan elaun rosot nilai ini dinyatakan pada Nota 2.9 kepada Penyata Kewangan. Oleh itu, semua kesan berhubung elaun rosot nilai ini telah dibuat secara prospektif di dalam tahun kewangan ini.

(vi) Pengiktirafan Geran atau Akaun Amanah

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis mengklasifikasikan akaun geran atau akaun amanahnya sebagai salah satu item di dalam Penyata Perubahan Aset Bersih. Pemakaian MPSAS menghendaki semua geran atau akaun amanah yang mempunyai syarat ke atasnya hendaklah telah mengklasifikasikan semula geran atau akaun amanahnya kepada liabiliti. Majlis sedang di dalam proses diklasifikasikan sebagai liabiliti. Oleh itu, Majlis untuk menentukan baki sebenar akaun geran atau akaun amanahnya kerana di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis melunaskan akaun geran dana akaun amanahnya ke Penyata Prestasi Kewangan tidak bersamaan dengan jumlah yang dibelanjakan.

2.21.2. Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Majlis juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan Penyata Kewangan ini yang pertama kali disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

Peruntukan dan Pengecualian yang memberi kesan ketara ke atas Penyata Kewangan

(i) Aset Insfrastruktur

Majlis memiliki aset insfrastruktur iaitu jalan raya, pondok bas dan lain-lain lagi yang tidak dipermodalkan di dalam Penyata Kewangan. Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi aset insfrastruktur telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki aset infrastruktur ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset MPSAS menghendaki aset insfrastruktur ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset infrastrukturnya.

(ii) Penentuan Nilai Saksama Aset Yang Direkodkan Pada Nilai Nominal

Majlis memiliki beberapa aset nyata dan tidak nyata yang diterima secara percuma dan direkodkan pada nilai nominal di dalam Penyata Kewangan Majlis. MPSAS mengkehendaki semua aset nyata dan tidak nyata yang diterima melalui urusniaga bukan pertukaran hendaklah direkodkan pada nilai saksama. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset-aset tersebut bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset-aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu).

(iii) Peruntukan Ke Atas Gantian Cuti Rehat Dan Ganjaran Kontrak

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis tidak membuat peruntukan ke atas gantian cuti rehat dan ganjaran kontrak. MPSAS mengkehendaki peruntukan-peruntukan ini dibuat kerana ia telah memenuhi syarat kepada sesuatu peruntukan itu perlu dibuat. Majlis akan menggunapakai kaedah Projected Unit Credit bagi membuat pengiraan peruntukan gantian cuti rehat di mana Majlis akan membuat beberapa andaian di dalam pengiraan tersebut. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi mengiktiraf peruntukan ke atas gantian cuti rehat dan ganjaran kontrak ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga peruntukan-peruntukan tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk mengumpul data berhubung dengan kakitangannya.

(iv) Pengiktirafan Inventori

Majlis memiliki beberapa inventori yang tidak direkodkan di dalam Penyata Kewangan di mana Majlis telah mengiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki inventori ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan inventori ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung inventori.

(v) Aset Hidup

Majlis memiliki aset hidup iaitu pokok dan tumbuhan yang tidak dipermodalkan di dalam Penyata Kewangan. MPSAS menghendaki aset hidup ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset hidup ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset hidupnya.

Peruntukan dan Pengecualian yang tidak memberi kesan ketara ke atas Penyata Kewangan

(i) Aset dan Liabiliti Kewangan yang telah dinyahiktiraf

Majlis tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangannya yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunapakai rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunapakai rangka kerja MPSAS. Jika sesuatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah rangka kerja perakaunan terdahulu maka Majlis memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

(ii) Anggaran perakaunan

Sebelum ini, Majlis menggunakan pertimbangan untuk menentukan elaun bagi elaun rosot nilainya. Elaun akan dibuat apabila Majlis menilai sesuatu hutang itu tidak boleh dikutip. Selepas menggunapakai MPSAS, penilaian ke atas kemerosotan aset kewangan dibuat berdasarkan kepada peristiwa kerugian yang telah berlaku (*incurred loss model*), di mana kemerosotan diiktiraf berdasarkan bukti objektif yang wujud. Walau bagaimanapun, elaun rosot nilai pada tarikh peralihan ini tidak diselaraskan secara retrospektif.

2.21. Kesan pemakaian MPSAS ke atas penyata kewangan Majlis pada 1 Januari 2017 selepas mengambilkira penggunaan pengecualian dan pertukaran dasar-dasar perakaunan adalah seperti berikut:

Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016

| | Piawaian perakaunan terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | 31-12-2016 |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| ASET BUKAN SEMASA | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 97,719,370 | — | 97,719,370 |
| Kerja Dalam Kemajuan | 7,711,586 | — | 7,711,586 |
| Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan | — | 17,537,868 | 17,537,868 |
| | 105,430,956 | 17,537,868 | 122,968,824 |
| ASET SEMASA | | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima | — | 65,219,101 | 65,219,101 |
| Urusniaga Pertukaran Belum Terima | — | 1,415,508 | 1,415,508 |
| Pelbagai Akaun Belum Terima | — | 4,299,107 | 4,299,107 |
| Tunggakan Hasil | 65,219,101 | (65,219,101) | — |
| Lain-lain Siberhutang, Deposit dan Pendahuluan | 23,252,483 | (23,252,483) | — |
| Simpanan tetap | 270,905,579 | — | 270,905,579 |
| Wang Ditangan dan Di Bank | 37,715,849 | — | 37,715,849 |
| | 397,093,012 | (17,537,868) | 379,555,144 |
| JUMLAH ASET | 502,523,968 | (17,537,868) | 502,523,968 |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | | |
| Pinjaman | 3,321,245 | — | 3,321,245 |
| Akaun Amanah | — | 110,023,487 | 110,023,487 |
| Cagaran | 163,318,934 | — | 163,318,934 |
| | 166,640,179 | 110,023,487 | 276,663,666 |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru | 24,602,121 | — | 24,602,121 |
| Pinjaman | 15,500,000 | — | 15,500,000 |
| Akaun Amanah | — | 12,713,669 | 12,713,669 |
| | 40,102,121 | 12,713,669 | 52,815,790 |
| JUMLAH LIABILITI | 206,742,300 | 122,737,156 | 329,479,456 |
| ASET BERSIH | 295,781,668 | (122,737,156) | 173,044,512 |
| Kumpulan Wang Amanah | 122,737,156 | (122,737,156) | — |
| Kumpulan Wang Majlis | 170,881,512 | — | 170,881,512 |
| Kumpulan Wang Pinjaman | 2,163,000 | — | 2,163,000 |
| JUMLAH ASET BERSIH | 295,781,668 | (122,737,156) | 173,044,512 |

Kesan Ke Atas Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

| | Piawaian perakaunan terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| HASIL | | | |
| Hasil Cukai | 185,414,567 | (185,414,567) | — |
| Hasil Bukan Cukai | 74,258,448 | (74,258,448) | — |
| Pelbagai Terimaan | 10,223,166 | (10,223,166) | — |
| Urusniaga Bukan Pertukaran | — | 236,513,222 | 236,513,222 |
| Urusniga Pertukaran | — | 32,192,286 | 32,192,286 |
| Pelbagai Hasil | — | 1,190,673 | 1,190,673 |
| JUMLAH HASIL | 269,896,181 | — | 269,896,181 |
| PERBELANJAAN | | | |
| Emolumen | 46,946,455 | (46,946,455) | — |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 196,124,042 | (196,124,042) | — |
| Pemberian dan Kenaan Tetap | 6,316,911 | (6,316,911) | — |
| Perbelanjaan Lain | 16,556,762 | (16,556,762) | — |
| Perbelanjaan Pembangunan | 3,672,038 | (3,672,038) | — |
| Perbelanjaan Mengurus | | | |
| Emolumen | — | 46,946,455 | 46,946,455 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | — | 196,124,042 | 196,124,042 |
| Pemberian dan Kenaan Tetap | — | 6,316,911 | 6,316,911 |
| Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain | — | 17,395,418 | 17,395,418 |
| Perbelanjaan Pembangunan | | | |
| Projek Pembangunan Majlis | — | 2,833,382 | 2,833,382 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 269,616,208 | — | 269,616,208 |
| LEBIHAN BAGI TAHUN | 279,973 | — | 279,973 |

2.2 Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.2 Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada Ahli-Ahli Majlis.

2.2 Pajakan

Pajakan Kewangan

Pajakan Hartanah, Loji dan Peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam Penyata Kedudukan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukkan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Majlis menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosotnilai.

Pajakan Operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.3 Kos Pembiayaan

Semua kos pembiayaan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh ia terlibat.

3. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Akaun belum terima cukai taksiran | 62,499,821 | 66,550,853 |
| Tolak: | | |
| Elaun rosot nilai | (9,445,117) | (1,331,752) |
| | 53,054,704 | 65,219,101 |

Butiran pergerakan akaun elaun adalah seperti berikut:

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 1,331,752 | 1,407,828 |
| Tambahan tahun semasa | 8,113,365 | (76,076) |
| Baki pada akhir tahun | 9,445,117 | 1,331,752 |

4. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Akaun belum terima sewaan | 933,943 | 892,247 |

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Akaun belum terima sewaan letak kereta | 334,575 | 523,261 |
| | 1,268,518 | 1,415,508 |

Analisa pengumuran urusniaga pertukaran belum terima adalah seperti berikut:

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Melepasi tempoh kena dibayar 1 hingga 30 hari tetapi tidak dirosot | 1,268,518 | 1,415,508 |
| | 1,268,518 | 1,415,508 |

Butiran pergerakan akaun elaun adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 1,415,508 | 1,415,508 |
| Kurangan tahun semasa | (146,990) | — |
| Baki pada akhir tahun | 1,268,518 | 1,415,508 |

5. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Lain-lain akaun belum terima | 30,436,528 | 21,836,975 |
| | 30,436,528 | 21,836,975 |
| Perbelanjaan terdahulu; | | |
| Jabatan Kastam Diraja Malaysia (GST) | 24,897,786 | 15,908,021 |
| Cagaran Majlis (Nota a) | 990,065 | 973,135 |
| Pinjaman kenderaan | 1,449,510 | 1,360,668 |
| Pinjaman komputer | 178,526 | 182,933 |
| Pinjaman pendidikan | 82,286 | 86,246 |
| Tabung Pinjaman Kebajikan Kakitangan | — | 50,000 |
| Faedah Atas Simpanan Tetap Terakru | 2,838,355 | 3,275,972 |
| | 30,436,528 | 21,836,975 |
| Dianalisa seperti berikut: | | |
| Kurang daripada 12 bulan | 3,828,420 | 4,299,107 |
| Lebih daripada 12 bulan | 26,608,108 | 17,537,868 |
| | 30,436,528 | 21,836,975 |

(a) Cagaran Majlis adalah perbelanjaan terdahulu terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| Bayaran bil air- Syarikat Air Negeri Selangor dll | 188,330 | 180,030 |

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Bayaran bil elektrik- Tenaga Nasional Berhad | 7,803 | 7,803 |
| Bayaran lesen menduduki sementara | 699,476 | 699,976 |
| Bayaran deposit kiosk | 17,700 | 12,800 |
| Lain-lain Cagaran | 76,756 | 72,526 |
| | 990,065 | 973,135 |

6. SIMPANAN TETAP

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Al Khair Int Islamic | — | 5,000,000 |
| Bank Islam | 85,000,000 | 41,000,000 |
| Am Islamic Bank | — | 29,000,000 |
| Amanah Raya Bhd. | 55,669,485 | 55,905,579 |
| Bank Rakyat (Puchong) | 25,000,000 | 25,000,000 |
| Bank Rakyat (USJ 9) | 20,000,000 | 30,000,000 |
| Bank Simpanan Nasional | — | 10,000,000 |
| KAF Investment | 10,000,000 | 10,000,000 |
| Malaysian Building Society Berhad | 50,000,000 | 55,000,000 |
| Affin Bank Berhad | 50,000,000 | — |
| Al Rajhi Bank | 15,000,000 | — |
| Maybank Islamic | — | 10,000,000 |
| Baki pada akhir tahun | 310,669,485 | 270,905,579 |

7. WANG DI TANGAN DAN DI BANK

| | | |
|---|---|---|
| Tunai di tangan | 314,493 | 303,294 |
| Wang di bank | 22,169,271 | 37,412,555 |
| | 22,483,764 | 37,715,849 |

8. HARTANAH LOJI DAN PERALATAN

8.1. TAHUN 2016

| | Tanah | Bangunan | Jentera | Kenderaan | Peralatan dan Kelengkapan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| KOS | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 Seperti yang dinyatakan semula | 8,334,539 | 217,855,401 | 895,194 | 22,344,165 | 20,236,957 | 269,666,256 |
| Tambahan dalam tahun | — | 1,244,354 | 331,146 | 755,123 | 2,290,208 | 4,620,831 |
| Pindahan dari kerja dalam kemajuan (Nota 9) | — | — | — | — | — | — |
| Pelupusan dalam tahun | — | | | (548,644) | (381,752) | (930,396) |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2016 | 8,334,539 | 219,099,755 | 1,226,340 | 22,550,644 | 22,145,413 | 273,356,691 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 Seperti yang dinyatakan semula | 665,405 | 133,662,896 | 770,750 | 15,282,071 | 9,277,328 | 159,658,450 |
| Susutnilai tahun semasa | 104,923 | 10,872,159 | 98,568 | 2,349,435 | 3,015,999 | 16,441,084 |
| Pelupusan dalam tahun | — | — | — | (462,213) | — | (462,213) |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2016 | 770,328 | 144,535,055 | 869,318 | 17,169,293 | 12,293,327 | 175,637,321 |
| AMAUN BAWAAN | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2016 | 7,564,211 | 74,564,700 | 357,022 | 5,381,351 | 9,852,086 | 97,719,370 |

8.2. TAHUN 2017

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **KOS** | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | 8,334,539 | 219,099,755 | 1,226,340 | 22,550,644 | 22,145,413 | 273,356,691 |
| – Seperti yang dinyatakan semula | | | | | | |
| Tambahan dalam tahun | — | — | 67,640 | 2,197,688 | 2,649,199 | 4,914,527 |
| Pindahan dari kerja dalam kemajuan (Nota 9) | — | 14,575,409 | — | — | — | 14,575,409 |
| Pelupusan dalam tahun | — | — | — | (774,879) | — | (774,879) |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2017 | 8,334,539 | 233,675,164 | 1,293,980 | 23,973,453 | 24,794,612 | 292,071,748 |
| **SUSUTNILAI TERKUMPUL** | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | 770,328 | 144,535,055 | 869,318 | 17,169,293 | 12,293,327 | 175,637,321 |
| – Seperti yang dinyatakan semula | | | | | | |
| Susutnilai tahun semasa | 104,921 | 10,823,863 | 153,681 | 2,141,956 | 3,040,749 | 16,265,170 |
| Pelupusan dalam tahun | — | — | — | (750,879) | — | (750,879) |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2017 | 875,249 | 155,358,918 | 1,022,999 | 18,560,370 | 15,334,076 | 191,151,612 |
| **AMAUN BAWAAN** | | | | | | |
| – Seperti yang dinyatakan semula | 7,459,290 | 78,316,246 | 270,981 | 5,413,083 | 9,460,536 | 100,920,136 |
| PADA 31 DISEMBER 2017 | | | | | | |

9. KERJA DALAM KEMAJUAN

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Baki Pada Awal Tahun | 7,711,586 | 1,595,794 |
| Tambahan | 8,802,868 | 6,115,792 |
| Pindahan ke Hartanah, Loji dan Peralatan | (13,986,470) | — |
| Baki Pada Akhir Tahun | 2,527,984 | 7,711,586 |

Kerja Dalam Kemajuan adalah terdiri daripada kerja-kerja pembangunan seperti di bawah:

1) Cadangan Pembangunan Executive Information System (EIS) untuk GIS dan Rancangan Tempatan MPSJ

2) Kerja-Kerja Pembinaan Satu Unit Bangunan Stor Jabatan Penguatkuasa Serta Ruang Pejabat dan Bilik Persalinan Di Jln. Tmn. Perindustrian 2, Tmn. Industri UEP, Subang

10. ASET TAK KETARA

10.1. TAHUN 2016

| | Perisian Komputer dalam perlaksanaan RM | JUMLAH RM |
|---|---|---|
| KOS | | |
| Pada 1 Januari 2016 Seperti yang dinyatakan semula | — | — |
| Tambahan dalam tahun | 279,993 | 279,993 |
| Pindahan | — | — |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2016 | 279, 993 | 279,993 |
| PELUNASAN TERKUMPUL | | |
| AMAUN BAWAAN Pada 31 Disember 2016 | 279,993 | 279,993 |

10.2. TAHUN 2017

| | | |
|---|---|---|
| KOS | | |
| Pada 1 Januari 2017 Seperti yang dinyatakan semula | 279,993 | 279,993 |
| Tambahan dalam tahun | 1,819,955 | 1,819,955 |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2017 | 2,099,948 | 2,099,948 |
| PELUNASAN TERKUMPUL | | |
| AMAUN BAWAAN Pada 31 Disember 2017 | 2,099,948 | 2,099,948 |

11. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR DAN PERBELANJAAN TERAKRU

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Elaun Tetap | 29,750 | 4,266 |
| Tuntutan Perjalanan | 130,713 | 71,097 |
| Perhubungan Dan Utiliti | 95,922 | 861,462 |
| Sewaan | 35,223 | 539,066 |
| Bekalan Bahan Mentah | 61,393 | 136,154 |
| Bekalan Dan Bahan Lain | 522,325 | 835,563 |
| Penyelenggaraan Dan Pembaikan | 1,443,586 | 1,329,327 |
| Perkhidmatan Ikhtisas | 3,387,742 | 6,193,550 |
| Pemberian Dalam Negeri | — | 7,600 |
| Aset/Kerja Dalam Kemajuan | 2,177,894 | 367,016 |
| Pulangbalik Dan Hapus kira | 478,379 | 8,545 |
| Projek Pembangunan | 17,798, 860 | 6,448,542 |
| Ganjaran Kontrak | — | 26,512 |
| Cukai Taksiran | 174,169 | 300,732 |
| Akaun PBT Selangor - Kutipan Cukai | 123,519 | 120,347 |
| Akaun Tak Dikenalpasti | 218,553 | 115,910 |
| GST Output | 7,981,999 | 7,236,432 |
| | 34,660,027 | 24,602,121 |

12. AKAUN AMANAH

Akaun Amanah terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| Baki Pada Awal Tahun | 122,737,156 | 116,330,977 |
| Terimaan semasa | 59,960,984 | 60,712,410 |
| Tolak: | | |
| Pelunasan | (55,436,136) | (54,306,231) |
| Baki Pada Akhir Tahun | 127,262,004 | 122,737,156 |
| Akaun Amanah Jangka Pendek | 13,121,445 | 12,713,669 |
| Akaun Amanah Jangka Panjang | 114,140,559 | 110,023,487 |
| | 127,262,004 | 122,737,156 |

13. PINJAMAN KERAJAAN NEGERI

Pinjaman Liabiliti Semasa:

| | | |
|---|---|---|
| (a) Projek Pembinaan Jln S.K. Taman Desaminium | 1,175,000 | 1,175,000 |
| (b) Projek Kawalan Banjir di Taman Seri Serdang | 2,146,245 | 2,146,245 |
| | 3,321,245 | 3,321,245 |

Pinjaman Liabiliti Bukan Semasa:

| | | |
|---|---|---|
| (a) Projek Tempat Letak Kereta SS15 | 4,367,017 | — |
| (b) Projek Persimpangan Bertingkat Puchong Utama 2 | 15,500,000 | 15,500,000 |
| | 19,867,017 | 15,500,000 |

Pinjaman ini akan dilunaskan dalam tempoh 5 tahun dengan kadar faedah sebanyak 4% dan dibayar secara ansuran selepas 2 tahun projek siap.

14. CAGARAN

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Baki Terkumpul pada 1 Januari | 163,318,934 | 148,411,135 |
| Tambahan | 33,290,988 | 32,498,159 |
| Pulangan | (17,951,835) | (14,200,805) |
| Potongan | (467,314) | (607,304) |
| Akta Wang Tak Dituntut | (5,893,506) | (2,782,251) |
| Baki Terkumpul pada 31 Disember | 172,297,267 | 163,318,934 |

14.1 Wang Cagaran tersebut adalah masih aktif dan terdiri daripada pecahan seperti berikut;

| Keterangan | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Cagaran Teknikal | 110,363,971 | 105,876,446 |
| Cagaran Bukan Teknikal | 61,993,296 | 57,442,488 |
| Cagaran Terkumpul pada 31 Disember | 172,297,267 | 163,318,934 |

15. KUMPULAN WANG MAJLIS

| | | |
|---|---|---|
| Baki Terkumpul pada 1 Januari | 170,881,512 | 170,601,539 |
| Pelarasan | 749,980 | — |
| Lebihan/(Kurangan) pendapatan & perbelanjaan dalam tahun | (9,840,933) | 279,973 |
| Baki berakhir pada 31 Disember | 161,790,559 | 170,881,512 |

16. KUMPULAN WANG PINJAMAN

| | RM | RM |
|---|---|---|
| Peruntukan pinjaman komputer | 342,000 | 542,000 |
| Peruntukan pinjaman kenderaan | 1,481,000 | 1,281,000 |
| Peruntukan pinjaman pendidikan | 290,000 | 290,000 |
| Peruntukan tabung pinjaman kakitangan | 50,000 | 50,000 |
| JUMLAH | 2,163,000 | 2,163,000 |

17. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

| | | |
|---|---|---|
| Cukai taksiran | 193,580,525 | 185,414,567 |
| Lesen, bayaran pendaftaran permit | | |
| Sumbangan Kerajaan dan Awam: | 21,169,774 | 19,186,908 |
| Geran keseimbangan | 5,000,000 | 6,271,931 |
| Subsidi lampu jalan | 2,962,168 | 2,975,256 |
| Lain-lain | 3,048,187 | 1,264,354 |

| | RM | RM |
|---|---|---|
| Sumbangan membantu kadar | 666,945 | 666,749 |
| Denda dan hukuman | 14,759,922 | 14,146,265 |
| Sewaan | 7,557,835 | 6,587,192 |
| | 248,745,356 | 236,513,222 |

18. URUSNIAGA PERTUKARAN

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan | 19,705,040 | 18,924,928 |
| Faedah | 10,222,106 | 11,661,596 |
| Perolehan dari jualan barang | 1,624,897 | 1,605,762 |
| | 31,552,043 | 32,192,286 |

19. PELBAGAI HASIL

| | | |
|---|---|---|
| Lain-lain Hasil | 120,562 | 881,443 |
| Pulangbalik Perbelanjaan | 1,363,742 | 309,230 |
| | 1,484,304 | 1,190,673 |
| JUMLAH | 281,781,703 | 269,896,181 |

20. EMOLUMEN

| | | |
|---|---|---|
| Gaji dan upahan | 29,511,148 | 28,200,515 |
| Elaun tetap | 13,086,194 | 10,800,947 |
| Sumbangan berkanun (KWSP) | 440,566 | 375,615 |
| Elaun Lebih Masa | 2,734,440 | 2,492,929 |
| Faedah kewangan yang lain | 8,117,795 | 5,076,449 |
| | 53,890,143 | 46,946,455 |

21. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

| | | |
|---|---|---|
| Tuntutan perjalanan | 2,071,478 | 1,368,294 |
| Perhubungan dan utiliti | 13,471,233 | 12,591,897 |
| Sewaan | 2,586,188 | 2,087,507 |
| Bekalan bahan mentah | 463,117 | 376,431 |
| Bekalan bahan lain | 7,088,512 | 7,698,708 |
| Penyelenggaraan dan pembaikan | 38,826,248 | 51,516,553 |
| Perkhidmatan ikhtisas | 77,618,067 | 120,484,652 |
| | 142,124,843 | 196,124,042 |

22. PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP

| | | |
|---|---|---|
| Pemberian dalam negeri: | | |
| Bencana Alam | 24,207 | 7,600 |
| Pemberian Kepada Kelab Sukan | 200,000 | 200,000 |
| Pemberian kepada Lain-lain Persatuan | 251,000 | 222,400 |
| Pemberian Mengurus | 881,704 | 438,970 |
| Pencen | 5,132,198 | 4,757,881 |
| Ganjaran Pekerja kontrak | 669,864 | 690,060 |
| | 7,158,973 | 6,316,911 |

23. PERBELANJAAN LAIN

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Pulangbalik dan Hapuskira | 389,100 | 192,754 |
| Susutnilai | 16,265,170 | 16,440,084 |
| Peruntukan Hutang Lapuk | 8,113,365 | (76,076) |
| Bayaran-bayaran Lain | 1,763,003 | 838,656 |
| | 26,530,638 | 17,395,418 |

24. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

| | | |
|---|---|---|
| Projek-projek Pembangunan | 61,918,039 | 2,833,382 |

25. PELARASAN TAHUN LALU

| | Dinyatakan Terdahulu 2016<br>RM | Pelarasan Tahun Lalu/ Perbezaan<br>RM |
|---|---|---|
| Kerja Dalam Kemajuan | | |
| (a) Komputer dan Alat Elektronik | 279,993 | 799,980 |
| Jumlah Pelarasan Tahun Terdahulu | 279,993 | 799,980 |
| JUMLAH | 279,993 | 799,980 |

Nota:

26. Hartanah, loji dan peralatan

(a) Komputer dan Alat Elektronik

Pelarasan tahun lalu adalah bagi kos Komputer & Alat Elektronik berjumlah yang tidak diambil kira sebab dimasukkan di dalam kos Juruperunding Jabatan Perancang Bandar.

27. TANGGUNGAN LUAR JANGKA

Sehingga tempoh berakhir 31 Disember 2017, hanya terdapat 2 sahaja kes yang dijangka mempunyai kebarangkalian melebihi 50% menyebelahi Majlis iaitu:

(i) Per: Mahkamah Tinggi Shah Alam

Sivil No. Ba-21NCVC-26-03/2017

| | | |
|---|---|---|
| Saman Plaintif | : | Majlis Perbandaran Subang Jaya |
| Defendan | : | Lee Su Ha & BJ Homes Development |

(ii) Per: Tindakan Kebankrapan

| | | |
|---|---|---|
| Pempetisyen | : | Majlis Perbandaran Subang Jaya |
| Responden | : | Ropiaah binti T. Parjo/Mizan bin Jalil/Nasrul Omar bin Che Mansor |

28. INSTRUMEN KEWANGAN-DASAR PENGURUSAN RISIKO

Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, Majlis mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institusi kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Majlis adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Majlis akan sentiasa memantau baki tunggakan secara berterusan dan akan mengambil tindakan mengikut kaedah perundangan yang dibenarkan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Majlis akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan Majlis kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti Majlis pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

Risiko Kecairan

| | Dalam tempoh setahun | Lebih tempoh setahun | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Pada 31 Disember 2016 | | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan | 24,602,121 | — | 24,602,121 |
| Pinjaman | 3,321,245 | 15,500,000 | 18,821,245 |
| | 27,923,366 | 15,500,000 | 43,423,366 |
| Pada 31 Disember 2017 | | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan | 34,660,027 | — | 34,660,027 |
| Pinjaman | 3,321,245 | 19,867,017 | 23,188,262 |
| | 37,981,272 | 19,867,017 | 57,848,289 |

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai wajar atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan Majlis akan berubah-ubah kerana perubahan dalam pasaran kadar faedah.

Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah

Pendedahan Majlis kepada risiko kadar faedah timbul daripada pinjaman Kerajaan Negeri. Pelaburan Majlis dalam aset kewangan kebanyakannya untuk jangka pendek dan kebanyakannya adalah deposit kewangan.

Pada tarikh pelaporan, jika kadar faedah adalah pada 10 mata asas lebih rendah/tinggi, dengan semua pemboleh ubah lain yang adalah sekata, kurangan bersih Majlis adalah pada RM1,000,000 lebih tinggi.

Aset dan liabiliti kewangan Majlis yang lain adalah tidak mempunyai kesan ketara ke atas Penyata Prestasi Kewangan Majlis.

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

29. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting hanya terdiri oleh Ahli-Ahli Majlis sahaja di mana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan | 24 | 24 |
| | RM | RM |
| Jumlah ganjaran | 1,665,655 | 834,217 |

30. PERISTIWA SELEPAS TARIKH PELAPORAN

| | | |
|---|---|---|
| Pembelian Rumah Peranginan Langkawi (Nota a) | 90,000 | — |
| Kerja dalam kemajuan | 2,527,984 | 7,431,595 |
| Perisian dalam pelaksanaan | 428,035 | 279,993 |
| | 3,046,019 | 7,711,588 |

(Nota (a))

1) Majlis telah memeterai perjanjian untuk membeli 2 unit Rumah Peranginan di Langkawi

2) Majlis telah membuat komitmen dana untuk pemerolehan ini dan bayaran telah diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan Majlis sebagai perbelanjaan terdahulu.

31. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai tempoh kewangan dari 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017. Jumlah bajet ini telah dibentangkan oleh Mesyuarat Khas Belanjawan MPSJ pada 14 September 2017. Peruntukan tambahan telah dibuat kepada bajet yang telah diluluskan mengikut kelulusan khusus daripada pihak berkuasa yang berkenaan.

Belanjawan dan Penyata Kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan. Penyata Kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, manakala Bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam Penyata Kewangan ini telah disusun semula dari asas akruan kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudian dibentangkan di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar.

Selain perbezaan asas ini pelarasan kepada jumlah dalam Penyata Kewangan dan Bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan Penyata Kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila Bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti yang tidak direkodkan di dalam Penyata Kewangan ini.

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam Penyata Perbandinngan Bajet dan Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di lampiran.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di lampiran.

| | Operasi RM | Pelaburan RM | Pembiayaan RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|
| Jumlah Sebenar Di Dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar | 9,212,116 | 2,299,386 | — | 11,511,502 |
| Perbezaan Asas (Nota a) | (3,746,698) | 2,177,894 | 14,589,123 | 13,020,319 |
| Perbezaan Masa | | | | |
| Perbezaan Entiti (Nota b) | | | | |
| Jumlah Sebenar Dalam Penyata Aliran Tunai | 5,465,418 | 4,477,280 | 14,589,123 | 24,531,821 |

Nota a:

Perbezaan asas merujuk kepada pembayaran yang dibuat di dalam tahun kewangan semasa tetapi merupakan pembayaran berhubung tahun kewangan yang lalu.

Nota b:

Perbezaan entiti bagi aktiviti pembiayaan wujud disebabkan oleh lain-lain kenaan bank.

**No. 4015.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan MPS pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada MPS dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis MPS bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan MPS tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan MPS yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan MPS adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan MPS, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan MPS untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan MPS secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan MPS, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada adalah lebih tinggi *fraud* daripada kesilapan, kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman MPS.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan MPS sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan MPS atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan MPS memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh MPS telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

SHAH ALAM
Bertarikh 25 September 2018

HJ. ROSLAN BIN ABU BAKAR
*b.p. Ketua Audit Negara*
*Malaysia*

KENYATAAN OLEH YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS

Kami, Suliman bin Abd Rahman, Yang Dipertua dan A Rahim Bin Ahmad Kasdi, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Selayang dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi Majlis yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Selayang pada 31 Disember 2017 serta hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

SULIMAN BIN ABD RAHMAN
*Yang Dipertua*
*Majlis Perbandaran Selayang*

Tarikh 30 Mei 2018

A RAHIM BIN AHMAD KASDI
*Ahli Majlis*
*Majlis Perbandaran Selayang*

Tarikh 30 Mei 2018

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Az'har bin Samsuri, (KP. No. 680207-10-6091), pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Selayang dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017, Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 dan Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai yang berikutnya ini berserta dengan nota-nota, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui
oleh penama di atas Az'har bin Samsuri
di Selayang di Negeri Selangor
Darul Ehsan.
pada 30 Mei 2018

Dihadapan saya

ABDUL RAZAK BIN AHMAD
*Majlis Perbandaran*
*Selayang*

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

| | 2017 | 2016 seperti yang dinyatakan semula | 1-1-2016 seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| ASET | | | |
| Aset Semasa | | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima (Nota 3) | 42,171,060 | 27,462,646 | 30,135,311 |
| Urusniaga Pertukaran Belum Terima (Nota 4) | 903,972 | 273,706 | 897,984 |
| Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan (Nota 5) | 14,953,570 | 3,990,826 | 2,007,428 |
| Simpanan Tetap (Nota 6) | 326,000,000 | 274,000,000 | 182,000,000 |
| Wang Dalam Bank dan Di Tangan (Nota 7) | 25,963,191 | 7,739,711 | 14,962,912 |
| Inventori Bangunan (Nota 8) | 1,562,000 | 2,534,000 | 2,618,000 |
| Jumlah Aset Semasa | 411,553,793 | 316,000,889 | 232,621,635 |
| Aset Bukan Semasa | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 9) | 43,768,965 | 49,903,074 | 51,091,922 |
| Hartanah Pelaburan (Nota 10) | 8,761,239 | 1,955,294 | 1,246,146 |
| Aset Tak Ketara (Nota 11) | 210,297 | 181,739 | 106,848 |
| Aset Dalam Pembinaan (Nota 12) | 2,864,660 | 2,288,140 | 1,654,055 |
| Jumlah Aset Bukan Semasa | 55,605,161 | 54,328,247 | 54,098,971 |
| Jumlah Aset | 467,158,954 | 370,329,136 | 286,720,606 |

| | 2017 | 2016 seperti yang dinyatakan semula | 1-1-2016 seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| LIABILITI | | | |
| Liabiliti Semasa | | | |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru (Nota 13) | 198,384,797 | 127,665,652 | 122,904,594 |
| Akaun Amanah (Nota 14) | 119,777,776 | 86,156,513 | 39,622,497 |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 15) | 405,435 | 447,850 | 541,211 |
| Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 16) | 2,977,069 | 2,977,086 | 2,977,086 |
| Pinjaman Sewa Beli (Nota 17) | 553,318 | 553,318 | 553,318 |
| Jumlah Liabiliti Semasa | 322,098,395 | 217,800,419 | 166,598,706 |
| Liabiliti Bukan Semasa | | | |
| Akaun Amanah (Nota 14) | — | 30,812,917 | 17,064,772 |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 15) | 716,917 | 410,603 | — |
| Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 16) | 1,523,851 | 4,500,903 | 7,441,972 |
| Pinjaman Sewa Beli (Nota 17) | 1,143,017 | 1,225,298 | 1,750,691 |
| Pendapatan Tertunda (Nota 18) | 318,890 | 400,216 | 371,960 |
| Jumlah Liabiliti Bukan Semasa | 3,702,675 | 37,349,937 | 26,629,395 |
| Jumlah Liabiliti | 325,801,070 | 255,150,356 | 193,228,101 |
| Aset Bersih | 141,357,884 | 115,178,780 | 93,492,505 |
| EKUITI | | | |
| Kumpulan Wang Majlis (Nota 19) | 141,357,884 | 115,178,780 | 93,492,505 |
| Jumlah Ekuiti | 141,357,884 | 115,178,780 | 93,492,505 |

Nota-nota merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 | 2016 seperti yang dinyatakan |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| HASIL | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran (Nota 20) | 258,230,076 | 171,248,131 |
| Urusniaga Pertukaran (Nota 21) | 19,848,810 | 15,153,399 |
| Pelbagai Hasil (Nota 22) | 7,168,969 | 2,268,018 |
| JUMLAH HASIL | 285,247,855 | 188,669,548 |
| PERBELANJAAN | | |
| PERBELANJAAN MENGURUS | | |
| Emolumen (Nota 23) | 53,924,224 | 46,223,736 |
| Perkhidmatan dan Bekalan (Nota 24) | 52,736,624 | 98,847,689 |

| | 2017 | 2016 seperti yang dinyatakan |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (Nota 25) | 1,212,417 | 5,156,947 |
| Perbelanjaan-perbelanjaan Lain (Nota 26) | 14,850,286 | 12,725,360 |
| | 122,723,551 | 162,953,732 |
| PERBELANJAAN PEMBANGUNAN | | |
| Perkhidmatan dan Bekalan (Nota 27) | 134,342,638 | 3,763,294 |
| Aset (Nota 28) | 7,028,829 | 504,829 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (Nota 29) | 293,691 | — |
| Perbelanjaan-perbelanjaan Lain (Nota 30) | 185,544 | — |
| | 141,850,702 | 4,268,123 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 264,574,253 | 167,221,855 |
| LEBIHAN BAGI TAHUN | 20,673,602 | 21,447,693 |

Nota-nota merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Geran Bantuan Khas | Kumpulan Wang Majlis | Kumpulan Wang Amanah | Jumlah Aset Bersih |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| Pada 1-1-2016 *seperti yang dinyatakan terdahulu* | 24,238,317 | 68,218.035 | 56,687,267 | 149,143,619 |
| *Kesan pemakaian awal MPSAS* | | | | |
| (-) Kurangan dalam tahun | — | (2,932,093) | — | (2,932,093) |
| (+/-) Tambahan/*( Kurangan) Kumpulan Wang (Nota 2.20) | (24,238,317) | 28,206,563 | (56,687,267) | (52,719,021) |
| Baki pada 1 Januari 2016 *Seperti yang dinyatakan semula* | — | 93,492,505 | — | 93,492,505 |
| *Pelarasan tahun lalu* (Nota 31) | — | (535,435) | — | (535,435) |
| Lebihan dalam tahun *seperti yang dinyatakan terdahulu* | — | 20,360,896 | — | 20,360,896 |
| *Kesan pemakaian MPSAS* | | | | |
| (-) Tambahan lebihan dalam tahun | — | 1,086,797 | — | 1,086,797 |
| (+) Tambahan Kumpulan Wang | — | 774,017 | — | 774,017 |
| Baki pada 31 Disember 2016 *Seperti yang dinyatakan semula* | — | 115,178,780 | — | 115,178,780 |
| *Pelarasan tahun lalu* (Nota 31) | — | 5,505,502 | — | 5,505,502 |
| (-) Tambahan /*(Kurangan) Kumpulan Wang | — | — | — | — |
| Lebihan dalam tahun | — | 20,673,602 | — | 20,673,602 |
| Baki pada 31 Disember 2017 | — | 141,357,884 | — | 141,357,884 |

Nota-nota merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 | 2016 seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI: | | |
| Lebihan Pendapatan Bersih | 20,673,602 | 21,447,693 |
| Pelarasan Yang Tidak Melibatkan Tunai: | | |
| Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan | 9,087,560 | 8,552,644 |
| Susutnilai Hartanah Pelaburan | 469,055 | 66,522 |
| Susutnilai Aset Tak Ketara | 26,430 | 23,107 |
| Pelarasan Hartanah, Loji dan Peralatan/Hapuskira | 3,985 | (4,718,633) |
| Pelarasan Aset Tak Ketara | 2,512 | — |
| (Keuntungan)/Kerugian dari Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | 1,627 | (65,173) |
| Peruntukan Hutang Ragu | 1,024,811 | 983,960 |
| Pelupusan Faedah Pinjaman Kerajaan Negeri | — | (1,022,035) |
| Pelarasan Tahun Lalu | 5, 505,502 | 238,582 |
| | 16,121,482 | 4,058,974 |
| Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja | 36,795,084 | 25,506,667 |
| Penurunan/(Peningkatan) Pada Aset Semasa: | | |
| Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan | (10,962,744) | (1,983,398) |
| Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima | (15,733,225) | 1,688,705 |
| Urusniaga Pertukaran Belum Terima | (630,266) | 624,278 |
| Inventori Bangunan | 972,000 | 84,000 |
| | (26,354,235) | 413,585 |
| (Penurunan)/Peningkatan Pada Liabiliti Semasa Dan Liabiliti Bukan Semasa: | | |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru | 70,719,145 | 4,761,058 |
| Akaun Amanah | 2,808,346 | 60,282,161 |
| Pendapatan Tertunda | (81,326) | 28,256 |
| Pembayaran Peruntukan Manfaat Kakitangan | 263,899 | 317,242 |
| | 73,710,064 | 65,388,717 |
| Aliran Tunai Bersih Dijana Dari Aktiviti Operasi | 84,150,913 | 91,308,969 |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN | | |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | (2,964,613) | (2,669,322) |
| Peningkatan Aset Dalam Pembinaan | (576,520) | (634,085) |
| Penerimaan dari Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | 5,550 | 89,334 |
| Pembelian Hartanah Pelaburan | (7,275,000) | (775,670) |
| Pembelian Aset Tak Ketara | (57,500) | (98,000) |
| Aliran Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan | (10,868,083) | (4,087,743) |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN | | |
| Pembayaran Pinjaman Kerajaan Negeri | (2,977,069) | (1,919,034) |
| Pembayaran Sewa Beli Kenderaan | (680,381) | (637,393) |
| Penerimaan Sewa Beli Kenderaan | 598,100 | 112,000 |
| Aliran Tunai Bersih Digunakan Dari Aktiviti Pembiayaan | (3,059,350) | (2,444,427) |

| | 2017 | 2016 seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI | 70,223,480 | 84,776,799 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Bawa Hadapan | 281,739,711 | 196,962,912 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER | 351,963,191 | 281,739,711 |
| ANALISA TUNAI DAN TUNAI SETARA DI AKHIR TEMPOH | | |
| Wang Dalam Bank dan Di Tangan | 25,963,191 | 7,739,711 |
| Simpanan Tetap | 326,000,000 | 274,000,000 |
| WANG TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK | 351,963,191 | 281,739,711 |

Nota-nota merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Jumlah Bajet Asal | Jumlah Bajet Akhir | Jumlah Sebenar | **Varian Bajet |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| PENERIMAAN | | | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran | 160,000,722 | 160,000,722 | 194,562,111 | 34,561,389 |
| Urusniaga Pertukaran | 12,999,248 | 12,999,248 | 20,172,416 | 7,173,168 |
| Pelbagai Hasil | 4,400,030 | 4,400,030 | 7,168,969 | 2,768,939 |
| JUMLAH PENERIMAAN | 177,400,000 | 177,400,000 | 221,903,496 | 44,503,496 |
| PEMBAYARAN MENGURUS | | | | |
| Emolumen | 54,250,323 | 59,050,323 | 53,924,224 | (5,126,099) |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 57,059,877 | 57,071,377 | 44,959,450 | (12,111,927) |
| Aset | 1,561,300 | 1,561,300 | 1,392,900 | (168,400) |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 7,304,940 | 7,304,940 | 1,212,418 | (6,092,522) |
| Perbelanjaan-perbelanjaan Lain | 2,764,700 | 2,764,700 | 2,442,491 | (322,209) |
| | 122,941,140 | 127,752,640 | 103,931,483 | (23,821,157) |
| PEMBANGUNAN | | | | |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 52,269,340 | 52,257,840 | 41,236,104 | (11,021,736) |
| Aset | 1,473,520 | 1,473,520 | 7,028,829 | 5,555,309 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 440,000 | 440,000 | 293,691 | (146,309) |
| Perbelanjaan-perbelanjaan Lain | 276,000 | 276,000 | 185,544 | (90,456) |
| | 54,458,860 | 54,447,360 | 48,744,168 | (5,703,192) |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 177,400,000 | 182,200,000 | 152,675,651 | (29,524,349) |
| PENERIMAAN BERSIH | — | (4,800,000) | 69,227,845 | 74,027,845 |

**Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar.

Nota-nota merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. MAKLUMAT AM

1.1 Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan Utama Majlis Perbandaran Selayang (MPS) adalah:

1.1.1 Memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan perlaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Majlis,

1.1.2 Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta bagi harta-harta yang boleh dikenakan cukai taksiran yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis seperti penataan lampu jalan, pembersihan longkang dan kutipan sampah,

1.1.3 Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis, dan

1.1.4 Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi Majlis.

1.2 Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”) yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

1.3 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis pada 30 Mei 2018.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1 Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

2.1.2 Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS kerana Majlis telah memilih pengecualian berhubung dengan pengiktirafan aset dan liabiliti seperti yang dinyatakan pada nota 2.21.2 kepada Penyata Kewangan. Sebelum ini penyata kewangan Majlis telah disediakan menggunakan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Majlis.

2.1.3 Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa ke masa akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.20 kepada Penyata Kewangan.

2.2 Pemakaian Awal MPSAS

2.2.1 Objektif utama dalam pemakaian MPSAS adalah untuk memastikan Penyata Kewangan menggunakan asas akruan. Bagi pemakaian kali pertama, Aset dan Liabiliti yang diiktiraf hendaklah dilaraskan dengan Lebihan atau Kurangan Terkumpul pada tarikh pemakaian. Aset dan/atau Liabiliti boleh diiktiraf untuk tempoh pelaporan dalam tempoh 3 tahun selepas tarikh pemakaian.

2.2.2 Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Majlis juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan penyata kewangan ini yang pertama kali disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

2.2.3 Majlis telah memilih untuk menggunapakai standard MPSAS di bawah.

| | |
|---|---|
| MPSAS 1 | Pembentangan Penyata Kewangan |
| MPSAS 2 | Penyata Aliran Tunai |
| MPSAS 3 | Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan |
| MPSAS 5 | Kos Pinjaman |
| MPSAS 9 | Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran |
| MPSAS 12 | Inventori |
| MPSAS 13 | Pajakan |
| MPSAS 14 | Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan |
| MPSAS 16 | Hartanah Pelaburan |
| MPSAS 17 | Hartanah, Loji dan Peralatan |
| MPSAS 19 | Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka |
| MPSAS 20 | Pendedahan Pihak Berkaitan |
| MPSAS 21 | Penjejasan Aset Tidak Menjana Tunai |
| MPSAS 22 | Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Am Kerajaan |
| MPSAS 23 | Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai & Pindahan) |
| MPSAS 24 | Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan |
| MPSAS 25 | Manfaat Pekerja |
| MPSAS 26 | Penjejasan Aset Menjana Tunai |
| MPSAS 28 | Instrumen Kewangan: Pembentangan |
| MPSAS 29 | Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran |
| MPSAS 30 | Instrumen kewangan: Pendedahan |
| MPSAS 31 | Aset Tak Ketara |
| MPSAS 33 | Pemakaian Kali Pertama MPSAS Berasaskan Akruan |

2.3 Pengiktirafan Pendapatan

2.3.1 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran diiktiraf apabila entiti menerima sumber dan tidak memberi pertimbangan atau memberi pertimbangan nominal secara langsung sebagai balasan.

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran

Cukai Taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai Taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada 1 Januari dan 1 Julai setiap tahun.

(ii) Sumbangan membantu kadar

Sumbangan Membantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

(iv) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

(v) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambil kira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.3.2 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran wujud daripada urus niaga yang melibatkan pertukaran nilai yang lebih kurang sama.

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan insfrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

(ii) Perolehan dari Jualan Barang-Barang

Perolehan dari Jualan Barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain.

(iii) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(iv) Faedah dan Perolehan dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.3.2 (i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.4 Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1 Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000 setiap satu.

2.4.2 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.4.3 Jika sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

2.4.4 Nilai di bawah item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezannya diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.5 Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.5.1 Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Susutnilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.

2.5.2 Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

| Hartanah, Loji dan Peralatan | Kadar Tahunan |
|---|---|
| Tanah Pajakan | Mengikut tempoh pajakan |
| Tanah Pegangan Bebas | Tidak Disusutnilai |
| Bangunan | 5% |
| Hartanah Pelaburan | 5% |
| Aset Tak Ketara | 10% |

| Hartanah, Loji dan Peralatan | Kadar Tahunan |
|---|---|
| Alat Kelengkapan Pejabat | 20% |
| Perabot | 20% |
| Kenderaan | 25% |
| Jentera/Mesin | 33.30% |
| Alatan Perkakasan Bengkel | 33.30% |
| Lain-lain Harta | 20% |

2.5.3 Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.6 Hartanah Pelaburan

2.6.1 Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

2.6.2 Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

2.6.3 Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul (jika ada).

2.6.4 Susut nilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6.5 Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6.6 Sebarang perubahan di dalam nilai saksama di iktiraf sebagai hasil dan belanja dalam tahun yang sama.

2.7 Aset Tak Ketara

2.7.1 Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

2.7.2 Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

2.7.3 Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

2.7.4 Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 10 tahun.

2.7.5 Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

2.7.6 Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.8 Aset Dalam Pembinaan

Aset dalam pembinaan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan hartanah, loji dan peralatan akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (Certificate of Practical Completion) dikeluarkan atau tarikh siap kerja dan dilunaskan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan dan dilunaskan.

2.9 Aset Kewangan

2.9.1 Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.9.2 Pada pengiktirafan awal, aset kewangan yang diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kekurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

2.9.3 Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

2.9.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvesyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.9.5 Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah berkesan atau ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

(ii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang sehingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan atau ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kaedah faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

(i) Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;

(ii) Pembayaran tertunggak;

(iii) Kemungkinan bahawa peminjam akan muflis;

(iv) Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai;

(v) Selepas sekurang-kurangnya 8 kali notis E dikeluarkan; atau

(vi) Selepas penggulungan dan pembubaran syarikat serta pengambil alihan tanah.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan di terima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.10 Peruntukan dan Liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam Penyata Prestasi Kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

2.11 Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

2.11.1 Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf tetapi didedahkan dalam Penyata Kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2.11.2 Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam Penyata Kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2.12 Liabiliti Kewangan

2.12.1 Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.12.2 Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

2.12.3 Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2.12.4 Majlis mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

Majlis mengenalpasti pemiutang pada tarikh Pesanan Perolehan (LO) dikeluarkan, tarikh Kontrak Kerja ditanggungkan dan tarikh Tanpa Pesanan Perolehan (PTLO) disediakan.

(ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.13 Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Dan Lain-Lain

Kumpulan wang pinjaman kenderaan dan lain-lain merupakan jumlah wang yang dipindahkan daripada Kumpulan Mengurus bagi tujuan membiayai Pinjaman Kenderaan, Pinjaman Komputer dan Pinjaman Pendidikan.

2.14 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan dalam bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang disedia tukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.15 Manfaat Pekerja

2.15.1 Manfaat kakitangan jangka pendek

Majlis sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Pihak Berkuasa Melantik(PBM). Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, kemudahan perubatan di Institut Jantung Negara (IJN), Dialisis dan peralatan bahan tiruan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer.

Faedah kakitangan jangka masa pendek termasuk gaji, upah, bonus dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhimatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

Majlis memberi kebajikan peruntukan perubatan kepada kakitangan dan keluarga, insuran perubatan dan Tabung Khas Kakitangan.

2.15.2 Manfaat selepas perkhidmatan

(i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(ii) Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(iii) Manfaat Cuti rehat dan Ganjaran Kakitangan Kontrak

Bagi kakitangan tetap Majlis sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhimatan Awam dan digunapakai oleh Majlis.

Majlis hanya mengambilkira peruntukan GCR bagi kakitangan tetap dan telah berkhidmat melebihi 10 tahun dan telah mencapai umur 40 tahun dalam tempoh kewangan berakhir di mana ia dikira berdasarkan formula berikut:

1/30 x Gaji dan elaun akhir yang diterima (dengan andaian peningkatan gaji sebanyak 3% setahun) x 150 hari (had maksimum yang boleh dituntut).

Pihak Majlis juga akan memberi ganjaran kepada kakitangan kontrak yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka berdasarkan formula berikut:

[17.5% - 12% (caruman KWSP majikan) x Gaji pokok terakhir x Jumlah bulan perkhidmatan] (-) Faedah syer ke atas caruman KWSP majikan.

2.16 Percukaian

Majlis Perbandaran Selayang adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6 : Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.17 Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Perlaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Implikasi cukai barang dan perkhidmatan kepada Majlis adalah seperti berikut:

2.17.1 Cukai Output

Terimaan hasil cukai taksiran dan lesen adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan hasil selain cukai taksiran contohnya seperti sewaan ruang niaga, sewaan dewan adalah tertaluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

2.17.2 Cukai Input

Majlis menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan. Majlis boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/ perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

2.18 Maklumat Bajet

2.18.1 Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan Penyata Kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.18.2 Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Khas Belanjawan MPS dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

2.19 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

2.19.1 Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat sepeti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam Penyata Kewangan.

2.19.2 Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Elaun Rosot Nilai bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Majlis menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 50 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iii) Penentuan Hartanah Pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan niali boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

(iv) Pengukuran Peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.20 Kesan Pemakaian MPSAS

2.20.1 Penyata Kewangan ini adalah merupakan Penyata Kewangan peralihan pertama Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana Penyata Kewangan Majlis sebelum ini telah disediakan menggunakan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Majlis. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan Penyata Kewangan tahun kewangan ini adalah selaras dengan yang telah digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan seperti berikut:

(i) Aset dan Liabiliti Kewangan

Pada tahun kewangan sebelum ini, beberapa item aset dan liabiliti kewangan diukur pada kos yang memperuntukkan keuntungan mengikut asas garis lurus. Penggunaan rangka kerja MPSAS menyebabkan item-item tersebut diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah keuntungan berkesan. Jumlah kos dilunaskan semua item tersebut akan dikira semula secara retrospektif dan perbezaan di antara jumlah kos dilunaskan dan nilai dibawa sebelumnya telah diselaraskan kepada baki awal Kumpulan Wang Majlis.

(ii) Peruntukan Manfaat Kakitangan

MPSAS 25 Manfaat Pekerja menghendaki entiti mengiktiraf semua manfaat yang diberikan kepada kakitangannya. Memandangkan Majlis mempunyai obligasi untuk membayar Gantian Cuti Rehat kepada kakitangannya apabila mereka bersara kelak, maka Majlis telah membuat peruntukan tersebut di dalam Penyata Kewangan ini.

(iii) Aset Tak Ketara

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua perbelanjaan berhubung dengan perisian komputer telah diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS 31 menghendaki perbelanjaan berhubung perisian komputer ini dipermodalkan kerana terdapat kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti. Oleh itu, pelarasan berhubung aset tidak ketara ini telah di ambilkira di dalam Penyata Kewangan ini.

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua perisian komputer telah dikategorikan di bawah hartanah, loji dan peralatan. Pemakaian MPSAS menghendaki perisian komputer ini diklasifikasikan semula berdasarkan kepada ciri-cirinya yang perlu ditunjukkan secara berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Majlis telah membuat pengklasifikasian tersebut di dalam tahun kewangan semasa.

(iv) Hartanah Pelaburan

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, hartanah pelaburan yang dimiliki oleh Majlis ditunjukkan di bawah Hartanah, Loji dan Peralatan. Pemakaian MPSAS menghendaki hartanah pelaburan ini diklasifikasikan berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan di mana Majlis telah membuat pengklasifikasian tersebut di dalam tahun kewangan semasa.

(v) Pengiktirafan Geran atau Akaun Amanah

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis mengklasifikasikan akaun geran atau akaun amanahnya sebagai salah satu item di dalam Penyata Perubahan Aset Bersih. Pemakaian MPSAS menghendaki semua geran atau akaun amanah yang mempunyai syarat ke atasnya hendaklah diklasifikasikan sebagai liabiliti. Oleh itu, Majlis telah mengklasifikasikan semula geran atau akaun amanahnya kepada liabiliti. Majlis sedang di dalam proses untuk menentukan baki sebenar akaun geran atau akaun amanahnya kerana di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis melunaskan akaun geran dan akaun amanahnya ke Penyata Prestasi Kewangan tidak bersamaan dengan jumlah yang dibelanjakan.

2.20.2 Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Majlis juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan penyata kewangan ini yang pertama kali disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

Peruntukan dan Pengecualian yang memberi kesan ketara ke atas Penyata Kewangan

(i) Aset Insfrastruktur

Majlis memiliki aset insfrastruktur iaitu jalan raya, pondok bas dan lain-lain lagi yang tidak dipermodalkan di dalam Penyata Kewangan. Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi aset insfrastruktur telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki aset infrastruktur ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset insfrastruktur ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset infrastrukturnya.

(ii) Peruntukan Ke Atas Ganjaran Kontrak

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis tidak membuat peruntukan ke atas gantian cuti rehat dan ganjaran kontrak. MPSAS mengkehendaki peruntukan-peruntukan ini dibuat kerana ia telah memenuhi syarat kepada sesuatu peruntukan itu perlu dibuat. Majlis akan menggunapakai kaedah Projected Unit Credit bagi membuat pengiraan peruntukan gantian cuti rehat di mana Majlis akan membuat beberapa andaian di dalam pengiraan tersebut. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi mengiktiraf peruntukan ke atas ganjaran kontrak ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga peruntukan-peruntukan tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk mengumpul data berhubung dengan kakitangan kontrak.

(iii) Pengiktirafan lnventori

Majlis memiliki beberapa inventori yang tidak direkodkan di dalam Penyata Kewangan di mana Majlis telah mengiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki inventori ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan inventori ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung inventori.

(iv) Aset Hidup

Majlis memiliki aset hidup iaitu pokok dan tumbuhan yang tidak dipermodalkan di dalam Penyata Kewangan. MPSAS menghendaki aset hidup ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset hidup ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset hidupnya.

2.20.3 Kesan pemakaian MPSAS ke atas penyata kewangan Majlis pada 1 Januari 2016 selepas mengambilkira penggunaan pengecualian dan pertukaran dasar-dasar perakunan adalah seperti berikut:

*Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan pada 1 Januari 2016*

| | Piawaian perakaunan terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | 1-1-2016 |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| ASET | | | |
| Aset Semasa: | | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima | — | 30,135,311 | 30,135,311 |
| Urusniaga Pertukaran Belum Terima | — | 897,984 | 897,984 |
| PelbagaiAkaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan | — | 2,007,428 | 2,007,428 |
| Simpanan Tetap | 182,000,000 | — | 182,000,000 |
| Wang Dalam Bank dan Di Tangan | 14,962,912 | — | 14,962,912 |
| Pelbagai Penghutang | 2,838,184 | (2,838,184) | — |
| Pinjaman Kakitangan | 67,228 | (67,228) | — |
| Inventori Bangunan | — | 2,618,000 | 2,618,000 |
| Jumlah Aset Semasa | 230,003,635 | 2,618,000 | 232,621,635 |
| Aset Bukan Semasa | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 53,485,550 | (2,393,628) | 51,091,922 |
| Hartanah Pelaburan | — | 1,246,146 | 1,246,146 |
| Aset Tak Ketara | — | 106,848 | 106,848 |
| Aset Dalam Pembinaan | 1,654,055 | — | 1,654,055 |
| Jumlah Aset Bukan Semasa | 55,139,605 | (1,040,634) | 54,098,971 |
| Jumlah Aset | 285,143,240 | 1,577,366 | 286,720,606 |
| LIABILITI | | | |
| Liabiliti Semasa | | | |
| Pemiutang | 16,934,014 | (16,934,014) | — |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru | — | 122,904,594 | 122,904,594 |
| Pelbagai Pemiutang | 4,632,564 | 4,632,564 | — |
| Wang Cagaran | 98,228,969 | (98,228,969) | — |
| Wang Tak Dituntut | 3,109,047 | 3,109,047 | — |

| | Piawaian perakaunan terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | 1-1-2016 |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Akaun Amanah | — | 39,622,497 | 39,622,497 |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan | — | 541,211 | 541,211 |
| Pinjaman Kerajaan Negeri | 2,977,086 | — | 2,977,086 |
| Pinjaman Sewa Beli | 553,318 | — | 553,318 |
| Jumlah Liabiliti Semasa | 126,434,998 | 40,163,708 | 166,598,706 |
| Liabiliti Bukan Semasa | | | |
| Pinjaman Kerajaan Negeri | 7,441,972 | — | 7,441,972 |
| Pinjaman Sewa Beli | 1,750,691 | — | 1,750,691 |
| Pendapatan Tertunda | 371,960 | — | 371,960 |
| Akaun Amanah | — | 17,064,772 | 17,064,772 |
| Jumlah Liabiliti Bukan Semasa | 9,564,623 | 17,064,772 | 26,629,395 |
| Jumlah Liabiliti | 135,999,621 | 57,228,480 | 193,228,101 |
| Aset Bersih | 149,143,619 | (55,651,114) | 93,492,505 |
| EKUITI | | | |
| Geran Bantuan Khas | 24,238,317 | (24,238,317) | — |
| Kumpulan Wang Majlis | 68,218,035 | 25,274,470 | 93,492,505 |
| Kumpulan Wang Amanah | 56,687,267 | (56,687,267) | — |
| Jumlah Ekuiti | 149,143,619 | (55,651,114) | 93,492,505 |

*Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016*

| | Piawaian perakaunan terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | 31-12-2016 |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| ASET | | | |
| Aset Semasa: | | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima | — | 27,462,646 | 27,462,646 |
| Urusniaga Pertukaran Belum Terima | — | 273,706 | 273,706 |
| Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan | — | 3,990,826 | 3,990,826 |
| Simpanan Tetap | 274,000,000 | — | 274,000,000 |
| Wang Dalam Bank dan di Tangan | 7,739,711 | — | 7,739,711 |
| Pelbagai Penghutang | 3,878,922 | (3,878,922) | — |
| Penghutang | 27,462,646 | (27,462,646) | — |
| Pinjaman Kakitangan | 385,610 | (385,610) | — |
| Inventori Bangunan | — | 2,534,000 | 2,534,000 |
| Jumlah Aset Semasa | 313,466,889 | 2,534,000 | 316,000,889 |

| | Piawaian perakaunan terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | 31-12-2016 |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Aset Bukan Semasa | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 48,608,340 | 1,294,734 | 49,903,074 |
| Hartanah Pelaburan | — | 1,955,294 | 1,955,294 |
| Aset Tak Ketara | — | 181,739 | 181,739 |
| Aset Dalam Pembinaan | 2,288,140 | — | 2,288,140 |
| Jumlah Aset Bukan Semasa | 50,896,480 | 3,431,767 | 54,328,247 |
| Jumlah Aset | 364,363,369 | 5,965,767 | 370,329,136 |
| LIABILITI | | | |
| Liabiliti Semasa | | | |
| Pemiutang | 12,340, 318 | (12,340,318) | — |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru | — | 127,665,652 | 127,665,652 |
| Pelbagai Pemiutang | 4,867,570 | (4,867,570) | — |
| Wang Cagaran | 106,342,337 | (106,342,337) | — |
| Wang Tak Dituntut | 4,115,427 | (4,115,427) | — |
| Akaun Amanah | — | 86,156,513 | 86,156,513 |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan | — | 447,850 | 447,850 |
| Pinjaman Kerajaan Negeri | 2,977,086 | — | 2,977,086 |
| Pinjaman Sewa Beli | 553,318 | — | 553,318 |
| Jumlah Liabiliti Semasa | 131,196,056 | 86,604,363 | 217,800,419 |
| Liabiliti Bukan Semasa | | | |
| Pinjaman Kerajaan Negeri | 4,500,903 | — | 4,500,903 |
| Pinjaman Sewa Beli | 1,225,298 | — | 1,225,298 |
| Pendapatan Tertunda | 400,216 | — | 400,216 |
| Akaun Amanah | — | 30,812,917 | 30,812,917 |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan | — | 410,603 | 410,603 |
| Jumlah Liabiliti Bukan Semasa | 6,126,417 | 31,223,520 | 37,349,937 |
| Jumlah Liabiliti | 137,322,473 | 117,827,883 | 255,150,356 |
| Aset Bersih | 227,040,896 | (111,862,116) | 115,178,780 |
| EKUITI | | | |
| Geran Bantuan Khas | 22,027,970 | (22,027,970) | — |
| Kumpulan Wang Majlis | 88,043,496 | 27,135,284 | 115,178,780 |
| Kumpulan Wang Amanah | 116,969,430 | (116,969,430) | — |
| Jumlah Ekuiti | 227,040,896 | (111,862,116) | 115,178,780 |

*Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016*

| | Piawaian perakaunan terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| HASIL | | | |
| Hasil Cukai | 98,707,235 | (98,707,235) | — |
| Hasil Bukan Cukai | 51,772,652 | (51,772,652) | — |
| Pelbagai Terimaan | 10,123,272 | (10,123, 272) | — |
| Urusniaga Bukan Pertukaran | — | 171,248,131 | 171,248,131 |
| Urusniaga Pertukaran | — | 15,153,399 | 15,153,399 |
| Pelbagai Hasil | — | 2,268,018 | 2,268,018 |
| JUMLAH HASIL | 160,603,159 | 28,066,389 | 188,669,548 |
| PERBELANJAAN | | | |
| Emolumen | 45,879,523 | (45,879,523) | — |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 77,359,375 | (77,359,375) | — |
| Pemberian dan Kenaan Tetap | 2,408,692 | (2,408,692) | — |
| Perbelanjaan Lain | 12,295,353 | (12,295,353) | — |
| Perbelanjaan Pembangunan | 2,299,320 | (2,299,320) | — |
| Perbelanjaan Mengurus | | | |
| Emolumen | — | 46,223,736 | 46,223,736 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | — | 98,847,689 | 98,847,689 |
| Pemberian dan Kenaan Tetap | — | 5,156,947 | 5,156,947 |
| Perbelanjaan Lain | — | 12,725,360 | 12,725,360 |
| Perbelanjaan Pembangunan | | | |
| Perkhidmatan dan Bekalan | — | 3,763,294 | 3,763,294 |
| Aset | — | 504,829 | 504,829 |
| Jumlah Perbelanjaan | 140,242,263 | 26,979,592 | 167,221,855 |
| LEBIHAN BERSIH BAGI TAHUN | 20,360,896 | 1,086,797 | 21,447,693 |

2.21 Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli-ahli Majlis.

2.22 Kos Pembiayaan

Semua kos pembiayaan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh ia terlibat.

3. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

Urusniaga bukan pertukaran belum terima terdiri daripada item/jumlah tunggakan cukai taksiran, caruman bantu kadar negeri dan persekutuan seperti di bawah:

| | Tahun 2017 RM | Tahun 2016 RM |
|---|---|---|
| Keterangan | | |
| Cukai Taksiran (Nota 3.1) | 40,496,982 | 26,123,384 |
| Caruman Bantu Kadar Negeri | 1,674,078 | 1,339,262 |
| Jumlah | 42,171,060 | 27,462,646 |

3.1 Cukai Taksiran

Tunggakan cukai taksiran setelah diselaraskan melebihi 5 tahun atau pengeluaran 10 kali notis.

| | | Tahun 2017 RM | Tahun 2016 RM |
|---|---|---|---|
| Keterangan | | | |
| Cukai Taksiran | | 55,202,661 | 39,804,252 |
| Tolak: | | | |
| Hutang Ragu: | | | |
| Tahun Sebelum | 13,680,868 | | |
| Tahun Semasa | 1,024,811 | (14,705,679) | (13,680,868) |
| Jumlah | | 40,496,982 | 26,123,384 |

4. USNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

Urusniaga pertukaran belum terima terdiri daripada tunggakan sewaan (gerai Majlis dan Kuarters Kakitangan MPS dan bayaran letak kereta. Aktiviti sewaan diakaunkan secara akruan mulai transaksi tahun 2017.

| | Tahun 2017 RM | Tahun 2016 RM |
|---|---|---|
| Keterangan | | |
| Akaun Belum Terima Sewaan Gerai | 542,236 | — |
| Akaun Belum Terima Kuarters Kakitangan | 27,393 | — |
| Akaun Belum Terima Bayaran Letak Kereta | 334,343 | 273,706 |
| Jumlah | 903,872 | 273,706 |

5. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

| | Tahun 2017 RM | Tahun 2016 RM |
|---|---|---|
| Keterangan | | |
| Anggaran Majlis | 410,587 | 411,360 |
| Pelbagai Penghutang (Nota 5.1) | 557, 930 | 4,305 |
| Pinjaman Kakitangan (Nota 5.2) | 713,320 | 385,610 |

| | Tahun 2017 RM | Tahun 2016 RM |
|---|---|---|
| Akaun Cek Majlis Belum Kredit | — | 2,795 |
| Tuntutan Gaji dan Elaun | 44,000 | — |
| Penghutang GST | 12,912,209 | 3,186,756 |
| Faedah Simpanan Tetap Terakru | 315,524 | — |
| Jumlah | 14,953,570 | 3,990,826 |

5.1 Pelbagai Penghutang

Jumlah pelbagai penghutang setelah diselaraskan dengan hutang ragu.

| | RM | Tahun 2017 RM | Tahun 2016 RM |
|---|---|---|---|
| Keterangan | | | |
| Pelbagai Penghutang | | 581,330 | 27,705 |
| Tolak: | | | |
| Hutang Ragu: | | | |
| Tahun Sebelum | 23,400 | (23,400) | (23,400) |
| Jumlah | | 557,930 | 4,305 |

5.2 Pinjaman Kakitangan

| Keterangan | Tahun 2017 RM | Tahun 2016 RM |
|---|---|---|
| Pinjaman Komputer (Nota (a)) | 58,616 | 48,426 |
| Pinjaman Kenderaan (Nota (b)) | 618,578 | 301,246 |
| Pinjaman Tabung Pendidikan | 36,126 | 35,938 |
| Jumlah | 713,320 | 385,610 |

(a) Pinjaman Komputer

Jumlah penghutang pinjaman komputer setelah diselaraskan dengan hutang ragu dan mengiktiraf faedah terakru bagi tahun 2017 dan sebelum.

| | RM | Tahun 2017 RM | Tahun 2016 RM |
|---|---|---|---|
| Keterangan | | | |
| Pinjaman Komputer | — | 65,320 | 51,226 |
| Tolak: | | | |
| Hutang Ragu: | | | |
| Tahun Sebelum | 2,800 | | |
| Tahun Semasa | — | (2,800) | (2,800) |
| Faedah Belum Terima | | (3,904) | — |
| Jumlah | — | 58,616 | 48,426 |

(b) Pinjaman Kenderaan

Jumlah penghutang pinjaman kenderaan setelah diselaraskan dengan hutang ragu.

| | | Tahun 2017 | Tahun 2016 |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Keterangan | | | |
| Pinjaman Kenderaan | — | 738,405 | 323,234 |
| Tolak: | | | |
| Hutang Ragu: | | | |
| Tahun Sebelum | 21,988 | | |
| Tahun Semasa | — | (21,988) | (21,988) |
| Faedah Belum Terima | | (97,839) | — |
| Jumlah | — | 618,578 | 301,246 |

6. SIMPANAN TETAP

Simpanan Tetap di dalam akaun bagi tempoh sehingga 31 Disember 2017 adalah simpanan di dalam 6 bank dan memberi pulangan faedah diantara 3.55% sehingga 4.30%. Pihak majlis mengiktiraf faedah terakru berdasarkan pengiraan kadar mengikut bank sehingga 31 Disember 2017.

| | Tahun 2017 | Tahun 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Keterangan | | |
| Malaysia Building Society Berhad | 65,000,000 | 50,000,000 |
| Bank Kerjasama Rakyat | 131,000,000 | 33,000,000 |
| Alkhair International Islamic Bank Berhad | — | 8,000,000 |
| Amanah Raya Berhad | 35,000,000 | 35,000,000 |
| Maybank Islamic Berhad | 50,000,000 | 60,000,000 |
| Bank Muamalat Indonesia | 5,000,000 | 5,000,000 |
| Bank Islam Malaysia Berhad | — | 83,000,000 |
| Kuwait Finance | 40,000,000 | — |
| Jumlah | 326,000,000 | 274,000,000 |

7. WANG DALAM BANK DAN Dl TANGAN

| | | |
|---|---|---|
| Keterangan | | |
| Wang di tangan | 7,900 | 7,900 |
| Wang dalam bank | 25,955,291 | 7,731,811 |
| Jumlah | 25,963,191 | 7,739,711 |

8. INVENTORI BANGUNAN

Majlis mengiktiraf bangunan bagi Rumah Kos Rendah sebagai aset semasa di bawah inventori bangunan.

| Jenis Harta | Selayang Heights | Taman Desa Batu Caves | Desa Sri Bayu | Taman Rawang Perdana | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| KOS/NILAI | RM | RM | RM | RM | RM |
| Baki pada 1-1-2016 *seperti yang dinyatakan semula* | 294,000 | 950,000 | 1,164,000 | 210,000 | 2,618,000 |
| Tambahan dalam tahun | — | — | — | — | — |
| Pelarasan/Pelupusan dalam tahun | (84,000) | — | — | — | (84,000) |
| Kos pada 31-12-2016 | 210,000 | 950,000 | 1,164,000 | 210,000 | 2,534,000 |
| Susutnilai pada 1-1-2016 *seperti yang dinyatakan semula* | 134,252 | 824,901 | 532,460 | 85,750 | 1,577,363 |
| Susutnilai dalam Tahun | 10,500 | 47,500 | 58,200 | 10,500 | 126,700 |
| Pelarasan/Pelupusan dalam tahun | (144,752) | (872,401) | (590,660) | (96,250) | (1,704,063) |
| Susutnilai pada 31-12-2016 | — | — | — | — | — |
| Nilai Buku 2016 *seperti yang dinyatakan semula* | 210,000 | 950,000 | 1,164,000 | 210,000 | 2,534,000 |
| Baki pada 1-1-2017 *seperti yang dinyatakan semula* | 210,000 | 950,000 | 1,164,000 | 210,000 | 2,534,000 |
| Pelarasan dalam tahun | — | — | 252,000 | — | 252,000 |
| Pindahan dari Aset Dalam Pembinaan | — | — | — | — | — |
| Pelupusan dalam tahun | (168,000) | (300,000) | (756,000) | — | (1,224,000) |
| Kos pada 31-12-2017 | 42,000 | 650,000 | 660,000 | 210,000 | 1,562,000 |

9. HARTANAH, LOJI & PERALATAN

9.1 Tahun 2017

| Jenis Harta | Tanah | Bangunan | Kenderaan | Jentera/ Mesin | Alat Kelengkapan Pejabat | Peralatan Bengkel | Lain-lain Aset | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| KOS/NILAI | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Baki pada 1-1-2017 *seperti yang dinyatakan semula* | 1,175,027 | 120,008,405 | 14,315,636 | 902,946 | 9,377,068 | 28,447 | 439,875 | 146,247,404 |
| Tambahan dalam tahun | — | — | 1,677,223 | 383,130 | 743,934 | — | 61,576 | 2,865,863 |
| Pindahan dari Aset dalam Pembinaan | — | — | — | — | — | — | 98,750 | 98,750 |
| Pelarasan/Pelupusan dalam tahun | — | (132,146) | (48,433) | (7,000) | (60,022) | — | (11,500) | (259,101) |
| Kos pada 31-12-2017 | 1,175,027 | 119,876,259 | 15,944,426 | 1,279,076 | 10,060,980 | 28,447 | 588,701 | 148,952,916 |
| SUSUT NILAI | | | | | | | | |
| Susutnilai pada 1-1-2017 *seperti yang dinyatakan semula* | — | 77,634,378 | 10,668,331 | 808,776 | 6,962,317 | 28,436 | 242,090 | 96,344,328 |
| Susutnilai dalam Tahun | — | 5,731,962 | 2,086,408 | 171,874 | 997,356 | — | 99,960 | 9,087,560 |
| Pelarasan/Pelupusan dalam tahun | — | — | (132,146) | (6,993) | (46,759) | — | (13,608) | (247,937) |
| *Susutnilai pada 31-12-2017* | — | 83,234,194 | 12,706,308 | 973,657 | 7,912,914 | 28,436 | 328,442 | 105,183,951 |
| Nilai Buku 2017 | 1,175,027 | 36,642,065 | 3,238,118 | 305,419 | 2,148,066 | 11 | 260,259 | 43,768,965 |

9.2 Tahun 2016

| Jenis Harta | Tanah | Bangunan | Kenderaan | Jentera/ Mesin | Alat Kelengkapan Pejabat | Peralatan Bengkel | Lain-lain Aset | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| KOS/NILAI | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Baki pada 1-1-2016 *seperti yang dinyatakan semula* | 1,175,027 | 111,511,522 | 13,247,852 | 827,701 | 8,849,951 | 28,447 | 401,075 | 136,041,575 |
| Tambahan dalam tahun | — | 243,110 | 1,659,474 | 75,245 | 645,343 | — | 46,150 | 2,669,322 |
| Pelarasan dalam tahun | — | 8,600,125 | — | — | — | — | — | 8,600,125 |
| Pelupusan dalam tahun | — | (346,352) | (591,690) | — | (118,227) | — | (7,350) | (1,063,619) |
| Kos pada 31-12-2016 | 1,175,027 | 120,008,405 | 14,315,636 | 902,946 | 9,377,067 | 28,447 | 439,875 | 146,247,403 |
| SUSUT NILAI | | | | | | | | |
| Susutnilai pada 1-1-2016 *seperti yang dinyatakan semula* | — | 68,372,411 | 9,498,412 | 727,282 | 6,141,445 | 28,436 | 181,665 | 84,949,651 |
| Susutnilai dalam Tahun | — | 5,733,225 | 1,761,596 | 81,494 | 913,454 | — | 62,875 | 8,552,644 |
| Pelarasan dalam tahun | — | 3,870,056 | — | — | — | — | — | 3,870,056 |
| Pelupusan dalam tahun | — | (341,314) | (591,677) | — | (92,581) | — | (2,450) | (1,028,022) |
| Susutnilai pada 31-12-2016 | — | 77,634,378 | 10,668,331 | 808,776 | 6,962,318 | 28,436 | 242,090 | 96,344,329 |
| Nilai Buku 2016 *seperti yang dinyatakan semula* | 1,175,027 | 42,374,027 | 3,647,305 | 94,170 | 2,414,749 | 11 | 197,785 | 49,903,074 |

10. HARTANAH PELABURAN

| Keterangan Projek | Tahun 2017 | Tahun 2016 seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Bangunan | | |
| Kos | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 2,106,110 | 1,330,440 |
| Tambahan | 7,275,000 | 775,670 |
| Pindahan dari aset dalam pembinaan | — | — |
| Baki Pada Akhir Tahun | 9,381,110 | 2,106,110 |
| Pelunasan Terkumpul | | |
| Baki Pada Awal tahun | 150,816 | 84,294 |
| Tambahan | 469,055 | 66,522 |
| Baki Pada Akhir Tahun | 619,871 | 150,816 |
| Amaun Bawaan | 8,761,239 | 1,955,294 |

11. ASET TAK KETARA

| | | |
|---|---|---|
| Sistem dan Peralatan ICT | | |
| Kos | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 1,902,359 | 1,804,359 |
| Tambahan | 57,500 | 98,000 |
| Pelarasan/Pelupusan | (434,454) | — |
| Baki Pada Akhir Tahun | 1,525,405 | 1,902,359 |
| Pelunasan Terkumpul | | |
| Baki Pada Awal tahun | 1,720,620 | 1,697,513 |
| Tambahan | 26,430 | 23,107 |
| Pelarasan/Pelupusan | (431,942) | — |
| Baki Pada Akhir Tahun | 1,315,108 | 1,720,620 |
| Amaun Bawaan | 210,297 | 181,739 |

12. ASET DALAM PEMBINAAN

| Keterangan Projek | Jumlah pada 1-1-2017 | Jumlah dibayar dalam tahun | Dipindahkan ke akaun harta tetap | Jumlah pada 31-12-2017 |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| 13 Gerai Bukit Botak | 868,665 | — | — | 868,665 |
| Medan Selera Greenwood | 1,419,475 | 527,520 | — | 1,946,995 |
| Projek Solar Menara MPS | — | 98,750 | (98,750) | — |
| Kerja Pemasangan Penghawa Dingin | — | 49,000 | — | 49,000 |
| | 2,288,140 | 675,270 | (98,750) | 2,864,660 |

13. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR DAN PERBELANJAAN TERAKRU

| Keterangan | Tahun 2017 RM | Tahun 2016 seperti yang dinyatakan semula RM | Tahun 1-1-2016 seperti yang dinyatakan semula RM |
|---|---|---|---|
| Pemiutang | 64,074,976 | 12,340,318 | 16,934,014 |
| Pelbagai Pemiutang (Nota 13.1) | 6,195,688 | 4,867,570 | 4,632,564 |
| Cagaran (Nota 13.2) | 108,754,459 | 106,342,337 | 98,228,969 |
| Wang Tak Dituntut | 3,918,954 | 4,115,427 | 3,109,047 |
| Pemiutang GST | 6,625,748 | — | — |
| Pemiutang Cukai Taksiran | 8,812,972 | — | — |
| Peruntukan Luar Jangka | 2,000 | — | — |
| Jumlah | 198,384,797 | 127,665,652 | 122,904,594 |

13.1 Pelbagai pemiutang terdiri daripada:

| | Tahun 2017 RM | Tahun 2016 RM | Tahun 1-1-2016 RM |
|---|---|---|---|
| Pemiutang Aset | 1,010,682 | 80,000 | 80,000 |
| Pelbagai Pemiutang | — | — | 25,906 |
| Sumbangan Swasta | 1,236,801 | 1,236,801 | 886,301 |
| Akaun Pembatalan Cek Majlis | 777,072 | 762,020 | 785,069 |
| Bayaran Audit | 40,000 | 40,000 | 40,000 |
| Caruman Syarikat | 549,595 | 889,898 | 983,592 |
| Sinking Fund | 13,300 | 9,600 | 6,900 |
| Wang Jaminan Pelaksanaan | 2,503,238 | 1,849,251 | 1,824,796 |
| Tabung Amanah Majlis | 65,000 | — | — |
| Jumlah | 6,195,688 | 4,867,570 | 4,632,564 |

13.2 Cagaran

Jumlah wang cagaran adalah jumlah keseluruhan wang awam yang diterima bagi kerja-kerja dan perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak Majlis Perbandaran Selayang termasuk cagaran Majlis Perbandaran Ampang Jaya yang mana kawasannya ketika itu di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang.

| | Tahun 2017 RM | Tahun 2016 RM |
|---|---|---|
| Cagaran sehingga 31 Disember | 108,754,459 | 106,342,337 |

14. AKAUN AMANAH

Akaun amanah terdiri daripada terimaan kumpulan wang yang diterima daripada Kerajaan dan kumpulan wang Majlis Perbandaran Selayang.

| Keterangan | Tahun 2017 RM | Tahun 2016 seperti yang dinyatakan semula RM | Tahun 1-1-2016 seperti yang dinyatakan semula RM |
|---|---|---|---|
| Akaun Amanah projek Kerajaan (Nota 14.1) | 23,662,176 | 50,466,058 | 18,509,409 |

| | Tahun 2017 | Tahun 2016 seperti yang dinyatakan semula | Tahun 1-1-2016 seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Akaun Amanah Projek Majlis (Nota 14.2) | 96,115,600 | 66,503,372 | 38,177,860 |
| Jumlah | 119,777,776 | 116,969,430 | 56,687,269 |

14.1 Akaun Amanah Projek Kerajaan

| | Jumlah pada 1-1-2017 | Jumlah diterima dalam tahun | Jumlah dibayar dalam tahun | Jumlah pada 31-12-2017 |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| Keterangan | | | | |
| Akaun Amanah | | | | |
| Projek Kerajaan Negeri | 3,975,358 | 14,794,074 | (12,604,115) | 6,165,317 |
| Projek Kerajaan Persekutuan | 6,678,108 | 6,163,237 | (10,810,899) | 2,030,446 |
| MARRIS | 39,812,592 | 70,936,535 | (95,282,714) | 15,466,413 |
| | 50,466,058 | 91,893,846 | (118,697,728) | 23,662,176 |

14.2 Akaun Amanah Projek Majlis

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Akaun Amanah | | | | |
| Caj Pemajuan | 60,711,409 | 39,692,591 | (14,296,962) | 86,107,038 |
| Tabung Khas Kakitangan | 430,500 | 195,064 | (222,003) | 403,561 |
| Kompleks Sri Siantan | 521,008 | 763,146 | (1,033,868) | 250,286 |
| Hal Ehwal Wanita | 29,389 | — | — | 29,389 |
| Pelaburan | 3,998,203 | — | (3,998,203) | — |
| Perkhidmatan Kemajuan (ISF) | 812,863 | 8,512,463 | — | 9,325,326 |
| | 66,503,372 | 49,163,264 | (19,551,036 | 96,115,600 |

15. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

| | Tahun 2017 | Tahun 2016 seperti yang dinyatakan semula | Tahun 1-1-2016 seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Keterangan | | | |
| Baki pada awal tahun | 858,453 | 541,211 | — |
| Tambahan | 405,435 | 447,850 | 541,211 |
| Penggunaan | (141,536) | (130,608) | — |
| Baki pada akhir tahun | 1,122,352 | 858,453 | 541,211 |

| | Tahun 2017 | Tahun 2016 seperti yang dinyatakan semula | Tahun 1-1-2016 seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Peruntukan manfaat kakitangan dianalisa seperti berikut: | | | |
| Kurang daripada 12 bulan | 405,435 | 447,850 | 541,211 |
| Lebih daripada 12 bulan | 716,917 | 410,603 | — |
| | 1,122,352 | 858,453 | 541,211 |

16. PINJAMAN KERAJAAN NEGERI

16.1 Pembiayaan Penyelesaian Setinggan

Pinjaman dari Kerajaan Negeri adalah bagi pembiayaan kos pampasan setinggan dan pembelian Rumah Kos Rendah (RKR). Pinjaman disalurkan berperingkat mengikut jadual dan pembayaran ansuran bermula tahun 2008. Pinjaman ini adalah dengan kadar faedah sebanyak 4% berdasarkan pada kadar baki berkurangan.

16.2 Pembiayaan Cerun Runtuh

Pinjaman dari Kerajaan Negeri bagi pembiayaan baikpulih cerun runtuh di Apartment Lily, Rawang. Pinjaman disalurkan mengikut jadual dan pembayaran ansuran bermula pada tahun 2013 tanpa faedah.

Tanggungan adalah mengikut tempoh jangka pendek dan jangka panjang seperti berikut:

| | Tahun 2017 | Tahun 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Tanggungan dalam tempoh 1 tahun | 2,977,069 | 2,977,086 |
| Tanggungan selepas tempoh 1 tahun dan tidak lebih dari 5 tahun | 1,523,851 | 4,500,903 |
| | 4,500,920 | 7,477,989 |
| Baki tanggungan | 4,500,920 | 7,477,989 |
| Tolak: | | |
| Faedah tertangguh | — | — |
| | 4,500,920 | 7,477,989 |

17. PINJAMAN SEWA BELI

Sewa beli kenderaan merupakan transaksi di mana Majlis memikul sebahagian besar daripada manfaat dan risiko pemilikan yang dikelaskan sebagai sewa beli.

| | Tahun 2017 | Tahun 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Baki tanggungan sewa beli mengikut perjanjian | | |
| Tanggungan dalam tempoh 12 bulan | 553,318 | 553,318 |
| Tanggungan selepas tempoh 12 bulan dan tidak lebih dari 2 tahun | 553,318 | 553,318 |

| | Tahun 2017 RM | Tahun 2016 RM |
|---|---|---|
| Tanggungan melebihi tempoh 2 tahun dan tidak melebihi 5 tahun | 589,699 | 671,980 |
| | 1,696,335 | 1,778,616 |
| Baki tanggungan | 1,939,446 | 2,048,547 |
| Tolak: | | |
| Faedah tertangguh | (243,111) | (269,931) |
| | 1,696,335 | 1,778,616 |

18. PENDAPATAN TERTUNDA

| | Jumlah pada 1-1-2017 RM | Jumlah diterima dalam tahun RM | Jumlah dilaras dalam tahun RM | Jumlah pada 31-12-2017 RM |
|---|---|---|---|---|
| Keterangan | | | | |
| 1. Desa Sri Bayu | 92,300 | 37,550 | (67,100) | 62,750 |
| 2. Selayang Height | 90,676 | 2,400 | (82,276) | 10,800 |
| 3. Taman Desa Batu Caves/ Dadimur | 217,240 | 75,600 | (47,500) | 245,340 |
| | 400,216 | 115,550 | (196,876) | 318,890 |

19. KUMPULAN WANG MAJLIS

Kumpulan Wang Majlis terdiri daripada kumpulan wang terkumpul Majlis termasuk Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan.

| | Tahun 2017 RM | Tahun 2016 seperti yang dinyatakan semula RM |
|---|---|---|
| Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan terdiri daripada: | | |
| Pinjaman Kenderaan | 1,000,000 | 1,000,000 |
| Pinjaman Komputer | 70,000 | 70,000 |
| Pinjaman Tabung Pendidikan | 200,000 | 200,000 |
| | 1,270,000 | 1,270,000 |
| Kumpulan Wang Terkumpul Majlis | 140,087,884 | 113,908,780 |
| Kumpulan Wang Majlis | 141,357,884 | 115,178,780 |

20. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

| | Tahun 2017 | Tahun 2016 seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Cukai Taksiran | 100,250,784 | 96,712,738 |
| Caruman Bantu Kadar | 1,989,417 | 1,994,497 |
| Lesen dan Permit | 17,752,066 | 17,150,250 |
| Bayaran Perkhidmatan | 4,735,766 | 3,001,531 |
| Sewaan | 4,855,608 | 4,568,565 |
| Denda dan Hukuman | 11,909,198 | 11,796,766 |
| Geran Tahunan | 5,000,000 | 5,000,000 |
| Lain-lain Hasil Bukan Pertukaran | 111,737,237 | 31,023,784 |
| | 258,230,076 | 171,248,131 |

21. URUSNIAGA PERTUKARAN

| | | |
|---|---|---|
| Bayaran Perkhidmatan | 3,399,233 | 3,306,870 |
| Perolehan dari Jualan Barang | 1,463,961 | 1,059,166 |
| Sewaan | 2,199,322 | 1,528,304 |
| Faedah dan Perolehan Pelaburan | 11,400,745 | 9,241,765 |
| Lain-lain Terimaan | 1,385,549 | 17,294 |
| | 19,848,810 | 15,153,399 |

22. PELBAGAI HASIL

| | | |
|---|---|---|
| Keuntungan Jualan Aset | 187,828 | 119,434 |
| Pulangan Balik Hasil/Pelarasan | 243,846 | 1,003,131 |
| Lain-lain Hasil/Potongan Cagaran | 6,737,295 | 1,145,453 |
| | 7,168,969 | 2,268,018 |

23. PERBELANJAAN MENGURUS EMOLUMEN

| | | |
|---|---|---|
| Gaji dan Upah | 35,865,220 | 30,180,801 |
| Elaun Tetap | 10,588,321 | 10,024,323 |
| Sumbangan Berkanun | 5,258,804 | 4,726,567 |
| Elaun Lebih Masa | 1,203,764 | 1,109,138 |
| Faedah Kewangan Lain | 1,008,115 | 182,907 |
| | 53,924,224 | 46,223,736 |

24. PERBELANJAAN MENGURUS: PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

| | | |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan | 153,869 | 160,732 |
| Perhubungan dan Utiliti | 5,779,761 | 6,389,846 |
| Sewaan | 642,537 | 326,423 |
| Bekalan Bahan Mentah | 750,948 | 708,812 |
| Bekalan Bahan Lain dan Percetakan | 1,175,661 | 1,753,359 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan | 13,865,715 | 26,717,826 |
| Perkhidmatan Ikhtisas | 655,742 | 1,822,862 |
| Perkhidmatan Pembersihan Bandar | — | 46,676,188 |

| | Tahun 2017 | Tahun 2016 seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Perkhidmatan Lain | 28,319,491 | 11,909,564 |
| Kemudahan Bekalan dan Peralatan | 1,392,900 | 2,382,077 |
| | 52,736,624 | 98,847,689 |

25. PERBELANJAAN MENGURUS: PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP

| | | |
|---|---|---|
| Bantuan Kakitangan dan Persatuan | 139,950 | 218,944 |
| Bantuan Kemasyarakatan/Kebajikan | 51,406 | 3,223,550 |
| Bantuan/Peruntukan Luar Jangka | 1,021,061 | 1,714,453 |
| | 1,212,417 | 5,156,947 |

26. PERBELANJAAN MENGURUS: PERBELANJAAN LAIN

| | | |
|---|---|---|
| lnsuran dan Cukai | 2,264,489 | 1,964,901 |
| Pulangbalik, Hapuskira & Pelarasan | 1,876,737 | 911,820 |
| Susutnilai | 9,583,047 | 8,768,973 |
| Peruntukan Hutang Lapuk | 1,024,811 | 983,960 |
| Faedah Pembiayaan | 101,202 | 95,706 |
| | 14,850,286 | 12,725,360 |

27. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN: PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

| | | |
|---|---|---|
| Bekalan Bahan Mentah | 14,511 | — |
| Bekalan Bahan Lain & Percetakan | 1,101,536 | — |
| Penyelenggaraan & Pembaikan | 100,314,116 | 3,640,088 |
| Perkhidmatan Ikhtisas | 1,139,261 | — |
| Perkhidmatan Lain | 3,207,096 | 123,206 |
| Perkhidmatan Bandar | 28,566,118 | — |
| | 134,342,638 | 3,763,294 |

28. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN: ASET

| | | |
|---|---|---|
| Kemudahan Infra dan Awam | — | 320,317 |
| Kemudahan Taman dan Rekreasi | — | 57,145 |
| Kemudahan Taman dan Inrastruktur | — | 127,367 |
| Kemudahan Bekalan & Peralatan | 7,028,829 | — |
| | 7,028,829 | 504,829 |

29. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN: PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP

| | | |
|---|---|---|
| Bantuan Kemasyarakatan/Kebajikan | 293,691 | — |
| | 293,691 | — |

30. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN:
PERBELANJAAN LAIN

| | Tahun 2017 | Tahun 2016 seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Insuran dan Cukai | 185,544 | — |
| | 185,544 | — |

31. PELARASAN TAHUN LALU

Pelarasan tahun lalu yang dinyatakan dalam tahun kewangan 2017 adalah seperti berikut:

| | Tahun 2017 | Tahun 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Keterangan | | |
| Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan | | |
| 1. Penghutang GST (Nota 32.1) | 535,435 | 535,435 |
| 2. Penghutang GST (Nota 32.2) | 459,283 | — |
| Urusniaga Pertukaran Belum Terima | | |
| 1. Akaun Belum Terima Sewaan Gerai (Nota 32.3) | 1,726,295 | — |
| 2. Akaun Belum Terima Sewaan Gerai (Nota 32.4) | (201,105) | — |
| 3. Akaun Belum Terima Sewaan Gerai (Nota 32.5) | (1,016,694) | — |
| 4. Akaun Belum Terima Sewaan Kuarters Kakitangan (Nota 32.6) | 4,085 | — |
| Kumpulan Wang Pelaburan (Nota 32.7) | 3,998,203 | — |
| | 5,505,502 | 535,435 |

31.1 Penghutang GST

Pelarasan ini dibuat bagi mengiktiraf semula tuntutan kepada pihak Kastam bagi jumlah input peruntukan wang amanah MARRIS, peruntukan negeri dan peruntukan yang diterima daripada persekutuan yang berjumlah RM535,435 untuk tahun 2015. Pelarasan ini adalah selaras dengan arahan pihak Kastam kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun 2017 untuk mengiktiraf output kumpulan wang amanah.

Amaun ini juga merupakan pelarasan tahun lalu bagi 2016 atas pembatalan pengiktirafan input GST.

31.2 Penghutang GST

Pelarasan ini dibuat bagi mengiktiraf semula tuntutan kepada pihak Kastam bagi jumlah input peruntukan wang amanah MARRIS, peruntukan negeri dan peruntukan yang diterima daripada persekutuan yang berjumlah RM459,283 untuk tahun 2016. Pelarasan ini adalah selaras dengan arahan pihak Kastam kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun 2017 untuk mengiktiraf output kumpulan wang amanah.

31.3 Akaun Belum Terima Sewaan Gerai

Majlis mengiktiraf baki awal tunggakan sewaan bagi aktiviti sewaan gerai, sewaan harta MPS yang berjumlah RM1,726,295.

31.4 Akaun Belum Terima Sewaan Gerai

Melaraskan pelarasan tahun lalu 2016 seperti di dalam laporan pengawalan sewaan.

31.5 Akaun Belum Terima Sewaan Gerai

Dalam tahun 2017, Majlis telah membuat hapuskira bagi akaun-akaun tunggakan sewaan yang dikenalpasti melalui aktiviti terkini/tindakan tahun semasa oleh pihak Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. Jumlah hapuskira dalam tahun 2017 adalah RM1,016,694.

31.6 Akaun Belum Terima Sewaan Kuarters Kakitangan

Dalam tahun 2017, Majlis telah mengiktiraf sewaan kuarters kakitangan sebagai akruan dan mengenalpasti tunggakan yang belum diterima daripada penyewa kuarters kakitangan.

31.7 Kumpulan Wang Pelaburan

Majlis telah melaraskan semula peruntukan kumpulan wang pelaburan tahun lalu kepada Kumpulan Wang Majlis. Pelarasan ini dibuat kerana tiada perbelanjaan yang patut diiktiraf pada tahun lalu memandangkan sumber dana adalah dari pihak Majlis sendiri.

32. TANGGUNGAN LUAR JANGKA

Tanggungan Luar Jangka akan menjadi tanggungan sebenar sekiranya entiti berkenaan gagal memenuhi obligasi perjanjian atau berlaku sesuatu peristiwa tertentu. Tanggungan Luar Jangka pada 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:-

| | | | |
|---|---|---|---|
| 32.1 | Mahkamah | : | Mahkamah Rayuan Putrajaya |
| | No. Fail/No. Saman | : | 1/5-22/231. Rayuan No. B-01(W)-383-10/2017 |
| | Plaintif | : | Shahrul lzewan bin Mat Husin |
| | Defendan | : | -Majlis Perbandaran Selayang |
| | | : | -KPS-HCm Sdn. Bhd. |
| | Pihak Ketiga | : | -Pengarah Jabatan Kerja Raya, Gombak<br>-Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya<br>-Kerajaan Malaysia |

Keterangan

Tuntutan pampasan kecedaraan, kerosakan dan kerugian disebabkan kemalangan yang didakwa akibat kegagalan Majlis dalam menyelenggara pokok-pokok di Jalan Simpang 3, Jalan Bukit Idaman I Jalan 6 Bukit Idaman, Selayang Selangor.

| | | | |
|---|---|---|---|
| 32.2 | Mahkamah | : | Mahkamah Tinggi Malaya Di Shah Alam |
| | No. Fail/No. Saman | : | 1/5-22/238. Saman No: 25-60-09/2013 |
| | Plaintif | : | -Dolomite Industries Company Sdn. Bhd.<br>-Dolomite Properties Sdn. Bhd. |
| | Defendan | : | Majlis Perbandaran Selayang |

Keterangan

Permohonan untuk Deklarasi, Perintah Certiorari, Perintah Mandamus dan tuntutan gantirugi am berhubung dengan "Notis Berhenti Kerja Sementara" yang telah dikeluarkan dengan melanggar peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 berhubung dengan pembangunan komersial oleh pemohon-pemohon yang terletak di Lot 6022, Mukim Batu, Daerah Gombak, Selangor.

| | | | |
|---|---|---|---|
| 32.3 | Mahkamah | : | Mahkamah Tinggi Shah Alam |
| | No. Fail/No. Saman | : | 1/5-22/247. Rayuan Sivil No. BA-12B-155-09/16 |
| | Plaintif | : | Lim Ah Hwa & 6 Yang Lain |
| | Defendan | : | Dolomite Properties Sdn. Bhd. & 1 Yang Lain |
| | Pihak Ketiga | : | -Leong Chuk Wah<br>-Majlis Perbandaran Selayang |

Keterangan

Tuntutan agar Majlis dapat mengeluarkan segala sijil-sijil yang diperlukan menurut peruntukan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 bagi membolehkan Pihak Ketiga Pertama dan atau Arkitek Defendan-Defendan mengeluarkan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan.

| | | |
|---|---|---|
| 32.4 | Mahkamah | : Mahkamah Tinggi Shah Alam |
| | No. Fail/No. Saman | : 1/5-22/255. Rayuan Sivil No. BA-12BNCVC-35-09/16 |
| | Plaintif | : Ang Chai Kian & 4 Yang Lain |
| | Defendan | : Dolomite Properties Sdn. Bhd. |
| | Pihak Ketiga | : -Leong Chuk Wah<br>-Majlis Perbandaran Selayang |

Keterangan

Permohonan untuk perintah perlaksanaan spesifik terhadap Pihak Ketiga Kedua untuk membantu Pihak Ketiga Kedua dalam mengeluarkan segala sijil-sijil yang diperlukan menurut peruntukan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Selain itu, tuntutan apa-apa gantirugi am dan gantirugi tauladan yang diperintahkan oleh Mahkamah.

| | | |
|---|---|---|
| 32.5 | Mahkamah | : Mahkamah Tinggi Shah Alam |
| | No. Fail/No. Saman | : 1/5-22/269. Rayuan Sivil No. BA-12BNCVC-37-09/16 |
| | Plaintif | : -Balan NL Perappa Koundan<br>-Surendran NL Balan |
| | Defendan | : -Dolomite Properties Sdn. Bhd.<br>-Dolomite Industries Company Sdn. Bhd. |
| | Pihak Ketiga | : -Leong Chuk Wah<br>-Majlis Perbandaran Selayang |

Keterangan

Permohonan untuk perintah perlaksanaan spesifik terhadap Pihak Ketiga Kedua untuk membantu Pihak Ketiga Pertama dan atau Arkitek Defendan defendan dalam mengeluarkan segala sijil-sijil yang diperlukan menurut peruntukan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 bagi membolehkan Pihak Ketiga Pertama dan atau arkitek Defendan-defendan mengeluarkan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan. Selain itu, tuntutan apa apa gantirugi am yang diperintahkan oleh Mahkamah.

| | | |
|---|---|---|
| 32.6 | Mahkamah | : Mahkamah Tinggi Di Shah Alam |
| | No. Fail/No. Saman | : 1/5-22/280. No. 22ncvc-469-08/2015 |
| | Tuntutan Utama | |
| | Plaintif | : -Badan Pengurusan Bersama Kristal Height<br>-Yat Seng Development Sdn. Bhd. |
| | Defendan | -Syarikat Sri Malawati Sdn. Bhd. |
| | | : -Pentadbir Tanah Pejabat Daerah & Tanah Gombak |
| | Pihak Ketiga | 1. Leong Chuk Wah<br>2. Majlis Perbandaran Selayang |
| | Tuntutan Balas | |
| | Plaintif | : Syarikat Sri Malawati Sdn. Bhd. |
| | Defendan | : -Badan Pengurusan Bersama Kristal Height 2<br>-Yat Seng Development Sdn. Bhd.<br>-Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor<br>-Majlis Perbandaran Selayang |

Keterangan

Tuntutan oleh Plaintif-Piaintif deklarasi bahawa penduduk-penduduk di pangsapuri Kristal Height 2 mempunyai hak lalu-lalang di jalan berukuran lebih kurang 12.2 meter (lebar) dan 153 meter (panjang) yang menyambung pangsapuri Kristal Height 2 kepada jalan besar Jalan SG 9/8. Plaintif melalui Tuntutan Balas memohon deklarasi bahawa Hak Lalu Lalang (Right of Way) tersebut adalah tidak sah dan atau melanggari undang-undang dan menghalang Defendan-defendan pertama dan kedua dari menggunakan jalan yang didakwa. Selain itu, tuntutan apa-apa gantirugi yang diperintahkan oleh Mahkamah.

33. INSTRUMEN KEWANGAN – DASAR PENGURUSAN RISIKO

Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, Majlis mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Majlis adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Majlis akan sentiasa memantau baki tunggakan secara berterusan dan akan mengambil tindakan mengikut kaedah perundangan yang dibenarkan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Majlis akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan Majlis kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti Majlis pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

| | Dalam tempoh setahun | Lebih tempoh setahun | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Pada 31 Disember 2017 | | | |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru | 198,384,797 | — | 198,384,797 |
| Pinjaman Sewa Beli | 553,318 | 1,143,017 | 1,696,335 |
| Pinjaman Kerajaan Negeri | 2,977,069 | 1,523,851 | 4,500,920 |
| | 201,915,184 | 2,666,868 | 204,582,052 |
| Pada 31 Disember 2016 | | | |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru | 127,665,652 | — | 127,665,652 |
| Pinjaman Sewa Beli | 553,318 | 1,225,298 | 1,778,616 |
| Pinjaman Kerajaan Negeri | 2,977,086 | 4,500,903 | 7,477,989 |
| | 131,196,056 | 5,726,201 | 136,922,257 |

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai wajar atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan Majlis akan berubah-ubah kerana perubahan dalam pasaran kadar faedah.

34. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting hanya terdiri oleh Ahli-Ahli Majlis sahaja di mana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan | 26 | 26 |

| | RM | RM |
|---|---|---|
| Jumlah ganjaran | 1,961,919 | 1,580,007 |

35. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017. Jumlah bajet ini telah dibentangkan oleh Mesyuarat Khas Belanjawan MPS pada 30 September 2016 berjumlah RM177,400,000.

Belanjawan dan Penyata Kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada Penyata Kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam Penyata Kewangan ini telah disusun semula dari asas akru kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar. Selain perbezaan asas ini pelarasan kepada jumlah dalam Penyata Kewangan juga dibuat untuk perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan Penyata Kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan Penyata Kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti yang tidak direkodkan di dalam Penyata Kewangan ini.

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di bawah.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di bawah:

| | Operasi | Pelaburan | Pembiayaan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| Jumlah sebenar di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar | 65,469,193 | — | 3,758,652 | 69,227,845 |
| Perbezaan asas (Nota a) | 18,681,720 | (10,868,083) | (6,818,002) | 995,635 |
| Perbezaan masa | — | — | — | — |
| Perbezaan entiti (Nota b) | — | — | — | — |
| Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai | 84,150,913 | (10,868,083) | (3,059,350) | 70,223,480 |

Nota a:

Perbezaan asas merujuk kepada pembayaran yang dibuat di dalam tahun kewangan semasa tetapi merupakan pembayaran berhubung tahun kewangan yang lalu.

Nota b:

Perbezaan entiti bagi aktiviti pembiayaan wujud disebabkan oleh lain-lain kenaan bank.

**No. 4016.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN KAJANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kajang telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Kajang pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Kajang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Para Ahli Majlis Majlis Perbandaran Kajang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Perbandaran Kajang tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Kajang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan

Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Kajang adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Kajang, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Kajang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Perbandaran Kajang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Kajang, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Kajang.

(c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunapakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

(d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Kajang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan

bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Kajang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

(e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Perbandaran Kajang memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Perbandaran Kajang telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

(a) Seperti yang dinyatakan pada Nota 2.1 kepada penyata kewangan, Majlis Perbandaran Kajang telah menerima pakai piawaian perakaunan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) mulai 1 Januari 2017 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2016. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Majlis terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Majlis Perbandaran Kajang pada 31 Disember 2016 dan 1 Januari 2016, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Majlis Perbandaran Kajang bagi tahun berakhir 31 Disember 2017, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2017 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

(b) Laporan ini disediakan untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

SHAH ALAM
Bertarikh 6 Ogos 2018

HAJI ROSLAN BIN ABU BAKAR
*b.p. Ketua Audit Negara*
*Malaysia*

KENYATAAN OLEH YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

Kami, Mohd Sayuthi bin Bakar, Yang DiPertua dan Lee Learn Eng, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kajang dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi Majlis yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Kajang pada 31 Disember 2017 serta hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

MOHD SAYUTHI BIN BAKAR
*Yang Dipertua*
*Majlis Perbandaran*
*Kajang*
Tarikh 18 April 2018

LEE LEARN ENG
*Ahli Majlis*
*Majlis Perbandaran*
*Kajang*
Tarikh 18 April 2018

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN
KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

Saya, Zunika binti Saleh, (KP. 680515-10-5824), pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Kajang, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017, Penyata Prestasi Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikutnya ini berserta dengan nota-nota, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh
ZUNIKA BINTI SALEH
di Kajang Dalam Negeri Selangor
pada 11 April 2018

Di hadapan saya

HAJI MUHAMMAD RUZAINI BIN RAMLI
*Majlis Perbandaran Kajang*
*Pesuruhjaya Sumpah*

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM Seperti yang dinyatakan semula |
| ASET SEMASA | | |
| Urusniaga bukan pertukaran belum terima (Nota 3) | 26,692,748 | 46,307,781 |
| Urusniaga pertukaran belum terima (Nota 4) | 6,131,569 | 4,876,329 |
| Pelbagai akaun belum terima (Nota 5) | 7,193,883 | 3,383,766 |
| Simpanan tetap (Nota 6) | 579,555,668 | 507,060,824 |
| Wang di tangan dan di bank (Nota 7) | 22,557,276 | 29,687,780 |
| | 642,131,144 | 591,316,480 |
| ASET BUKAN SEMASA | | |
| Hartanah pelaburan (Nota 8) | 6,213,780 | 6,453,540 |
| Aset tak ketara (Nota 9) | 670,291 | 38,368 |
| Hartanah, loji dan peralatan (Nota 10) | 76,510,024 | 60,956,811 |
| Kerja dalam kemajuan (Nota 11) | 2,614,541 | 15,339,682 |
| Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan (Nota 12) | 101,635 | 125,852 |
| | 86,110,271 | 82,914,253 |
| JUMLAH ASET | 728,241,415 | 674,230,733 |
| LIABILITI SEMASA | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru (Nota 12) | 309,374,757 | 267,647,386 |
| Akaun Amanah (Nota 13) | 217,106,999 | 195,481,129 |
| Pinjaman sewa beli (Nota 14) | — | 172,406 |
| Pinjaman (Nota 15) | 1,716,915 | 4,245,480 |
| | 528,198,671 | 467,546,401 |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | |
| Pinjaman (Nota 15) | 2,320,279 | 2,604,318 |
| | 2,320,279 | 2,604,318 |
| JUMLAH LIABILITI | 530,518,950 | 470,150,719 |
| ASET BERSIH | 197,722,465 | 204,080,014 |
| ASET BERSIH | 197,722,465 | 204,080,014 |
| Kumpulan Wang Majlis | 197,722,465 | 204,080,014 |

Nota-nota merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| PENDAPATAN | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran (Nota 16) | 143,346,979 | 134,240,497 |
| Urusniaga Pertukaran (Nota 16) | 47,454,299 | 42,255,636 |
| Pelbagai Hasil (Nota 16) | 3,951,662 | 5,820,887 |
| JUMLAH PENDAPATAN | 194,752,940 | 182, 317,020 |
| PERBELANJAAN | | |
| PERBELANJAAN MENGURUS | | |
| Emolumen (Nota 16) | 46,881,067 | 41,935,638 |
| Perkhidmatan dan Bekalan (Nota 16) | 67,213,182 | 104,834,242 |
| Pemberian dan Kenaan Tetap (Nota 16) | 746,383 | 1,748,222 |
| Perbelanjaan Lain (Nota 16) | 31,034,740 | 12,279,519 |
| | 145,875,372 | 160,797,621 |
| PERBELANJAAN PEMBANGUNAN | | |
| Perkhidmatan dan Bekalan (Nota 16) | 47,220,016 | — |
| Aset (Nota 16) | 4,059,047 | 6,126,736 |
| Pemberian dan Kenaan Tetap (Nota 16) | 1,237,795 | — |
| Perbelanjaan Lain (Nota 16) | 2,718,259 | — |
| | 55,235,117 | 6,126,736 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 201,110,489 | 166,924,357 |
| (KURANGAN)/LEBIHAN PENDAPATAN BERSIH | (6,357,549) | 15,392,663 |

Nota-nota merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Kumpulan Wang Majlis RM | Akaun Amanah RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari 2016 | 188,687,351 | 142,520,978 | 331,208,329 |
| Sepetti yang dinyatakan terdahulu | | | |
| Kesan pemakaian awal MPSAS | — | (142,520,978) | (142,520,978) |
| Baki pada 1 Januari 2016 | 188,687,351 | — | 188,687,351 |
| Seperli yang dinyatakan semula | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | 188,687,351 | — | 188,687,351 |
| Pelarasan tahun lalu | — | — | — |
| Lebihan bersih bagi tahun | 15,392,663 | — | 15,392,663 |
| Baki pada 31 Disember 2016 | 204,080,014 | — | 204,080,014 |

| | Kumpulan Wang Majlis | Akaun Amanah | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Pada 1 Januari 2017 | 204,080,014 | — | 204,080,014 |
| Lebihan/Kurangan dalam tahun | (6,357,549) | — | (6,357,549) |
| Baki pada 31 Disember 2017 | 197,722,465 | — | 197,722,465 |

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM Seperti yang dinyatakan semula |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI: | | |
| (Kurangan)/Lebihan Pendapatan | (6,357,549) | 15,392,663 |
| Pelarasan Yang Tidak Melibatkan Tunai: | | |
| Susutnilai Pelunasan Hartanah, Loji dan Peralatan | 4,747,531 | 4,383,517 |
| Susutnilai Aset Tak Ketara | 73,207 | — |
| Susutnilai Hartanah Pelaburan | 239,760 | — |
| Keuntungan dari Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | 132,600 | (3) |
| Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | (169,900) | 9 |
| Pelarasan, Hapuskira | 281,337 | (18,845) |
| | 5,304,535 | 4,364,678 |
| Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja | (1,053,014) | 19,757,341 |
| (Peningkatan)/Penurunan pada Aset Semasa: | | |
| Urusniaga bukan pertukaran belum terima | 19,615,033 | 1,992,104 |
| Urusniaga pertukaran belum terima | (1,255,240) | (757,702) |
| Pelbagai akaun belum terima | (3,785,900) | — |
| Pinjaman Kakitangan | — | 21,108 |
| | 14,573,893 | 1,255,510 |
| Peningkatan/(Penurunan) pada Liabiliti Semasa: | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru | 41,727,371 | 16,308,526 |
| Akaun Wang Amanah | 21,625,870 | 52,960,151 |
| Pinjaman Sewa Beli | (172,406) | 546,666 |
| Pinjaman | (2,528,565) | 373,502 |
| | 60,652,270 | 70,188,845 |
| Aliran Tunai Bersih Dijana Dari Aktiviti Operasi | 74,173,149 | 91,201,696 |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN | | |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | (20,697,880) | (6,467,360) |
| Pembelian Aset Tak Ketara | (705,130) | — |
| (Pengurangan)/Peningkatan Pembinaan Dalam Kemajuan | 12,725,141 | (9,718,323) |
| Penerimaan dari Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | 153,100 | — |
| Aliran Tunai Bersih (Digunakan Dalam)/Dijana Dari Aktiviti Pelaburan | (8,524,769) | (16,185,683) |

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN | | |
| Pembayaran Pinjaman | (1,692,441) | (4,245,480) |
| Pembayaran Pinjaman Sewa Beli | — | (172,406) |
| Penerimaan Pinjaman | 1,408,401 | 3,811, 603 |
| Aliran Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pembiayaan | (284,040) | (606,283) |
| PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI | 65,364,340 | 74,409,730 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Bawa Hadapan | 536,748,604 | 462,338,874 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER | 602,112,944 | 536,748,604 |
| ANALISA TUNAI DAN TUNAI SETARA DI AKHIR TEMPOH | | |
| Wang Dalam Bank dan Di Tangan | 22,557,276 | 29,687,780 |
| Simpanan Tetap | 579,555,668 | 507,060,824 |
| WANG TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK | 602,112,944 | 536,748,604 |

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | JUMLAH BAJET | | JUMLAH | VARIAN |
|---|---|---|---|---|
| | Asal | Akhir | SEBENAR | BAJET |
| | RM | RM | RM | RM |
| PENERIMAAN | | | | |
| Urusniaga bukan pertukaran | 150, 552,220 | 150,552,220 | 135,649,057 | 14,903,163 |
| Urusniaga pertukaran | 29,141,772 | 29,141,772 | 42,242,350 | (13,100,578) |
| Lain-lain terimaan | 20,152,980 | 20,152,980 | 5,402,963 | 14,750,017 |
| | 199,846,972 | 199 846 972 | 183,294,370 | 16,552,602 |
| PEMBAYARAN | | | | |
| Mengurus | | | | |
| Emolumen | 48,754,120 | 48,754,120 | 46,615,128 | 2,138,992 |
| Perkhidmatan dan bekalan | 76,770,942 | 76,770,942 | 54,904,386 | 21,866,556 |
| Aset | 919,480 | 919,480 | 110,291 | 809,189 |
| Pemberian dan kenaan tetap | 5,212,620 | 5,212,620 | 4,884,268 | 328,352 |
| Perbelanjaan lain | 5,692,810 | 5,692,810 | 2,657,980 | 3,034,830 |
| | 137,349,972 | 137,349,972 | 109,172,053 | 28,177,919 |
| Pembangunan | | | | |
| Perkhidmatan dan bekalan | 48,248,180 | 48,248,180 | 35,457,149 | 12,791,031 |
| Aset | 13,202,750 | 13,202,750 | 953,687 | 12,249,063 |

| | JUMLAH BAJET Asal | JUMLAH BAJET Akhir | JUMLAH SEBENAR | VARIAN BAJET |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| Pemberian dan kenaan tetap | 1,260,000 | 1,260,000 | 1,073,676 | 186,324 |
| Perbelanjaan lain | 7,187,070 | 7,187,070 | 2,073,557 | 5,113,513 |
| | 69,898,000 | 69,898,000 | 39,558,069 | 30,339,931 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 207,247,972 | 207,247,972 | 148,730,122 | 58,517,850 |
| PENERIMAAN BERSIH | (7,401,000) | (7,401,000) | 34,564,248 | (41,965,248) |

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. MAKLUMAT AM

1.1 Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan utama Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) adalah menjaga kebersihan kawasan perbandaran dan memberi kemudahan rekreasi kepada penduduk. Majlis juga bertanggungjawab melaksanakan kerja kerja kejuruteraan seperti membaiki jalan, longkang disamping mengutip cukai taksiran.

Majlis juga mengenakan sewaan terhadap premis-premis Majlis dan mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan.

1.2 Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”) yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

1.3 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis pada 20 April 2018.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1 Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

2.1.2 Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS kerana Majlis telah memilih pengecualian berhubung dengan pengiktirafan aset dan liabiliti seperti yang dinyatakan pada nota 2.17.2 kepada Penyata Kewangan. Sebelum ini penyata kewangan Majlis telah disediakan menggunakan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Majlis.

2.1.3 Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberikan kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.17 kepada Penyata Kewangan.

2.2 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.2.1 Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran

(ii) Sumbangan Membantu Kadar

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

(iv) Denda dan Kompaun

(v) Sewaan

(vi) Geran Kerajaan
Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.2.2 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

(ii) Perolehan dari Jualan

(iii) Sewaan

(iv) Faedah dan Perolehan dari Pelaburan

(v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.2.2 (i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

2.3.1 Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000.00 setiap satu.

2.3.2 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

2.3.3 Jika berlaku sesuatu aset diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

2.3.4 Nilai di bawah item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

2.4 Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1 Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Susutnilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.

2.4.2 Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Bangunan | 3% |
| Perabot dan Kelengkapan | 10% |
| Komputer | 20% |
| Kenderaan/Jentera | 10% & 33.33% |
| Tanah | Tempoh Pajakan |
| Tanah Pegangan Bebas | Tidak Disusutnilai |

2.4.3 Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.4.4 Perabot dan Kelengkapan, Mesin Rumput, Komputer serta Kenderaan/Jentera yang mempunyai nilai skrap masih belum dikeluarkan dari senarai kerana masih dalam tindakan untuk dilupuskan.

2.4.5 Majlis juga mengiktiraf aset yang lewat diisytiharkan untuk tujuan pendaftaran dalam daftar aset pada tahun kewangan semasa.

2.5 Hartanah Pelaburan

2.5.1 Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

2.5.2 Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

2.5.3. Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul (jika ada).

2.5.4 Susutnilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.5.5 Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6 Aset Tak Ketara

2.6.1 Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

2.6.2 Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

2.6.3 Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

2.6.4 Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan selama hayat 5 tahun @ 20%.

2.6.5 Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

2.6.6 Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.7 Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan hartanah, loji dan peralatan akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap *Certificate of Practical Completion* dikeluarkan atau perakuan siap dan dilunaskan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan dan dilunaskan.

2.8 Aset Kewangan

2.8.1 Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.8.2 Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisi aset kewangan.

2.8.3 Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

2.8.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.8.5 Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti:

(i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

(ii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

(i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;

(ii) pembayaran tertunggak;

(iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis;

(iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai;

(v) selepas sekurang-kurangnya 8 kali notis E dikeluarkan; atau

(vi) selepas penggulungan dan pembubaran syarikat serta pengambil alihan tanah.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah yang berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.9 Peruntukan dan Liabiliti

2.9.1 Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis memanjangkan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam Penyata Prestasi Kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

2.10 Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

2.10.1 Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2.10.2 Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2.11 Liabiliti Kewangan

2.11.1 Liabiliti Kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.11.2 Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

2.11.3 Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2.11.4 Majlis mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

(ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.12 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan Kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.13 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

2.13.1 Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

2.13.2 Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

2.14 Percukaian

2.14.1 Majlis Perbandaran Kajang adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6 : Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.15 Maklumat Bajet

2.15.1 Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.15.2 Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Khas Anggaran Hasil dan Perbelanjaan MPKj dan telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.

2.16 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

2.16.1 Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

2.16.2 Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Elaun Rosot Nilai bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan

bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Majlis menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 33 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iii) Penentuan hartanah pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

(iv) Pengukuran peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.17 Kesan Pemakaian MPSAS

2.17.1 Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana penyata kewangan Majlis sebelum ini telah disediakan menggunakan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Majlis. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan penyata kewangan tahun kewangan ini adalah selaras dengan yang telah digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan seperti berikut:

(i) Aset Tak Ketara

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua perisian komputer telah dikategorikan di bawah Hartanah, Loji dan Peralatan. Pemakaian MPSAS mengkehendaki perisian komputer ini diklasifikasikan semula berdasarkan kepada ciri-cirinya yang perlu ditunjukkan secara berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Majlis telah membuat pengklasifikasian tersebut di dalam tahun kewangan semasa.

(ii) Hartanah Pelaburan

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, hartanah pelaburan yang dimiliki oleh Majlis ditunjukkan di bawah Hartanah, Loji dan Peralatan. Pemakaian MPSAS mengkehendaki hartanah pelaburan ini diklasifikasikan berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan di mana Majlis telah membuat pengklasifikasian tersebut di dalam tahun kewangan semasa.

(iii) Elaun Rosot Nilai

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, salah satu dasar perakaunan Majlis berhubung elaun hutang ragu adalah membuat peruntukan secara umum sebanyak 2% daripada jumlah tunggakan. Pemakaian MPSAS mengkehendaki elaun rosot nilai ini dibuat atas bukti objektif dan bukannya berdasarkan kepada pertimbangan. Dasar perakaunan berhubung dengan elaun rosot nilai ini dinyatakan pada nota 2.8 kepada penyata kewangan. Oleh itu, semua kesan berhubung elaun rosot nilai ini telah dibuat secara prospektif di dalam tahun kewangan ini.

2.17.2 Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Majlis juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan penyata kewangan ini yang pertama kali disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

Peruntukan dan Pengecualian yang memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan

(i) Aset Infrastruktur

Majlis memiliki aset infrastruktur iaitu jalan raya dan pondok bas yang tidak dipermodalkan di dalam penyata kewangan. Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi aset infrastruktur telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS mengkehendaki aset infrastruktur ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset infrastruktur ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset infrastrukturnya.

(ii) Penentuan Nilai Saksama Aset Yang Direkodkan Pada Nilai Nominal

Majlis memiliki beberapa aset nyata dan tidak nyata yang diterima secara percuma dan direkodkan pada nilai nominal di dalam penyata kewangan Majlis. MPSAS mengkehendaki semua aset nyata dan tidak nyata yang diterima melalui urusniaga bukan pertukaran hendaklah direkodkan pada nilai saksama. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset-aset tersebut bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset-aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menentukan nilai saksama aset-aset tersebut.

(iii) Peruntukan ke Atas Gantian Cuti Rehat dan Ganjaran Kontrak

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis tidak membuat peruntukan ke atas gantian cuti rehat dan ganjaran kontrak. MPSAS mengkehendaki peruntukan-peruntukan ini dibuat kerana ia telah memenuhi syarat kepada sesuatu peruntukan itu perlu dibuat. Majlis akan menggunapakai kaedah *Projected Unit Credit* bagi membuat pengiraan peruntukan gantian cuti rehat di mana Majlis akan membuat beberapa andaian di dalam pengiraan tersebut. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi mengiktiraf peruntukan ke atas gantian cuti rehat dan ganjaran kontrak ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga peruntukan-peruntukan tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk mengumpul data berhubung dengan kakitangannya.

(iv) Pengiktirafan Inventori

Majlis memiliki beberapa inventori yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan di mana Majlis telah mengiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS mengkehendaki inventori ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan inventori ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung inventori.

(v) Aset Hidup

Majlis memiliki aset hidup iaitu pokok dan tumbuhan yang tidak dipermodalkan di dalam penyata kewangan. MPSAS mengkehendaki aset hidup ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset hidup ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset hidupnya.

Peruntukan dan Pengecualian yang tidak memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan

(i) Aset dan liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf

Majlis tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangannya yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunapakai rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunapakai rangka kerja MPSAS. Jika sesuatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah rangka kerja perakaunan terdahulu maka Majlis memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

(ii) Anggaran perakaunan

Sebelum ini, Majlis menggunakan pertimbangan untuk menentukan elaun bagi elaun rosot nilainya. Elaun akan dibuat apabila Majlis menilai sesuatu hutang itu tidak boleh dikutip. Selepas menggunapakai MPSAS, penilaian ke atas kemerosotan aset kewangan dibuat berdasarkan kepada peristiwa kerugian yang telah berlaku *incurred loss model*, di mana kemerosotan diiktiraf berdasarkan bukti objektif yang wujud. Walau bagaimanapun, elaun rosot nilai pada tarikh peralihan ini tidak diselaraskan secara retrospektif.

Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016

| | Piawaian Perakaunan terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| ASET SEMASA | | | |
| Urusniaga bukan pertukaran belum terima | — | 46,307,781 | 46,307,781 |
| Urusniaga pertukaran belum terima | — | 4,876,329 | 4,876,329 |
| Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan | — | 3,509,618 | 3,509,618 |
| Penghutang | 49,477,996 | (49,477,996) | — |
| Pelbagai penghutang | 4,991,985 | (4,991,985) | — |
| Pinjaman Kakitangan | 223,747 | (223,747) | — |
| Simpanan tetap | 507,060,824 | — | 507,060,824 |
| Wang di tangan dan di bank | 29,687,780 | — | 29,687,780 |
| | 591,442,332 | — | 591,442,332 |
| ASET BUKAN SEMASA | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 67,448,719 | (6,491,908) | 60,956,811 |
| Hartanah pelaburan | — | 6,453,540 | 6,453,540 |
| Aset tak ketara | — | 38,368 | 38,368 |
| Kerja dalam kemajuan | 15,339,682 | — | 15,339,682 |
| | 82,788,401 | — | 82,788,401 |
| JUMLAH ASET | 674,230,733 | — | 674,230,733 |

| | Piawaian Perakaunan terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | | |
| Pinjaman | 2,604,318 | — | 2,604,318 |
| | 2,604,318 | — | 2,604,318 |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru | — | 267,647,386 | 267,647,386 |
| Akaun Amanah | — | 195,481,129 | 195,481,129 |
| Pinjaman sewa beli | — | 172,406 | 172,406 |
| Pinjaman | 4,417,886 | (172,406) | 4,245,480 |
| Pelbagai Pemiutang | 19,536,352 | (19,536,352) | — |
| Wang Cagaran | 245,388,150 | (245,388,150) | — |
| Terimaan Terdahulu | 2,722,884 | (2,722,884) | — |
| | 272,065,272 | 195,481,129 | 467,546,401 |
| JUMLAH LIABILITI | 274,669,590 | 195,481,129 | 470,150,719 |
| ASET BERSIH | 399,561,143 | (195,481,129) | 204,080,014 |
| ASET BERSIH | | | |
| Akaun Amanah | 195,481,129 | (195,481,129) | — |
| Kumpulan Wang Majlis | 204,080,014 | — | 204,080,014 |
| | 399,561,143 | (195,481,129) | 204,080,014 |

Kesan ke atas penyata prestasi kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016

| | Piawaian Perakaunan terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| HASIL | | | |
| HASIL CUKAI | | | |
| Cukai Taksiran | 89,836,394 | (89,836,394) | — |
| HASIL BUKAN CUKAI | | | |
| Lesen, Byrn Pendaftaran dan Permit | 16,982,844 | (16,982,844) | — |
| Perkhidmatan dan Byrn Perkhidmatan | 22,097,604 | (22,097,604) | — |
| Perolehan dari Jualan | 1,265,831 | (1,265,831) | — |
| Sewaan | 5,533,028 | (5,533,028) | — |
| Faedah dan Perolehan Pelaburan | 18,848,201 | (18,848,201) | — |
| Denda dan Hukuman | 7,667,472 | (7,667,472) | — |
| Sumbangan | 6,527,902 | (6,527,902) | — |

| | Piawaian Perakaunan terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| PELBAGAI TERIMAAN | | | |
| Keuntungan Pelupusan Aset | 3 | (3) | — |
| Sumbangan Membantu Kadar | 2,736,857 | (2,736,857) | — |
| Geran Tahunan | 5,000,000 | (5,000,000) | — |
| Tuntutan Dari Badan Persekutuan | 5,804,428 | (5,804,428) | — |
| Elaun Rosot Nilai (Hutang Ragu) | 16,456 | (16,456) | — |
| Urusniaga Bukan Pertukaran | — | 134,240,497 | 134,240,497 |
| Urusniaga Pertukaran | — | 42,255,636 | 42,255,636 |
| Pelbagai Hasil | — | 5,820,887 | 5,820,887 |
| JUMLAH HASIL | 182,317,020 | — | 182,317,020 |
| PERBELANJAAN | | | |
| EMOLUMEN | | | |
| Gaji dan Upahan | 22,315,281 | — | 22,315,281 |
| Elaun Tetap | 9,211,107 | — | 9,211,107 |
| Sumbangan Berkanun | 4,055,746 | — | 4,055,746 |
| Elaun Lebih Masa | 2,435,913 | — | 2,435,913 |
| Faedah Kewangan Yang Lain | 240,770 | — | 240,770 |
| Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bantuan Kewangan | 3,676,821 | — | 3,676,821 |
| | 41,935,638 | — | 41,935,638 |
| PERKHIDMATAN DAN BEKALAN | | | |
| Perjalanan dan Sara Hidup | 594,543 | — | 594,543 |
| Pengangkutan Barang-Barang | 3,843 | — | 3,843 |
| Perhubungan dan Utiliti | 9,180,893 | — | 9,180,893 |
| Sewaan | 675,531 | — | 675,531 |
| Bekalan Bahan Mentah | 781,177 | — | 781,177 |
| Bekalan dan Bahan-Bahan | 2,411,544 | — | 2,411,544 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan | 14,223,748 | — | 14,223,748 |
| Perkhidmatan Ikhtisas | 76,962,963 | — | 76,962,963 |
| | 104,834,242 | — | 104,834,242 |
| PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP | | | |
| Pemberian Dalam Negeri | 1,432,614 | — | 1,432,614 |
| Faedah, Dividen dan Kenaan Bayaran Hutang | 118,411 | — | 118,411 |
| Ganjaran Pekerja Kontrak | 62,004 | — | 62,004 |
| Gantian Cuti Rehat | 135,193 | — | 135,193 |
| | 1,748,222 | — | 1,748,222 |
| PERBELANJAAN LAIN | | | |
| Pulangbalik dan Hapuskira | 355,619 | — | 355,619 |
| Perbelanjaan Lain | 7,559,228 | — | 7,559,228 |

| | Piawaian Perakaunan terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Susutnilai dan pelunasan | 4,383,517 | — | 4,383,517 |
| terkurangnya/(terlebihnyata) tahun terdahulu | (18,845) | — | (18,845) |
| | 12,279,519 | — | 12,279,519 |
| PERBELANJAAN PEMBANGUNAN | 6,126,736 | — | 6,126,736 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 166,924,357 | — | 166,924,357 |
| LEBIHAN BAGI TAHUN | 15,392,663 | — | 15,392,663 |

2.18 Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, terdapat hak undang-undang membenarkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.19 Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada Ahli-Ahli Majlis.

2.20 Pajakan

Pajakan Kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang undang, dipindahkan kepada Majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Majlis menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosotnilai.

Pajakan Operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.21 Kos Pembiayaan

Semua kos pembiayaan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh ia terlibat.

3. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Akaun belum terima cukai taksiran | 45,303,135 | 44,886,484 |
| Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai | (23,075,458) | (897,729) |
| | 22,227,677 | 43,988,755 |
| Akaun belum terima sewaan | 3,758,434 | 1,966,347 |
| Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai | — | — |
| Akaun belum terima sewaan letak kereta | 706,637 | 352,679 |
| Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai | — | — |
| | 706,637 | 352,679 |
| | 26,692,748 | 46,307,781 |

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Butiran pergerakan akaun elaun adalah seperti berikut: | | |
| Baki pada awal tahun | 897,729 | 914,185 |
| Tambahan tahun semasa | 22,177,729 | (16,456) |
| Baki pada akhir tahun | 23,075,458 | 897,729 |

4. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Akaun belum terima sewaan | 104,000 | 44,000 |
| Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai | — | — |
| | 104,000 | 44,000 |
| Faedah | 4,674,134 | 3,478,894 |
| Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai | — | — |
| | 4,674,134 | 3,478,894 |

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Pengurusan Sisa Pepejal | 1,353,435 | 1,353,435 |
| Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai | — | — |
| | 1,353,435 | 1,353,435 |
| Jumlah keseluruhan | 6,131,569 | 4,876,329 |

Jumlah RM1,353,435 bagi satu syarikat pengurusan sisa pepejal adalah dalam proses likuidasi oleh pihak Jabatan Insolvensi Malaysia. Semakan penilaian rosotnilai akan dilakukan sekiranya jumlah ini tidak diterima pada tahun kewangan 2018.

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Analisa pengumuran urusniaga pertukaran belum terima adalah sepeti berikut: | | |
| Tidak rosot atau melepasi tempoh kena dibayar | | |
| Melepasi tempoh kena dibayar 1 hingga 3 bulan tetapi tidak dirosot | 315,222 | 540,964 |
| Melepasi tempoh kena dibayar 4 hingga 6 bulan tetapi tidak dirosot | 4,261,688 | 2,795,420 |
| Melepasi tempoh kena dibayar 7 hingga 9 bulan tetapi tidak dirosot | 11,020 | 6,355 |
| Melepasi tempoh kena dibayar 10 hingga 12 bulan tetapi tidak dirosot | 4,491 | 1,194 |
| Melepasi tempoh kena dibayar 12 bulan tetapi tidak dirosot | 1,539,148 | 1,532,396 |
| | 6,131,569 | 4,876,329 |

5. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA

| | | |
|---|---|---|
| Pinjaman kenderaan | 60,788 | 27,771 |
| Pinjaman komputer | 129,797 | 195,976 |
| Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST) | 7,104,933 | 3,285,871 |
| Jumlah keseluruhan | 7,295,518 | 3,509,618 |

Dianalisa seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Kurang daripada 12 bulan | 7,193,883 | 3,383,766 |
| Lebih daripada 12 bulan | 101,635 | 125,852 |
| | 7,295,518 | 3,509,618 |

6. SIMPANAN TETAP

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Malaysia Building Society Berhad | 124,637,499 | 105,883,462 |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad | 129,879,305 | 99,924,896 |
| Bank Simpanan Nasional | 20,088,838 | 24,965,258 |
| AmIslamic Bank Berhad | 70,727,328 | 110,743,489 |
| Public Islamic Bank | — | 56,338,357 |
| OCBC Al-Amin Bank Berhad | 34,489,659 | — |
| Bank Islam Malaysia Berhad | 141,129,061 | 69,088,712 |
| Maybank Islamic Berhad | 58,603,978 | 40,116,650 |
| JUMLAH | 579,555,668 | 507,060,824 |

7. WANG DI TANGAN DAN DI BANK

| | | |
|---|---|---|
| Wang Tunai Di tangan | 207,905 | 140,057 |
| Wang Di Bank | | |
| Malayan Banking Berhad | 15,570,037 | 16,191,048 |
| CIMB Bank Bhd. | 6,158,101 | 12,720,528 |
| Bank Islam Malaysia Berhad | 621,233 | 636,147 |
| | 22,557,276 | 29,687,780 |

8. HARTANAH PELABURAN

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Bangunan | | |
| KOS/NILAI | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 7,992,000 | 7,992,000 |
| Tambahan | — | — |
| Pindahan dari kerja dalam kemajuan | — | — |
| Pelupusan | — | — |
| Pelarasan | — | — |
| Baki Pada Akhir Tahun | 7,992,000 | 7,992,000 |
| PELUNASAN TERKUMPUL | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 1,538,460 | 1,298,700 |
| Tambahan | 239,760 | 239,760 |
| Baki Pada Akhir Tahun | 1,778,220 | 1,538,460 |
| AMAUN BAWAAN | | |
| Pada 31 Disember 2017 | 6,213,780 | 6,453,540 |

9. ASET TAK KETARA

| | Perisian Komputer | Perisian Komputer dalam Pelaksanaan | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| KOS/NILAI | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | 295,850 | 19,880 | 315,730 |
| Seperti yang dinyatakan semula | | | |
| Tambahan dalam tahun | 615,580 | 89,550 | 705,130 |
| Pelarasan | — | — | — |
| Pindahan | — | — | — |
| Kos pada 31 Disember 2017 | 911,430 | 109,430 | 1,020,860 |
| PELUNASAN TERKUMPUL | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | 277,362 | — | 277,362 |
| Seperti yang dinyatakan semula | 73,207 | — | 73,207 |
| Pelunasan tahun semasa | | | |
| Pelunasan terkumpul pada 31 Disember 2017 | 350,569 | — | 350,569 |
| AMAUN BAWAAN | | | |
| Pada 31 Disember 2017 | 560,861 | 109,430 | 670,291 |
| KOS/NILAI | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | 295,850 | 19,880 | 315,730 |
| Seperti yang dinyatakan semula | | | |
| Tambahan dalam tahun | — | — | — |
| Pelarasan | — | — | — |
| Pindahan | — | — | — |
| Kos pada 31 Disember 2016 | 295,850 | 19,880 | 315,730 |
| PELUNASAN TERKUMPUL | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | 276,044 | — | 276,044 |
| Seperti yang dinyatakan semula | 1,318 | — | 1,318 |
| Pelunasan tahun semasa | | | |
| Pelarasan | — | — | — |
| Pelunasan terkumpul pada 31 Disember 2016 | 277,362 | — | 277,362 |
| Amaun Bawaan | | | |
| Pada 31 Disember 2016 | 18,488 | 19,880 | 38,368 |

10. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

10.1 TAHUN 2017

| Jenis Harta | Tanah | | | Bangunan | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pegangan Pajakan | Pegangan Bebas | Tiada Hakmilik | Ada Hakmilik | Tiada Hakmilik | Kenderaan/ Jentera | Perabot dan Kelengkapan | Komputer | Jumlah |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Kos/Nilai | | | | | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2017 | 5,224,005 | 26,505 | 223,000 | 33,379,510 | 32,426,155 | 19,392,385 | 5,195,733 | 6,755,999 | 102,623,292 |
| Tambahan dalam tahun | — | — | — | — | 17,702,491 | 1,912,723 | 259,206 | 823,460 | 20,697,880 |
| Pelupusan | — | — | — | (170,010) | — | — | (15,226) | (376,737) | (561,973) |
| Pelarasan | — | — | — | — | — | — | — | (363,580) | (363,580) |
| Baki pada 31 Disember 2017 | 5,224,005 | 26,505 | 223,000 | 33,209,500 | 50,128,646 | 21,305,108 | 5,439,713 | 6,839,142 | 122,395,619 |
| Susutnilai | | | | | | | | | |
| Susutnilai pada 1 Januari 2017 | 680,059 | — | — | 10,702,884 | 11,979,644 | 10,135,644 | 3,676,039 | 4,492,541 | 41,666,481 |
| Susutnilai dalam tahun | 52,768 | — | — | — | 2,314,376 | 1,524,589 | 295,864 | 559,934 | 4,747,531 |
| Pelupusan | — | — | — | (132,600) | — | — | (15,214) | (376,627) | (524,441) |
| Pelarasan | — | — | — | — | — | — | — | (3,976) | (3,976) |
| Susutnilai pada 31 Disember 2017 | 732,827 | — | — | 10,570,284 | 14,294,020 | 11,659,903 | 3,956,689 | 4,671,872 | 45,885,595 |
| Nilai Buku 2016 | 4,543,946 | 26,505 | 223,000 | 22,676,626 | 20,446,511 | 9,257,071 | 1,519,694 | 2,263,458 | 60,956,811 |
| Nilai Buku 2017 | 4,491,178 | 26,505 | 223,000 | 22,639,216 | 35,834,626 | 9,465,205 | 1,483,024 | 2,167,270 | 76,510,024 |

| Jenis Harta | Tanah | | | Bangunan | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pegangan Pajakan | Pegangan Bebas | Tiada Hakmilik | Ada Hakmilik | Tiada Hakmilik | Kenderaan/ Jentera | Perabot dan Kelengkapan | Komputer | Jumlah |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| 10.2 TAHUN 2016 | | | | | | | | | |
| Kos/Nilai | | | | | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2016 Seperti yang dinyatakan semula | 5,224,005 | 26,505 | 223,000 | 41,371,510 | 31,057,280 | 15,516,883 | 4,861,792 | 6,186,917 | 104,467,892 |
| Tambahan dalam tahun | — | — | — | — | 1,368,875 | 3,875,502 | 338,171 | 884,812 | 6,467,360 |
| Pelupusan | — | — | — | — | — | — | (4,230) | — | (4,230) |
| Pelarasan | — | — | — | (7,992,000) | — | — | — | (315,730) | (8,307,730) |
| Baki pada 31 Disember 2016 | 5,224,005 | 26,505 | 223,000 | 33,379,510 | 32,426,155 | 19,392,385 | 5,195,733 | 6,755,999 | 102,623,292 |
| Susutnilai | | | | | | | | | |
| Susutnilai pada 1 Januari 2016 Seperti yang dinyatakan semula | 627,291 | — | — | 11,006,199 | 11,028,680 | 8,858,176 | 3,397,348 | 4,204,160 | 39,121,854 |
| Susutnilai dalam tahun | 52,768 | — | — | 1,241,145 | 963,809 | 1,277,138 | 282,914 | 565,743 | 4,383,517 |
| Pelupusan | — | — | — | — | — | — | (4,223) | — | (4,223) |
| Pelarasan | — | — | — | (1,544,460) | (12,845) | — | — | (277,362) | (1,834,667) |
| Susut nilai pada 31 Disember 2016 | 680,059 | — | — | 10,702,884 | 11,979,644 | 10,135,314 | 3,676,039 | 4,492,541 | 41,666,481 |
| Nilai Buku 2015 | 4,596,714 | 26,505 | 223,000 | 30,365,311 | 20,028,600 | 6,658,707 | 1,464,444 | 1,982,757 | 65,346,038 |
| Nilai Buku 2016 Seperti yang dinyatakan semula | 4,543,946 | 26,505 | 223,000 | 22,676,626 | 20,446,511 | 9,257,071 | 1,519,694 | 2,263,458 | 60,956,811 |

11. PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN

Merupakan projek-projek dalam perlaksanaan yang meliputi seperti berikut:

| Keterangan | Dewan Perbandaran Kajang (i) RM | Dewan Serbaguna Taman Impian Ehsan (ii) RM | Dewan Serbaguna Taman Kajang Utama (iii) RM | Dewan Serbaguna Bandar Teknologi Kajang (iv) RM | Jumlah (A) RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Kos/Nilai | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2017 | 11,649,941 | 749,633 | 859,345 | 401,048 | 13,659,967 |
| Tambahan dalam tahun | — | — | 108,041 | 540,207 | 648,248 |
| Pelarasan | — | — | — | — | — |
| Jumlah | 11,649,941 | 749,633 | 967,386 | 941,255 | 14,308,215 |
| Pindahan ke Aset bangunan | (11,649,941) | (749,633) | — | — | (12,399,574) |
| Baki pada 31 Disember 2017 | — | — | 967,386 | 941,255 | 1,908,641 |

| Keterangan | Dewan Serbaguna Bdr Mahkota Cheras (v) RM | Dewan Serbaguna Taman Titiwangsa (vi) RM | Dewan Serbaguna Bukit Mahkota (vii) RM | Dewan Serbaguna Suaikasih Bandar Tun Hussein Onn (viii) RM | Jumlah (B) RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Kos/Nilai | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2017 | 1,158,322 | 500,136 | 9,120 | 4,717 | 1,672,295 |
| Tambahan dalam tahun | — | — | 319,406 | 355,432 | 674,838 |
| Pelarasan | — | — | — | — | — |
| Jumlah | 1,158,322 | 500,136 | 328,526 | 360,149 | 2,347,133 |
| Pindahan ke Aset bangunan | (1,158,322) | (500,136) | — | — | (1,658,458) |
| Baki pada 31 Disember 2017 | — | — | 328,526 | 360,149 | 688,675 |

| Keterangan | Dewan Serbaguna Taman Kota Cheras | Dewan Serbaguna Taman Kantan Permai | Dewan Serbaguna Bandar Tasik Kesuma | Jumlah | Jumlah Keseluruhan (A+B+C) |
|---|---|---|---|---|---|
| | (ix) | (x) | (xi) | (c) | (RM) |
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| Kos/Nilai | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2017 | 3,710 | 3,710 | — | 7,420 | 15,339,682 |
| Tambahan dalam tahun | — | 6,095 | 3,710 | 9,805 | 1,332,891 |
| Pelarasan | — | — | — | — | — |
| Jumlah | 3,710 | 9,805 | 3,710 | 17,225 | 16,672,573 |
| Pindahan ke Aset bangunan | — | — | — | — | (14,058,032) |
| Baki pada 31 Disember 2017 | 3,710 | 9,805 | 3,710 | 17,225 | 2,614,541 |

Komitmen Modal Pembinaan Dalam Kemajuan

| Bil. | Keterangan | 2017 | | 2016 | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Komitmen Modal RM | Baki Belum Diktiraf RM | Komitmen Modal RM | Baki Belum Diiktiraf RM |
| 1. | Dewan Serbaguna Taman Kajang Utama | 1,141,175 | 173,789 | 1,141,175 | 281,830 |
| 2. | Dewan Serbaguna Taman Teknologi Kajang | 1,161,585 | 220,330 | 1,161,585 | 760,537 |
| 3. | Dewan Serbaguna Bandar Bukit Mahkota | 3,848,176 | 3,519,650 | 9,120 | — |
| 4. | Dewan Serbaguna Suakasih Bandar Tun Hussein Onn | 1,204,883 | 844,734 | 4,717 | — |
| 5. | Dewan Serbaguna Taman Kota Cheras | 741,121 | 737,411 | 3,710 | — |
| 6. | Dewan Serbaguna Taman Kantan Permai | 1,346,275 | 1,336,470 | 3,710 | — |
| 7. | Dewan Serbaguna Bandar Tasik Kesuma | 3,710 | — | — | — |
| 8. | Dewan Perbandaran Kajang | — | — | 13,596,981 | 1,947,040 |
| 9. | Dewan Serbaguna Taman Impian Ehsan | — | — | 1,107,081 | 357,448 |

| Bil. | Keterangan | 2017 Komitmen Modal RM | 2017 Baki Belum Diktiraf RM | 2016 Komitmen Modal RM | 2016 Baki Belum Diiktiraf RM |
|---|---|---|---|---|---|
| 10. | Dewan Serbaguna Bandar Mahkota Cheras | — | — | 1,208,463 | 50,141 |
| 11. | Dewan Serbaguna Taman Titiwangsa | — | — | 1,142,167 | 642,031 |

12. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR DAN PERBELANJAAN TERAKRU

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Pelbagai akaun belum bayar (Nota a) | 31,312,061 | 19,536,352 |
| Wang Cagaran (Nota b) | 274,827,149 | 245,388,150 |
| Pelbagai terimaan terdahulu (Nota c) | 3,235,547 | 2,722,884 |
| | 309,374,757 | 267,647,386 |

(a) Pelbagai akaun belum bayar terdiri daripada:

| Keterangan | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Perbelanjaan Mengurus | | |
| Elaun Tetap | 1,663 | 2,389 |
| Sumbangan Berkanun | 917 | 520 |
| Elaun Lebih Masa | 201,984 | 199,851 |
| Faedah Kewangan Yang Lain | 125,029 | 15,186 |
| Perjalanan dan Sara Hidup | 45,184 | 90,471 |
| Pengangkutan Barang-barang | — | 1,159 |
| Perhubungan dan Utiliti | 276,327 | 158,882 |
| Sewaan | 97,392 | 136,446 |
| Bekalan Bahan Mentah | 279,547 | 305,915 |
| Bekalan dan Bahan-bahan | 915,862 | 972,972 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan | 3,385,193 | 4,604,927 |
| Perkhidmatan Ikhtisas | 7,552,936 | 8,417,651 |
| Harta Modal Yang Lain | 601,943 | 665,655 |
| Kenderaan dan Jentera | — | 6,400 |
| Pemberian Dalam Negeri | 16,980 | 183,919 |
| Gantian Cuti Rehat | 22,655 | — |
| Pulang Balik dan Hapuskira | 311,577 | 548 |
| Perbelanjaan Lain | 539,363 | 734,410 |
| Perbelanjaan Pembangunan | | |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan | 1,679,719 | — |
| Perkhidmatan Ikhtisas | 9,794,098 | — |
| Pemberian Dalam Negeri | 170,751 | — |
| Perbelanjaan Lain | 786,245 | — |
| Bangunan & Pembaikan Bangunan | 297,640 | — |
| Kenderaan dan Jentera | 1,732,276 | — |
| Harta Modal Yang Lain | 548,851 | — |
| Kemudahan | 942,303 | 3,039,051 |
| Bangunan | 985,626 | — |
| JUMLAH | 31,312,061 | 19,536,352 |

(b) Wang Cagaran terdiri daripada:

| Keterangan | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Cagaran Teknikal | 264,153,902 | 236,382,997 |
| Cagaran Bukan Teknikal | 10,673,247 | 9,005,153 |
| JUMLAH | 274,827,149 | 245,388,150 |

(c) Pelbagai terimaan terdahulu:

| | | |
|---|---|---|
| Lebihan cukai taksiran diterima | 3,235,547 | 2,722,884 |
| JUMLAH | 3,235,547 | 2,722,884 |

13. AKAUN AMANAH

Akaun Amanah terdiri daripada:

| Keterangan | Baki pada 1-1-2017<br>RM | Terimaan<br>RM | Bayaran<br>RM | Baki pada 31-12-2017<br>RM |
|---|---|---|---|---|
| Caj Pemajuan | 83,016,145 | 19,665,634 | (8,843,646) | 93,838,133 |
| Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF) | 38,655,993 | 8,976,714 | (7,903,419) | 39,729,288 |
| Amanah MARRIS | 37,623,592 | 60,733,062 | (77,021,997) | 21,334,657 |
| Amanah Infrastruktur | 29,416,780 | 21,376,133 | (958,503) | 49,834,410 |
| Amanah Pelbagai | 5,160,114 | 11,504,205 | (12,394,849) | 4,269,470 |
| Amanah Kecacatan Harta Bersama | 1,608,505 | 3,592,444 | — | 5,200,949 |
| Amanah Landskap | — | 2,900,092 | — | 2,900,092 |
| JUMLAH | 195,481,129 | 128,748,284 | (107,122,414) | 217,106,999 |

| Keterangan | Baki pada 1-1-2016<br>RM | Terimaan<br>RM | Bayaran<br>RM | Baki pada 31-12-2016<br>RM |
|---|---|---|---|---|
| Caj Pemajuan | 71,372,394 | 18,558,153 | (6,914,402) | 83,016,145 |
| Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF) | 30,497,771 | 14,867,824 | (6,709,602) | 38,655,993 |
| Amanah MARRIS | 17,161,489 | 55,757,524 | (35,295,421) | 37,623,592 |
| Amanah Infrastruktur | 21,180,706 | 12,276,734 | (4,040,660) | 29,416,780 |
| Amanah Pelbagai | 2,308,618 | 7,884,819 | (5,033,323) | 5,160,114 |
| Amanah Kecacatan Harta Bersama | — | 1,608,505 | — | 1,608,505 |
| JUMLAH | 142,520,978 | 110,953,559 | (57,993,408) | 195,481,129 |

14. PINJAMAN SEWA BELI

| Keterangan | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Liabiliti Semasa | | |
| Sewa Beli (Nota 14.1) | — | 172,406 |
| JUMLAH | — | 172,406 |
| Liabiliti Bukan Semasa | | |
| Sewa Beli (Nota 14.1) | — | — |
| JUMLAH | — | — |

14.1 Pinjaman Sewa Beli dengan pihak bank

| Keterangan | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Pinjaman diterima | 172,406 | 891,479 |
| Tambah: | | |
| Faedah | — | 118,411 |
| Tolak: | | |
| Pelarasan | — | — |
| Bayaran dijelaskan dalam tahun semasa | 172,406 | (837,484) |
| JUMLAH | — | 172,406 |
| Tempoh kurang setahun | — | 172,406 |
| Tempoh melebihi setahun | — | — |
| Jumlah | — | 172,406 |

15. PINJAMAN

| Keterangan | | |
|---|---|---|
| Liabiliti Semasa | | |
| Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 15.1) | 259,549 | 778,646 |
| Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 15.2) | — | 1,500,000 |
| Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 15.3) | — | 500,000 |
| Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 15.4) | 383,320 | 392,788 |
| Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 15.5) | 1,074,046 | 1,074,046 |
| JUMLAH | 1,716,915 | 4,245,480 |
| Liabiliti Bukan Semasa | | |
| Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 15.1) | — | 259,549 |
| Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 15.2) | — | — |
| Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 15.3) | — | — |
| Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 15.4) | 1,246,234 | 196,679 |
| Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 15.5) | 1,074,045 | 2,148,090 |
| JUMLAH | 2,320,279 | 2,604,318 |

15.1 Kerajaan Negeri Selangor telah memberi bantuan kewangan dalam bentuk pembiayaan Islamik jangka pendek bagi tujuan pembinaan jambatan baru dan membaiki cerun.

| Keterangan | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Pinjaman diterima | 1,038,195 | 1,816,841 |
| Pinjaman diterima tahun semasa | — | — |
| Tolak: | | |
| Bayaran dijelaskan dalam tahun semasa | (778,646) | (778,646) |
| JUMLAH | 259,549 | 1,038,195 |
| Tempoh kurang setahun | 259,549 | 778,646 |
| Tempoh melebihi setahun | — | 259,549 |
| Jumlah | 259,549 | 1,038,195 |

15.2 Kerajaan Negeri Selangor telah memberi bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman bagi tujuan membiayai pembinaan bangunan pejabat Majlis.

| Keterangan | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Pinjaman diterima | 1,500,000 | 3,000,000 |
| Tambah: | | |
| Faedah | | |
| Tolak: | | |
| Bayaran dijelaskan dalam tahun semasa | (1,500,000) | (1,500,000) |
| JUMLAH | — | 1,500,000 |
| Tempoh kurang setahun | — | 1,500,000 |
| Tempoh melebihi setahun | — | — |
| Jumlah | — | 1,500,000 |

15.3 Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan pemberian pembiayaan bagi melaksanakan pengurusan pelupusan sisa pepejal.

| Keterangan | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Pinjaman diterima | 500,000 | 1,000,000 |
| Tambah: | | |
| Faedah | | — |
| Tolak: | | |
| Bayaran dijelaskan dalam tahun semasa | (500,000) | (500,000) |
| JUMLAH | — | 500,000 |
| Tempoh kurang setahun | — | 500,000 |
| Tempoh melebihi setahun | — | — |
| Jumlah | — | 500,000 |

15.4 Kerajaan Negeri Selangor telah memberi bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman bagi tujuan pembinaan kolam takungan dan menaiktaraf longkang untuk mengatasi masalah banjir di Taman Indah, Balakong.

| Keterangan | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Pinjaman diterima | 589,467 | 589,467 |
| Tambah: | | |
| Pinjaman | 1,408,402 | — |
| Faedah | 73,211 | — |
| Tolak: | | |
| Bayaran dijelaskan dalam tahun semasa | (441,526) | — |
| JUMLAH | 1,629,554 | 589,467 |
| Tempoh kurang setahun | 383,320 | 392,788 |
| Tempoh melebihi setahun | 1,246,234 | 196,679 |
| Jumlah | 1,629,554 | 589,467 |

15.5 Kerajaan Negeri Selangor telah memberi bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman bagi tujuan pembelian jentera dan peralatan untuk penambahbaikan operasi dan perkhidmatan.

| Keterangan | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Pinjaman diterima | 3,222,136 | 3,222,136 |
| Tambah: | | |
| Faedah | — | — |
| Tolak: | | |
| Pelarasan | — | — |
| Bayaran dijelaskan dalam tahun semasa | (1,074,045) | — |
| JUMLAH | 2,148,091 | 3,222,136 |
| Tempoh kurang setahun | 1,074,046 | 1,074,046 |
| Tempoh melebihi setahun | 1,074,045 | 2,148,090 |
| Jumlah | 2,148,091 | 3,222,136 |

16. PENYATA PRESTASI KEWANGAN TERPERINCI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN | | |
| Cukai Taksiran | 94,061,484 | 89,836,394 |
| Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit | 19,885,319 | 16,982,844 |
| Denda dan Kompaun | 9,623,262 | 7,667,472 |
| Sumbangan | 2,987,656 | 6,527,902 |
| Sumbangan Membantu Kadar | 2,760,185 | 2,736,857 |
| Geran Tahunan | 5,000,000 | 5,000,000 |
| Sewaan | 9,029,073 | 5,489,028 |
| | 143,346,979 | 134,240,497 |

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| URUSNIAGA PERTUKARAN | | |
| Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan | 25,882,474 | 22,097,604 |
| Perolehan dari Jualan | 943,847 | 1,265,831 |
| Sewaan | 60,000 | 44,000 |
| Faedah dan Perolehan dari Pelaburan | 20,567,978 | 18,848,201 |
| | 47,454,299 | 42,255,636 |
| PELBAGAI HASIL | | |
| Tuntutan Dari Badan Persekutuan | 3,819,062 | 5,804,428 |
| Elaun Rosot Nilai (Hutang Ragu) | — | 16,456 |
| Keuntungan Pelupusan Aset | 132,600 | 3 |
| | 3,951,662 | 5,820,887 |
| JUMLAH PENDAPATAN | 194,752,940 | 182,317,020 |
| PERBELANJAAN MENGURUS | | |
| EMOLUMEN | | |
| Gaji dan Upahan | 24,084,182 | 22,315,281 |
| Elaun Tetap | 9,544,410 | 9,211,107 |
| Sumbangan Berkanun | 4,349,471 | 4,055,746 |
| Elaun Lebih Masa | 2,654,528 | 2,435,913 |
| Faedah Kewangan Yang Lain | 290,390 | 240,770 |
| Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bantuan Kewangan | 5,958,086 | 3,676,821 |
| | 46,881,067 | 41,935,638 |
| PERKHIDMATAN DAN BEKALAN | | |
| Perjalanan dan Sara Hidup | 603,174 | 594,543 |
| Pengangkutan Barang-Barang | 5,115 | 3,843 |
| Perhubungan dan Utiliti | 9,649,195 | 9,180,893 |
| Sewaan | 1,271,850 | 675,531 |
| Bekalan Bahan Mentah | 1,481,136 | 781,177 |
| Bekalan dan Bahan-Bahan | 1,689,875 | 2,411,544 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan | 10,060,439 | 14,223,748 |
| Perkhidmatan Ikhtisas | 42,452,398 | 76,962,963 |
| PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP | 67,213,182 | 104,834,242 |
| Pemberian Dalam Negeri | 395,517 | 1,432,614 |
| Faedah, Dividen dan Kenaan Bayaran Hutang | 43,486 | 118,411 |
| Ganjaran Pekerja Kontrak | 127,286 | 62,004 |
| Gantian Cuti Rehat | 180,094 | 135,193 |
| | 746,383 | 1,748,222 |
| PERBELANJAAN LAIN | | |
| Pulangbalik dan Hapuskira | 365,201 | 355,619 |
| Perbelanjaan Lain | 3,435,278 | 7,559,228 |
| Susutnilai dan pelunasan | 5,060,498 | 4,383,517 |
| terkurangnya/(terlebihnyata) tahun terdahulu | (3,976) | (18,845) |

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Hutang Ragu | 22,177,729 | — |
| Pelupusan Aset | 10 | — |
| | 31,034,740 | 12,279,519 |
| JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS | 145,875,372 | 160,797,621 |
| PERBELANJAAAN PEMBANGUNAN | | |
| PERKHIDMATAN DAN BEKALAN | | |
| Bekalan dan Bahan-Bahan | 310,641 | — |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan | 5,258,121 | — |
| Perkhidmatan Ikhtisas | 41,570,176 | — |
| Sumbangan | 81,078 | — |
| | 47,220,016 | — |
| ASET | | |
| Bangunan & Pembaikan Bangunan | 433,378 | — |
| Kemudahan | 3,625,669 | 6,126,736 |
| PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP | 4,059,047 | 6,126,736 |
| Pemberian Dalam Negeri | 1,237,795 | — |
| Perbelanjaan Lain | 2,718,259 | — |
| | 2,718,259 | — |
| JUMLAH PERBELANJAAN PEMBANGUNAN | 55,235,117 | 6,126,736 |
| JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN | 201,110,489 | 166,924,357 |
| (KURANGAN)/LEBIHAN BAGI TAHUN | (6,357,549) | 15,392,663 |

17. LIABILITI LUAR JANGKA

Liabiliti Luar Jangka akan menjadi liabiliti sebenar sekiranya entiti berkenaan gagal memenuhi obligasi perjanjian atau berlaku sesuatu peristiwa tertentu. Liabiliti Luar Jangka pada 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| 17.1 | Mahkamah | : | Mahkamah Majistret Bandar Baru Bangi |
| | No. Fail/No. Saman | : | MPKj.3531MAH13/6/No. A74-31-10-2013 |
| | Plaintif/Pemohon | : | Majlis Perbandaran Kajang |
| | Defendan/Responden | : | Faro Resources Sdn. Bhd. |
| | Nilai Liabiliti (RM) | : | 164,933 |
| | Keputusan | : | Liabiliti ke atas Defendan. |
| 17.2 | Mahkamah | : | Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur |
| | No. Fail/No. Saman | : | MPKj.3531MAH09/4/No. 28NCC-774-09/2015 |
| | Plaintif/Pemohon | : | Majlis Perbandaran Kajang |
| | Defendan/Responden | : | Vision Intop Sdn. Bhd |
| | Nilai Liabiliti (RM) | : | 130,738 |
| | Keputusan | : | Liabiliti ke atas Defendan. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 17.3 | Mahkamah | : | Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur |
| | No. Fail/No. Saman | : | MPKj.353/MAH13/7/No. 28NCC-775-09/2015 |
| | Plaintif/Pemohon | : | Majlis Perbandaran Kajang |
| | Defendan/Responden | : | Odah Resources (M) Sdn. Bhd. |
| | Nilai Liabiliti (RM) | : | 116,400 |
| | Keputusan | : | Liabiliti ke atas Defendan. |
| 17.4 | Mahkamah | : | Mahkamah Tinggi Shah Alam |
| | No. Fail/No. Saman | : | MPKj.353/MAH15/3/No. 25-40-09/2015 |
| | Mahkamah | : | Mahkamah Tinggi Shah Alam |
| | Plaintif/Pemohon | : | Tan Hee Sang & 15 Lagi |
| | Defendani Responden | : | 1) Pentadbir Tanah Dan Daerah Hulu Langat<br>2) Majlis Perbandaran Kajang<br>3) Kerajaan Negeri Selangor |
| | Nilai Liabiliti (RM) | : | 1,000/Responden |
| | Keputusan | : | Permohonan Kajian Kehakiman oleh pemohon telah dibatalkan. |
| 17.5 | Mahkamah | : | Mahkamah Tinggi Shah Alam |
| | No. Fail/No. Saman | : | MPKj.353/MAH15/4/No. 25-45-09/2015 |
| | Plaintif/Pemohon | : | Kamaralzaman bin ldris |
| | Defendan/Responden | | 1) Pentadbir Tanah Dan Daerah Hulu Langat<br>2) Majlis Perbandaran Kajang<br>3) Kerajaan Negeri Selangor |
| | Nilai Liabiliti (RM) | : | Belum diputuskan |
| | Keputusan | : | Permohonan Perayu untuk menghidupkan semula kes telah dibenarkan oleh Mahkamah Rayuan. |
| 17.6 | Mahkamah | : | Mahkamah Tinggi Shah Alam |
| | No. Fail/No. Saman | : | MPKj.353/MAH 16/2/No. BA-25-3-01/2016 |
| | Plaintif/Pemohon | : | Persatuan Penganut Sri Maha Mariamman |
| | Defendan/Responden | | 1) Kerajaan Negeri Selangor<br>2) Majlis Perbandaran Kajang |
| | Nilai Liabiliti (RM) | : | 2,500 |
| | Keputusan | | Pemohon telah menarik balik Pemohonan untuk Tindakan Semakan Kehakiman terhadap kedua-dua Responden. |
| 17.7 | Mahkamah | : | Mahkamah Tinggi Shah Alam |
| | No. Fail/No. Saman | : | MPKj. 353/MAH 16/4 No. BA 22C-6-02/2016 |
| | Plaintif/Pemohon | : | Sivananthan a/l Krishnan |
| | Defendan/Responden | | 1) Jade Homes Sdn. Bhd.<br>2) Majlis Perbandaran Kajang |
| | Nilai Liabiliti (RM) | : | Tiada |
| | Keputusan | : | Kes diselesaikan di luar Mahkamah dan Plantif telah menarik balik guaman terhadap Majlis tanpa kebebasan untuk memfailkan semula. |
| 17.8 | Mahkamah | : | Mahkamah Tinggi Shah Alam |
| | No. Fail/No. Saman | : | MPKj.353/MAH 17/5 No. BA-25-41-07/2017 |
| | Plaintif/Pemohon | : | Kirubakaran a/l Karthigasu |
| | Defendan/Responden | | 1) Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor<br>2) Majlis Perbandaran Kajang<br>3) Kerajaan Negeri Selangor |
| | Nilai Liabiliti (RM) | : | Belum diputuskan |
| 17.9 | Mahkamah | : | Mahkamah Tinggi Shah Alam |
| | No. Fail/No. Saman | : | MPKj .353/MAH 17/6 No. BA-25-28-06/2017 |
| | Plaintif/Pemohon | : | Kirubakaran a/l Karthigasu |
| | Defendan/Responden | | 1) Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor<br>2) Majlis Perbandaran Kajang<br>3) Kerajaan Negeri Selangor |
| | Nilai Liabiliti (RM) | : | Belum diputuskan |

18. INSTRUMEN KEWANGAN-DASAR PENGURUSAN RISIKO

Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, Majlis mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Majlis adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Majlis akan sentiasa memantau baki tunggakan secara berterusan dan akan mengambil tindakan mengikut kaedah perundangan yang dibenarkan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Majlis akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan Majlis kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti Majlis pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

| | Dalam tempoh setahun | Lebih tempoh setahun | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Pada 31 Disember 2017 | | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan | 309,374,757 | — | 309,374,757 |
| Pinjaman | 1,716,915 | 2,320,279 | 4,037,194 |
| | 311,091,672 | 2,320,279 | 313,411,951 |
| Pada 31 Disember 2016 | | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan | 267,647,386 | — | 267,647,386 |
| Pinjaman sewa beli | 172,406 | — | 172,406 |
| Pinjaman | 4,245,480 | 2,604,318 | 6,849,798 |
| | 272,065,272 | 2,604,318 | 274,669,590 |

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai wajar atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan Majlis akan berubah-ubah kerana perubahan dalam pasaran kadar faedah.

Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah

Pendedahan Majlis kepada risiko kadar faedah timbul terutamanya daripada pinjaman mereka. Pelaburan Majlis dalam aset kewangan kebanyakannya untuk jangka pendek dan deposit kewangan.

Pada tarikh pelaporan, jika kadar adalah pada 10 mata asas lebih rendah/tinggi dengan semua pemboleh ubah lain yang adalah sekata, kurangan bersih Majlis selepas cukai adalah pada RM5,935,334 lebih tinggi.

Aset dan liabiliti kewangan Majlis yang lain adalah tidak mempunyai kesan ketara ke atas Penyata Prestasi Kewangan Majlis.

Nilai Saksama

Nilai saksama tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

19. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Majlis sama ada secara langsung atau tidak lansung. Kakitangan penting hanya terdiri dari Ahli-Ahli Majlis sahaja di mana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan | 24 | 25 |

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Jumlah Ganjaran | 1,270,875 | 895,466 |

20. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017. Jumlah bajet ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Selangor pada 7 Disember 2016.

Bajet dan penyata kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akru kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar, yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar. Selain perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan penyata kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di bawah.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di bawah:

| | Operasi<br>RM | Pelaburan<br>RM | Pembiayaan<br>RM | Jumlah<br>RM |
|---|---|---|---|---|
| Jumlah sebenar di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar | 39,849,231 | (1,063,977) | (4,221,006) | 34,564,248 |
| Perbezaan asas (Nota a) | (18,827,963) | (628,606) | — | (19,456,569) |
| Perbezaan masa | — | — | — | — |
| Perbezaan entiti (Nota b) | 53,151,880 | (6,832,186) | 3,936,967 | 50,256,661 |
| Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai | 74,173,148 | (8,524,769) | (284,039) | 65,364,340 |

Nota a:

Perbezaan asas merujuk kepada pembayaran yang dibuat di dalam tahun kewangan semasa tetapi merupakan pembayaran berhubung tahun kewangan yang lalu.

Nota b:

Perbezaan entiti bagi aktiviti pembiayaan wujud disebabkan oleh lain-lain kenaan bank.

**No. 4017.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan Nota Kepada Penyata Kewangan seperti dinyatakan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan MPSp pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada MPSp dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions.*

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Para Ahli Majlis MPSp bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan MPSp tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan MPSp yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan MPSp adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan MPSp, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan MPSp untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan MPSp secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut The International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan MPSp, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman MPSp.

(c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunapakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

(d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan MPSp sebagai satu usaha berterusan.

Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan MPSp atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

(e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan MPSp memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh MPSp telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

(a) Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, MPSp telah menerima pakai piawaian perakaunan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) mulai 1 Januari 2017 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2016. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Majlis terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan MPSp pada 31 Disember 2016 dan 1 Januari 2016, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan MPSp bagi tahun berakhir 31 Disember 2017, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2017 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

(b) Laporan ini disediakan untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

SHAH ALAM
Bertarikh 17 Ogos 2018

ROKIAH BINTI SAHAT
*b.p. Ketua Audit Negara*
*Malaysia*

KENYATAAN OLEH YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Kami, Dato' Puasa bin Md Taib Yang Dipertua dan Y.D.M Tengku Dato' Dr. Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah Al-Haj, Ahli Majlis Perbandaran Sepang dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi Majlis yang berikut ini, berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Sepang pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

DATO' PUASA BIN MD TAIB
*Yang Dipertua*
*Majlis Perbandaran Sepang*

Tarikh: 24 April 2018

Y.D.M TENGKU DATO' DR. JAMALUDDIN BIN TENGKU MAHMUD SHAH AL-HAJ
*Ahli Majlis*
*Majlis Perbandaran Sepang*

Tarikh: 24 April 2018

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Saya, Raja Zulhelmi bin Raja Saleh (KP. 740117-10-5003), pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Sepang, dengan ikhlasnya mengakui bahawa, Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017, Penyata Prestasi Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa, ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh
Penama di atas RAJA ZULHELMI BIN
RAJA SALEH
di Sepang, Selangor

Pada 24 April 2013

Di hadapan saya:

KHAZIMAH BINTI MOHAMED
*Pesuruhjaya Sumpah*
*Malaysia*

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula | 1-1-2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|---|
| ASET | | | |
| Aset Semasa | | | |
| Wang Dalam Bank dan di Tangan (Nota 4) | 14,020,738 | 20,203,129 | 29,104,294 |
| Simpanan Tetap (Nota 5) | 412,000,000 | 353,000,000 | 262,000,000 |
| Penghutang Urusniaga bukan Pertukaran (Nota 6) | 33,759,618 | 33,929,443 | 32,706,443 |
| Penghutang Urusniaga Pertukaran (Nota 7) | 26,000 | 52,000 | 26,000 |
| Pelbagai Penghutang (Nota 8) | 11,836,278 | 14,499,484 | 3,922,473 |
| Jumlah Aset Semasa | 471,642,634 | 421,684,056 | 327,759,210 |
| Aset Bukan Semasa | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 9) | 86,325,961 | 84,849,990 | 87,836,585 |
| Hartanah Pelaburan (Nota 10) | 1 | 1 | 333,333 |
| Kerja dalam Kemajuan (Nota 11) | 5,265,049 | 608,898 | — |
| Aset tidak Ketara (Nota 12) | 1,235,460 | 1,349,501 | 1,367,325 |
| Jumlah Aset bukan Semasa | 92,826,471 | 86,808,390 | 89,537,243 |
| Jumlah Aset | 564,469,105 | 508,492,446 | 417,296,453 |
| LIABILITI | | | |
| Liabiliti Semasa | | | |
| Pemiutang (Nota 13) | 26,775,745 | 26,112,418 | 16,276,959 |
| Pelbagai Pemiutang (Nota 13) | 229,232 | 261,718 | 178,125 |
| Wang Cagaran (Nota 14) | 110,758,393 | 92,270,913 | 79,930,047 |
| Terimaan Terdahulu (Nota 15) | 3,292,420 | 2,923,977 | 2,427,597 |
| Jumlah Liabiliti Semasa | 141,055,790 | 121,569,026 | 98,812,728 |
| Liabiliti bukan Semasa | | | |
| Geran Bantuan Khas (Nota 16) | 6,977,641 | 10,728,603 | 13,378,185 |
| Peruntukan Projek Persekutuan/Negeri (Nota 17) | 9,709,199 | 7,675,329 | 6,763,235 |
| Kumpulan Wang Amanah (Nota 18) | 107,834,644 | 103,143,031 | 73,484,202 |
| Jumlah Liabiliti bukan Semasa | 124,521,484 | 121,546,963 | 93,625,622 |
| Jumlah Liabiliti | 265,577,274 | 243,115,989 | 192,438,350 |
| ASET BERSIH | 298,891,831 | 265,376,457 | 224,858,103 |
| ASET BERSIH | | | |
| Kumpulan Wang Majlis | 296,891,831 | 264,176,457 | 223,658,103 |
| Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan | 2,000,000 | 1,200,000 | 1,200,000 |
| Jumlah Aset Bersih | 298,891,831 | 265,376,457 | 224,858,103 |

Nota-nota dinyatakan merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| HASIL | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran | 129,206,103 | 121,024,526 |
| Urusniaga Pertukaran | 24,031,173 | 21,983,796 |
| Pelbagai Hasil | 2,267,518 | 3,449,156 |
| JUMLAH HASIL (Nota 19) | 155,504,794 | 146,457,478 |
| PERBELANJAAN | | |
| Emolumen | 21,754,079 | 20,442,121 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 81,263,886 | 72,067,007 |
| Pemberian dan Kenaan Tetap | 2,673,808 | 1,747,752 |
| Perbelanjaan Lain | 16,595,159 | 11,674,332 |
| Perbelanjaan Pembangunan | 502,488 | 1,456,190 |
| JUMLAH PERBELANJAAN (Nota 20) | 122,789,420 | 107,387,402 |
| LEBIHAN HASIL BERSIH | 32,715,374 | 39,070,076 |

Nota-nota dinyatakan merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI | | |
| Lebihan Hasil | 32,715,374 | 39,070,076 |
| Pelarasan yang tidak Melibatkan Tunai | | |
| Susutnilai Aset | 7,663,339 | 6,477,821 |
| Pelarasan Tahun Lalu | — | 1,417,852 |
| Pelunasan Aset | 219,441 | 254,574 |
| Hapuskira Hartanah, Loji dan Peralatan | 3,018 | 3,175 |
| Pengiktirafan Semula Aset tak Ketara | — | (17,824) |
| Pelunasan Geran Bantuan Khas | (3,750,962) | (2,649,582) |
| Peningkatan dalam Peruntukan Hutang Ragu | 7,734,295 | 13,918 |
| (Peningkatan) Penghutang | (7,538,470) | (1,262,918) |
| Pengurangan/(Peningkatan) Pelbagai Penghutang | 2,663,206 | (9,919,863) |
| Peningkatan Pemiutang | 663,327 | 9,835,459 |
| (Pengurangan)/Peningkatan Pelbagai Pemiutang | (32,486) | 83,593 |
| Peningkatan Wang Cagaran | 18,487,480 | 12,340,866 |
| Peningkatan Terimaan Terdahulu | 368,443 | 496,380 |
| Peningkatan Peruntukan Projek Persekutuan/Negeri | 2,033,870 | 912,094 |
| Peningkatan Kumpulan Wang Amanah | 4,691,613 | 29,658,829 |
| Peningkatan Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan | 800,000 | — |
| Aliran Tunai Bersih Dijana dari Aktiviti Operasi | 66,721,488 | 86,714,450 |

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN | | |
| Belian Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota A) | (5,152,055) | (3,769,967) |
| Belian Aset tak Ketara | (105,400) | (236,750) |
| Tambahan Kerja dalam Kemajuan | (8,646,424) | (608,898) |
| Aliran Tunai Bersih Dijana dari Aktiviti Pelaburan | (13,903,879) | (4,615,615) |
| Peningkatan Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai | 52,817,609 | 82,098,835 |
| Tunai dan Keseteraan Tunai Bawa Hadapan | 373,203,129 | 291,104,294 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER (Nota B) | 426,020,738 | 373,203,129 |

A. PEMBELIAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Majlis telah menambah nilai hartanah, loji dan peralatan dengan kos agregat RM5,152,055 (2016: RM3,769,967). Kaedah bayaran tunai RM5,152,055 (2016: RM3,769,967) telah dibuat oleh Majlis untuk membeli hartanah, loji dan peralatan.

B. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki wang dalam bank dan pelaburan dalam instrumen pasaran wang. Tunai dan kesetaraan tunai dimasukkan dalam penyata aliran tunai yang mengandungi penyata jumlah kedudukan kewangan berikut:

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Wang dalam bank dan di tangan | 14,020,738 | 20,203,129 |
| Simpanan Tetap | 412,000,000 | 353,000,000 |
| | 426,020,738 | 373,203,129 |

Nota-nota dinyatakan merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Geran Bantuan Khas | Peruntukan Projek Persekutuan/ Negeri | Kumpulan Wang Wang Amanah | Kumpulan Wang Majlis | Kumpulan Pinjaman Kakitangan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari 2016 | | | | | | |
| - Seperti yang dinyatakan terdahulu | 13,378,185 | 6,763,235 | 73,484,202 | 221,920,610 | 1,200,000 | 316,746,232 |
| Kesan pemakaian MPSAS | (13,378,185) | (6,763,235) | (73,484,202) | 1,737,493 | — | (91,888,129) |
| Baki pada 1 Januari 2016 | | | | | | |
| Seperti yang dinyatakan semula | — | — | — | 223,658,103 | 1,200,000 | 224,858,103 |
| Lebihan/(Kekurangan) dalam tahun | — | — | — | 39,070,076 | — | 39,070,076 |
| Kesan pemakaian MPSAS | — | — | — | 30,426 | — | 30,426 |
| Pelarasan tahun lalu (Nota 21) | — | — | — | 1,417,852 | — | 1,417,852 |
| Pada 31 Disember 2016 | — | — | — | 264,176,457 | 1,200,000 | 265,376,457 |
| Baki pada 1 Januari 2017 | — | — | — | 264,176,457 | 1,200,000 | 265,376,457 |
| (+/-) Tambahan/(Kekurangan) Kumpulan Wang | — | — | — | — | 800,000 | 800,000 |
| Lebihan/(Kekurangan) dalam tahun | — | — | — | 32,715,374 | — | 32,715,374 |
| Pada 31 Disember 2017 | — | — | — | 296,891,831 | 2,000,000 | 298,891,831 |

Nota-nota dinyatakan merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | JUMLAH BAJET Asal | JUMLAH BAJET Akhir | Jumlah Sebenar | varian Bajet |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| PENDAPATAN | | | | |
| Urusniaga bukan Pertukaran | 116,111,600 | 116,111,600 | 118,788,876 | 2,677,276 |
| Urusniaga Pertukaran | 22,699,260 | 22,699,260 | 22,206,111 | (493,149) |
| Pelbagai Hasil | 40 | 40 | 717,002 | 716,962 |
| JUMLAH PENDAPATAN | 138,810,900 | 138,810,900 | 141,711,989 | 2,901,089 |
| PERBELANJAAN | | | | |
| Emolumen | 24,239,200 | 24,784,698 | 22,220,859 | (2,563,839) |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 90,928,840 | 89,827,687 | 81,709,406 | (8,118,281) |
| Pemilikan Harta Modal | 3,696,700 | 4,557,165 | 4,460,439 | (96,726) |
| Pemberian dan Kenaan Tetap | 2,220,230 | 2,765,230 | 2,717,000 | (48,230) |
| Perbelanjaan Lain | 16,175,930 | 13,621,420 | 10,968,758 | (2,652,662) |
| Perbelanjaan Pembangunan | 1,500,000 | 3,204,700 | 3,049,801 | (154,899) |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 138,760,900 | 138,760,900 | 125,126,263 | (13,634,637) |
| LEBIHAN PENDAPATAN BERSIH | 50,000 | 50,000 | 16,585,726 | 16,535,726 |

Nota-nota dinyatakan merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. MAKLUMAT AM

1.1 Majlis Perbandaran Sepang (Majlis) bertanggungjawab memberi, menyediakan, menyelia dan menyelaras kemudahan awam kepada semua penduduk, peniaga, industri dan institusi di kawasan Majlis Perbandaran Sepang. Kampung tradisi pula penekanan adalah terarah khususnya perihal pengurusan sisa pepejal secara progresif bagi meningkatkan kesejahteraan dan pembangunan selaras dengan peruntukan serta hasrat Akta 171.

Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta bagi harta-harta yang boleh dikenakan cukai taksiran yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis seperti penataan lampu jalan, pembersihan longkang, kutipan sampah, mengawal penyakit berjangkit dengan berkesan dan menyediakan landskap yang indah dan menarik.

Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.

Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi Majlis.

1.2 Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

1.3 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Penuh pada 27 Mac 2018.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas penyediaan

2.1.1 Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

2.1.2 Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS kerana Majlis telah memilih pengecualian berhubung dengan pengiktirafan aset dan liabiliti seperti yang dinyatakan pada nota 2.22 kepada penyata kewangan. Sebelum ini penyata kewangan Majlis telah disediakan mengikut Lembaga Piawaian Perakaunan yang diluluskan di Majlis.

2.1.3 Penyediaan penyata kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kerana tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam nota 2.22 kepada penyata kewangan.

2.2 Pengiktirafan Pendapatan

2.2.1 Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran

Cukai Taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai Taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Sumbangan membantu kadar

Sumbangan Membantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) Sewaan Harta Lain

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(iv) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

(v) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

(vi) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.2.2 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

(ii) Perolehan dari Jualan Barang-Barang

Perolehan dari Jualan barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain.

(iii) Sewaan Hartanah Pelaburan

Hasil sewa ke atas hartanah di bawah kategori Hartanah Pelaburan Majlis yang dikenakan mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(iv) Keuntungan ke atas Pelaburan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(v) Pelbagai hasil adalah terimaan selain daripada nota 2.2.2 (i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

2.3.1 Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000.00 setiap satu.

2.3.2 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

2.3.3 Jika berlaku sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

2.3.4 Nilai di bawah item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezannya diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

2.3.5 Aset bangunan adalah termasuk tempat letak kereta berbumbung, bangunan awam, pejabat MPSepang dan bangunan komersial.

(i) Bangunan awam yang berjumlah RM43,846,705 adalah nilai kos bangunan sahaja tidak termasuk nilai tanah. Pihak MPSepang masih dalam proses untuk mendapatkan warta dari Kerajaan Negeri.

(ii) Bangunan pejabat MPSepang berjumlah RM26,193,232 adalah nilai kos bangunan sahaja tidak termasuk nilai tanah. Pihak MPSepang masih dalam proses untuk mendapatkan warta daripada Kerajaan Negeri.

(iii) Bangunan komersial yang berjumlah RM4,011,803 adalah nilai kos bangunan dan nilai tanah. Pihak Majlis telah menerima 12 geran hak milik di Taman Ixora, 12 geran hak milik strata di Kota Warisan, 6 geran hak milik strata di Medan 120. Manakala, bangunan komersial di Putra Perdana masih dalam proses untuk mendapatkan geran hak milik strata daripada pihak pemaju.

2.3.6 Tanah seluas 20 ekar adalah tapak kuarters MP Sepang. Tanah ini diberi milik kepada Majlis melalui pajakan bagi tempoh 99 tahun. Penilaian ke atas tanah tersebut telah dibuat mengikut harga pasaran iaitu berjumlah RM69,700,000.

2.4 Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1 Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Susutnilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.

2.4.2 Kaedah dan tempoh susutnilai hartanah, loji dan peralatan adalah mengikut amalan Majlis yang telah digunapakai dalam persembahan penyata kewangan sebelum ini:

| Bil. | Tarikh Pembelian | Tempoh susutnilai |
|---|---|---|
| 1. | 1 haribulan sehingga 15 haribulan | Susutnilai direkod pada bulan yang sama |
| 2. | 16 haribulan sehingga 30/31 haribulan | Susutnilai direkod pada bulan yang berikutnya |

2.4.3 Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Tanah Pegangan Bebas | Tidak Disusutnilai |
| Tanah Pajakan | Pajakan 99 tahun |
| Bangunan | 10% |
| Jentera/Mesin Rumput | 20% |
| Kenderaan | 20% |
| Perabot | 10% |
| Alat Kelengkapan Pejabat | 20% |
| Alat Kelengkapan Komputer | 20%/33.33% |

Hanya alat kelengkapan komputer seperti komputer desktop/riba/netbook dan pencetak disusutnilaikan sebanyak 33.33% dan perkakasan ICT yang lain disusutnilai sebanyak 20%.

2.4.4 Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.5 Hartanah Pelaburan

2.5.1 Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

2.5.2 Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

2.5.3 Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul (jika ada).

2.5.4 Susut nilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.5.5 Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6 Aset Tak Ketara

2.6.1 Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

2.6.2 Aset tak ketara diambil alih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian susunilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

2.6.3 Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat susutnilai jika terdapat sebarang petunjuk.

2.6.4 Susutnilai perisian komputer adalah berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.

2.6.5 Pada tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah susutnilai akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

2.6.6 Keuntungan atau kerugian atas pelupusan aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

2.7 Kerja dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan adalah kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta perisian komputer yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan. Jumlah yang diambil kira adalah semua perbelanjaan yang terlibat dalam projek berkaitan. Kos pembinaan akan dipindahkan ke Hartanah, loji dan Peralatan yang berkenaan apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut mendapat perakuan *Final Acceptence Test* (FAT) daripada Pegawai Teknologi Maklumat.

2.8 Aset Kewangan

2.8.1 Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.8.2 Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

2.8.3 Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan penghutang, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

2.8.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.8.5 Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Penghutang

Pinjaman dan penghutang adalah aset kewangan bukan *derivative* dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan telah disusutnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

(ii) Pelaburan Dipegang hingga Matang

Aset kewangan bukan *derivative* dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak susutnilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambilkira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Semua pelaburan tunai Majlis adalah dibuat seperti yang telah diputuskan melalui Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri Selangor di mana semua Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor dibolehkan untuk melabur di dalam sesebuah institusi kewangan/bank perdagangan yang menawarkan kadar pulangan yang tertinggi dan jumlah pelaburan yang dibuat mestilah tidak melebihi 30% daripada jumlah keseluruhan pelaburan tunai.

(iii) Kemerosotan Nilai Aset Kewangan

Pada akhir tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

(a) Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam; atau

(b) Pembayaran tertunggak; atau

(c) Kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau

(d) Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai; atau

(e) Selepas 12 kali Notis E dikeluarkan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta merta.

(iv) Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dilupuskan apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada pelupusan aset kewangan keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh pelupusan.

2.9 Pertukaran Wang Asing

Transaksi matawang asing direkod dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran transaksi berlaku. Kadar pertukaran untuk aset dan liabiliti yang melibatkan matawang asing dinyatakan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Keuntungan atau kerugian akibat pertukaran wang asing diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Pada nilai 1 US Dollar | 4.0592 | 4.292 |

Bagi pertukaran matawang asing yang melibatkan pelaburan simpanan tetap Al-Mudharabah ia berdasarkan kepada tukaran matawang asing yang ditetapkan dipersetujui semasa perletakan simpanan tetap tersebut.

2.10 Peruntukan dan Liabiliti

2.10.1 Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam penyata prestasi kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

2.11 Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

2.11.1 Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf tetapi didedahkan dalam penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2.11.2 Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2.12 Liabiliti Kewangan

2.12.1 Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.12.2 Liabiliti kewangan diiktiraf umum pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam membangkitkan isu liabiliti kewangan.

2.12.3 Pengiktirafan liabiliti kewangan seperti berikut:

(i) Semua Pesanan Perolehan (L.O) yang dikeluarkan dalam tahun semasa tetapi belum dibayar sehingga 31 Disember.

(ii) Semua kerja, bekalan atau perkhidmatan tanpa Pesanan Perolehan (L.O) yang dibuat dalam tahun semasa, tetapi belum dibayar sehingga 31 Disember.

2.12.4 Selepas pengikitirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2.12.5 Majlis mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Pemiutang

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan pemiutang adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dilupuskan atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

(ii) Pelupusan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dilupuskan apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dilupuskan dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh pelupusan.

2.13 Cagaran

Jenis cagaran telah diklasifikasikan mengikut status pelaksanaan kerjalprojek seperti berikut:

2.13.1 Teknikal (Aktif): Semua kerja/bekalan/perkhidmatan pembangunan yang masih dalam pelaksanaan dan pemantauan bagi tempoh masa yang panjang.

2.13.2 Teknikal (Tidak Aktif): Semua kerja/bekalan/perkhidmatan pembangunan yang telah diterima dan telah diperakukan siap oleh jabatan.

2.13.3 Bukan Teknikal (Aktif): Semua kerja/bekalan/perkhidmatan pengurusan yang masih dalam pelaksanaan/belum diterima.

2.13.4 Bukan Teknikal (Tidak Aktif): Semua kerja/bekalan/perkhidmatan pengurusan yang telah dilaksanakan/diterima dan telah diperakukan siap oleh jabatan.

2.13.5 Pewartaan Wang Tidak Dituntut (WTD) diiktiraf sebagai wang cagaran/deposit/ cek yang belum ditunaikan yang telah dituntut tetapi masih belum ditunaikan oleh penerima selepas tamat tempoh satu tahun wang cagaran tersebut dibayar.

2.14 Bantuan Khas Kerajaan

Semua geran pembangunan daripada kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang digunakan untuk pembelian harta tetap serta penilaian tanah tapak kuarters seluas 20 ekar, direalisasikan berdasarkan kadar susutnilai harta tersebut dan susutnilai ini dianggap sebagai kredit tertunda iaitu diakaunkan sebagai pendapatan Majlis Perbandaran Sepang.

2.15 Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Lain-Lain

Kumpulan wang pinjaman kenderaan dan lain-lain merupakan jumlah wang yang dipindahkan daripada Kumpulan Mengurus bagi tujuan membiayai Pinjaman Kenderaan, Pinjaman Komputer dan Pinjaman Pendidikan Boleh Ubah.

2.16 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang disedia tukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.17 Manfaat Pekerja

2.17.1 Manfaat kakitangan jangka pendek

Majlis sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, kemudahan perubatan di Institut Jantung Negara (IJN), Dialisis, pembelian peralatan bahan tiruan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan, Insurans perubatan dan kelompok, rawatan pergigian klinik swasta dan kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer.

Faedah kakitangan jangka pendek termasuk gaji, upah, bonus dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

2.17.2 Manfaat selepas perkhidmatan

(i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Perkeso

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Perkeso pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut dicaj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(ii) Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut dicaj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(iii) Manfaat cuti Rehat dan Ganjaran Kakitangan Kontrak

Bagi kakitangan tetap Majlis sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunapakai oleh Majlis.

Majlis hanya mengambilkira peruntukan gantian cuti rehat bagi kakitangan tetap dan telah berkhidmat melebihi 10 tahun dan telah mencapai umur 40 tahun dalam tempoh kewangan berakhir di mana ia dikira berdasarkan formula berikut:

1/30 X Gaji akhir yang diterima (berdasarkan andaian peningkatan gaji sebanyak 3% setahun) X 150 hari (tertakluk kepada had maksimum yang boleh dituntut)

Pihak Majlis juga akan memberi ganjaran kepada kakitangan kontrak yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka berdasarkan formula berikut:

17.5% - 12% (caruman KWSP majikan) X gaji pokok terakhir X jumlah bulan perkhidmatan (-) faedah syer ke atas caruman KWSP majikan.

2.18 Kemerosotan Nilai Aset Bukan Kewangan

2.18.1 Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada, jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

2.18.2 Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai diwa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

2.19 Cukai

2.19.1 Majlis adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan mengikut Seksyen 127, Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.19.2 Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) berkuatkuasa pada 1 April 2015. lmplikasi Cukai Barangan dan Perkhidmatan kepada Majlis adalah seperti berikut:

(i) Cukai Output

Terimaan hasil cukai taksiran dan lesen adalah dikecualikan daripada Cukai Barangan dan Perkhidmatan. Terimaan hasil selain cukai taksiran contohnya seperti sewaan ruang niaga dan sewaan dewan adalah tertakluk kepada Cukai Barangan dan Perkhidmatan berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

(ii) Cukai Input

Majlis menanggung Cukai Barangan dan Perkhidmatan yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan. Majlis boleh menuntut Cukai Input berkadar standard (6%) jika perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard (6%) Cukai Output.

2.20 Maklumat Bajet

2.20.1 Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.20.2 Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Khas Belanjawan dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

2.21 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

2.21.1 Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

2.21.2 Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Elaun rosot nilai bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran

atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Majlis menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 10 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iii) Penentuan Hartanah Pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

(iv) Pengukuran Peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.22 Kesan pemakaian MPSAS

2.22.1 Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana penyata kewangan Majlis sebelum ini telah disediakan menggunakan rangka kerja perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan di Malaysia. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan seperti berikut:

(i) Aset Tak Ketara

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua perbelanjaan berhubung dengan perisian komputer telak diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki perbelanjaan berhubung perisian komputer ini dipermodalkan kerana terdapat kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti. Oleh itu, pelarasan berhubung aset tidak ketara ini telah di ambilkira di dalam Penyata Kewangan ini.

(ii) Hartanah Pelaburan

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, hartanah pelaburan yang dimiliki oleh Majlis ditunjukkan di bawah Hartanah, Loji dan Peralatan. Pemakaian MPSAS menghendaki hartanah pelaburan ini diklasifikasikan berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan di mana Majlis telah membuat pengklasifikasian tersebut di dalam tahun kewangan semasa.

(iii) Hutang Ragu

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, salah satu dasar perakaunan Majlis berhubung elaun hutang ragu adalah membuat peruntukan secara umum sebanyak 2% daripada jumlah tunggakan. Pemakaian MPSAS menghendaki elaun rosot nilai ini dibuat atas bukti objektif dan bukannya berdasarkan kepada pertimbangan. Dasar perakaunan berhubung dengan elaun rosot nilai ini dinyatakan pada nota 2.8 kepada penyata kewangan. Oleh itu semua kesan berhubung elaun rosot nilai ini telah dibuat secara prospektif di dalam tahun kewangan ini.

(iv) Pengiktirafan Geran atau Akaun Amanah

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis mengklasifikasikan akaun geran atau geran amanahnya sebagai salah satu item di dalam ekuiti. Pemakaian MPSAS menghendaki semua geran atau akaun amanah yang mempunyai syarat ke atasnya hendaklah diklasifikasikan sebagai liabiliti. Oleh itu, Majlis telah mengklasifikasikan semula geran atau akaun amanahnya kepada liabiliti. Majlis sedang di dalam proses untuk menentukan baki sebenar akaun geran atau akaun amanahnya kerana di dalam tahun kewangan sebelum ini Majlis melunaskan akaun geran atau akaun amanahnya ke Penyata Prestasi Kewangan tidak bersamaan dengan jumlah yang dibelanjakan.

2.22.2 Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Majlis juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan penyata kewangan ini pertama kali disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

Peruntukan dan Pengecualian yang memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan dinyatakan seperti berikut:

(i) Aset Infrastruktur

Majlis memiliki aset infrastruktur iaitu jalan raya, pondok bas dan lain-lain lagi yang tidak dipermodalkan di dalam penyata kewangan. Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi aset infrastruktur telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki aset infratruktur ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset infrastruktur ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset infrastrukturnya.

(ii) Penentuan Nilai Saksama Aset yang Direkodkan pada Nilai Nominal

Majlis memiliki beberapa aset nyata dan tidak nyata yang diterima secara percuma dan direkodkan pada nilai nominal di dalam penyata kewangan Majlis. MPSAS mengkehendaki semua aset nyata dan tidak nyata yang diterima melalui urusniaga bukan pertukaran hendaklah direkodkan pada nilai saksama. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset-aset tersebut bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset-aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menentukan nilai saksama aset-aset tersebut.

(iii) Peruntukan ke atas Gantian Cuti Rehat dan Ganjaran Kontrak

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis tidak membuat peruntukan ke atas gantian cuti rehat dan ganjaran kontrak. MPSAS mengkehendaki peruntukan-peruntukan ini dibuat kerana ia telah memenuhi syarat kepada sesuatu peruntukan itu perlu dibuat. Majlis akan menggunapakai

kaedah Projected Unit Credit bagi membuat pengiraan peruntukan gantian cuti rehat di mana Majlis akan membuat beberapa andaian di dalam pengiraan tersebut. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi mengiktiraf peruntukan ke atas gantian cuti rehat dan ganjaran kontrak ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga peruntukan-peruntukan tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk mengumpul data berhubung dengan kakitangannya.

(iv) Pengiktirafan lnventori

Majlis memiliki beberapa inventori yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan di mana Majlis telah mengiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki inventori ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan inventori ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung inventori.

Peruntukan dan Pengecualian yang tidak memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan dinyatakan seperti berikut:

(i) Aset dan Liabiliti Kewangan yang Dinyahiktiraf

Majlis tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangannya yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunapakai rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunapakai rangka kerja MPSAS. Jika sesuatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah rangka kerja perakaunan terdahulu maka Majlis memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

(ii) Anggaran Perakaunan

Sebelum ini, Majlis menggunakan pertimbangan untuk menentukan elaun bagi elaun rosot nilainya. Elaun akan dibuat apabila Majlis menilai sesuatu hutang itu tidak boleh dikutip. Selepas menggunapakai MPSAS, penilaian ke atas kemerosotan aset kewangan dibuat berdasarkan kepada peristiwa kerugian yang telah berlaku (*incurred loss model*), di mana kemerosotan diiktiraf berdasarkan bukti objektif yang wujud. Walau bagaimanapun, elaun rosot nilai pada tarikh peralihan ini tidak diselaraskan secara retrospektif.

2.22.3 Kesan pemakaian MPSAS ke atas penyata kewangan majlis pada 1 Januari 2016 selepas mengambilkira penggunaan pengecualian dan pertukaran dasar-dasar perakaunan adalah seperti berikut:

Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 1 Januari 2016

| | Piawaian Perakaunan Terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan Terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| ASET | | | |
| Aset Semasa | | | |
| Wang dalam Bank dan di Tangan | 29,104,294 | — | 29,104, 294 |
| Simpanan Tetap | 262,000,000 | — | 262,000,000 |
| Penghutang Urusniaga Bukan Pertukaran | — | 32,706,443 | 32,706,443 |

| | Piawaian Perakaunan Terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan Terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Penghutang Urusniaga Pertukaran | — | 26,000 | 26,000 |
| Penghutang | 32,466,041 | (32,466,041) | — |
| Pelbagai Penghutang | 3,818,725 | 103,748 | 3,922,473 |
| Jumlah Aset Semasa | 327,389,060 | 370,150 | 327,759,210 |
| Aset bukan Semasa | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 88,169,900 | (333,315) | 87,836,585 |
| Hartanah Pelaburan | — | 333,333 | 333, 333 |
| Pembinaan dalam Kemajuan | — | — | — |
| Aset tidak Ketara | — | 1,367,325 | 1,367,325 |
| Jumlah Aset bukan Semasa | 88,169,900 | 1,367,343 | 89,537,243 |
| Jumlah Aset | 415,558,960 | 1,737,493 | 417,296,453 |
| LIABILITI | | | |
| Liabiliti Semasa | | | |
| Pemiutang | 16,276,959 | — | 16,276,959 |
| Pelbagai Pemiutang | 178,125 | — | 178,125 |
| Wang Cagaran | 79,930,047 | — | 79,930,047 |
| Terimaan Terdahulu | 2,427,597 | — | 2,427,597 |
| Jumlah liabiliti Semasa | 98,812,728 | — | 98,812,728 |
| Liabiliti Bukan Semasa | | | |
| Geran Bantuan Khas | — | 13,378,185 | 13,378,185 |
| Peruntukan Projek Persekutuan/Negeri | — | 6,763,235 | 6,763,235 |
| Kumpulan Wang Amanah | — | 73,484,202 | 73,484,202 |
| Jumlah Liabiliti Bukan Semasa | — | 93,625,622 | 93,625,622 |
| Jumlah Liabiliti | 98,812,728 | 93,625,622 | 192,438,350 |
| | 316,746,232 | (91,888,129) | 224,858,103 |
| ASET BERSIH | | | |
| Geran Bantuan Khas | 13,378,185 | (13,378,185) | — |
| Kumpulan Wang Majlis | 221,920,610 | 1,737,493 | 223,658,103 |
| Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan | 1,200,000 | — | 1,200,000 |
| Peruntukan Projek Persekutuan/Negeri | 6,763,235 | (6,763,235) | — |
| Kumpulan Wang Amanah | 73,484,202 | (73,484,202) | — |
| Jumlah Aset Bersih | 316,746,232 | (91,888,129) | 224,858,103 |

| | Piawaian Perakaunan Terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan Terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| ASET | | | |
| Aset Semasa | | | |
| Wang dalam Bank dan di Tangan | 20,203,129 | — | 20,203,129 |
| Simpanan Tetap | 353,000,000 | — | 353,000,000 |
| Penghutang Urusniaga Bukan Pertukaran | — | 33,929,443 | 33,929,443 |
| Penghutang Urusniaga Pertukaran | — | 52,000 | 52,000 |
| Penghutang | 33,779,470 | (33,779,470) | — |
| Pelbagai Penghutang | 5,382,449 | 9,117,035 | 14,499,484 |
| Jumlah Aset Semasa | 412,365,048 | 9,319,008 | 421,684,056 |
| Aset Bukan Semasa | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 85,794,285 | (944,295) | 84,849, 990 |
| Hartanah Pelaburan | — | 1 | 1 |
| Pembinaan dalam Kemajuan | 8,713,884 | (8,104,986) | 608,898 |
| Aset Tidak Ketara | — | 1,349,501 | 1,349,501 |
| Jumlah Aset bukan Semasa | 94,508,169 | (7,699,779) | 86,808,390 |
| Jumlah Aset | 506,873,217 | 1,619,229 | 508,492,446 |
| LIABILITI | | | |
| Liabiliti Semasa | | | |
| Pemiutang | 26,112,418 | — | 26,112,418 |
| Pelbagai Pemiutang | 261,718 | — | 261,718 |
| Wang Cagaran | 92,270,913 | — | 92,270,913 |
| Terimaan Terdahulu | 4,157,232 | (1,233,255) | 2,923,977 |
| Jumlah liabiliti Semasa | 122,802,281 | (1,233,255) | 121,569,026 |
| Liabiliti Bukan Semasa | | | |
| Geran Bantuan Khas | — | 10,728,603 | 10,728,603 |
| Peruntukan Projek Persekutuan/Negeri | — | 7,675,329 | 7,675,329 |
| Kumpulan Wang Amanah | — | 103,143,031 | 103,143,031 |
| Jumlah Liabiliti Bukan Semasa | — | 121,546,963 | 121,546,963 |
| Jumlah Liabiliti | 122,802,281 | 120,313,708 | 243,115,989 |
| ASET BERSIH | 384,070,936 | (118,694,479) | 265,376,457 |

| | Piawaian Perakaunan Terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan Terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| ASET BERSIH | | | |
| Geran Bantuan Khas | 10,728,603 | (10,728,603) | — |
| Kumpulan Wang Majlis | 261,323,973 | 2,852,484 | 264,176,457 |
| Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan | 1,200,000 | — | 1,200,000 |
| Peruntukan Projek Persekutuan/Negeri | 7,675,329 | (7,675,329) | — |
| Kumpulan Wang Amanah | 103,143,031 | (103,143,031) | — |
| Jumlah Aset Bersih | 384,070,936 | (118,694,479) | 265,376,457 |
| PENDAPATAN | | | |
| Hasil Cukai | 106,284,739 | (106,284,739) | — |
| Hasil Bukan Cukai | 35,359,685 | (35,359,685) | — |
| Pelbagai Hasil | 4,813,009 | (1,363,853) | 3,449,156 |
| Urusniaga Bukan Pertukaran | — | 121,024,526 | 121,024,526 |
| Urusniaga Pertukaran | — | 21,983,796 | 21,983,796 |
| JUMLAH PENDAPATAN | 146,457,433 | 45 | 146,457,478 |
| PERBELANJAAN | | | |
| Emolumen | 20,442,121 | — | 20,442,121 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 72,067,007 | — | 72,067,007 |
| Pemberian dan Kenaan Tetap | 1,747,752 | — | 1,747,752 |
| Perbelanjaan Lain | 11,341,000 | 333,332 | 11,674,332 |
| Perbelanjaan Pembangunan | 1,456,190 | — | 1,456,190 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 107,054,070 | 333,332 | 107,387,402 |
| LEBIHAN PENDAPATAN BERSIH | 39,403,363 | (333,287) | 39,070,076 |

2.23 Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli-ahli Majlis.

2.24 Pajakan

2.24.1 Pajakan Kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah kosisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Majlis menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosotnilai.

2.24.2 Pajakan Operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

3. MAKLUMAT KAKITANGAN

Bilangan kakitangan adalah mengikut taraf jawatan seperti berikut:

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| Taraf Jawatan | | |
| Tetap | 404 | 406 |
| Kontrak | 219 | 207 |
| | 623 | 613 |

4. WANG DI TANGAN DAN DI BANK

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Tunai di Tangan | 14,011,738 | 20,194,129 |
| Tunai di Bank | 9,000 | 9,000 |
| | 14,020,738 | 20,203,129 |

5. SIMPANAN TETAP

| | | |
|---|---|---|
| Deposit Pelaburan Di Bawah Skim Pematuhan Syariah | 412,000,000 | 353,000,000 |

6. PENGHUTANG URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

| | 2017 | 2016 Seperti dinyatakan semula | 1-1-2016 Seperti dinyatakan semula |
|---|---|---|---|
| | | RM | RM |
| Cukai Taksiran | 39,772,565 | 32,495,152 | 31,622,215 |

| | 2017 | 2016 Seperti dinyatakan semula RM | 1-1-2016 Seperti dinyatakan semula RM |
|---|---|---|---|
| Tolak: | | | |
| Elaun Rosot Nilai | (7,840,532) | (106,236) | (92,138) |
| Jumlah | 31,932,033 | 32,388,916 | 31,530,077 |
| Caruman Membantu Kadar Agensi | 1,663,620 | 1,390,554 | 935,964 |
| Jumlah | 1,663,620 | 1,390,554 | 935,964 |
| Sewaan Harta-Harta Majlis | 117, 600 | 102,648 | 119,957 |
| Sewaan Meja Pasar | 27,865 | 28,825 | 101,945 |
| Sewaan Rumah/Kuarters | 18,500 | 18,500 | 18,500 |
| | 163,965 | 149,973 | 240,402 |
| | 33,759,618 | 33,929,443 | 32,706,443 |

Butiran pergerakan elaun-elaun adalah seperti berikut:

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 106,236 | 92,318 |
| Tambahan Tahun Semasa | 7,734,296 | 13,918 |
| Baki Berakhir 31 Disember | 7,840,532 | 106,236 |

7. PENGHUTANG URUSNIAGA PERTUKARAN

| | 2017 | 2016 Seperti yang dinyatakan semula RM | 1-1-2016 Seperti yang dinyatakan semula RM |
|---|---|---|---|
| Sewaan Bangunan Pejabat | 26,000 | 52,000 | 26,000 |

Analisa pengumuran penghutang urusniaga pertukaran adalah sepeti berikut:

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Tidak rosot atau melepasi tempoh kena dibayar | 26,000 | 26,000 |
| Melepasi tempoh kena dibayar 1 hingga 30 hari tetapi tidak dirosot | — | 26,000 |
| | 26,000 | 52,000 |

8. PELBAGAI PENGHUTANG

| | 2017 | 2016 Seperti yang dinyatakan semula | 1-1-2016 Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Pinjaman Kenderaan | 750,268 | 443,778 | 286,728 |
| Pinjaman Komputer | 91,703 | 53,377 | 47,610 |
| GST | 2,395,125 | 226,774 | 1,183,643 |
| Keuntungan atas Simpanan Tetap Terakru | 3,623,695 | 2,533,134 | 2,000,483 |
| Pelbagai Penghutang | 4,975,487 | 11,242,421 | 404,009 |
| | 11,836,278 | 14,499,484 | 3,922,473 |

Dianalisis seperti berikut:

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Kurang daripada 12 Bulan | 9,846,095 | 12,364,144 |
| Lebih daripada 12 Bulan | 1,990,183 | 2,135,340 |
| | 11,836,278 | 14,499,484 |

9. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | Tanah | Bangunan | Aset Hidup | Kenderaan dan Mesin Rumput | Perabot | Alat Kelengkapan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| 2017 | | | | | | | |
| Kos | | | | | | | |
| Pada 1 Januari | | | | | | | |
| - Seperti yang dinyatakan semula | 69,720,670 | 68,680,778 | — | 10,595,069 | 482,401 | 3,636,483 | 153,115,401 |
| Tambahan | — | 930,414 | 97,425 | 3,335,518 | 158,119 | 630,579 | 5,152,055 |
| Pelupusan | — | — | — | (209,112) | (3,250) | (109,205) | (321,567) |
| Pindahan dari Pembinaan dalam Kemajuan | — | 3,990,273 | — | — | — | — | 3,990,273 |
| Pada 31 Disember | 69,720,670 | 73,601,465 | 97,425 | 13,721,475 | 637,270 | 4,157,857 | 161,936,162 |
| Susutnilai Terkumpul | | | | | | | |
| Pada 1 Januari | | | | | | | |
| - Seperti yang dinyatakan semula | 1,413,101 | 56,632,285 | — | 7,518,772 | 221,670 | 2,479,583 | 68,265,411 |
| Susutnilai Semasa | 704,250 | 5,048,742 | 3,208 | 1,385,256 | 52,924 | 468,959 | 7,663,339 |
| Pelupusan | — | — | — | (209,109) | (271) | (109,169) | (318,549) |
| Pada 31 Disember | 2,117,351 | 61,681,027 | 3,208 | 8,694,919 | 274,323 | 2,839,373 | 75,610,201 |
| Nilai Buku Bersih | | | | | | | |
| Pada 31 Disember | 67,603,319 | 11,920,438 | 94,217 | 5,026,556 | 362,947 | 1,318,484 | 86,325,961 |

| | Tanah | Bangunan | Kenderaan dan Mesin Rumput | Perabot | Alat Kelengkapan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| 2016 | | | | | | |
| Kos | | | | | | |
| Pada 1 Januari | 69,720,670 | 66,921,055 | 9,702,044 | 458,751 | 3,293,912 | 150,096,432 |
| - Seperti yang dinyatakan semula | | | | | | |
| Tambahan | — | 2,368,621 | 920,547 | 24,650 | 456,149 | 3,769,967 |
| Pelupusan | — | — | (27,522) | (1,000) | (113,578) | (142,100) |
| Pelarasan Tahun Lalu (Nota 21) | — | (608,898) | — | — | — | (608,898) |
| Pindahan dari Pembinaan dalam Kemajuan | — | — | — | — | — | — |
| Pada 31 Disember | 69,720,670 | 68,680,778 | 10,595,069 | 482,401 | 3,636,483 | 153,115,401 |
| Susutnilai Terkumpul | | | | | | |
| Pada 1 Januari | | | | | | |
| - Seperti yang dinyatakan semula | 708,851 | 53,011,195 | 6,236,045 | 175,464 | 2,128,292 | 62,259,847 |
| Susutnilai Semasa | 704,249 | 3,621,089 | 1,310,234 | 47,039 | 459,796 | 6,142,407 |
| Pelupusan | — | — | (27,515) | (933) | (110,477) | (138,925) |
| Pelarasan Tahun Lalu (Nota 21) | 1 | 1 | 8 | 100 | 1,972 | 2,082 |
| Pada 31 Disember | 1,413,101 | 56,632,285 | 7,518,772 | 221,670 | 2,479,583 | 68,265,411 |
| Nilai Buku Bersih | | | | | | |
| Pada 31 Disember | 68,307,569 | 12,048,493 | 3,076,297 | 260,731 | 1,156,900 | 84,849,990 |

10. HARTANAH PELABURAN

| | 2017 | 2016 Seperti yang dinyatakan semula | 1-1-2016 Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Tanah dan Bangunan | | | |
| Kos | | | |
| Baki Awal pada 1 Januari | 10,000,000 | 10,000,000 | 10,000,000 |
| Tambahan Tahun Semasa | — | — | — |
| Baki Berakhir 31 Disember | 10,000,000 | 10,000,000 | 10,000,000 |
| Susutnilai Terkumpul | | | |
| Baki Awal pada 1 Januari | 9,999,999 | 9,666,667 | 8,666,667 |
| Tambahan Tahun Semasa | — | 333,332 | 1,000,000 |
| Baki Berakhir 31 Disember | 9,999,999 | 9,999,999 | 9,666,667 |
| | 1 | 1 | 333,333 |

11. KERJA DALAM KEMAJUAN

| | 2017 | 2016 Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Baki Awal pada 1 Januari | | |
| - Seperti yang dinyatakan semula | 608,898 | — |
| Tambahan/(Kekurangan) dalam Tahun | 8,646,424 | 608,898 |
| Pindahan ke Akaun Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 9) | (3,990,273) | — |
| Baki Berakhir 31 Disember | 5,265,049 | 608,898 |

12. ASET TIDAK KETARA

| | Perisian komputer | Pembangunan perisian | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| 2017 | | | |
| KOS | | | |
| Pada 1 Januari | | | |
| - Seperti yang dinyatakan semula | 1,873,843 | 629,800 | 2,503,643 |
| Tambahan | 50,200 | 55,200 | 105,400 |
| Pindahan | 85,000 | (85,000) | — |
| Kos pada 31 Disember | 2,009,043 | 600,000 | 2,609,043 |

| | Perisian komputer RM | Pembangunan perisian RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|
| PELUNASAN TERKUMPUL | | | |
| Pada 1 Januari | | | |
| - Seperti yang dinyatakan semula | 1,154,142 | — | 1,154,142 |
| Pelunasan Semasa | 219,441 | — | 219,441 |
| Pelunasan Terkumpul pada 31 Disember | 1,373,583 | — | 1,373,583 |
| Nilai Buku Bersih pada 31 Disember | 635,460 | 600,000 | 1,235,460 |
| 2016 | | | |
| KOS | | | |
| Pada 1 Januari | | | |
| - Seperti yang dinyatakan semula | 1,496,293 | 770,600 | 2,266,893 |
| Tambahan | 2,800 | 233,950 | 236,750 |
| Pindahan | 374,750 | (374,750) | — |
| Kos pada 31 Disember | 1,873,843 | 629,800 | 2,503,643 |
| PELUNASAN TERKUMPUL | | | |
| Pada 1 Januari | | | |
| - Seperti yang dinyatakan semula | 899,568 | — | 899,568 |
| Pelunasan Semasa | 254,574 | — | 254,574 |
| Pelunasan Terkumpul pada 31 Disember | 1,154,142 | — | 1,154,142 |
| Nilai Buku Bersih pada 31 Disember | 719,701 | 629,800 | 1,349,501 |

13. PEMIUTANG DAN PELBAGAI PEMIUTANG

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Pemiutang | 26,775,745 | 26,112,418 |
| Pelbagai Pemiutang (a) | 229,232 | 261,718 |
| Jumlah Pemiutang dan Pelbagai Pemiutang | 27,004,977 | 26,374,136 |

(a) Pelbagai pemiutang terdiri daripada:

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Pelbagai Pemiutang – Cek Belum Tunai | 102,947 | 209,607 |
| Pembatalan Cek Majlis | 119,812 | 52,111 |
| Caj Pelaburan Terakru | 6,473 | — |
| | 229,232 | 261,718 |

14. WANG CAGARAN

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Cagaran Terkumpul Sehingga 31 Disember | 110,758,393 | 92,270,913 |

Jumlah wang cagaran adalah jumlah keseluruhan wang awam yang diterima bagi kerja dan perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak Majlis Perbandaran Sepang. Berikut adalah senarai cagaran yang telah diklasifikasi:

| | Teknikal (Aktif) | Teknikal (Tidak Aktif) | Bukan Teknikal (Aktif) | Bukan Teknikal (Tidak Aktif) | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| Pelbagai Cagaran Terkumpul bagi 31 Disember 2017 | 108,816,120 | 143,082 | 808,751 | 990,440 | 110,758,393 |

Berdasarkan semakan yang dibuat dari tahun 2001 sehingga tahun 2003, Majlis telah bersetuju supaya semua cagaran teknikal dan bukan teknikal yang tidak aktif bejumlah RM270,088.70 diserahkan kepada Wang Tidak Dituntut sebelum 31 Mac 2018.

15. TERIMAAN TERDAHULU

| | 2017 | 2016 Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Cukai Taksiran Am | 3,215,940 | 2,878,002 |
| Sewaan Meja Pasar | 51,065 | 44,045 |
| Sewaan Harta Majlis | 25,415 | 1,930 |
| | 3,292,420 | 2,923,977 |

Terimaan terdahulu GST melibatkan tuntutan bayaran akaun amanah yang perlu dilaraskan pada tahun semasa.

16. GERAN BANTUAN KHAS

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Geran Sehingga Tahun | 10,728,603 | 13,378,185 |
| Tolak: | | |
| Dipelaraskan ke Hasil | (3,750,962) | (2,649,582) |
| | 6,977,641 | 10,728,603 |

17. PERUNTUKAN PROJEK PERSEKUTUAN/NEGERI

Senarai dan baki peruntukan projek di bawah pembiayaan Kerajaan Persekutuan (disalurkan kepada Majlis) adalah seperti berikut:

| | Baki pada 1 Januari | Tambahan Dalam Tahun | Perbelanjaan Dalam Tahun | Baki pada 31 Disember |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| Pelbagai Peruntukan | 7,675,329 | 3,221,625 | (1,187,755) | 9,709,199 |

18. KUMPULAN WANG AMANAH

Senarai dan baki kumpulan Wang Amanah adalah seperti berikut:

| | Baki pada 1 Januari | Tambahan Dalam Tahun | Perbelanjaan Dalam Tahun | Baki pada 31 Disember |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| Geran MARRIS | 18,681,903 | 33,019,218 | (42,945,536) | 8,755,585 |
| Caj Pemajuan | 84,286,464 | 15,776,721 | (2,579,024) | 97,484,161 |
| Bantuan Bil Elektrik | 124,102 | 1,676,758 | (1,631,284) | 169,576 |
| ABBF | 50,562 | — | — | 50,562 |
| ISF | — | 1,404,950 | (30,190) | 1,374,760 |
| | 103,143,031 | 51,877,647 | (47,186,034) | 107,834,644 |

19. PENYATA PRESTASI KEWANGAN TERPERINCI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017- HASIL

| | 2017 | 2016 Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| HASIL | | |
| URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN | | |
| Cukai Taksiran | 104,030,525 | 99,174,042 |
| Caruman Bantuan Kadar | 7,044,853 | 7,110,697 |
| Sewaan Harta Lain | 1,670,961 | 1,623,994 |
| Lesen dan Permit | 8,202,989 | 5,524,091 |
| Denda dan Hukuman | 2,342,386 | 2,778,693 |
| Pendapatan Geran Bantuan Khas | 3,750,962 | 2,649,582 |
| Geran Keseimbangan Kerajaan Persekutuan | 2,163,427 | 2,163,427 |
| Jumlah Urusniaga Bukan Pertukaran | 129,206,103 | 121,024,526 |
| URUSNIAGA PERTUKARAN | | |
| Bayaran Perkhidmatan | 6,765,074 | 7,375,546 |
| Perolehan dari Jualan Barang | 1,161,672 | 1,084,451 |
| Sewaan Hartanah Pelaburan | 312,000 | 312,000 |
| Keuntungan daripada Pelaburan | 15,316,726 | 12,335,867 |
| Keuntungan daripada Pinjaman | 26,683 | 15,511 |
| Penswastaan | 449,018 | 860,421 |
| Jumlah Urusniaga Pertukaran | 24,031,173 | 21,983,796 |

| | 2017 | 2016 Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| PELBAGAI HASIL | | |
| Pelbagai Hasil | 2,267,518 | 3,449,156 |
| Jumlah Pelbagai Hasil | 2,267,518 | 3,449,156 |
| JUMLAH HASIL | 155,504,794 | 146,457,478 |

20. PENYATA PRESTASI KEWANGAN TERPERINCI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 - PERBELANJAAN

| | 2017 | 2016 Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| PERBELANJAAN | | |
| EMOLUMEN | | |
| Gaji Dan Upahan | 16,634,052 | 16,279,602 |
| Elaun Tetap | 1,013,171 | 637,312 |
| Sumbangan Berkanun (KWSP/KWAP) | 2,043,985 | 1,929,976 |
| Elaun Lebih Masa | 2,040,586 | 1,577,496 |
| Faedah Kewangan Yang Lain | 22,285 | 17,735 |
| Jumlah Emolumen | 21,754,079 | 20,442,121 |
| PERKHIDMATAN DAN BEKALAN | | |
| Tuntutan Perjalanan | 656,462 | 567,159 |
| Perhubungan dan Utiliti | 3,708,234 | 3,780,969 |
| Sewaan | 1,102,929 | 654,374 |
| Bekalan Bahan Lain | 5,025,127 | 3,809,478 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan | 14,967,913 | 11,721,961 |
| Perkhidmatan Ikhtisas | 55,803,221 | 51,533,066 |
| Jumlah Perkhidmatan dan Bekalan | 81,263,886 | 72,067,007 |
| PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP | | |
| Pemberian Dalam Negeri | 622,186 | 250,000 |
| Insurans dan Pampasan | 1,821,544 | 1,311,249 |
| Ganjaran Pekerja Kontrak | 230,078 | 186,503 |
| Jumlah Pemberian dan Kenaan Tetap | 2,673,808 | 1,747,752 |
| PERBELANJAAN LAIN | | |
| Pulangbalik dan Hapuskira | 12,641 | 33,686 |
| Susutnilai | 7,663,339 | 6,475,739 |
| Perbelanjaan Lain | 8,919,179 | 5,164,907 |
| Jumlah Perbelanjaan Lain | 16,595,159 | 11,674,332 |
| PERBELANJAAN PEMBANGUNAN | 502,488 | 1,456,190 |
| Jumlah Perbelanjaan Pembangunan | 502,488 | 1,456,190 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 122,789,420 | 107,387,402 |

21. PELARASAN TAHUN LALU

Pelarasan tahun lalu yang dinyatakan semula seperti berikut:

| | 2016 Seperti yang dinyatakan terdahulu | Pelarasan tahun lalu | 2016 Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | | | |
| (a) Bangunan Kekal (M) | 13,408,769 | (608,898) | 12,799,871 |
| (b) Peruntukan Susutnilai Tanah (PKP) | (1,408,080) | (1) | (1,408,081) |
| (c) Peruntukan susutnilai Bangunan (M) | (7,038,549) | 333,331 | (6,705,218) |
| (d) Peruntukan susutnilai Kenderaan (M) | (521,910) | (8) | (521,918) |
| (e) Peruntukan susutnilai Perabot dan Alat Kelengkapan (M) | (2,573,117) | (2,072) | (2,575,189) |
| Penghutang Pelbagai | | | |
| (a) Siberhutang Aset Hartanah, Loji dan Peralatan | — | 8,713,884 | 8,713,884 |
| (b) Siberhutang Pelbagai | 4,683,391 | (40,050) | 4,643,271 |
| (c) GST | — | 226,774 | 226,774 |
| Kerja Dalam Kemajuan | 8,713,884 | (8,104,986) | 608,898 |
| Terimaan Terdahulu | | | |
| (a) GST | (1,233,255) | 1,233,210 | 45 |
| Perbelanjaan Lain | | | |
| (a) Susutnilai | 6,142,407 | (333,332) | 5,809,075 |
| | | 1,417,852 | |

Nota:

Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

(a) Bangunan Kekal (M)

Pelarasan tahun lalu adalah disebabkan kos Bangunan Unit Pusat Penjaja Desa Pinggiran Putra yang berjumlah RM608,898.02 adalah sebenarnya merupakan bayaran kemajuan pada tahun 2016 dan bangunan tersebut masih dalam proses kerja. Kos bangunan ini telah diambilkira sebagai aset pada tahun 2016 dan sepatutnya ianya direkod sebagai Kerja Dalam Kemajuan.

(b) Peruntukan Susutnilai Tanah (PKP)

Pelarasan tahun lalu adalah disebabkan oleh peruntukan susutnilai yang terkurang catat sebanyak RM1.

(c) Peruntukan Susutnilai (Bangunan (M))

Pelarasan tahun lalu adalah disebabkan oleh peruntukan susutnilai terkurang catat sebanyak RM333,332.33 bagi Bangunan Pejabat Majlis BBST pada tahun 2016. Namun begitu, apabila peralihan kepada piawaian MPSAS, Bangunan Pejabat BBST ini dikategorikan sebagai Hartanah Pelaburan. Selain itu, terdapat juga peruntukan susutnilai yang terkurang catat sebanyak RM1.

(d) Peruntukan susutnilai Kenderaan (M)

Pelarasan tahun lalu adalah disebabkan oleh peruntukan susutnilai yang terkurang catat sebanyak RM8.

(e) Peruntukan susutnilai Perabot dan Alat Kelengkapan (M)

Pelarasan tahun lalu adalah disebabkan oleh peruntukan susutnilai yang terkurang catat sebanyak RM2,072.

Penghutang Pelbagai dan Kerja Dalam Kemajuan

(a) Siberhutang Aset Hartanah, Loji dan Peralatan dan Kerja Dalam Kemajuan Pelarasan tahun lalu adalah disebabkan oleh kesilapan merekod Kerja Dalam Kemajuan yang berjumlah RM8,713,884 di mana sepatutnya ianya direkodkan sebagai Siberhutang Aset Hartanah, Loji dan Peralatan. Ini kerana pada tahun 2016, kerja-kerja yang ditawarkan masih dalam proses kerja dan masih belum dituntut pembayaran oleh kontraktor.

(b) Pelarasan tahun lalu ke atas Siberhutang Pelbagai adalah disebabkan oleh pada mulanya ianya direkod sebagai siberhutang kepada aset Hartanah, Loji dan Peralatan sebanyak RM40,050. Namun begitu, Majlis mendapati ianya bukan dikategorikan sebagai aset Hartanah, Loji dan Peralatan kerana aset tersebut adalah bernilai di bawah RM2,000.

Penghutang Pelbagai (GST) dan Terimaan Terdahulu (GST)

(a) Pelarasan tahun lalu adalah disebabkan oleh kesilapan merekod Terimaan Terdahulu GST di mana ianya sepatutnya adalah Siberhutang Bayaran GST Kastam. Majlis perlu memastikan perekodan berkaitan GST adalah sama dengan laporan yang dihantar ke Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) dan laporan pembayaran daripada JKDM termasuk bayaran yang dikontra. Oleh itu, amaun sebenar bagi penghutang pelbagai GST adalah RM226,774 di mana amaun ini adalah sama dengan amaun tunggakan daripada laporan pembayaran daripada JKDM dan laporan yang dihantar kepada JKDM.

22. TANGGUNGAN LUAR JANGKA

Sehingga tempoh berakhir 31 Disember 2017, hanya terdapat 2 sahaja kes yang dijangka mempunyai kebarangkalian melebihi 50% menyebelahi Majlis iaitu:

(i) Per: Mahkamah Tinggi Shah Alam, Malaysia
Semakan Kehakiman No.: BA-25-155-12/2016
Asia Space Sdn. Bhd. lwn Majlis Perbandaran Sepang

Semakan kehakiman oleh Asia Space Sdn. Bhd. (Pemohon) terhadap Majlis Perbandaran Sepang (Responden 1) dan Pejabat Tanah Daerah Sepang (Responden 2) berkenaan penolakan permohonan Lesen Pendudukan sementara di KM3.8 lebuhraya Elite, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.

Mahkamah telah menetapkan tarikh bicara pada 23 Mac 2018.

(ii) Per: Mahkamah Tinggi Shah Alam, Malaysia
Guaman No.: 22NCVC-591-10/2017
Norhanizawati binti Mohd Ibrahim lwn Majlis Perbandaran Sepang

Tuntutan ganti rugi oleh Norhanizawati binti Mohd Ibrahim (Piaintif) terhadap Majlis Perbandaran Sepang (Defendan) untuk menuntut ganti rugi am dan teladan akibat kegagalan Defendan untuk mengambil tindakan terhadap aduan-aduan Plaintif berkenaan tindakan peniaga warung makanan dan minuman disebelah rumah Plaintif mengalami gangguan bising seterusnya mengalami kerugian dan kesengsaraan.

Mahkamah telah mengarahkan pihak Plantif untuk meminda Penyataan Tuntutan Plantif terhadap Defendan dan mengarahkan agar kes dipindahkan ke Mahkamah Seksyen Sepang dan kes masih menunggu perintah temeterai mahkamah Tinggi tersebut menunggu penetapan tarikh berikutnya oleh Mahkamah Seksyen Sepang.

23. INSTRUMEN KEWANGAN

Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, majlis mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Majlis adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Majlis hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi polisi Majlis bahawa semua siberhutang yang ingin berdagang hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Majlis akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan Majlis kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti Majlis pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

| | Dalam Tempoh Setahun | Lebih Tempoh Setahun | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Pada 31 Disember 2017 | | | |
| Pemiutang | 24,887,284 | 1,888,461 | 26,775,745 |
| Pelbagai Pemiutang | 180,615 | 48,617 | 229,232 |
| | 25,067,899 | 1,937,078 | 27,004,977 |
| Pada 31 Disember 2016 | | | |
| Pemiutang | 25,512,774 | 599,644 | 26,112,418 |
| Pelbagai Pemiutang | 168,020 | 93,698 | 261,718 |
| | 25,680,794 | 693,342 | 26,374,136 |

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan keseteraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

24. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab utuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting hanya terdiri oleh Ahli-Ahli Majlis sahaja di mana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| Jumlah Kakitangan Penting Pihak Pengurusan | 24 | 27 |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Jumlah Ganjaran | 1,372,221 | 879,063 |

25. KOMITMEN MODAL

| | | |
|---|---|---|
| Kerja dalam Kemajuan | 922,844 | 8,713,884 |
| Perisian dalam Pelaksanaan | 654,920 | 418,400 |
| | 1,577,764 | 9,132,284 |

26. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh dari 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017. Jumlah bajet ini telah dibentangkan oleh Mesyuarat Khas Belanjawan Majlis pada 12 Oktober 2016. Bajet ini juga telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Selangor pada 7 Disember 2016.

Belanjawan dan penyata kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan. Penyata kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akru kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar, yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam Penyata Perbandingan bajet dan Sebenar. Selain perbezaan asas ini, pelarasan kepada jumlah dalam penyata kewangan juga dibuat untuk perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan penyata kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata aliran tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di bawah.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di bawah:

| | Operasi | Pelaburan | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Jumlah Sebenar Dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar | 37,839,451 | (21,253,725) | 16,585,726 |
| Perbezaan Asas (a) | 28,882,037 | 7,349,846 | 36,231,883 |
| Perbezaan Sebenar | — | — | — |
| Perbezaan Entiti (b) | — | — | — |
| Jumlah Sebenar Dalam Penyata Aliran Tunai | 66,721,488 | (13,903,879) | 52,817,609 |

Nota a:

Perbezaan asas merujuk kepada pembayaran yang dibuat di dalam tahun kewangan semasa tetapi merupakan pembayaran berhubung tahun kewangan yang lalu.

Nota b:

Perbezaan entiti bagi aktiviti pembiayaan wujud disebabkan oleh lain-lain kenaan bank.

**No. 4018.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan MDKS pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada MDKS dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis MDKS bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan MDKS tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan MDKS yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan MDKS adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan MDKS, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan MDKS untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan mendedahkan jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan MDKS secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan MPS, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman MDKS.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan MDKS sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan MDKS atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan MDKS memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh MDKS telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

Shah Alam
Bertarikh 18 September 2018

ROKIAH BINTI SAHAT
*b.p. Ketua Audit Negara*
*Malaysia*

KENYATAAN OLEH YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS

Kami, Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua, Majlis Daerah Kuala Selangor dan YDH Dato' Mohamad Yaacob bin Ismail, Ahli Majlis, Majlis Daerah Kuala Selangor dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar serta Penyata Aliran Tunai bagi Majlis yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Daerah Kuala Selangor pada 31 Disember 2017 serta hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

RAHILAH BINTI RAHMAT
*Yang Dipertua*
*Majlis Daerah Kuala Selangor*
Bertarikh 30 Mei 2018

YDH DATO' MOHAMAD YAACOB BIN ISMAIL
*Ahli Majlis*
*Majlis Daerah Kuala Selangor*
Bertarikh 30 Mei 2018

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Liliana binti Ahmad (KP. 770625-10-5654), pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Kuala Selangor, dengan ikhlasnya mengakui Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar serta Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017

yang berikutnya ini berserta dengan nota-nota, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh
Penama di atas Liliana binti Ahmad
di Kuala Selangor dalam Selangor
Darul Ehsan
Pada 30 Mei 2018 }

Di hadapan saya

MOHAMAD AZLI BIN ARBA'AI
*Pesuruhjaya Sumpah*
*Malaysia*

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| | | *Seperti yang dinyatakan semula* |
| ASET SEMASA | | |
| Urusniaga bukan pertukaran belum terima (Nota 3) | 26,362,030 | 20,534,264 |
| Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan (Nota 4) | 5,321,496 | 216,756 |
| Simpanan Tetap (Nota 5) | 44,077,961 | 27,020,807 |
| Wang di tangan dan di bank (Nota 6) | 20,008,751 | 17,051,222 |
| JUMLAH ASET SEMASA | 95,770,238 | 64,823,049 |
| ASET BUKAN SEMASA | | |
| Hartanah, loji dan peralatan (Nota 7) | 55,195,022 | 56,486,376 |
| Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan (Nota 4) | 25,144 | 14,256 |
| Aset tak ketara (Nota 8) | 124,901 | — |
| JUMLAH ASET BUKAN SEMASA | 55,345,067 | 56,500,632 |
| JUMLAH ASET | 151,115,305 | 121,323,681 |
| LIABILITI SEMASA | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru (Nota 9) | 39,146,145 | 27,238,456 |
| Bantuan Khas Kerajaan (Nota 10) | 33,953,492 | 34,793,790 |
| Kumpulan Wang Amanah (Nota 11) | 53,531,533 | 33,351,098 |
| Pinjaman Sewabeli (Nota 12) | 610,868 | 485,819 |
| Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 13) | 1,385, 000 | 3,218,133 |
| JUMLAH LIABILITI SEMASA | 128,627,038 | 99,087,296 |

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>*Seperti yang dinyatakan semula* |
|---|---|---|
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | |
| Pinjaman Sewabeli (Nota 12) | 1,283,173 | 1,294,427 |
| Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 13) | 12,465,000 | 10,631,867 |
| | 13,748,173 | 11,926,294 |
| JUMLAH LIABILITI | 142,375,211 | 111,013,590 |
| ASET BERSIH | 8,740,094 | 10,310,091 |
| ASET BERSIH | | |
| Kumpulan Wang Majlis (Nota 14) | 8,740,094 | 10,310,091 |
| | 8,740,094 | 10,310,091 |

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>*Seperti yang dinyatakan semula* |
|---|---|---|
| HASIL | | |
| Urusniaga bukan pertukaran (Nota 15) | 51,449,300 | 44,483,698 |
| Urusniaga pertukaran (Nota 15) | 8,292,414 | 8,786,923 |
| Pelbagai Hasil (Nota 15) | 1,559,130 | 1,723,673 |
| JUMLAH HASIL | 61,300,844 | 54,994,294 |
| PERBELANJAAN | | |
| Emolumen (Nota 15) | 19,157,718 | 16,555,650 |
| Perkhidmatan dan bekalan (Nota 15) | 28,358,579 | 27,654,966 |
| Pemberian dan kenaikan tetap (Nota 15) | 1,341,858 | 1,378,341 |
| Perbelanjaan lain (Nota 15) | 908,669 | 1,836,170 |
| Perbelanjaan pembangunan (Nota 15) | 7,635,834 | 3,794,028 |
| Susutnilai (Nota 15) | 2,594,643 | 2,676,745 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 59,997,301 | 53,895,900 |
| LEBIHAN BAGI TAHUN | 1,303,543 | 1,098,394 |

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Kumpulan Wang Majlis | Bantuan Khas Kerajaan | Kumpulan Wang Amanah | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| Baki Pada 1 Januari 2016 | 5,351,935 | 35,634,088 | 30,365,627 | 71,351,650 |
| Seperti yang dinyatakan terdahulu | | | | |
| Pindahan Antara Kumpulan Wang | — | — | — | — |
| Lebihan/(Kurangan) dalam tahun | 1,098,394 | (840,298) | 2,985,471 | 3,243,567 |
| Pelarasan Tahun Lalu | 3,859,762 | — | — | 3,859,762 |
| Baki Pada 1 Januari 2017 | 10,310,091 | 34,793,790 | 33,351,098 | 78,454,979 |
| Seperti yang dinyatakan semula | | | | |
| Tambahan Antara Kumpulan Wang | — | — | 13,850,000 | 13,850,000 |
| Lebihan/(Kurangan) dalam tahun | 1,303,543 | (840,298) | 20,180,436 | 20,643,681 |
| Pelarasan tahun Lalu (Nota 16) | (2,873,540) | — | — | (2,873,540) |
| Baki pada 31 Disember 2017 | 8,740,094 | 33,953,492 | 67,381,534 | 110,075,120 |

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR MAJLIS 31 DISEMBER 2017

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| | | *Seperti yang dinyatakan semula* |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI: | | |
| Lebihan bagi Tahun | 1,303,543 | 1,098,394 |
| Pergerakan Bukan Tunai: | | |
| Susutnilai dan perlunasan | 2,594,643 | 2,676,745 |
| Pelunasan Geran/kredit tertunda | (840,298) | (840,827) |
| Penurunan/(Peningkatan) dalam peruntukan hutang ragu | 3,352,780 | (509,104) |
| (Peningkatan) Belum Terima | (10,943,396) | (2,242,816) |
| Peningkatan Belum Bayar | 32,914,053 | 11,224,463 |
| Pelarasan Tahun Lalu | (2,873,540) | — |
| Pelarasan Tahun Lalu | (4,958,156) | — |
| Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi | 20,549,629 | 11,406,855 |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN: | | |
| Belian Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota (a)) | 60,005 | 4,697,267 |
| Belian Aset tak ketara | (29,200) | — |
| Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan | 30,805 | 4,697,267 |

| | 2017 RM | 2016 RM *Seperti yang dinyatakan semula* |
|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN: | | |
| Pembayaran pinjaman (Sewa beli) | (565,751) | (511,802) |
| Aliran tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan | (565,751) | (511,802) |
| Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai | 20,014,683 | 15,592,320 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh | 44,072,029 | 28,479,709 |
| Tunai dan keseratаan tunai pada akhir tempoh | 64,086,712 | 44,072,029 |
| Tunai dan keseratаan tunai pada akhir tempoh terdiri daripada: | | |
| Simpanan Tetap | 44,077,961 | 27,020,807 |
| Wang di tangan dan di bank | 20,008,751 | 17,051,222 |
| | 64,086,712 | 44,072,029 |

| | 2017 RM |
|---|---|
| Nota (a) | |
| Pembelian Hartanah, loji dan peralatan | 1,337,251 |
| Tolak: | |
| Dibiayai melalui pinjaman sewa beli | (786,389) |
| Pembelian belum bayar | (610,867) |
| | (60,005) |

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | JUMLAH BAJET Asal RM | JUMLAH BAJET Akhir RM | Jumlah Sebenar RM | Varian Bajet RM |
|---|---|---|---|---|
| PENERIMAAN | | | | |
| Urusniaga bukan pertukaran | 53,503,255 | 53,503,255 | 65,477,957 | (11,974,702) |
| Urusniaga pertukaran | 6,775,510 | 6,775,510 | 8,410,641 | (1,635,131) |
| Pelbagai Hasil | 323,020 | 323,020 | 607,772 | (284,752) |
| JUMLAH HASIL | 60,601,785 | 60,601,785 | 74,496,370 | (13,894,585) |
| PERBELANJAAN | | | | |
| Emolumen | 16,228,860 | 18,197,940 | 18,179,110 | 18,830 |
| Perkhidmatan dan bekalan | 25,307,415 | 24,962,015 | 19,913,955 | 5,048,060 |
| Aset | 473,660 | 584,470 | 179,684 | 404,786 |
| Pemberian dan kenaikan tetap | 190,000 | 190,000 | 97,441 | 92,559 |
| Perbelanjaan lain | 1,114,060 | 1,114,060 | 667,800 | 446,260 |
| Perbelanjaan Pembangunan | 17,252,870 | 16,100,600 | 11,681,259 | 4,419,341 |
| | 60,566,865 | 61,149,085 | 50,719,249 | 10,429,836 |
| PENERIMAAN BERSIH | 34,920 | (547,300) | 23,777,121 | (24,324,421) |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. MAKLUMAT AM

1.1 Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan Utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan pelaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Majlis Daerah Kuala Selangor.

Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta bagi harta-harta yang boleh dikenakan cukai taksiran yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis seperti penataan lampu jalan, pembersihan longkang dan kutipan sampah.

Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.

Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi Majlis.

1.2 Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”) yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

1.3 Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017 telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Penuh pada 30 Mei 2018.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1 Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

2.1.2 Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS kerana Majlis telah memilih pengecualian berhubung dengan pengiktirafan aset dan liabiliti seperti yang dinyatakan pada nota 2.21.2 kepada Penyata Kewangan. Sebelum ini penyata kewangan Majlis telah disediakan menggunakan piawaian-piawaian perakauanan yang diluluskan oleh Majlis.

2.1.3 Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa ke masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.20 kepada Penyata Kewangan.

2.1.4 Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan djiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran

Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang di dalam kawasan Majlis. Cukai taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai setiap tahun.

(ii) Sumbangan Membantu Kadar

Sumbangan Membantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

(iv) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

(v) Geran Kerajaan

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambilkira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.2. Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.2.1 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

(ii) Perolehan dari Jualan Barang-Barang

Perolehan dari Jualan Barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain.

(iii) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(iv) Faedah dan Perolehan dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada Nota 2.2.1 (i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

2.3.1 Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000.00 setiap satu.

2.3.2 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.3.3 Jika berlaku sesuatu aset diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

2.3.4 Nilai dibawa item hartanah, loji peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupasan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.4 Susutnilai Hartanah, Loii dan Peralatan

2.4.1 Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Susutnilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.

2.4.2. Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

| Hartanah, Loji Dan Peralatan | Kadar Tahunan |
|---|---|
| Tanah | |
| (i) Tanah Pajakan | mengikut tempoh pajakan |

| | |
|---|---|
| (ii) Tanah Pegangan Bebas | Tidak Disusut nilaikan |
| Bangunan | |
| Kenderaan/Jentera & Mesin | 2% |
| Perabut & Alat Kelengkapan | 20% |
| Pejabat | 10% |

2.4.3 Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.5 Aset Tak Ketara

2.5.1 Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

2.5.2 Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

2.5.3 Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

2.5.4. Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 hingga 10 tahun.

2.5.5 Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

2.5.6 Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan dan kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6 Aset Kewangan

2.6.1 Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.6.2 Pada pengiktirafan awal, aset kewangan yang diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kekurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

2.6.3 Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

2.6.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.6.5 Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah berkesan dan ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

(ii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dalam tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

(i) Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;

(ii) Pembayaran tertunggak;

(iii) Kemungkinan bahawa peminjam akan muflis;

(iv) Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai;

(v) Selepas sekurang-kurangnya 8 kali notis E dikeluarkan; atau

(vi) Selepas penggulungan dan pembubaran syarikat serta pengambil alihan tanah.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktiraf aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurang dalam tempoh penyahiktirafan.

2.7 Peruntukan dan Liabiliti

2.7.1 Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam Penyata Prestasi Kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

2.8. Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

2.8.1 Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam Penyata Kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2.8.2 Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada perisitwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam Penyata Kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2.8.3 Seramai 18 orang pembeli rumah Taman Wawasan telah memfailkan saman berjumlah RM3 juta di Mahkamah Sesyen Klang. Mereka mendakwa Majlis telah cuai, ingkar dan gagal untuk membuat kajian dan penyelidikan rapi ke atas hartanah terlibat sehingga mengakibatkan Perakuan Layak Menduduki terpaksa ditarik balik, Sehingga kini, kes masih di dalam presiding mahkamah.

Kes Taman Wawasan:

2.8.3.1 Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-301-04/2012
No. Fail/No. Saman: 353/40/12/No. Saman 51-30-2007
Plaintif: Mohamad @ Md Yunus bin Yusuf @ Md Yusuf
Defenden: Majlis Daerah Kuala Selangor

2.8.3.2 Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-302-04/2012
No. Fail/No. Saman: 353/40/12/No. Saman 51-32-2007
Plaintif: Ng Hoe Coon
Defenden: Majlis Daerah Kuala Selangor

2.8.3.3 Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-305-04/2012
No. Fail/No. Saman: 353/40/12/No. Saman 51-38-2007
Plaintif: Lim Chen Hua & Chee Sheue Jen
Defenden: Majlis Daerah Kuala Selangor

2.8.3.4 Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-300-04/2012
No. Fail/No. Saman: 353/40/12/No. Saman 51-28-2007
Plaintif: Rosnah bt Samiran
Defenden: Majlis Daerah Kuala Selangor

2.8.3.5 Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-299-04/2012
No. Fail/No. Saman: 353/40/12/No. Saman 51-26-2007
Plaintif: Hing Hua Bong
Defenden: Majlis Daerah Kuala Selangor

2.8.3.6 Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-301-04/2012
No. Fail/No. Saman: 353/40/12/No. Saman 51-37-2007
Plaintif: Mokhtar bin Ilham
Defenden: Majlis Daerah Kuala Selangor

2.8.3.7 Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-301-04/2012
No. Fail/No. Saman: 353/40/12/No. Saman 51-25-2007
Plaintif: Yu So Lan
Defenden: Majlis Daerah Kuala Selangor

2.8.3.8 Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-301-04/2012
No. Fail/No. Saman: 353/40/12/No. Saman 51-35-2007
Plaintif: Salmah binti Mohd Nor
Defenden: Majlis Daerah Kuala Selangor

2.8.3.9 Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-303-04/2012
No. Fail/No. Saman: 353/40/12/No. Saman 51-34-2007
Plaintif: Abdul Ghani bin Mohd Yusof
Defenden: Majlis Daerah Kuala Selangor'

2.8.3.10 Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-301-04/2012
No. Fail/No. Saman: 353/40/12/No. Saman 51-27-2007
Plaintif: Chemis a/l Karuppan
Defenden: Majlis, Daerah Kuala Selangor,

2.8.3.11 Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-301-04/2012
No. Fail/No. Saman: 353/40/12/No. Saman 51-33-2007
Plaintif: Kamaruddin Bin Wahid
Defenden: Majlis Daerah Kuala Selangor

2.8.3.12 Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-301-04/2012
No. Fail/No. Saman: 353/40/12/No. Saman 51-23-2007
Plaintif: Ng Pek Nee & Kian Hoe
Defenden: Majlis Daerah Kuala Selangor

2.8.3.13 Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-297-04/2012
No. Fail/No. Saman: 353/40/12/No. Saman 51-22-2007
Plaintif: Adul Rahman B Yaakub & Zainon Bt Yaakob
Defenden: Majlis Daerah Kuala Selangor

2.8.3.14 Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-304-04/2012
No. Fail/No. Saman: 353/40/12/No. Saman 51-36-2007
Plaintif: Abdul Wahab Bin Umar
Defenden: Majlis Daerah Kuala Selangor

2.8.3.15 Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-301-04/2012
No. Fail/No. Saman: 353/40/12/No. Saman 51-29-2007
Plaintif: Tan Kok Siang
Defenden: Majlis Daerah Kuala Selangor

2.8.3.16 Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-298-04/2012
No. Fail/No. Saman: 353/40/12/No. Saman 51-24-2007
Plaintif: Rosli Bin Kasan
Defenden: Majlis Daerah Kuala Selangor

2.8.3.17 Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-301-04/2012
No. Fail/No. Saman: 353/40/12/No. Saman 51-39-2007
Plaintif: Saparin Bin Amin
Defenden: Majlis Daerah Kuala Selangor

2.8.3.18 Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-301-04/2012
No. Fail/No. Saman: 353/40/12/No. Saman 51-31-2007
Plaintif: Low Chay Hoon
Defenden: Majlis Daerah Kuala Selangor

2.9 Liabiliti Kewangan

2.9.1 Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.9.2 Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

2.9.3 Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2.9.4 Majlis mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

(ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tempoh hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh pengiktirafan.

2.10 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata Aliran Tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk risiko perubahan nilai yang tak ketara.

2.11 Manfaat Pekerja

2.11.1 Manfaat kakitangan jangka pendek

Majlis sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, kemudahan perubatan di lnstitut Jantung Negara (IJN), Dialisis dan peralatan bahan tiruan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer.

Faedah kakitangan jangka pendek termasuk gaji, upah, bonus dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambilkira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

2.11.2 Manfaat selepas perkhidmatan

(i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(ii) Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadanan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut dicaj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(iii) Manfaat Cuti Rehat dan Ganjaran Kakitangan Kontrak

Bagi kakitangan tetap Majlis sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunapakai oleh Majlis.

(iv) Manfaat Cuti Rehat dan Ganjaran Kakitangan Kontrak

Majlis hanya mengambilkira peruntukan Gantian Cuti Rehat bagi kakitangan tetap dan telah berkhidmat melebihi 10 tahun dan telah mencapai umur 40 tahun dan ke atas dalam tempoh kewangan berakhir di mana ia dikira berdasarkan formula berikut:

1/30 X Gaji akhir yang diterima X jumlah hari cuti rehat yang dikumpulkan (tertakluk kepada hak maksimum 150 hari)

Pihak Majlis juga akan memberi ganjaran kepada kakitangan kontrak yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka berdasarkan formula berikut:

[17.5% - 12% (caruman KWSP majikan) X gaji pokok terakhir X jumlah bulan perkhidmatan] (-) faedah syer ke atas caruman KWSP majikan.

2.12 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

2.12.1 Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Majlis mengkaji semua nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai di bawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotann diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta-merta apabila nilai aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut di bawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

2.12.2 Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunakan, Majlis telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya, dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.13 Percukaian

2.13.1 Majlis Daerah Kuala Selangor adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6: Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.14 Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

2.14.1 Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Implikasi cukai barang dan perkhidmatan kepada Majlis adalah seperti berikut:

(i) Cukai Output

Terimaan hasil cukai taksiran dan lesen adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan hasil selain cukai taksiran contohnya seperti sewaan ruang niaga, sewaan dewan adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

(ii) Cukai Input

Majlis menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan. Majlis boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

2.15 Maklumat Bajet

2.15.1 Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan Penyata Kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.15.2 Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Khas Belanjawan MDKS dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Selangor.

2.16 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

2.16.1 Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam Penyata Kewangan.

2.16.2 Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai di bawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Elaun Rosot Nilai bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu bayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Majlis menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh 3 hingga 50 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iii) Penentuan hartanah pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

(iv) Pengukuran Peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.17 Kesan Pemakaian MPSAS

2.17.1 Penyata Kewangan ini adalah merupakan Penyata Kewangan peralihan, pertama Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana Penyata Kewangan Majlis sebelum ini telah disediakan menggunakan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Majlis. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan Penyata Kewangan tahun kewangan sebelum ini selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan seperti berikut:

(i) Aset dan liabiliti kewangan

Pada tahun kewangan sebelum ini, beberapa item aset dan liabiliti kewangan diukur pada kos yang memperuntukkan keuntungan mengikut asas garis lurus. Penggunaan rangka kerja MPSAS menyebabkan item-item tersebut diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah keuntungan berkesan. Jumlah kos dilunaskan semua item tersebut akan dikira semula secara retrospektif dan perbezaan di antara jumlah kos dilunaskan dan nilai dibawa sebelumnya telah diselaraskan kepada baki awal Kumpulan Wang Majlis.

(ii) Aset Tak Ketara

Di dalam tahun kewangan, sebelum ini, semua perbelanjaan berhubung dengan perisian komputer telah diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki perbelanjaan berhubung perisian komputer ini dipermodalkan kerana terdapat kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti. Oleh itu, pelarasan berhubung aset tidak ketara ini telah diambilkira di dalam Penyata Kewangan ini.

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua perisian komputer telah dikategorikan di bawah hartanah, loji dan peralatan. Pemakaian MPSAS menghendaki perisian komputer ini diklasifikasikan semula *(reclassification)* berdasarkan kepada ciri-cirinya yang perlu ditunjukkan secara berasingan di dalam penyata kedudukan kewangan. Majlis telah membuat pengklasifikasian tersebut di dalam tahun kewangan semasa.

(iii) Hartanah Pelaburan

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, hartanah pelaburan yang dimiliki oleh Majlis ditunjukkan di bawah Hartanah, Loji dan Peralatan. Pemakaian MPSAS menghendaki hartanah pelaburan ini diklasifikasikan berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan di mana Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan hartanah pelaburan ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu).

(iv) Elaun Rosot Nilai

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, salah satu dasar perakaunan Majlis berhubung elaun rosot nilai adalah dengan membuat peruntukan terhadap tunggakan yang melebihi 6 tahun. Pemakaian MPSAS menghendaki elaun rosot nilai ini dibuat atas bukti objektif dan bukannnya berdasarkan kepada pertimbangan. Dasar perakaunan berhubung dengan elaun rosot nilai ini dinyatakan pada nota 2.6 kepada Penyata Kewangan. Oleh itu, semua kesan berhubung elaun rosot nilai ini telah dibuat secara prosektif di dalam tahun kewangan ini.

(v) Pengiktirafan geran atau akaun amanah

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis mengiktiraf akaun geran atau geran amanahnya sebagai salah satu item di dalam penyata perubahan ekuiti.Pemakaian MPSAS menghendaki semua geran atau akaun amanah yang mempunyai syarat ke atasnya hendaklah diklasifikasikan sebagai liabiliti. Oleh itu, Majlis telah mengklasifikasikan semula geran atau akaun amanah yang mempunyai syarat ke atasnya diklasifikasikan sebagai liabiliti. Majlis hanya merekodkan kumpulan wang majlis dan mana-mana kumpulan wang yang diwujudkan melalui kumpulan wang majlisnya sebagai item di bawah ekuiti. Majlis sedang dalam proses untuk menentukan baki sebenar akaun geran atau akaun amanah kerana di dalam tahun kewangan sebelum ini disebabkan Majlis melunaskan akaun geran dan akaun amanahnya ke penyata prestasi kewangan tidak bersamaan dengan jumlah yang dibelanjakan.

2.17.2 Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Majlis juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan Penyata Kewangan ini yang pertama kali disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

Peruntukan dan Pengecualian yang memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan

(i) Aset Infrastruktur

Majlis memiliki aset infrastruktur iaitu jalan raya dan pondok bas yang tidak dipermodalkan di dalam Penyata Kewangan. Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi aset infrastruktur telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki aset-aset ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset infrastruktur ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset infrastrukturnya.

(ii) Penentuan Nilai Saksama Aset Yang Direkodkan Pada Nilai Nominal

Majlis memiliki beberapa aset nyata dan tidak nyata yang diterima secara percuma dan direkodkan pada nilai nominal di dalam penyata kewangan Majlis. MPSAS mengkehendaki semua aset nyata dan tidak nyata yang diterima melalui urusniaga bukan pertukaran hendaklah direkodkan pada nilai saksama. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset-aset tersebut bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset-aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menentukan nilai saksama aset-aset tersebut.

(iii) Peruntukan Ke Atas Gantian Cuti Rehat Dan Ganjaran Kontrak

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis tidak membuat peruntukan ke atas gantian cuti rehat dan ganjaran kontrak. MPSAS mengkehendaki peruntukan-peruntukan ini dibuat kerana ia telah memenuhi syarat kepada sesuatu peruntukan itu perlu dibuat. Majlis akan menggunapakai kaedah *Projected Unit Credit* bagi membuat pengiraan peruntukan gantian cuti rehat di mana Majlis akan membuat beberapa andaian di dalam pengiraan tersebut. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi mengiktiraf peruntukan ke atas gantian cuti rehat dan ganjaran kontrak ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga peruntukan-peruntukan tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk mengumpul data berhubung dengan kakitangannya.

(iv) Pengiktirafan inventori

Majlis memiliki beberapa inventori yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan di mana Majlis telah mengiktiraf sebagai belanja di dalam penyata prestasi kewangan. MPSAS menghendaki inventori ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan inventori ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung inventori.

(v) Aset Hidup

Majlis memiliki aset hidup iaitu pokok dan tumbuhan yang tidak dipermodalkan di dalam penyata kewangan. MPSAS menghendaki aset hidup ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset hidup ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset hidupnya.

(vi) Peruntukan manfaat kakitangan

MPSAS 25 *Employee Benefits* menghendaki entiti mengiktiraf semua manfaat yang diberikan kepada kakitangan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi memperuntukkan manfaat kakitangan bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga peruntukan tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyediakan maklumat berhubung manfaat kakitangan ini.

(vii) Hartanah Pelaburan

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, hartanah pelaburan yang dimiliki oleh Majlis ditunjukkan di bawah Hartanah, Loji dan peralatan. Pemakaian MPSAS menghendaki hartanah pelaburan ini di klasifikasikan berasingan di dalam penyata kedudukan Kewangan. Majlis memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga hartanah pelaburan ini diiktiraf (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih dalam tempoh menyelenggara dan menyediakan maklumat berhubung hartanah pelaburan ini.

Peruntukan dan Pengecualian yang tidak memberi kesan ketara ke atas Penyata Kewangan

(i) Aset dan liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf

Majlis tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangannya yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunapakai rangka kerja perakuanan terdahulu ketika menggunapakai rangka kerja MPSAS. Jika sesuatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah rangka kerja perakaunan terdahulu, maka Majlis memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

(ii) Anggaran perakaunan

Sebelum ini, Majlis menggunakan pertimbangan untuk menentukan elaun bagi elaun rosotnilainya. Elaun akan dibuat apabila majlis menilai sesuatu hutang itu tidak boleh dikutip. Selepas menggunapakai MPSAS, penilaian ke atas kemerosotan aset kewangan dibuat berdasarkan kepada perisitwa kerugian yang telah berlaku *(incurred loss model)*, di mana kemerosotan diiktiraf berdasarkan bukti objektif tidak wujud. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan hutang ragu pada tarikh peralihan tidak diselaraskan secara retrospektif pada tarikh tersebut.

2.18 Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan, liabiliti secara serentak.

2.19 Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakna pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli-ahli Majlis.

2.20 Pajakan

Pajakan Kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Majlis menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosotnilai.

Pajakan Operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.21 Kos Pembiayaan

Semua kos pembiayaan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh ia terlibat.

2.22 Kesan Pemakaian MPSAS

Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016

| | PERS | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| ASET SEMASA | | | |
| Urusniaga bukan pertukaran belum terima | — | 20,534,264 | 20,534,264 |
| Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan | — | 216,756 | 216,756 |
| Simpanan tetap | 27,020,807 | — | 27,020,807 |
| Wang di tangan dan di bank | 17,051,222 | — | 17,051,222 |
| Pelbagai Penghutang | 517,799 | (517,799) | — |
| Penghutang | 14,361,912 | (14,361,912) | — |
| Penghutang Notis Waran | 5,885,565 | (5,885,565) | — |
| | 64,837,305 | (14,256) | 64,823,049 |
| ASET BUKAN SEMASA | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 56,486,376 | — | 56,486,376 |
| Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan | — | 14,256 | 14,256 |
| Aset tak ketara | — | — | — |
| | 56,486,376 | 14,256 | 56,500,632 |
| JUMLAH ASET | 121,323,681 | — | 121,323,681 |

| | PERS | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru | — | 27,238,456 | 27,238,456 |
| Bantuan Khas Kerajaan | — | 34,793,790 | 34,793,790 |
| Akaun amanah | — | 33,351,098 | 33,351,098 |
| Pemiutang | 14,463,450 | (14,463,450) | — |
| Wang cagaran | 12,775,006 | (12,775,006) | — |
| Pemiutang Sewa Beli | 485,819 | — | 485,819 |
| Pinjaman Kerajaan | 3,218,133 | — | 3,218,133 |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | | |
| Pemiutang Sewa Beli | 1,294,427 | — | 1,294,427 |
| Pinjaman Kerajaan | 10,631,867 | — | 10,631,867 |
| JUMLAH LIABILITI | 42,868,702 | 68,144,888 | 111,013,590 |
| ASET BERSIH | 78,454,979 | (68,144,888) | 10,310,091 |
| ASET BERSIH | | | |
| Kumpulan Wang Majlis | 10,310,091 | — | 10,310,091 |
| Kumpulan Wang Marris | 3,751,404 | (3,751,404) | — |
| Kumpulan Wang Amanah | 29,599,694 | (29,599,694) | — |
| Bantuan Khas Kerajaan | 34,793,790 | (34,793,790) | — |
| | 78,454,979 | (68,144,888) | 10,310,091 |

Kesan ke atas penyata prestasi kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016

| | PERS | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| HASIL | | | |
| Urusniaga bukan pertukaran | — | 44,483,698 | 44,483,698 |
| Urusniaga pertukaran | — | 8,786,923 | 8,786,923 |
| Pelbagai hasil | — | 1,723,673 | 1,723,673 |
| Hasil cukai | 25,986,173 | (25,986,173) | — |
| Hasil bukan cukai | 18,136,203 | (18,136,203) | — |
| Pelbagai terimaan | 10,871,918 | (10,871,918) | — |
| JUMLAH HASIL | 54,994,294 | — | 54,994,294 |
| PERBELANJAAN | | | |
| Emolumen | 16,555,650 | — | 16,555,650 |
| Perkhidmatan dan bekalan | 27,654,966 | — | 27,654,966 |
| Pemberian dan kenaikan tetap | 1,378,341 | — | 1,378,341 |
| Perbelanjaan lain | 704,232 | 1,131,938 | 1,836,170 |
| Perbelanjaan pembangunan | 3,794,028 | — | 3,794,028 |
| Susutnilai | 2,676,745 | — | 2,676,745 |
| Kenaikan/Penurunan Hutang Ragu | 1,131,938 | (1,131,938) | — |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 53,895,900 | 1,131,938 | 53,895,900 |
| LEBIHAN BAGI TAHUN | 1,098,394 | (1,131,938) | 1,098,394 |

3. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>*Seperti yang dinyatakan semula* |
|---|---|---|
| Akaun Belum Terima Cukai Taksiran | 27,891,236 | 26,241,467 |
| Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai | (9,475,908) | (12,828,688) |
| | 18,415,328 | 13,412,779 |
| Akaun Belum Terima Notis Dan Waran | 7,264,270 | 5,885,565 |
| Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai | — | — |
| | 7,264,270 | 5,885,565 |
| Akaun Belum Terima Caruman Membantu Kadar | 287,692 | 286,787 |
| Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai | — | — |
| | 287,692 | 286,787 |
| Akaun Belum Terima Sewa Harta Majlis | 394,740 | 949,133 |
| Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai | — | — |
| | 394,740 | 949,133 |
| | 26,362,030 | 20,534,264 |

Butiran pergerakan akaun elaun rosot nilai adalah seperti berikut:

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 12,828,688 | 12,319,583 |
| (Kurangan)/Tambahan tahun semasa | (3,352,780) | 509,105 |
| Baki pada akhir tahun | 9,475,908 | 12,828,688 |

4. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>*Seperti yang dinyatakan semula* |
|---|---|---|
| Pinjaman Kenderaan | 31,759 | 20,229 |
| Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai | — | — |
| | 31,591 | 20,229 |

| | 2017 RM | 2016 RM *Seperti yang dinyatakan semula* |
|---|---|---|
| Pinjaman Komputer | 7,914 | 7,505 |
| Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai | — | — |
| | 7,914 | 7,505 |
| GST (Kastam) | 55,733 | 203,278 |
| Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai | — | — |
| | 55,733 | 203,278 |
| Bantuan/Geran Kerajaan | 4,251,234 | — |
| Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai | — | — |
| | 4,251,234 | — |
| Pendahuluan Simpanan Tetap | 1,000,000 | — |
| Tolak: | | |
| Elaun Rosot Nilai | — | — |
| | 1,000,000 | — |
| | 5,346,640 | 231,012 |

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Dianalisa seperti berikut: | | |
| Aset Semasa | | |
| Kurang daripada 12 bulan | 5,321,496 | 216,756 |
| Aset Bukan Semasa | | |
| Lebih daripada 12 bulan | 25,144 | 14,256 |
| | 5,346,640 | 231,012 |

5. SIMPANAN TETAP

| | 2017 RM | 2016 RM *Seperti yang dinyatakan semula* |
|---|---|---|
| Al-Mudharabah (Nota 5.1) | 44,077,961 | 27,020,807 |
| | 44,077,961 | 27,020,807 |

5.1 Al-Mudharabah

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Public Bank Berhad | 3,000,000 | 3,000,000 |
| Malaysia Building Society Berhad | 9,028,146 | 6,020,807 |
| Bank Kerjasama Rakyat | 11,000,000 | 6,000,000 |
| Bank Simpanan Nasional | 5,000,000 | 5,000,000 |
| Malayan Banking Berhad | 7,049,815 | 4,000,000 |
| Bank Islam Malaysia Berhad | 6,000,000 | 3,000,000 |
| Kuwait Finance Berhad | 3,000,000 | — |
| | 44,077,961 | 27,020,807 |

6. WANG DI TANGAN DAN DI BANK

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| | | *Seperti yang dinyatakan semula* |
| Tunai ditangan (Nota 6.1) | 2,000 | 2,000 |
| Tunai di bank (Nota 6.2) | 20,006,751 | 17,049,222 |
| | 20,008,751 | 17,051,222 |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| 6.1 Tunai di tangan | | |
| Jabatan Kewangan | 2,000 | 2,000 |
| | 2,000 | 2,000 |
| 6.2 Tunai di bank | | |
| Malayan Banking Berhad (cagaran) | 6,364,534 | 2,348,412 |
| Malayan Banking Berhad (semasa) | (945,631) | 5,169,090 |
| Bank Islam Malaysia Berhad | 2,277,582 | 1,436,793 |
| CIMB Bank Berhad | 7,302,535 | 6,335,303 |
| Malayan Banking Berhad (MAYBANK 2U) | 2,780,500 | 498,569 |
| Public Bank Berhad | 2,227,231 | 1,261,055 |
| | 20,006,751 | 17,049,222 |

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

7.1 TAHUN 2016

| | Bangunan | Kenderaan | Perabut dan Kelengkapan Pejabat | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| KOS | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | 58,945,163 | 5,353,181 | 3,491,906 | — |

| | Bangunan | Kenderaan | Perabut dan Kelengkapan Pejabat | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| Seperti yang dinyatakan semula | | | | |
| Tambahan dalam tahun | 5,814,854 | 973,712 | 332,947 | — |
| Pelarasan | — | — | — | 74,911,763 |
| Jualan/Hapuskira | — | — | — | — |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2016 | 64,760,017 | 6,326,893 | 3,824,853 | 74,911,763 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | 10,020,771 | 3,284,417 | 2,443,454 | 15,748,542 |
| Susutnilai tahun semasa | 1,300,024 | 1,136,811 | 239,910 | 2,676,745 |
| Pelarasan | — | — | — | — |
| Jualan/Hapuskira | — | — | — | — |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2016 | 11,320,795 | 4,421,228 | 2,683,364 | 18,425,287 |
| AMAUN BAWAAN | | | | |
| Pada 31 Disember 2016 | 53,439,222 | 1,905,665 | 1,141,489 | 56,486,476 |

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

7.2 TAHUN 2017

| | Bangunan | Kenderaan Bermotor | Perabut dan Kelengkapan Pejabat | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| KOS | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | 64,760,017 | 6,326,893 | 3,824,853 | 74,911,763 |
| Seperti yang dinyatakan semula | | | | |
| Tambahan dalam tahun | 325,664 | 866,890 | 144,697 | 1,337,251 |
| Pindahan dari kerja dalam kemajuan | — | — | — | — |
| Pelarasan | — | — | (68,375) | (68,375) |
| Jualan/Hapuskira | — | — | — | — |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2017 | 65,085,681 | 7,193,783 | 3,901,175 | 76,180,639 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | 11,320,795 | 4,421,228 | 2,683,364 | 18,425,387 |
| Susutnilai tahun semasa | 1,306,536 | 903,990 | 302,238 | 2,512,764 |

| | Bangunan | Kenderaan Bermotor | Perabut dan Kelengkapan Pejabat | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| Pelarasan | 6,513 | | 40,953 | 47,466 |
| Jualan/Hapuskira | — | — | — | — |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2017 | 12,633,844 | 5,325,218 | 3,026,555 | 20,985,617 |
| AMAUN BAWAAN | | | | |
| Pada 31 Disember 2017 | 52,451,837 | 1,868,565 | 874,620 | 55,195,022 |

8. ASET TAK KETARA

8.1 TAHUN 2017

| | Perisian Komputer |
|---|---|
| | RM |
| KOS | |
| Pada 1 Januari 2017 | 123,275 |
| Seperti yang dinyatakan semula | |
| Tambahan dalam tahun | 29,200 |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2017 | 152,475 |
| PELUNASAN TERKUMPUL | |
| Pada 1 Januari 2017 | 12,327 |
| Seperti yang dinyatakan semula | |
| Pelunasan tahun semasa | 15,247 |
| PELUNASAN TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2017 | 27,574 |
| AMAUN BAWAAN | |
| Pada 31 Disember 2017 | 124,901 |

8.2 TAHUN 2016

| | |
|---|---|
| KOS | |
| Pada 1 Januari 2016 | 123,275 |
| Seperti yang dinyatakan semula | |
| Tambahan dalam tahun | — |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2016 | 123,275 |

| | Perisian Komputer RM |
|---|---|
| PELUNASAN TERKUMPUL | |
| Pada 1 Januari 2016 | 12,327 |
| Seperti yang dinyatakan semula | |
| Pelunasan tahun semasa | — |
| PELUNASAN TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2016 | 12,327 |
| AMAUN BAWAAN | |
| Pada 31 Disember 2016 | 110,948 |

9. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR DAN PERBELANJAAN TERAKRU

| | 2017 RM | 2016 RM *Seperti yang dinyatakan semula* |
|---|---|---|
| Worldwide Landfill (Nota 9.1) | 1,664,969 | 1,663,365 |
| Pendaftar Wang Tidak Dituntut (Nota 9.2) | 143,450 | 443,780 |
| Perbelanjaan Belum Bayar (Nota 9.3) | 19,339,906 | 12,356,305 |
| Wang Cagaran (Nota 9.4) | 17,997,820 | 12,775,006 |
| Jumlah Keseluruhan | 39,146,145 | 27,238,456 |

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| 9.1 Worldwide Landfill | | |
| Bayaran Bil diakru | 1,664,969 | 1,663,365 |
| | 1,664,969 | 1,663,365 |
| 9.2 Pendaftar Wang Tidak Dituntut | | |
| Serahan Cagaran kepada Akta Wang Tak Dituntut 1965 | 143,450 | 443,780 |
| | 143,450 | 443,780 |
| 9.3 Perbelanjaan Belum Bayar | | |
| Perjalanan dan Sarahidup | 2,693 | 2,693 |
| Perhubungan dan Utiliti | 2,051 | 31,445 |
| Sewaan | 105,709 | 85,426 |
| Bekalan Bahan Lain | 497,480 | 300,674 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan | 2,970,024 | 2,216,610 |
| Penyelenggaraan dan Pembersihan | 349,198 | 10,320 |
| Perkhidmatan Pembersihan Awam | 532,982 | 2,136,330 |
| Perkhidmatan Kutipan Sampah | 373,581 | 1,183,574 |
| Perkhidmatan Ikhtisas | 218,321 | 416,066 |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Harta Modal Lain | 34,640 | 276,374 |
| Jawatankuasa Penduduk JKP 42703P | 34,041 | 30,199 |
| Program Zon Bersih | 2,280 | 2,280 |
| Kenderaan dan Jentera | — | 142,040 |
| Peruntukan Ahli Majlis | 7,765 | 13,563 |
| Geran Penyelenggaraan Jalan | 6,018,797 | — |
| Projek Pembangunan | 11,000 | 11,000 |
| Bekalan Makanan dan Minuman | 1,680 | 1,680 |
| PEBT | 2,300 | 2,300 |
| Membaik Pulih Balai Masyarakat | 138,275 | 148,775 |
| Projek Perbandaran | 2,183,417 | — |
| Pemberian Kpd Persatuan | 2,120 | 2,120 |
| Program & Elaun EPBT 49703 | 33,251 | 19,100 |
| Projek Padang Cergas | 194,302 | — |
| Membina Padang Stadium | 23,740 | 23,740 |
| Membaik Pulih Infrastruktur Sukan | 38,564 | 198,712 |
| Membina Dewan di Saujana Utama | 1,418,228 | 1,418,228 |
| Naik Taraf Dewan di Puncak Alam | 532,848 | 532,848 |
| Naik Taraf Dewan di Desa Coalfield | 659,264 | 844,364 |
| Membina Gerai Astana | 388,142 | 294,670 |
| Menaiktaraf Pantai Remis | 16,756 | 477,185 |
| Projek Taman Bandar | 31,100 | 58,330 |
| Menaiktaraf Info Bukit Malawati | 43,686 | 41,818 |
| Peruntukan Bumbung Solar (SPAH) | — | 84,492 |
| Menaiktaraf Kemudahan OKU | 12,085 | 92,165 |
| Projek Bandar Selamat | 19,950 | 19,950 |
| Projek Laluan Basikal Tmn Su | — | 28,015 |
| Perkhidmatan Bas Smart Selangor | 99,716 | 50,116 |
| Kemudahan Taman Alam | — | 330,100 |
| Projek Kg. Baru Tersusun | 736,027 | 87,314 |
| Pembersihan Awam & Sisa Pepejal | 15,618 | 15,618 |
| Membina Padang Cergas | 28,349 | 28,349 |
| Produk Pelancongan | 81,700 | 81,700 |
| Kempen Kawalan Tikus | 3,400 | 3,400 |
| Naiktaraf Pantai Remis | 14,453 | — |
| Naiktaraf Setor Tg. Keramat | 370,250 | — |
| Naiktaraf Kemudahan OKU | 143,091 | — |
| Program Karnival Sihat Selangor | 1,500 | — |
| Menaiktaraf Jeti Pekan Lama | 42,292 | — |
| Jumlah Kecil (1) | 18,436,665 | 11,743,683 |
| Hentian Bas Smart Selangor | 87,241 | — |
| Menaiktaraf Tandas Dan Loji | 500 | 500 |
| Membina Balai Masyarakat Taman Desa Jaya | — | 177,760 |
| Membina Bangunan Gelari Art | 84,915 | 383,700 |
| Naiktaraf Pusat Kelip-Kelip | 91,036 | — |
| Baik pulih Pasar Sungai Buloh | 154,459 | — |
| Program Denggi | 85,575 | — |
| Naiktaraf Perhentian Bas Dan Teksi | 104,340 | — |
| Lain-Lain Perbelanjaan | 2,634 | 50,662 |
| Baik pulih Tandas Awam | 279,460 | — |
| Kutipan Sampah Kampung Tradisi | 13,080 | — |
| Jumlah Kecil (2) | 903,240 | 612,622 |
| Jumlah Besar | 19,339,906 | 12,356,305 |

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| 9.4 Cagaran Teknikal | | |
| Cagaran Tender | 97,090 | 97,090 |
| Cagaran Wang Tahanan | 50,979 | 50,979 |
| Cagaran Korekan Jalan | 146,537 | 35,537 |
| Cagaran Permit Sementara | 246,991 | 215,491 |
| Cagaran Pelan Bangunan | 5,038,935 | 2,500,838 |
| Cagaran Kejuruteraan | 67,070 | 67,070 |
| Cagaran Laluan Sementara | 551,120 | 430,120 |
| CagaranPembaikan Kecil | 172,550 | 159,470 |
| Cagaran Pelan Tambahan | 1,209,302 | 1,042,249 |
| Jumlah Kecil (1) | 7,580,574 | 4,598,844 |
| Cagaran Teknikal | | |
| Cagaran Kerja Tanah | 4,078,400 | 3,409,850 |
| Cagaran Pemasangan Lampu Isyarat | 81,100 | 81,100 |
| Cagaran Penyelenggaraan Kwsn Lanskap | 1,127,103 | 703,335 |
| Cagaran Bon Perlaksanaan | 429,286 | — |
| Jumlah Kecil (1) | 5,715,889 | 4,194,285 |
| Jumlah Besar (1) | 13,296,463 | 8,793,129 |
| Cagaran Bukan Teknikal | | |
| Cagaran Sewaan | 345,376 | 289,012 |
| Cagaran Lesen | 838,759 | 673,297 |
| Cagaran Dewan | 48,384 | 37,484 |
| Cagaran Sewa Kuaters | 5,300 | 3,500 |
| Cagaran Sewa Kedai | 49,622 | 49,622 |
| Cagaran Sampah/Kebersihan | 3,083,127 | 2,661,220 |
| Cagaran Bayaran Air | 13,900 | 13,900 |
| Cagaran Sepanduk | 191,875 | 138,268 |
| Cagaran Petak Pasar Malam | 120,918 | 112,978 |
| Cagaran Khemah/kipas Air | 96 | 96 |
| Cagaran Kunci | 4,000 | 2,500 |
| Jumlah Kecil (2) | 4,701,357 | 3,981,877 |
| Jumlah Besar | 17,997,820 | 12,775,006 |

10. BANTUAN KHAS KERAJAAN

| | 2017 RM | 2016 RM *Seperti yang dinyatakan semula* |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 34,793,790 | 44,254,619 |
| Terimaan geran tahun semasa | | |
| Tolak: | | |
| Pelunasan | (840,298) | (9,460,829) |
| Baki pada akhir tahun | 33,953,492 | 34,793,790 |

11. KUMPULAN WANG AMANAH

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>*Seperti yang dinyatakan semula* |
|---|---|---|
| Geran Jalan Raya Marris (Nota 11.1) | 1,293,245 | 3,751,404 |
| Caj Pemajuan (Nota 11.2) | 39,138,032 | 23,446,032 |
| Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF) (Nota 11.3) | 13,100,256 | 6,153,662 |
| | 53,531,533 | 33,351,098 |

| | Baki Pada 1-1-2017<br>RM | Terimaan Dalam Tahun<br>RM | Pembayaran Dalam Tahun<br>RM | Baki Pada 31-12-2017<br>RM |
|---|---|---|---|---|
| 11.1 Geran Jalan Raya Marris | 3,751,404 | 23,216,391 | (25,674,550) | 1,293,245 |
| 11.2 Caj Pemajuan | 23,446,032 | 15,692,000 | — | 39,138,032 |
| 11.3 Kumpulan Wang Perkhidmatan kemajuan (ISF) | 6,153,662 | 6,946,594 | — | 13,100,256 |
| | 33,351,098 | 45,854,985 | (25,674,550) | 53,531,533 |

12. PINJAMAN SEWABELI

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>*Seperti yang dinyatakan semula* |
|---|---|---|
| 12.1 Bayaran minimum sewa beli: | | |
| Tempoh 12 bulan | 718,594 | 572,557 |
| Tempoh 1 hingga 3 tahun | 1,441,719 | 1,407,717 |
| Tempoh 4 hingga 5 tahun | 69,265 | 95,182 |
| | 2,229,578 | 2,075,456 |
| Faedah Tertunda | (335,537) | (295,210) |
| | 1,894,041 | 1,780,246 |
| Tanggungan sewa beli dinyatakan seperti berikut: | | |
| Tempoh 12 bulan | 610,868 | 485,819 |
| Tempoh hingga 1 hingga 3 tahun | 1,224,153 | 1,214,273 |
| Tempoh hingga 4 hingga 5 tahun | 59,020 | 80,154 |
| | 1,283,173 | 1,294,427 |
| | 1,894,041 | 1,780,246 |

| | 2017 RM | 2016 RM *Seperti yang dinyatakan semula* |
|---|---|---|
| Pinjaman Sewa beli adalah terdiri daripada: | | |
| (i) Pinjaman Malayan Banking Berhad<br>Tujuan : Pembelian Kenderaan<br>Jumlah : RM3,000,000-00<br>Kadar Faedah : 2.65%-4.5%<br>Tempoh Bayaran Balik: 60 bulan | 1,894,041 | 1,780,246 |
| Cagaran: Hakmilik dituntut oleh Bank | 1,894,041 | 1,780,246 |

13. PINJAMAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| Analisa pinjaman | 13,850,000 | 13,850,000 |
| Bayaran Balik dalam tempoh 1 tahun | (1,385,000) | (3,218,133) |
| Bayaran balik diantara 1 hingga 10 tahun | 12,465,000 | 10,631,867 |
| Tambah | | |
| Bayaran semasa | 1,385,000 | 3,218,133 |
| Baki Berakhir 31 Disember | 13,850,000 | 13,850,000 |
| Pinjaman adalah terdiri daripada: | | |
| Pinjaman Kerajaan Negeri Selangor | 13,850,000 | 13,850,000 |
| (i) Tujuan: Penyelesaian hutang tertunggak kutipan sampah dengan AFSB dan Worldwide Landfill<br>Jumlah : RM16,100,000.00 | | |
| Faedah : 4% | 13,850,000 | 13,850,000 |

Tempoh Bayar Balik: 5 Tahun

Pada tahun 2016 Kerajaan Negeri Selangor telah melupuskan faedah pinjaman dan baki pinjaman akan dilupuskan bermula tahun 2018 selama 10 tahun sebanyak RM1,385,000 setiap tahun menggunakan peruntukan mengurus kerajaan Negeri Selangor seperti keputusan Mesyuarat MMKN ke-36/2016 pada 26 Oktober 2016.

14. KUMPULAN WANG MAJLIS

| | 2017 RM | 2016 RM *Seperti yang dinyatakan semula* |
|---|---|---|
| Baki terkumpul pada 1 Januari | 10,310,091 | 5,351,935 |
| Tambah/(Tolak): | | |
| Pelarasan Tahun lalu | (2,873,540) | 3,859,762 |
| Baki diselaraskan semula pada 1 Januari | 7,436,551 | 9,211,697 |
| Lebihan Pendapatan & Perbelanjaan dalam tahun | 2,594,643 | 1,098,394 |
| | — | — |
| Baki Berakhir 31 Disember | 10,031,194 | 10,310,091 |

15. PENYATA PRESTASI KEWANGAN TERPERINCI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| | | *Seperti yang dinyatakan semula* |
| HASIL | | |
| URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN | | |
| Cukai Taksiran | 28,926,425 | 25,393,638 |
| Carum Bantuan Kadar | 658,147 | 592,535 |
| Lesen | 2,224,767 | 2,085,571 |
| Permit | 1,376,395 | 1,816,970 |
| Sewaan | 2,071,276 | 2,188,858 |
| Denda dan hukuman | 3,374,459 | 2,375,928 |
| Geran Keseimbangan | 1,919,715 | 1,919,715 |
| Lain-lain Geran | 7,545,336 | 7,138,272 |
| Hutang Ragu/Lapok | 3,352,780 | 622,834 |
| Faedah Kewangan lain | — | 349,377 |
| | 51,449,300 | 44,483,698 |
| URUSNIAGA PERTUKARAN | | |
| Bayaran Perkhidmatan | 4,603,851 | 5,821,020 |
| Faedah dan perolehan pelaburan | 1,628,821 | 1,017,688 |
| Perolehan dari jualan barang | 2,059,742 | 1,948,215 |
| | 8,292,414 | 8,786,923 |
| PELBAGAI HASIL | | |
| Keuntungan Atas pinjaman kenderaan | 1,557 | 525 |
| Keuntungan Atas pinjaman komputer | 508 | 368 |
| Terimaan Lain | 183,387 | 133,417 |
| GST | 533,380 | 748,536 |
| Kredit Tertunda | 840,298 | 840,827 |
| | 1,559,130 | 1,723,673 |
| JUMLAH HASIL | 61,300,844 | 54,994,294 |
| PERBELANJAAN | | |
| EMOLUMEN | | |
| Gaji dan upahan | 13,782,239 | 11,351,637 |
| Elaun tetap (Elaun Khidmat Awam) | 3,720,335 | 3,578,931 |
| Sumbangan berkanun (KWSP) | 567,345 | 632,631 |
| Elaun Lebih Masa | 1,010,114 | 992,451 |
| Faedah kewangan yang lain | 77,685 | — |
| | 19,157,718 | 16,555,650 |
| PERBELANJAAN | | |
| PERKHIDMATAN DAN BEKALAN | | |
| Tuntutan perjalanan & sara hidup | 273,452 | 215,931 |
| Perhubungan dan utiliti | 4,491,113 | 4,458,444 |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| | | *Seperti yang dinyatakan semula* |
| Sewaan | 915,098 | 837,013 |
| Bekalan bahan mentah | 347,426 | 537,308 |
| Bekalan bahan lain | 1,940,557 | 1,322,698 |
| Penyelenggaraan dan pembaikan | 4,826,533 | 12,648,595 |
| Pembersihan awam dan sisa pepejal | 11,363,692 | 3,115,507 |
| Worldwide landfill | 1,606,706 | 1,577,599 |
| Perkhidmatan ikhtisas | 2,594,002 | 2,941,871 |
| | 28,358,579 | 27,654,966 |
| PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP | | |
| Pencen | 1,237,540 | 1,130,570 |
| Pemberian dan Kenaan Tetap Ahli Majlis | 100,718 | 237,473 |
| Peruntukan Ahli Majlis | 3,600 | 10,298 |
| | 1,341,858 | 1,378,341 |
| PERBELANJAAN LAIN | | |
| Peruntukan Hutang ragu/Lapuk | — | 1,131,938 |
| Perbelanjaan Lain | 908,669 | 704,232 |
| | 908,669 | 1,836,170 |
| PERBELANJAAN PEMBANGUNAN | | |
| Peruntukan Projek-projek kerajaan | 7,635,834 | 3,794,028 |
| | 7,635,834 | 3,794,028 |
| Susutnilai | 2,594,643 | 2,676,745 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 59,997,301 | 53,895,900 |
| LEBIHAN BAGI TAHUN | 1,303,543 | 1,098,394 |

16. PELARASAN TAHUN LALU

Pelarasan tahun lalu dinyatakan semula seperti berikut:

| | Dinyatakan Terdahulu (2016) | Pelarasan Tahun Lalu/ Perbezaan | Dinyatakan Semula |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Cagaran Terkurang Catat | | | |
| (a) Pelarasan Cagaran (Nota 16.1) | 14,745,317 | (3,252,503)<br>(8,439) | 17,997,820 |
| | 14,745,317 | (3,260,942) | 17,997,820 |

| | Dinyatakan Terdahulu (2016) | Pelarasan Tahun Lalu/ Perbezaan | Dinyatakan Semula |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Susut Nilai Terkumpul Aset Tak ketara | | | |
| (a) Susutnilai aset tak ketara (Nota 16.2) | — | 6,838 | |
| Aset Tak ketara (Kos) | | | |
| (a) Kos Aset Tak ketara (Nota 16.3) | — | 54,900 | |
| Aset Bangunan | | | |
| (a) Kos Aset Tak ketara (Nota 16.4) | — | 325,664 | |
| Jumlah Pelarasan Tahun Lalu | | (2,873,540) | |

Nota:

16.1 Cagaran terkurang Catat

(a) Pelarasan Cagaran

Pelarasan tahun lalu adalah mengambilkira baki cagaran berserta senarai individu. Telah diluluskan dalam Mesyuarat Penuh Majlis Bil.4/2018 pada 25 April 2018

16.2 Susutnilai aset tak ketara

(a) Pelarasan tahun lalu adalah bagi susutnilai aset tak ketara telah diambilkira sebagai belanja 2016 dan dikelaskan semula sebagai susutnilai bagi aset tak ketara 2016

16.3 Aset Tak ketara (kos)

(a) Pelarasan tahun lalu adalah bagi kos aset tak ketara yang telah direkod sebagai belanja tahun 2016 dan dikelaskan semula sebagai kos aset tak ketara 2016

16.4 Aset Bangunan

(a) Pelarasan tahun lalu adalah mengambilkira jumlah aset yang telah dibelanjakan pada 2016 dan dilaras semula sebagai aset bangunan tahun 2017

17. TANGGUNGAN LUAR JANGKA

Sehingga tempoh berakhir 31 Disember 2017, hanya terdapat satu kes sahaja yang dijangka mempunyai kebarangkalian melebihi 50% menyebelahi Majlis iaitu:

(i) Per: Mahkamah Tinggi Shah Alam, Malaysia

No. Saman: No. 51-22 hingga 39 Tahun 2007

Taman Wawasan lwn MDKS

Seramai 18 orang pembeli rumah Taman Wawasan telah memfailkan saman berjumlah RM3 juta di Mahkamah Sesyen Klang. Mereka mendakwa Majlis telah cuai, ingkar dan gagal untuk membuat kajian dan penyelidikan rapi ke atas hartanah terlibat sehingga mengakibatkan Perakuan Layak Menduduki terpaksa ditarik balik, sehingga kini, kes masih di dalam presiding mahkamah.

Pihak Majlis masih dalam proses mengenepikan penghakiman ingkar dan membatalkan saman yang difailkan oleh 18 pembeli rumah taman wawasan ini. Pihak Peguam Majlis juga sedang dalam tindakan mengumpulkan kertas-kertas kuasa dari Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan untuk tujuan tersebut.

Berikut adalah senarai 18 pembeli Kes Taman Wawasan:

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Mahkamah | : | Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-301-04/2012 |
| | No. Fail/No. Saman | : | 353/40/12 |
| | Plaintif | : | Mohamad @ Md Yunus bin Yusof @ Md Yusuf |
| | Defendan | : | Majlis Daerah Kuala Selangor |
| 2. | Mahkamah | : | Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-302-04/2012 |
| | No. Fail/No. Saman | : | 353/40/12 |
| | Plaintif | : | Ng Hoe Choon |
| | Defendan | : | Majlis Daerah Kuala Selangor |
| 3. | Mahkamah | : | Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-305-04/2012 |
| | No. Fail/No. Saman | : | 353/40/12 |
| | Plaintif | : | Lim Chen Hua & Chee Sheue Jen |
| | Defendan | : | Majlis Daerah Kuala Selangor |
| 4. | Mahkamah | : | Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-300-04/2012 |
| | No. Fail/No. Saman | : | 353/40/12 |
| | Plaintif | : | Rosnah bt Samiran |
| | Defendan | : | Majlis Daerah Kuala Selangor |
| 5. | Mahkamah | : | Mahkamah Tinggi Shah Alam 12N299-04/2012 |
| | No. Fail/No. Saman | : | 353/40/12 |
| | Plaintif | : | Hing Hua Bong |
| | Defendan | : | Majlis Daerah Kuala Selangor |
| 6. | Mahkamah | : | |
| | No. Fail/No. Saman | : | 353/40/12 |
| | Plaintif | : | Mokhtar bin Ilham |
| | Defendan | : | Majlis Daerah Kuala Selangor |
| 7. | Mahkamah | : | |
| | No. Fail/No. Saman | : | 353/40/12 |
| | Plaintif | : | Yu Solan |
| | Defendan | : | Majlis Daerah Kuala Selangor |
| 8. | Mahkamah | : | |
| | No. Fail/No. Saman | : | 353/40/12 |
| | Plaintif | : | Salmah binti Mohd Noor |
| | Defendan | : | Majlis Daerah Kuala Selangor |
| 9. | Mahkamah | : | Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A/303-04/2012 |
| | No. Fail/No. Saman | : | 353/40/12 |
| | Plaintif | : | Abdul Ghani bin Mohd Yusof |
| | Defendan | : | Majlis Daerah Kuala Selangor |
| 10. | Mahkamah | : | |
| | No. Fail/No. Saman | : | 353/40/12 |
| | Plaintif | : | Chemis a/l Karuppan |
| | Defendan | : | Majlis Daerah Kuala Selangor |

11. Mahkamah :
No. Fail/No. Saman : 353/40/12
Plaintif : Kamaruddin bin Wahid
Defendan : Majlis Daerah Kuala Selangor

12. Mahkamah :
No. Fail/No. Saman : 353/40/12
Plaintif : Ng Pek Nee & Kian Hoe
Defendan : Majlis Daerah Kuala Selangor

13. Mahkamah : Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-297-04/2012
No. Fail/No. Saman : 353/40/12
Plaintif : Abdul Rahman b Yaakub dan Zainon bt Yaakob
Defendan : Majlis Daerah Kuala Selangor

14. Mahkamah : Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-304-04/2012
No. Fail/No. Saman : 353/40/12
Plaintif : Abdul Wahab bin Umar
Defendan : Majlis Daerah Kuala Selangor

15. Mahkamah :
No. Fail/No. Saman : 353/40/12
Plaintif : Tan Kok Siang
Defendan : Majlis Daerah Kuala Selangor

16. Mahkamah : Mahkamah Tinggi Shah Alam 12A-298-04/2012
No. Fail/No. Saman : 353/40/12
Plaintif : Rosli bin Kasan
Defendan : Majlis Daerah Kuala Selangor

17. Mahkamah :
No. Fail/No. Saman : 353/40/12
Plaintif : Saparin bin Amin
Defendan : Majlis Daerah Kuala Selangor

18. Mahkamah :
No. Fail/No. Saman : 353/40/12
Plaintif : Low Chay Hoon
Defendan : Majlis Daerah Kuala Selangor

18. INSTRUMEN KEWANGAN-DASAR PENGURUSAN RISIKO

Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, Majlis mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Majlis adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Majlis akan sentiasa memantau baki tunggakan secara berterusan dan akan mengambil tindakan mengikut kaedah perundangan yang dibenarkan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Majlis akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan Majlis kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti Majlis pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

| | Dalam tempoh setahun | Lebih tempoh setahun | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Pada 31 Disember 2017 | | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan | 39,146,145 | — | 54,890,186 |
| Pinjaman sewa beli | 610,868 | 1,283,173 | — |
| Pinjaman | 1,385,000 | 12,465,000 | 27,238,455 |
| | 41,142,013 | 13,748,173 | 82,128,641 |
| Pada 31 Disember 2016 | | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan | 27,238,455 | — | 44,163,128 |
| Pinjaman sewa beli | 485,819 | 1,294,427 | — |
| Pinjaman | 3,218,133 | 11,926,294 | — |
| | 30,942,407 | 13,220,721 | 44,163,128 |

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai wajar atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan Majlis akan berubah-ubah kerana perubahan dalam pasaran kadar faedah.

Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah

Pendedahan Majlis kepada risiko kadar faedah timbul daripada pinjaman Kerajaan Negeri. Pelaburan Majlis dalam aset kewangan kebanyakannya untuk jangka pendek dan kebanyakannya adalah deposit kewangan.

Aset dan liabiliti kewangan Majlis yang lain adalah tidak mempunyai kesan ketara ke atas Penyata Prestasi Kewangan Majlis.

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan keseteraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

19. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting hanya terdiri oleh Ahli-Ahli Majlis sahaja di mana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

| | Tahun 2017 | Tahun 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan | 24 | 25 |

| | Tahun 2017 RM | Tahun 2016 RM |
|---|---|---|
| Jumlah Ganjaran | 872,118 | 587,983 |

| | Tahun 2017 RM |
|---|---|
| Jumlah Ganjaran | 872,118 |

20. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai tempoh kewangan dari 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017. Jumlah bajet ini telah dibentangkan oleh Mesyuarat Khas Belanjawan MDKS pada 12 Oktober 2016. Peruntukan tambahan telah dibuat kepada bajet yang telah diluluskan mengikut kelulusan khusus daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Peruntukan tambahan ini telah dimasukan ke dalam bajet asal oleh Majlis setelah menerima kelulusan. Pada tahun 2017, majlis mencatatkan peruntukan tambahan berjumlah RM547,300.00.

Belanjawan dan penyata kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akruan kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar. Selain perbezaan asas ini pelarasan kepada jumlah dalam penyata kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di bawah.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di bawah:

| | Operasi RM | Pelaburan RM | Pembiayaan RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|
| Jumlah sebenar di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar | 24,624,605 | (179,684) | (667,800) | 23,777,121 |
| Perbezaan asas (Nota (a)) | (4,074,976) | 210,489 | 102,049 | (3,762,438) |
| Perbezaan masa | — | — | — | — |
| Perbezaan entiti | — | — | — | — |
| Jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai | 20,549,629 | 30,805 | (565,751) | 20,014,683 |

Nota a:

Perbezaan asas merujuk kepada pembayaran yang dibuat di dalam tahun kewangan semasa tetapi merupakan berhubung tahun kewangan yang lalu.

**No. 4019.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan Nota Kepada Penyata Kewangan seperti dinyatakan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan MDKL pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada MDKL dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Para Ahli Majlis MDKL bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan MDKL tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan MDKL yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan MDKL adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan MDKL, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan MDKL untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan MDKL secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan MDKL, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman MDKL.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunapakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan MDKL sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan MDKL atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan MDKL memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh MDKL telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, MDKL telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) mulai 1 Januari 2017 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2016. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Majlis terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan MDKL pada 31 Disember 2016 dan 1 Januari 2016, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Belanjawan dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan MDKL bagi tahun berakhir 31 Disember 2017, dalam keadaaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2017 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

b. Laporan ini disediakan untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

SHAH ALAM
Bertarikh 16 OGOS 2018

ROKIAH BINTI SAHAT
b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia

KENYATAAN OLEH
YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

Kami, Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua dan Y.D.M. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun, Ahli Majlis, Majlis Daerah Kuala Langat dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Perubahan Ekuiti

serta Penyata Aliran Tunai bagi Majlis yang berikut ini berserta nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Daerah Kuala Langat pada 31 Disember 2017 serta hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

MOHAMAD ZAIN BIN A HAMID
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Langat

Tarikh 19 April 2018

Y.D.M TENGKU DATO' MOHAMED ALHAJ BIN TENGKU HARUN
Ahli Majlis
Majlis Daerah Kuala Langat

Tarikh 19 April 2018

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Kamarulzaman bin Ahmad, KP. 670727-10-6387, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Kuala Langat, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017, Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 dan Penyata Perubahan di dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai yang berikutnya ini berserta dengan nota-nota, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
Kamarulzaman bin Ahmad
di Banting, Kuala Langat

Di hadapan saya

RAJA LATCHMI A/L SUBRAMANIAM
*Pesuruhjaya Sumpah*
*Telok Datok*

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| | | Seperti yang dinyatakan semula |
| ASET SEMASA | | |
| Urusniaga bukan pertukaran belum terima (Nota 3) | 11,501,108 | 11,354,826 |
| Urusniaga pertukaran belum terima (Nota 4) | 2,625,567 | 815,888 |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| | | Seperti yang dinyatakan semula |
| Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan (Nota 5) | 1,983,352 | 1,110,869 |
| Simpanan Tetap (Nota 6) | 82,000,000 | 73,000,000 |
| Wang di tangan dan bank (Nota 7) | 12,255,448 | 4,216,974 |
| | 110,365,475 | 90,498,557 |
| ASET BUKAN SEMASA | | |
| Hartanah, loji dan peralatan (Nota 8) | 14,980,483 | 16,170,668 |
| Pelaburan (Nota 9) | 18,000,000 | 18,000,000 |
| Kerja Dalam Kemajuan (Nota 10) | 361,265 | 208,500 |
| Aset tak ketara (Nota 11) | 343,338 | 516,893 |
| | 33,685,086 | 34,896,061 |
| JUMLAH ASET | 144,050,561 | 125,394,618 |
| LIABILITI SEMASA | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru (Nota 12) | 33,259,561 | 29,537,672 |
| Akaun Amanah (Nota 13) | 11,006,521 | 9,458,031 |
| Geran Bantuan Khas Kerajaan (Nota 14) | 8,716,711 | 9,592,130 |
| Pinjaman Sewa Beli (Nota 15) | 210,083 | 254,319 |
| | 53,192,876 | 48,842,152 |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | |
| Pinjaman sewa beli (Nota 15) | 63,040 | 273,123 |
| | 63,040 | 273,123 |
| JUMLAH LIABILITI | 53,255,916 | 49,115,275 |
| ASET BERSIH | 90,794,645 | 76,279,343 |
| ASET BERSIH | | |
| Kumpulan Wang Majlis (Nota 16) | 90,094,645 | 75,579,343 |
| Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan (Nota 18) | 700,000 | 700,000 |
| | 90,794,645 | 76,279,343 |

Nota-nota merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| | | Seperti yang dinyatakan semula |
| HASIL | | |
| Urusniaga bukan pertukaran (Nota 19) | 54,318,885 | 53,996,392 |
| Urusniaga pertukaran (Nota 19) | 8,839,211 | 18,103,453 |
| JUMLAH HASIL (Nota 19) | 63,158,096 | 72,099,845 |
| PERBELANJAAN | | |
| Emolumen (Nota 20) | 17,387,555 | 15,822,310 |
| Perkhidmatan dan Bekalan (Nota 20) | 29,991,220 | 26,691,926 |
| Pemberian dan Kenaan Tetap (Nota 20) | 3,371,271 | 3,505,660 |
| Perbelanjaan Lain (Nota 20) | 543,443 | 506,256 |
| Susutnilai dan Pelunasan (Nota 20) | 2,359,657 | 2,273,986 |
| JUMLAH PERBELANJAAN (Nota 20) | 53,653,146 | 48,800,138 |
| LEBIHAN DALAM TAHUN | 9,504,950 | 23,299,707 |

Nota-nota merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Kumpulan Wang Majlis | Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan | Jumlah Aset Bersih |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari 2016 (Seperti yang dinyatakan terdahulu) | 52,536,931 | 700,000 | 53,236,931 |
| Kesan Pemakaian MPSAS | — | — | — |
| Baki pada 1 Januari 2016 (Seperti yang dinyatakan semula) | 52,536,931 | 700,000 | 53,236,931 |
| Pelarasan tahun lalu | (257,295) | — | (257,295) |
| Lebihan bersih dalam tahun | 23,299,707 | — | 23,299,707 |
| Baki pada 31 Disember 2016 | 75,579,343 | — | 75,579,343 |
| Pelarasan tahun lalu (Nota 17) | 5,010,352 | — | 5,010,352 |
| Lebihan bersih dalam tahun | 9,504,950 | — | 9,504,950 |
| Baki pada 31 Disember 2017 | 90,094,645 | 700,000 | 90,794,645 |

Nota-nota merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| | | Seperti yang dinyatakan semula |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI | | |
| (Kurangan)/Lebihan dalam tahun | 9,504,950 | 23,299,707 |
| Pergerakan bukan tunai: | | |
| Susutnilai dan pelunasan | 2,359,657 | 1,273,986 |
| Pelarasan (Nota 17) | 5,010,352 | (257,295) |
| Pendapatan faedah | (3,727,140) | (3,620,949) |
| (Peningkatan)/Pengurangan Akaun Amanah | (741,320) | 4,395,040 |
| Pelunasan geran | (794,602) | (874,258) |
| Perbelanjaan faedah | 380,839 | 1,881,330 |
| Peningkatan urusniaga dan akaun belum terima | (2,909,262) | (408,507) |
| Peningkatan/(Pengurangan) akaun belum bayar dan belanja terakru | 3,721,889 | (2,932,915) |
| Penambahan geran bantuan khas kerajaan | 2,289,811 | — |
| Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi | 15,095,174 | 23,756,139 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | | |
| Belian hartanah, loji dan peralatan | (949,517) | (395,008) |
| Belian aset tak ketara | (46,400) | (175,909) |
| Tambahan kerja dalam kemajuan | (152,765) | (208,500) |
| Belian pelaburan amanah | — | (15,000,000) |
| Penerimaan faedah | 3,727,140 | 3,620,949 |
| Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan | 2,578,458 | (12,158,468) |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN | | |
| Faedah dibayar | (380,839) | (1,881,330) |
| Pembayaran pinjaman sewa beli | (254,319) | (269,523) |
| Aliran tunai bersih dari aktiviti pembiayaan | (635,158) | (2,150,853) |
| Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai | 17,038,474 | 9,446, 818 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh | 77,216,974 | 67,770,156 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh | 94,255,448 | 77,216,974 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh terdiri daripada: | | |
| Simpanan Tetap | 82,000,000 | 73,000,000 |
| Wang Di Tangan dan Bank | 12,255,448 | 4,216,974 |
| | 94,255,448 | 77,216,974 |

PENYATA PERBANDINGAN BELANJAWAN DAN SEBENAR
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | JUMLAH BELANJAWAN | | JUMLAH SEBENAR | ^VARIAN |
|---|---|---|---|---|
| | Asal | Akhir | | |
| | RM | RM | RM | RM |
| PENERIMAAN | | | | |
| Hasil Cukai | 32,100,000 | 33,600,000 | 32,465,872 | (1,134,128) |
| Hasil Bukan Cukai | 21,010,610 | 21,010,610 | 20,952,127 | (58,483) |
| Terimaan Bukan Hasil | 21,983,598 | 21,983,598 | 9,740,097 | (12,243,501) |
| | 75,094,208 | 76,594,208 | 63,158,096 | (13,436,112) |
| PERBELANJAAN | | | | |
| Emolumen | 18,933,000 | 18,642,547 | 17,387,555 | (1,254,992) |
| Perkhidmatan dan bekalan | 33,529,450 | 29,351,294 | 29,991,220 | 639,926 |
| Pemilikan harta modal | 32,467,120 | 1,614,000 | 949,517 | (664,483) |
| Pemberian dan kenaan tetap | 3,655,510 | 2,181,965 | 3,371,271 | 1,189,306 |
| Perbelanjaan lain | 1,059,240 | 669,704 | 2,903,099 | 2,233,395 |
| | 89,644,320 | 52,459,510 | 54,602,662 | 2,143,152 |
| PENERIMAAN BERSIH | (14,550,112) | 24,134,698 | 8,555,434 | (15,579,264) |

^Merujuk kepada varian di antara Jumlah Sebenar berbanding Jumlah Belanjawan Akhir

Nota: Belanjawan dan asas perakaunan berbeza. Penyata ini disediakan pada asas bajet

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR MAJLIS 31 DISEMBER 2017

1. MAKLUMAT AM

1.1 Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan Utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan perlaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Majlis Daerah Kuala Langat.

Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta bagi harta-harta yang boleh dikenakan cukai taksiran yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis seperti penataan lampu jalan, pembersihan longkang dan kutipan sampah.

Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.

Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi Majlis.

1.2 Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”) yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

1.3 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Daerah Kuala Langat Bil 4 Tahun 2018 pada 16 April 2018.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1 Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

2.1.2 Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS kerana Majlis telah memilih pengecualian berhubung dengan pengiktirafan aset dan liabiliti seperti yang dinyatakan pada nota 2.21.2 kepada Penyata Kewangan. Sebelum ini penyata kewangan Majlis telah disediakan mengikut Lembaga Piawaian Perakaunan berkaitan yang diluluskan di Malaysia serta garis panduan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

2.1.3 Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa ke masa akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.20 kepada Penyata Kewangan.

2.2 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.2.1 Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran

Cukai Taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai Taksiran di iktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Sumbangan membantu kadar

Sumbangan Membantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar di iktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

(iv) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan dan nilai sewaan yang dikenakan adalah di bawah kadar pasaran semasa.

(v) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

(vi) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.2.2 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripaada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

(ii) Perolehan dari Jualan Barang-Barang

Perolehan dari Jualan barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain.

(iii) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan dan nilai sewaan bersamaan kadar pasaran semasa.

(iv) Faedah dan Perolehan dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.3.2 (i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

2.3.1 Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2000.00 setiap satu unit.

2.3.2 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

2.3.3 Jika berlaku sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

2.4 Hartanah. Loji dan Peralatan

2.4.4 Nilai di bawah item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

2.5 Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.5.1 Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Susutnilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.

2.5.2 Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

| Hartanah, loji dan peralatan | Kadar Tahunan |
|---|---|
| Tanah pajakan | Mengikut tempoh pajakan |
| Tanah pegangan bebas | Tidak disusutnilai |
| Bangunan | 5% |
| Jentera dan Mesin | 20%-33 1/3% |
| Kenderaan | 15%-20% |
| Peralatan dan Kelengkan | 10%-20% |
| Alatan sukan dan rekreasi | 10%-20% |

2.5.3 Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.6 Hartanah Pelaburan

2.6.1 Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

2.6.2 Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

2.6 Aset Tak Ketara

2.6.1 Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

2.6.2 Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelajaan.

2.6.3 Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

2.6.4 Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.

2.6.5 Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

2.6.6 Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

2.7 Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan hartanah, loji dan peralatan akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (*Certificate of Practical Completion*) dikeluarkan atau tarikh siap kerja dan dilunaskan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan dan dilunaskan.

2.8 Aset Kewangan

2.8.1 Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.8.2 Pada pengiktirafan awal, aset kewangan yang diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kekurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

2.8.3 Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

2.8.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvesyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.8.5 Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah berkesan atau ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

(ii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan atau ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kaedah faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

(i) Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;

(ii) Pembayaran tertunggak;

(iii) Kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau

(iv) Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai

(v) Selepas sekurang-kurangnya 8 kali Notis E dikeluarkan; atau

(vi) Selepas penggulungan dan pembubaran syarikat serta pengambil alihan tanah

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai di bawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memidahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan di terima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.10 Peruntukan dan Liabiliti

2.10.1 Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam penyata prestasi kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

2.11 Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

2.11.1 Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf tetapi didedahkan dalam penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2.11.2 Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2.12. Liabiliti Kewangan

2.12.1 Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.12.2 Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

2.12.3 Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2.12.4 Majlis mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

(ii) Penyahiktirafan Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.13 Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan

Kumpulan wang pinjaman kakitangan merupakan jumlah wang yang dipindahkan daripada Kumpulan Mengurus bagi tujuan membiayai Pinjaman Kenderaan, Pinjaman Komputer dan Pinjaman Pendidikan Boleh Ubah.

2.14 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang disedia tukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk risiko perubahan nilai tidak ketara.

2.15 Manfaat Pekerja

2.15.1 Manfaat kakitangan jangka pendek

Majlis sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, kemudahan perubatan di Institut Jantung Negara (IJN), Dialisis dan peralatan bahan tiruan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer.

Faedah kakitangan jangka masa pendek termasuk gaji, upah, bonus dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku

2.15.2 Manfaat selepas perkhidmatan

(i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(ii) Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(iii) Manfaat Cuti rehat dan Ganjaran Kakitangan Kontrak

Bagi kakitangan tetap Majlis sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunapakai oleh Majlis.

Majlis hanya mengambilkira peruntukan GCR bagi kakitangan tetap dan telah berkhidmat melebihi 10 tahun dan telah mencapai umur 40 tahun dalam tempoh kewangan berakhir di mana ia dikira berdasarkan formula berikut:

1/30 X gaji dan elaun akhir yang diterima* X 150 hari (had maksimum boleh dituntut)

* dengan andaian peningkatan gaji setiap tahun adalah sebanyak 3% setahun

Pihak Majlis juga akan memberi ganjaran kepada kakitangan kontrak yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka berdasarkan formula berikut:

[17.5% - 12% (caruman KWSP majikan) X gaji pokok terakhir X jumlah bulan perkhidmatan (-) faedah syer ke atas caruman KWSP majikan.

2.16 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

2.16.1 Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

2.16.2 Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai diwa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

2.17 Percukaian

2.17.1 Majlis Daerah Kuala Langat adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6: Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.18 Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

2.18.1 Perlaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. lmplikasi cukai barang dan perkhidmatan kepada Majlis adalah seperti berikut:

(i) Cukai Output

Terimaan hasil cukai taksiran dan lesen adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan hasil selain cukai taksiran contohnya seperti sewaan ruang niaga, sewaan dewan adalah tertaluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

(ii) Cukai Input

Majlis menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan. Majlis boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

2.19 Maklumat Bajet

2.19.1 Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.19.2 Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Khas Belanjawan Majlis Daerah Kuala Langat dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Selangor.

2.20 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

2.20.1 Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat sepeti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

2.20.2 Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Kerugian Rosot Nilai

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Majlis menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 50 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iii) Pengukuran Peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.21 Kesan Pemakaian MPSAS

2.21.1 Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana penyata kewangan Majlis sebelum ini telah disediakan menggunakan piawaian perakaunan yang diluluskan. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan penyata kewangan tahun kewangan ini adalah selaras dengan yang telah digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan sepeti berikut:

(i) Aset Tak Ketara

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua perisian komputer atau aplikasi sistem telah dikategorikan di bawah Hartanah, loji dan peralatan. Pemakaian MPSAS mengkehendaki item ini diklasifikasikan semula berdasarkan kepada ciri-cirinya yang perlu ditunjukkan secara berasingan di dalam penyata kedudukan kewangan. Pihak majlis telah membuat pengklasifikasian tersebut di dalam tahun kewangan semasa.

(ii) Pengiktirafan geran atau akaun amanah

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis mengklasifikasikan akaun geran atau akaun amanah sebagai salah satu item di dalam ekuiti. Pemakaian MPSAS mengkehendaki semua geran atau akaun amanah yang mempunyai syarat ke atasnya hendaklah diklasifikasikan sebagai liabiliti. Oleh itu majlis telah mengklasifikasikan semula geran atau akaun amanahnya kepada liabiliti. Majlis sedang di dalam proses untuk menentukan baki sebenar akaun geran atau akaun amanahnya kerana di dalam tahun kewangan sebelum ini, majlis melunaskan akaun geran atau akaun amanahnya ke penyata prestasi kewangan tidak bersamaan dengan jumlah yang dibelanjakan.

2.21.2 Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Majlis juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan penyata kewangan ini yang pertama kali disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

Peruntukan dan Pengecualian yang memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan

(i) Aset Infrastruktur

Majlis memiliki aset infrastruktur iaitu jalan raya, pondok bas dan lain-lain lagi yang tidak dipermodalkan di dalam penyata kewangan. Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi aset infrastruktur telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki aset infrastruktur ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset infrastruktur ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung infrastrukturnya. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset-aset tersebut bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset infrastrukturnya.

(ii) Penentuan Nilai Saksama Aset Yang Direkodkan Pada Nilai Nominal

Majlis memiliki beberapa aset nyata dan tidak nyata yang diterima secara percuma dan direkodkan pada nilai nominal di dalam penyata kewangan Majlis. MPSAS mengkehendaki semua aset nyata dan tidak nyata yang diterima melalui urusniaga bukan pertukaran hendaklah direkodkan pada nilai saksama. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset-aset tersebut bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset-aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menentukan nilai saksama aset-aset tersebut.

(iii) Peruntukan ke atas Gantian Cuti Rehat (GCR) dan Ganjaran Kontrak

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis tidak membuat peruntukan ke atas gantian cuti rehat dan ganjaran kontrak. MPSAS mengkehendaki peruntukan-peruntukan ini dibuat kerana ia telah memenuhi syarat kepada sesuatu peruntukan itu perlu dibuat. Majlis akan menggunapakai kaedah Projected Unit Credit bagi membuat pengiraan peruntukan gantian cuti rehat di mana Majlis akan membuat beberapa andaian di dalam pengiraan tersebut. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi mengiktiraf peruntukan ke atas gantian cuti rehat dan ganjaran kontrak ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga peruntukan-peruntukan tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk mengumpul data berhubung dengan kakitangannya.

(iv) Pengiktirafan inventori

Majlis memiliki beberapa inventori yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan di mana majlis telah mengiktiraf sebagai belanja di dalam penyata prestasi kewangan. MPSAS mengkehendaki inventori ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan inventori ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung inventori.

(v) Aset hidup

Majlis memiliki aset hidup iaitu pokok dan tumbuhan yang tidak dipermodalkan di dalam penyata kewangan. MPSAS mengkehendaki asset hidup ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset hidup ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset hidupnya.

Peruntukan dan Pengecualian yang tidak memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan

(i) Aset dan liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf

Majlis tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangannya yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunapakai rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunapakai rangka kerja MPSAS. Jika sesuatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah rangka kerja perakaunan terdahulu maka Majlis memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

(ii) Anggaran perakaunan

Sebelum ini, Majlis menggunakan pertimbangan untuk menentukan elaun bagi elaun rosot nilainya. Elaun akan dibuat apabila Majlis menilai sesuatu hutang itu tidak boleh dikutip. Selepas menggunapakai MPSAS, penilaian ke atas kemerosotan aset kewangan dibuat berdasarkan kepada peristiwa kerugian yang telah berlaku (*incurred loss model*), di mana kemerosotan diiktiraf berdasarkan bukti objektif yang wujud. Walau bagaimanapun, elaun rosot nilai pada tarikh peralihan ini tidak diselaraskan secara retrospektif.

2.21.3 Kesan pemakaian MPSAS ke atas penyata kewangan Majlis pada 31 Disember 2016 selepas mengambilkira penggunaan pengecualian dan pertukaran dasar-dasar perakaunan adalah seperti berikut:

Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan berakhir 31 Disember 2016

| | Piawai Perakaunan Terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Aset Semasa: | | | |
| Urusniaga bukan pertukaran belum terima | — | 11,354,826 | 11,354,826 |
| Urusniaga pertukaran belum terima | — | 815,888 | 815,888 |
| Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan | — | 1,110,869 | 1,110,869 |

| | Piawai Perakaunan Terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Penghutang | 11,873,403 | (11,873,403) | — |
| Pinjaman Kakitangan | 338,992 | (338,992) | — |
| Pelbagai Pertaruhan dan Terakru | 815,888 | (815,888) | — |
| Cagaran Majlis | 253,300 | (253,300) | — |
| Simpanan Tetap | 73,000,000 | — | 73,000,000 |
| Wang Dalam Bank dan di Tangan | 4,216,974 | — | 4,216,974 |
| | 90,498,557 | — | 90,498,557 |
| Aset Bukan Semasa: | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 16,687,561 | (516,893) | 16,170,668 |
| Kerja Dalam Kemajuan | 208,500 | — | 208,500 |
| Pelaburan | 18,000,000 | — | 18,000,000 |
| Aset Tak Ketara | — | 516,893 | 516,893 |
| | 34,896,061 | — | 34,896,061 |
| Jumlah Aset | 125,394,618 | — | 125,394,618 |
| Liabiliti Semasa: | | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru | — | 29,537,672 | 29,537,672 |
| Akaun Amanah | — | 9,458,031 | 9,458,031 |
| Geran bantuan Khas Kerajaan | — | 9,592,130 | 9,592,130 |
| Pemiutang & Pelbagai Pemiutang | 5,362,726 | (5,362,726) | — |
| Wang Cagaran & Terimaan Terdahulu | 24,174,946 | (24,174,946) | — |
| Pinjaman Sewa Beli | 254,319 | — | 254,319 |
| | 29,791,991 | 19,050,161 | 48,842,152 |
| Liabiliti Bukan Semasa: | | | |
| Pinjaman sewa beli | 273,123 | — | 273,123 |
| Jumlah Liabiliti | 30,065,114 | 19,050,161 | 49,115,275 |
| Aset Bersih | 95,329,504 | (19,050,161) | 76,279,343 |
| Ekuiti: | | | |
| Geran Bantuan Khas Kerajaan | 9,592,130 | (9,592,130) | — |
| Kumpulan Wang Majlis | 75,579,343 | — | 75,579,343 |
| Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan | 700,000 | — | 700,000 |
| Kumpulan Wang Amanah | 9,458,031 | (9,458,031) | — |
| Jumlah Ekuiti | 95,329,504 | (19,050,161) | 76,279,343 |
| Hasil | | | |
| Urusniaga bukan pertukaran | — | 53,996,392 | 53,996,392 |
| Urusniaga pertukaran | — | 18,103,453 | 18,103,453 |
| Hasil cukai | 30,379,067 | (30,379,067) | — |
| Hasil bukan cukai | 29,940,917 | (29,940,917) | — |
| Pelbagai terimaan | 11,779,861 | (11,779,861) | — |
| | 72,099,845 | — | 72,099,845 |

| | Piawai Perakaunan Terdahulu | Kesan MPSAS/ Pelarasan | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Perbelanjaan | | | |
| Emolumen | 15,822,310 | — | 15,822,310 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 26,691,926 | — | 26,691,926 |
| Pemberian dan kenaan bayaran tetap | 3,505,660 | — | 3,505,660 |
| Perbelanjaan lain | 2,780,242 | (2,273,986) | 506,256 |
| Susutnila dan pelunasan | — | 2,273,986 | 2,273,986 |
| | 48,800,138 | — | 48,800,138 |
| Lebihan Dalam Tahun | 23,299,707 | — | 23,299,707 |

2.21 Mengkontra lnstrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, terdapat hak undang-undang mengimbanginya (offset) dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk mereliasasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.22 Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli-ahli Majlis

2.23 Pajakan

Pajakan Kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Majlis menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosotnilai.

Pajakan Operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.24 Kos Pembiayaan

Semua kos pembiayaan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh ia terlibat.

3. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Akaun belum terima - cukai taksir | 10,947,115 | 10,543,473 |
| Akaun belum terima - Sewaan | 553,993 | 811,353 |
| | 11,501,108 | 11,354,826 |

4. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | | |
|---|---|---|
| Akaun belum terima - Faedah dari Simpanan Tetap & Pelaburan | 1,771,614 | 776,952 |
| Akaun belum terima - Pelbagai | 853,953 | 38,936 |
| | 2,625,567 | 815,888 |

Analisa pengumuran urusniaga pertukaran belum terima adalah seperti berikut:

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Tidak rosot atau melepasi tempoh kena dibayar | 2,242,829 | 815,888 |
| Melepasi tempoh kena dibayar 1 hingga 30 hari tetapi tidak dirosot | — | — |
| Melepasi tempoh kena dibayar 31 hingga 60 hari tetapi tidak dirosot | 50,195 | — |
| Melepasi tempoh kena dibayar 61 hingga 90 hari tetapi tidak dirosot | 14,275 | — |
| Melepasi tempoh kena dibayar 91 tetapi tidak dirosot | 318,268 | — |
| | 2,625,567 | 815,888 |

5. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Penghutang Kastam | 1,345,532 | 518,577 |
| Pinjaman Kakitangan - Kenderaan | 269,572 | 163,900 |
| Pinjaman Kakitangan - Komputer | 167,964 | 150,063 |
| Pinjaman Kakitangan - Pendidikan | 27,802 | 25,029 |
| Deposit/Cagaran Majlis | 164,800 | 253,300 |
| Pelbagai terimaan terakru | 7,682 | — |
| | 1,983,352 | 1,110,869 |

6. SIMPANAN TETAP

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Maybank Islamic Finance | 31,000,000 | — |
| Bank Islam Malaysia Berhad | — | 19,000,000 |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia | 8,000,000 | 13,000,000 |
| Malaysia Building Society Berhad (MBSB) | 20,000,000 | 35,000,000 |
| Amanah Raya Berhad | 10,000,000 | — |
| Kuwait Finance House | 13,000,000 | — |
| Al-Khair International Islamic Bank | — | 6,000,000 |
| | 82,000,000 | 73,000,000 |

7. WANG Dl TANGAN DAN BANK

| | | |
|---|---|---|
| Maybank Berhad (Ak: 012053306207) | 8,266,878 | 2,435,361 |
| CIMB Bank Berhad (Ak: 12022891898055) | 450,192 | 333,371 |
| Bank Islam Malaysia Berhad (Ak: 12074010000051) | 3,087,361 | 961,341 |
| Bank Islam Malaysia Berhad (Ak: 12074010042705) | 5,074 | 5,074 |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Ak: 22018325 | 47,028 | 7,788 |
| Bank Simpanan Nasional Bhd. (Ak: 101004100042705) | 54,725 | 7,876 |
| AmBank Islamic Bhd. (Ak: 0412022004530) | — | 216,783 |
| Standard Chartered Saadiq (Ak: 493409958851) | 166 | 187 |
| Kuwait Finance House (Ak: 017141000196) | 342,024 | 247,193 |
| Panjar Wang Runcit | 2,000 | 2,000 |
| | 12,255,448 | 4,216,974 |

8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | Kos Pada 1-1-2017 | Tambahan 2017 | Pelarasan 2016 | Pelupusan 2017 | Kos Pada 31-12-2017 | Susutnilai Terkumpul 1-1-2017 | Susutnilai 2017 | Pelarasan 2016 | Pelupusan 2017 | Susutnilai Terkumpul 31-12-2017 | Nilai Buku 31-12-2017 | Nilai buku 31-12-2016 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| JENIS HARTA | | | | | | | | | | | | |
| HARTA BANTUAN KHAS | | | | | | | | | | | | |
| Kedai/Rumah | 19,326,224 | — | — | — | 19,326,224 | 9,789,272 | 857,033 | — | — | 10,646,305 | 8,679,919 | 9,536,952 |
| Kenderaan | 940,571 | — | — | — | 940,571 | 886,880 | 17,895 | — | — | 904,775 | 35,796 | 53,691 |
| Mesin & Jentera | 12,600 | — | — | — | 12,600 | 12,599 | — | — | — | 12,599 | 1 | 1 |
| Peralatan & Lengkapan | 85,653 | — | — | — | 85,653 | 84,166 | 492 | — | — | 84,658 | 995 | 1,487 |
| | 20,365,048 | — | — | — | 20,365,048 | 10,772,917 | 875,420 | — | — | 11,648,337 | 8,716,711 | 9,592,131 |
| HARTA MAJLIS | | | | | | | | | | | | |
| Tanah | 73,266 | — | — | — | 73,266 | 8,879 | 709 | — | — | 9,588 | 63,678 | 64,387 |
| Bangunan | 10,589,691 | — | — | — | 10,589,691 | 5,359,169 | 505,825 | — | — | 5,864,994 | 4,724,697 | 5,230,522 |
| Kenderaan | 3,710,160 | 723,394 | — | — | 4,433,554 | 2,960,930 | 520,173 | — | — | 3,481,103 | 952,451 | 749,230 |
| Mesin & Jentera | 233,765 | 23,130 | — | — | 256,895 | 142,575 | 37,126 | — | — | 179,701 | 77,194 | 91,190 |
| Peralatan & Lengkapan | 2,580,131 | 189,793 | — | — | 2,769,924 | 2,176,034 | 184,010 | — | — | 2,360,044 | 409,880 | 404,097 |
| Alatan Sukan & Rekreasi | 156,700 | — | — | — | 156,700 | 127,189 | 11,399 | — | — | 138,588 | 18,112 | 29,511 |
| Alat Keselamatan, Kesihatan | — | 13,200 | — | — | 13,200 | — | 2,640 | — | — | 2,640 | 10,560 | — |
| Kelengkapan lain | 12,000 | — | — | — | 12,000 | 2,400 | 2,400 | — | — | 4,800 | 7,200 | 9,600 |
| | 17,355,713 | 949,517 | — | — | 18,305,230 | 10,777,176 | 1,264,282 | — | — | 12,041,458 | 6,263,772 | 6,578,537 |
| JUMLAH BESAR | 37,720,761 | 949,517 | — | — | 38,670,278 | 21,550,093 | 2,139,702 | — | — | 23,689,795 | 14,980,483 | 16,170,668 |

9. PELABURAN

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Pelaburan Amanah-Amanah Raya Berhad Tersiar harga, pada kos | 18,000,000 | 18,000,000 |

10. KERJA DALAM KEMAJUAN

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 208,500 | — |
| Tambahan | 152,765 | 208,500 |
| Pindahan Ke Hartanah, Loji & Peralatan | — | — |
| Baki pada akhir tahun | 361,265 | 208,500 |

Termasuk di dalam tambahan tahun semasa adalah kerja-kerja profesional untuk pembinaan Dewan Orang Ramai (DOR) Bandar Saujana Putra (BSP)

11. ASET TAK KETARA

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
| KOS | | |
| Kos pada awal tahun (seperti yang dinyatakan semula) | 1,206,542 | 1,030,633 |
| Tambahan dalam tahun | 46,400 | 175,909 |
| Pindahan | — | — |
| Kos pada akhir tahun | 1,252,942 | 1,206,542 |
| PELUNASAN TERKUMPUL | | |
| Pada awal tahun (seperti yang dinyatakan semula) | 689,649 | 475,570 |
| Pelunasan tahun semasa | 219,955 | 214,079 |
| Pelunasan terkumpul pada akhir tahun | 909,604 | 689,649 |
| AMAUN BAWAAN PADA 31 DISEMBER 2017 | 343,338 | 516,893 |

12. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR DAN PERBELANJAAN TERAKRU

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| Pelbagai akaun belum bayar (Nota (a)) | 6,042,759 | 5,362,726 |
| Deposit/Cagaran (Nota (b)) | 26,905,937 | 24,058,093 |
| Terimaan Terdahulu | 310,865 | 116,853 |
| | 33,259,561 | 29,537,672 |
| (a) Pemiutang am | 4,258,271 | 4,771,919 |
| Peruntukan bayaran audit | 22,828 | 22,828 |
| Pemiutang pelbagai | 1,193,820 | 6,683 |
| Cek tamat tempoh | 562,656 | 560,366 |
| Agensi PBT Setempat | 5,184 | 930 |
| | 6,042,759 | 5,362,726 |

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| (b) Cagaran Teknikal | 23,325,013 | 20,575,265 |
| Cagaran Bukan Teknikal | 3,580,924 | 3,482,828 |
| | 26,905,937 | 24,058,093 |

13. AKAUN AMANAH

| | | |
|---|---|---|
| (i) Akaun Amanah MARRIS | | |
| Baki 1 Jan 2017 | 9,458,031 | 5,047,991 |
| Tambahan dalam tahun | 24,875,164 | 11,489,374 |
| Bayaran dalam tahun | (30,468,122) | (7,079,334} |
| Baki 31 Dis 2017 | 3,865,073 | 9,458,031 |
| (ii) Akaun Amanah Caj Pemajuan | | |
| Baki 1 Jan 2017 | — | — |
| Tambahan dalam tahun | 4,410,000 | — |
| Bayaran dalam tahun | — | — |
| Baki 31 Dis 2017 | 4,410,000 | — |
| (iii) Akaun Amanah Perkhidmatan ISF | | |
| Baki 1 Jan 2017 | — | — |
| Tambahan dalam tahun | 2,731,448 | — |
| Bayaran dalam tahun | — | — |
| Baki 31 Dis 2017 | 2,731,448 | — |
| Jumlah Baki Akaun Amanah | 11,006,521 | 9,458,031 |

14. GERAN BANTUAN KHAS KERAJAAN

| | | |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Jan 2017 | 9,592,130 | 10,466,387 |
| Tambahan dalam tahun | — | — |
| Pelunasan dalam tahun | (875,419) | (874,257) |
| Baki pada 31 Dis 2017 | 8,716,711 | 9,592,130 |

15. PINJAMAN SEWA BELl

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Baki bayaran ansuran sewa beli mengikut perjanjian | | |
| Bayaran tidak melebihi setahun | 242,016 | 294,448 |
| Bayaran melebihi setahun dan tidak melebihi dua tahun | 72,822 | 242,016 |
| Bayaran melebihi dua tahun dan tidak melebihi lima tahun | — | 72,822 |
| Jumlah baki bayaran ansuran | 314,838 | 609,286 |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Tolak: | | |
| Bayaran faedah pada masa hadapan | (41,715) | (81,844) |
| Baki pokok sewa beli yang belum dibayar | 273,123 | 527,442 |

Analisa nilai pokok sewa beli belum dibayar

| | | |
|---|---|---|
| Bayaran tidak melebihi setahun | 210,083 | 254,319 |
| Bayaran melebihi setahun dan tidak melebihi dua tahun | 63,040 | 210,082 |
| Bayaran melebihi dua tahun dan tidak melebihi lima tahun | — | 63,041 |
| Baki pokok sewa beli yang belum dibayar | 273,123 | 527,442 |

16. KUMPULAN WANG MAJLIS

| | | |
|---|---|---|
| Baki terkumpul pada 1 Januari | 75,579,343 | 52,536,931 |
| Tambah: | | |
| Lebihan pendapatan dalam tahun | 9,504,950 | 23,299,707 |
| Pelarasan Tahun Lepas *(Nota 17)* | 5,010,352 | (257,295) |
| Baki selepas pelarasan | 90,094,645 | 75,579,343 |

17. PELARASAN TAHUN LEPAS

Pengurangan/pertambahan ke atas kumpulan wang disebabkan oleh pelarasan yang berlaku dalam tahun tersebut dan dinyatakan semula pada penyata tahun yang memberi kesan perubahan seperti Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Aliran tunai adalah seperti berikut:

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Pelarasan tambahan Kumpulan Wang Majlis | | |
| Penghutang | 324 | 7 |
| Pemiutang | 5,008,030 | — |
| Hasil | 59,412 | — |
| Perbelanjaan | 13 | — |
| | 5,067,779 | 7 |
| Pelarasan pengurangan Kumpulan Wang Majlis | | |
| Penghutang | 55,897 | — |
| Pemiutang | 1,500 | 246,692 |
| Hasil | — | 8,200 |
| Perbelanjaan | 30 | 2,410 |
| | 57,427 | 257,302 |
| | 5,010,352 | (257,295) |

Pelarasan penambahan pemiutang merupakan pelarasan yang terbesar dan ini disebabkan oleh klasifikasi semula kod akaun.

18. KUMPULAN WANG PINJAMAN KAKITANGAN

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Baki peruntukan pada 1 Januari | | |
| Pinjaman Pendidikan | 100,000 | 100,000 |
| Pinjaman Kenderaan | 400,000 | 400,000 |
| Pinjaman Komputer | 200,000 | 200,000 |
| | 700,000 | 700,000 |
| Tambahan/(Pengurangan) peruntukan | — | — |
| Baki peruntukan pada 31 Disember | 700,000 | 700,000 |

19. JUMLAH HASIL

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| | | Seperti yang dinyatakan semula |
| Urusniaga Bukan Pertukaran | | |
| Cukai Taksiran | 31,782,153 | 29,981,856 |
| Sumbangan Membantu Kadar | 683,719 | 397,211 |
| Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit | 5,754,122 | 4,777,991 |
| Sewaan | 3,192,743 | 4,025,403 |
| Denda dan Hukuman | 3,166,051 | 3,033,364 |
| Hasil Pelbagai | — | 706 |
| Pulangan Balik Perbelanjaan | 151,566 | 211,401 |
| Geran Kerajaan | 8,713,111 | 10,694,203 |
| Pelunasan Geran Kerajaan | 875,420 | 874,257 |
| | 54,318,885 | 53,996,392 |
| Urusniaga Pertukaran | | |
| Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan | 4,457,030 | 14,916,608 |
| Perolehan dari Jualan Barang-Barang | 655,041 | 299,475 |
| Faedah dan Perolehan dari Pelaburan | 3,727,140 | 2,887,370 |
| | 8,839,211 | 18,103,453 |
| | 63,158,096 | 72,099,845 |

20. JUMLAH PERBELANJAAN

| | | |
|---|---|---|
| Emolumen | | |
| Gaji dan Upahan | 9,505,695 | 9,008,585 |
| Elaun/Imbuhan Tetap | 4,036,605 | 3,645,761 |
| Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan | 142,162 | 170,527 |
| Bayaran Lebih Masa | 789,931 | 1,159,209 |
| Faedah Kewangan Lain | 340,710 | 222,258 |
| Bayaran lmbuhan Tahunan dan Bantuan Kewangan | 2,572,452 | 1,615,970 |
| | 17,387,555 | 15,822,310 |

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Perkhidmatan dan Bekalan | | |
| Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup | 198,318 | 206,035 |
| Pengangkutan Barang - barang | 2,478 | 826 |
| Perhubungan dan Utiliti | 3,714,736 | 3,743,313 |
| Sewaan | 287,196 | 270,886 |
| Bekalan Bahan Mentah dan Bahan-bahan untuk Penyelenggaraan & Pembaikan | 340,173 | 299,187 |
| Bekalan dan Bahan-bahan Lain | 1,599,343 | 1,500,384 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli | 5,998,721 | 4,069,923 |
| Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti | 17,850,255 | 16,601,372 |
| | 29,991,220 | 26,691,926 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | | |
| Pemberian Dalam Negeri | 1,815,732 | 2,060,057 |
| Kos Kewangan | 40,129 | 43,101 |
| Pencen | 1,515,410 | 1,402,502 |
| | 3,371,271 | 3,505,660 |
| Perbelanjaan Lain | | |
| Pulangan Balik dan Hapuskira | 116,878 | 137,640 |
| Bayaran Lain | 426,565 | 368,616 |
| | 543,443 | 506,256 |
| Susutnilai dan Pelunasan | | |
| Susutnilai | 2,139,702 | 2,059,907 |
| Pelunasan | 219,955 | 214,079 |
| | 2,359,657 | 2,273,986 |
| | 53,653,146 | 48,800,138 |

21. INSTRUMEN KEWANGAN-DASAR PENGURUSAN RISIKO

Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, majlis mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Majlis adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Majlis hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi polisi Majlis bahawa semua siberhutang yang ingin berdagang hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Majlis akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan Majlis kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti Majlis pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

22. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting hanya terdiri oleh Ahli-Ahli Majlis sahaja di mana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan | 25 | 25 |

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Jumlah ganjaran | 1,375,402 | 1,015,736 |

23. KOMITMEN MODAL

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| 1. Komitmen adalah kerja bagi membekal Sistem Sistem Quantum GIS (Geographical Information System) untuk Majlis Daerah Kuala Langat oleh Spatial Synergy Consultant. No. rujukan MDKLJKP/03/SH:5/2016. Nilai kontrak adalah RM390,500.00 yang perlu dibayar mengikut fasa kerja bermula 1 April 2016 sehingga 1 April 2017. | | |
| Peratus bayaran yang belum dibuat | 9% | 47% |
| Baki bayaran sehingga 31 Disember yang belum selesai | 36,000 | 182,000 |
| 2. Tambahan komitmen bagi cadangan pembinaan Dewan Orang Ramai di atas sebahagian Lot 58720, Jalan SP 6/7 Bandar Saujana Putra, Jenjarom, Kuala Langat dengan anggaran kos sebanyak RM2.5juta. | | |
| Peratus bayaran yang belum dibuat | 99% | 0% |
| Baki bayaran sehingga 31 Disember yang belum selesai | 2,493,235 | — |

24. PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai tempoh kewangan dari 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017. Jumlah bajet ini telah dibentangkan oleh Mesyuarat Khas Belanjawan MDKL pada 21 September 2016. Peruntukan tambahan telah dibuat kepada bajet yang telah diluluskan mengikut kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) Ke 39/2017 pada 6 Disember 2017. Peruntukan tambahan ini telah dimasukkan ke dalam bajet asal oleh Majlis setelah menerima kelulusan. Pada tahun 2017, majlis mencatatkan peruntukan tambahan hasil berjumlah RM1.5 juta dan perbelanjaan pembangunan RM800 ribu.

Belanjawan dan penyata kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akru kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar. Selain perbezaan asas ini pelarasan kepada jumlah dalam penyata kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 disember 2017 adalah seperti di bawah.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

| | Operasi | Pelaburan | Pembiayaan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| Jumlah sebenar di dalam | | | | |
| Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar | 7,413,097 | 2,731,223 | (380,839) | 9,763,481 |
| Perbezaan asas (Nota (a)) | 7,682,077 | (152,765) | (254, 319) | 7,274,993 |
| Perbezaan masa | — | — | — | — |
| Perbezaan entiti (Nota (b)) | — | — | — | — |
| Jumlah sebenar di dalam Penyata Aliran Tunai | 15,095,174 | 2,578,458 | (635,158) | 17,038,474 |

Nota (a)

Perbezaan asas merujuk kepada pembayaran yang dibuat di dalam tahun kewangan semasa tetapi merupakan pembayaran berhubung tahun kewangan yang lalu.

Nota (b)

Perbezaan entiti bagi aktiviti pembiayaan wujud disebabkan oleh lain-lain kenaan bank.

**No. 4020.**

## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

### Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan MDHS pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada MDHS dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis MDHS bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan MDHS tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan MDHS yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan MDHS adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan MDHS, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan MDHS untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan MDHS secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara

apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan MDHS, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman MDHS.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunapakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan MDHS sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan MDHS atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan MDHS memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh MDHS telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2.1 kepada penyata kewangan, MDHS telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) mulai 1 Januari 2017 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2016. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Majlis terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan MDHS pada 31 Disember 2016 dan 1 Januari 2016, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan MDHS bagi tahun berakhir 31 Disember 2017, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2017 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

b. Laporan ini disediakan untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

SHAH ALAM
Bertarikh 4 September 2018

ROKIAH BINTI SAHAT
*b.p. Ketua Audit Negara*
*Malaysia*

KENYATAAN OLEH YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS

Kami, Awaluddin bin Zakaria, Setiausaha dan Law Say Hin, Ahli Majlis, Majlis Daerah Hulu Selangor dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi Majlis yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Daerah Hulu Selangor pada 31 Disember 2017 serta hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

AWALUDDIN BIN ZAKARIA, A.M.S
*Setiausaha*
*b.p. Yang Dipertua*
*Majlis Daerah Hulu Selangor*

Bertarikh 29 Mei 2018

LAW SAY HIN
*Ahli Majlis*
*Majlis Daerah Hulu Selangor*

Bertarikh 29 Mei 2018

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Shaiful Rizza bin Piamin, (KP. 751017-10-6141), pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Hulu Selangor, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017, Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017, Penyata Perubahan Aset Bersih Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 dan Penyata Aliran Tunai berserta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikutnya ini berserta dengan nota-nota, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
Diakui oleh Penama di atas
Shaiful Rizza bin Piamin
di Kuala Kubu Bharu, Negeri Selangor
Pada 28 Mei 2018

Di hadapan saya

AMMAR BIN MOHAMAD DAHALAN
*Pesuruhjaya Sumpah*
*Petaling Jaya*

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| ASET | | |
| ASET SEMASA | | |
| Urusniaga bukan pertukaran belum terima (Nota 3) | 23,163,721 | 22,057,690 |
| Pelbagai akaun belum diterima, deposit dan pendahuluan (Nota 4) | 11,408,389 | 4,028,434 |
| Simpanan tetap (Nota 5) | 80,300,000 | 72,500,000 |
| Wang di tangan dan di bank (Nota 6) | 15,431,865 | 9,603,312 |
| | 130,303,975 | 108,189,436 |
| ASET BUKAN SEMASA | | |
| Hartanah, loji dan peralatan (Nota 7) | 14,321,450 | 16,389,533 |
| Kerja dalam kemajuan (Nota 8) | 467,275 | 467,275 |
| Aset tak ketara (Nota 9) | 71,544 | — |
| | 14,860,269 | 16,856,808 |
| JUMLAH ASET | 145,164,244 | 125,046,244 |

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| LIABILITI | | |
| LIABILITI SEMASA | | |
| Wang cagaran (Nota 10) | 19,367,110 | 20,266,261 |
| Geran tertunda (Nota 11) | 2,552,582 | 2,941,846 |
| Wang amanah (Nota 12) | 12,582,172 | 8,334,323 |
| Urusniaga bukan pertukaran terimaan terdahulu (Nota 13) | 1,986,598 | 2,451,142 |
| Pelbagai akaun belum bayar (Nota 14) | 2,402,501 | 1,957,900 |
| Pinjaman sewa beli (Nota 15) | 582,332 | 597,625 |
| | 39,473,295 | 36,549,097 |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | |
| Pinjaman sewa beli (Nota 15) | 1,192,477 | 1,090,528 |
| | 1,192,477 | 1,090,528 |
| JUMLAH LIABILITI | 40,665,772 | 37,639,625 |
| ASET BERSIH | 104,498,472 | 87,406,619 |
| ASET BERSIH | | |
| Kumpulan Wang Majlis | 104,098,472 | 87,006,619 |
| Kumpulan Wang Pinjaman | 400,000 | 400,000 |
| | 104,498,472 | 87,406,619 |

Sila rujuk nota-nota kepada Penyata Kewangan.

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| PENDAPATAN | | |
| Urusniaga bukan pertukaran (Nota 16) | 75,106,209 | 68,537,886 |
| Urusniaga pertukaran (Nota 17) | 12,241,160 | 8,860,456 |
| Pelbagai hasil (Nota 18) | 93,934 | 2,902,788 |
| JUMLAH PENDAPATAN | 87,441,303 | 80,301,130 |
| PERBELANJAAN | | |
| Mengurus | | |
| Emolumen (Nota 19) | 19,339,150 | 15,701,776 |
| Perkhidmatan dan Bekalan (Nota 19) | 30,765,565 | 42,073,915 |
| Pemberian dan Kenaan Tetap (Nota 19) | 1,633,014 | 1,723,109 |
| Perbelanjaan Lain (Nota 19) | 6,080,200 | 14,859,171 |
| | 57,817,929 | 74,357,971 |

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Pembangunan | | |
| Projek Pembangunan Majlis (Nota 19) | 11,690,743 | 2,476,526 |
| | 11,690,743 | 2,476,526 |
| Susutnilai dan pelunasan | 3,010,000 | 2,938,171 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 72,518,672 | 79,772,668 |
| LEBIHAN PENDAPATAN BERSIH | 14,922,631 | 528,462 |

Sila rujuk nota-nota kepada Penyata Kewangan.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Kumpulan Wang Majlis RM | Kumpulan Wang Pinjaman RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari 2016 Seperti yang dinyatakan semula terdahulu | 86,478,157 | 400,000 | 86,878,157 |
| Kesan pemakaian awal MPSAS (Nota 2.20) | — | — | — |
| Baki pada 1 Januari 2016 Seperti yang dinyatakan semula | 86,478,157 | 400,000 | 86,878,157 |
| Tambahan/(kurangan) dalam tahun | — | — | — |
| Lebihan pendapatan | 528,462 | — | 528,462 |
| Baki pada 31 Disember 2016/ 1 Januari 2017 Seperti yang dinyatakan semula | 87,006,619 | 400,000 | 87,406,619 |
| Pelarasan tahun lalu (Nota 20) | 2,169,222 | — | 2,169,222 |
| Lebihan bersih bagi tahun | 14,922,631 | — | 14,922,631 |
| Baki pada 31 Disember 2017 | 104,098,472 | 400,000 | 104,498,472 |

Sila rujuk nota-nota kepada Penyata Kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI | | |
| Lebihan bagi tahun | 14,922,631 | 528,462 |

| | 2017 RM | 2016 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Penggerakan bukan tunai | | |
| Susutnilai dan pelunasan | 3,010,000 | 2,938,171 |
| Peruntukan hutang ragu | 426,939 | 13,801,353 |
| Kredit tertunda | (389,264) | (389,264) |
| Peningkatan wang amanah | 4,247,849 | 2,469,189 |
| Peningkatan urusniaga bukan pertukaran belum terima | (1,532,970) | (4,016,621) |
| Peningkatan akaun belum terima, deposit dan pendahuluan | (7,379,956) | (762,432) |
| Pelarasan KWM (Cukai dan Notis) (Nota 20) | (665,343) | — |
| Pelarasan KWM (Wang Cagaran) (Nota 20) | 2,511,966 | — |
| Pelarasan KWM (Lain-lain Cagaran) (Nota 20) | 322,599 | — |
| Pengurangan wang cagaran | (899,151) | (2,375,414) |
| (Pengurangan)/Peningkatan urusniaga bukan pertukaran terimaan terdahulu | (464,544) | 1,701,881 |
| Peningkatan pelbagai akaun kena bayar | 444,601 | 56,850 |
| Pelarasan hartanah, loji dan peralatan | (5,544) | — |
| Aliran tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi | 14,549,813 | 13,952,175 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | | |
| Belian hartanah, loji dan peralatan | (965,506) | (2,036,106) |
| Belian aset tak ketara | (42,410) | — |
| Pengurangan kerja dalam kemajuan | — | 272,250 |
| Aliran tunai bersih digunakan daripada aktiviti pelaburan | (1,007,916) | (1,763,856) |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN | | |
| Penerimaan sewa beli kenderaan | 718,500 | 819,548 |
| Pembiayaan sewa beli kenderaan | (631,844) | (576,966) |
| Aliran tunai bersih dijana daripada aktiviti pembiayaan | 86,656 | 242,582 |
| Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai | 13,628,553 | 12,430,901 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh | 82,103,312 | 69,672,411 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh | 95,731,865 | 82,103,312 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh terdiri daripada: | | |
| Simpanan tetap | 80,300,000 | 72,500,000 |
| Wang ditangan dan di bank | 15,431,865 | 9,603,312 |
| | 95,731,865 | 82,103,312 |

Sila rujuk nota-nota kepada Penyata Kewangan.

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | JUMLAH BAJET Asal | JUMLAH BAJET Akhir | Jumlah Sebenar | ^Varian Bajet |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| PENERIMAAN | | | | |
| Urusniaga bukan pertukaran | 72,087,928 | 72,087,928 | 72,501,075 | (413,147) |
| Urusniaga pertukaran | 9,479,495 | 9,479,495 | 5,682,752 | 3,796,743 |
| Pelbagai hasil | 20 | 20 | — | 20 |
| Jumlah Penerimaan | 81,567,443 | 81,567,443 | 78,183,827 | 3,383,616 |
| PEMBAYARAN | | | | |
| Emolumen | 19,435,849 | 19,585,849 | 19,535,818 | 50,031 |
| Perkhidmatan dan bekalan | 32,480,412 | 32,480,412 | 30,085,555 | 2,394,857 |
| Pemilikan harta modal | 616,200 | 616,200 | 421,047 | 195,153 |
| Pemberian dan kenaan bayaran tetap | 1,400,000 | 1,400,000 | 1,633,014 | (233,014) |
| Perbelanjaan lain-lain | 1,149,000 | 1,149,000 | 691,586 | 457,414 |
| Projek Pembangunan Majlis | 26,485,973 | 26,485,973 | 12,076,827 | 14,409,146 |
| Jumlah Pembayaran | 81,567,434 | 81,717,434 | 64,443,847 | 17,273,587 |
| PENERIMAAN BERSIH | 9 | (149,991) | 13,739,980 | (13,889,971) |

^ Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar.

* Penyediaan Bajet Tahunan Majlis adalah berasaskan asas tunai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. MAKLUMAT AM

1.1 Kegiatan Utama Majlis

Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) adalah merupakan salah sebuah daripada 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan yang telah diwujudkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171) pada tahun 1977 dengan matlamatnya untuk menyediakan perkhidmatan perbandaran yang cekap dan berkualiti kepada penduduk daerah Hulu Selangor bagi mewujudkan persekitaran yang harmoni, selesa dan makmur. Majlis ini adalah hasil gabungan Lembaga Bandaran Rawang, Majlis Tempatan Kuala Kubu Baharu dan Majlis Tempatan Kalumpang dengan keluasan seluas 174,047 hektar (430,070 ekar).

Kegiatan utama Majlis adalah menjaga kebersihan daerah dan melaksanakan pembangunan ekonomi, sosial, fizikal dan persekitaran bandar di samping mengutip hasil cukai dan bukan cukai selaras dengan Seksyen 39 Akta 171.

1.2 Penyata Kewangan ini telah dibentangkan dalam RINGGIT MALAYSIA (“RM”) yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

1.3 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Penuh (Khas) pada 7 April 2017.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1 Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)

2.1.2 Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS kerana Majlis memilih pengecualian berhubung dengan pengiktirafan aset dan liabiliti seperti yang dinyatakan pada nota 2.20.2 kepada Penyata Kewangan. Sebelum ini penyata kewangan Majlis telah menggunakan piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Majlis.

2.1.3 Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa ke masa akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.20 kepada Penyata Kewangan.

2.2 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.2.1 Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran

Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai taksiran di iktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Sumbangan membantu kadar

Sumbangan membantu kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Sumbangan membantu kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftar dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

(iv) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

(v) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambil kira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.2.2. Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan insfrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

(ii) Perolehan dari Jualan Barang-Barang

Perolehan dari jualan barang-barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain.

(iii) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(iv) Faedah dan Perolehan dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.2.2 (i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.3. Hartanah, Loji dan Peralatan

2.3.1 Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000.00 setiap satu.

2.3.2 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.3.3 Jika sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

2.3.4 Nilai di bawah item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezannya diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.4 Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1 Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Susutnilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.

2.4.2. Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

| Hartanah, loji dan peralatan | Kadar tahunan |
|---|---|
| Tanah Pajakan | Mengikut tempohan pajakan |
| Tanah pegangan bebas | Tidak disusut nilai |
| Bangunan | 5% |
| Kenderaan | 20% |
| Perabot dan alat kelengkapan | 10% |
| Perkakas-perkakas lain | 20% |
| Jentera dan mesin | 33% |
| Komputer dan Perkakasannya | 25% |

2.4.3 Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.5 Hartanah Pelaburan

2.5.1. Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa

2.5.2. Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

2.5.3. Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul (jika ada).

2.5.4. Susutnilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pengangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.5.5. Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6. Aset Tak Ketara

2.6.1. Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

2.6.2. Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

2.6.3. Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

2.6.4. Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 4 tahun.

2.6.5. Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

2.6.6 Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.7. Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan hartanah, loji dan peralatan akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (*Certificate of Practical Completion*) dikeluarkan atau tarikh siap kerja dan dilunaskan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan dan dilunaskan.

2.8 Aset Kewangan

2.8.1. Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.8.2. Pada pengiktirafan awal, aset kewangan yang diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kekurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

2.8.3. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

2.8.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvesyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.8.5 Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah berkesan atau ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

(ii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang sehingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan atau ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kaedah faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(iii) Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

(a) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;

(b) pembayar tertunggak;

(c) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis;

(d) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai;

(e) selepas sekurang-kurangnya 8 kali notis E dikeluarkan; atau

(f) selepas penggulungan dan pembubaran syarikat serta pengambil alihan tanah.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

(iv) Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memidahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai di bawa dan jumlah pertimbangan di terima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.9. Peruntukan dan Liabiliti

2.9.1. Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam Penyata Prestasi Kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

2.10. Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

2.10.1 Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam Penyata Kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2.10.2 Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam Penyata Kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2.11. Liabiliti Kewangan

2.11.1 Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.11.2 Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

2.11.3 Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2.11.4 Majlis mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

(ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.12 Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Lain-Lain

Kumpulan wang pinjaman kenderaan dan lain-lain merupakan jumlah wang yang dipindahkan daripada Kumpulan Mengurus bagi tujuan membiayai Pinjaman Kenderaan, Pinjaman Komputer dan Pinjaman Pendidikan Boleh Ubah.

2.13 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.14 Manfaat Pekerja

2.14.1 Manfaat kakitangan jangka pendek

Majlis sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, kemudahan perubatan di Institut Jantung Negara (IJN), Dialisis dan peralatan bahan tiruan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer.

Faedah kakitangan jangka masa pendek termasuk gaji, upah, bonus dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

2.14.2 Manfaat selepas perkhidmatan

(i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan.

Caruman tersebut di caj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(ii) Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(iii) Manfaat Cuti Rehat dan Ganjaran Kakitangan Kontrak

Bagi kakitangan tetap Majlis sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhimatan Awam dan digunapakai oleh Majlis.

2.15 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

2.15.1 Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urusniaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

2.15.2 Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat pertunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhimatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilal yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat

nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susutnilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.16 Percukaian

2.16.1 Majlis Daerah Hulu Selangor adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6: Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.17 Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

2.17.1 Perlaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Implikasi cukai barang dan perkhidmatan kepada Majlis adalah seperti berikut:

(i) Cukai Output

Terimaan hasil cukai taksiran dan lesen adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan hasil selain cukai taksiran contohnya seperti sewaan ruang niaga, sewaan dewan adalah tertaluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

(ii) Cukai Input

Majlis menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan.

Majlis boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

2.18 Maklumat Bajet

2.18.1 Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan Penyata Kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.18.2 Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Khas Belanjawan dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

2.19 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

2.19.1 Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam Penyata Kewangan.

2.19.2 Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Elaun rosot nilai bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Majlis menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 50 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iii) Pengukuran peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.20 Kesan Pemakaian MPSAS

2.20.1. Penyata kewangan ini adalah merupakan Penyata Kewangan peralihan pertama Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana Penyata Kewangan Majlis sebelum ini telah disediakan menggunakan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Majlis. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan Penyata Kewangan tahun kewangan ini adalah selaras dengan yang telah digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan seperti berikut:

(i) Aset dan liabiliti kewangan

Pada tahun kewangan sebelum ini, beberapa item aset dan liabiliti kewangan diukur pada kos yang memperuntukkan keuntungan mengikut asas garis lurus. Penggunaan rangka kerja MPSAS menyebabkan item-item tersebut diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah keuntungan berkesan. Jumlah kos dilunaskan semua item tersebut akan dikira semula secara retrospektif dan perbezaan di antara jumlah kos dilunaskan dan nilai dibawa sebelumnya telah diselaraskan kepada baki awal Kumpulan Wang Majlis.

(ii) Aset tak ketara

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua perisian komputer telah dikategorikan di bawah hartanah, loji dan peralatan. Pemakaian MPSAS mengkehendaki perisian komputer ini diklasifikasikan semula berdasarkan kepada ciri-ciri yang perlu ditunjukkan secara berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Oleh itu, pelarasan berhubung aset tidak ketara ini telah di ambilkira di dalam Penyata Kewangan ini.

(iii) Elaun Rosot Nilai

Pemakaian MPSAS menghendaki elaun rosot nilai ini dibuat atas bukti objektif dan bukannya berdasarkan kepada pertimbangan. Dasar perakaunan berhubung dengan elaun rosot nilai ini dinyatakan pada nota 2.8.5 (iii) kepada Penyata Kewangan. Oleh itu, semua kesan berhubung elaun rosot nilai ini telah dibuat secara prospektif di dalam tahun kewangan ini.

(iv) Pengiktirafan geran atau akaun amanah

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis mengklasifikasikan akaun geran atau akaun amanahnya sebagai salah satu item di dalam Penyata Perubahan Aset Bersih. Pemakaian MPSAS menghendaki semua geran atau akaun amanah yang mempunyai syarat ke atasnya hendaklah diklasifikasikan sebagai liabiliti. Oleh itu, Majlis telah mengklasifikasikan semula geran atau akaun amanahnya kepada liabiliti. Majlis sedang di dalam proses untuk menentukan baki sebenar akaun geran atau akaun amanahnya kerana di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis melunaskan akaun geran dan akaun amanahnya ke Penyata Prestasi Kewangan tidak bersamaan dengan jumlah yang dibelanjakan.

2.20.2. Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Majlis juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan Penyata Kewangan ini yang pertama kali disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

Peruntukan dan Pengecualian yang memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan.

(i) Aset Infrastruktur

Majlis memiliki aset insfrastruktur iaitu jalan raya, pondok bas dan lain-lain lagi yang tidak dipermodalkan di dalam Penyata Kewangan. Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi aset insfrastruktur telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki aset infrastruktur ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset insfrastruktur ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset infrastrukturnya.

(ii) Penentuan Nilai Saksama Aset Yang Direkodkan Pada Nilai Nominal

Majlis memiliki beberapa aset nyata dan tidak nyata yang diterima secara percuma dan direkodkan pada nilai nominal di dalam Penyata Kewangan Majlis. MPSAS mengkehendaki semua aset nyata dan tidak nyata yang diterima melalui urusniaga bukan pertukaran hendaklah direkodkan pada nilai saksama. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset-aset tersebut bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset-aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menentukan nilai saksama aset-aset tersebut.

(iii) Peruntukan Ke Atas Gantian Cuti Rehat Dan Ganjaran Kontrak

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis tidak membuat peruntukan ke atas gantian cuti rehat dan ganjaran kontrak. MPSAS menghendaki peruntukan peruntukan ini dibuat kerana ia telah memenuhi syarat kepada sesuatu peruntukan itu perlu dibuat. Majlis akan menggunapakai kaedah Unjuran Unit Kredit bagi membuat pengiraan peruntukan gantian cuti rehat di mana Majlis akan membuat beberapa andaian di dalam pengiraan tersebut. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi mengiktiraf peruntukan ke atas gantian cuti rehat dan ganjaran kontrak ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga peruntukan-peruntukan tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk mengumpul data berhubung dengan kakitangannya.

(iv) Pengiktirafan inventori

Majlis memiliki beberapa inventori yang tidak direkodkan di dalam Penyata Kewangan di mana Majlis telah mengiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki inventori ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan inventori ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung inventori.

(v) Aset Hidup

Majlis memiliki aset hidup iaitu pokok dan tumbuhan yang tidak dipermodalkan di dalam Penyata Kewangan. MPSAS menghendaki aset hidup ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset hidup ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset hidupnya.

Peruntukan dan Pengecualian yang tidak memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan.

(i) Aset dan liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf

Majlis tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangannya yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunapakai rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunapakai rangka kerja MPSAS. Jika sesuatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah rangka kerja perakaunan terdahulu maka Majlis memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

(ii) Anggaran perakaunan

Sebelum ini, Majlis menggunakan pertimbangan untuk menentukan elaun bagi elaun rosot nilainya. Elaun akan dibuat apabila Majlis menilai sesuatu hutang itu tidak boleh dikutip. Selepas menggunapakai MPSAS, penilaian ke atas kemerosotan aset kewangan dibuat berdasarkan kepada peristiwa kerugian yang telah berlaku (*incurred loss model*), di mana kemerosotan diiktiraf berdasarkan bukti objektif yang wujud. Walau bagaimanapun, elaun rosot nilai pada tarikh peralihan ini tidak diselaraskan secara retrospektif.

2.20.3 Kesan pemakaian MPSAS ke atas Penyata Kewangan Majlis pada 31 Disember 2016 selepas mengambilkira penggunaan pengecualian dan pertukaran dasar-dasar perakaunan adalah seperti berikut:

Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016

| | Piawaian terdahulu | Kesan MPSAS /Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| ASET | | | |
| ASET SEMASA | | | |
| Urusniaga bukan pertukaran belum terima | — | 22,057,690 | 22,057,690 |
| Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan | — | 4,028,434 | 4,028,434 |
| Tunggakan hasil | 22,057,690 | (22,057,690) | — |
| Lain-lain siberhutang, deposit dan pendahuluan | 4,028,434 | (4,028,434) | — |
| Simpanan tetap | 72,500,000 | — | 72,500,000 |
| Wang di tangan dan di bank | 9,603,312 | — | 9,603,312 |
| | 108,189,436 | — | 108,189,436 |
| ASET BUKAN SEMASA | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 16,389,533 | — | 16,389,533 |
| Kerja dalam kemajuan | 467,275 | — | 467,275 |
| | 16,856,808 | — | 16,856,808 |
| JUMLAH ASET | 125,046,244 | — | 125,046,244 |

| | Piawaian terdahulu | Kesan MPSAS /Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| LIABILITI | | | |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pelbagai akaun belum bayar | 1,957,900 | — | 1,957,900 |
| Wang cagaran | 20,266,261 | — | 20,266,261 |
| Urusniaga bukan pertukaran terimaan terdahulu | — | 2,451,142 | 2,451,142 |
| Pinjaman sewa beli | 597,625 | — | 597,625 |
| Pemiutang | 2,451,142 | (2,451,142) | — |
| Wang amanah | — | 8,334,323 | 8,334,323 |
| Geran tertunda | — | 2,941,846 | 2,941,846 |
| | 25,272,928 | 11,276,169 | 36,549,097 |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | | |
| Pinjaman sewa beli | 1,090,528 | — | 1,090,528 |
| | 1,090,528 | — | 1,090,528 |
| JUMLAH LIABILITI | 26,363,456 | 11,276,169 | 37,639,625 |
| ASET BERSIH | 98,682,788 | (11,276,169) | 87,406,619 |
| ASET BERSIH | | | |
| Kumpulan Wang Amanah | 8,334,323 | (8,334,323) | — |
| Geran Tertunda | 2,941,846 | (2,941,846) | — |
| Kumpulan Wang Majlis | 87,006,619 | — | 87,006,619 |
| Kumpulan Wang Pinjaman | 400,000 | — | 400,000 |
| | 98,682,788 | (11,276,169) | 87,406,619 |

Kesan ke atas Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016

| | Piawaian terdahulu | Kesan MPSAS /Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| HASIL | | | |
| Cukai Taksiran | 52,545,362 | (52,545,362) | — |
| Caruman Membantu Kadar | 1,053,840 | (1,053,840) | — |
| Lesen-Lesen | 2,283,326 | (2,283,326) | — |
| Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan | 742,552 | (742,552) | — |
| Perolehan dari Jualan Barang | 414,862 | (414,862) | — |
| Sewaan | 1,446,415 | (1,446,415) | — |
| Sewaan Pelbagai | 211,444 | (211,444) | — |
| Bayaran Pelan | 4,169,038 | (4,169,038) | — |

| | Piawaian terdahulu | Kesan MPSAS /Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Faedah Bank | 121,457 | (121,457) | — |
| Faedah dari Pinjaman Kenderaan | 1,479 | (1,479) | — |
| Faedah dari Pinjaman Komputer | 1,158 | (1,158) | — |
| Faedah dari Pelaburan | 2,809,202 | (2,809,202) | — |
| Notis dan Denda | 1,602,584 | (1,602,584) | — |
| Denda dan Hukuman | 1,355,779 | (1,355,779) | — |
| Kredit Tertunda | 389,264 | (389,264) | — |
| Sumbangan Kerajaan dan Awam | 8,250,580 | (8,250,580) | — |
| Cagaran Yang Dilucutkan | 2,902,788 | (2,902,788) | — |
| Urusniaga Bukan Pertukaran | — | 68,537,886 | 68,537,886 |
| Urusniaga Pertukaran | — | 8,860,456 | 8,860,456 |
| Pelbagai Hasil | — | 2,902,788 | 2,902,788 |
| JUMLAH HASIL | 80,301,130 | — | 80,301,130 |
| PERBELANJAAN | | | |
| EMOLUMEN | — | 15,701,776 | 15,701,776 |
| Gaji dan Upahan | 8,853,020 | (8,853,020) | — |
| Elaun Tetap | 3,881,787 | (3,881,787) | — |
| Sumbangan Berkanun (KWSP) | 326,828 | (326,828) | — |
| Elaun Lebih Masa | 953,156 | (953,156) | — |
| Faedah Kewangan Yang Lain | 1,686,985 | (1,686,985) | — |
| PERKHIDMATAN DAN BEKALAN | — | 42,073,915 | 42,073,915 |
| Tuntutan Perjalanan | 82,207 | (82,207) | — |
| Perhubungan dan Utiliti | 504,542 | (504,542) | — |
| Sewaan | 144,966 | (144,966) | — |
| Bekalan Bahan Mentah | 380,796 | (380,796) | — |
| Bekalan Bahan Lain | 990,033 | (990,033) | — |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan | 23,969,885 | (23,969,885) | — |
| Perkhidmatan Ikhtisas | 16,001,486 | (16,001,486) | — |
| PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP | — | 1,723,109 | 1,723,109 |
| Pencen dan Ganjaran | 1,723,109 | (1,723,109) | — |
| PERBELANJAAN LAIN | — | 14,859,171 | 14,859,171 |
| Lain-lain Harta Modal | 518,923 | (518,923) | — |
| Perbelanjaan Lain-lain | 307,187 | (307,187) | — |
| Komisen Bank | 123,231 | (123,231) | — |
| Hutang Ragu Am–Cukai Taksiran | 9,811,474 | (9,811,474) | — |
| Hutang Ragu Khusus–Cukai Taksiran | 2,216,812 | (2,216,812) | — |
| Hutang Ragu Am–Notis dan Waran | 1,368,762 | (1,368,762) | — |
| Hutang Ragu Khusus–Notis dan Waran | 404,303 | (404,303) | — |
| Faedah Dikenakan Atas Pinjaman Kenderaan | 108,463 | (108,463) | — |
| Penggenapan | 16 | (16) | — |
| PEMBANGUNAN | — | 2,476,526 | 2,476,526 |

| | Piawaian terdahulu | Kesan MPSAS /Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Projek Pembangunan Sosial | 91,700 | (91,700) | — |
| Projek Kemudahan Awam | 270,372 | (270,372) | — |
| Program Bandar Selamat | 500 | (500) | — |
| Rancangan Pemajuan | 334,712 | (334,712) | — |
| Projek Pembangunan MDHS | 317,724 | (317,724) | — |
| Projek Rancangan Kemajuan Khas | 56,608 | (56,608) | — |
| Projek Pengindahan Landskap | 195,551 | (195,551) | — |
| Projek Khas MDHS | 709,408 | (709,408) | — |
| Kerja-kerja Luar Jangka | 499,951 | (499,951) | — |
| Susutnilai dan pelunasan | 2,938,171 | — | 2,938,171 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 79,772,668 | — | 79,772,668 |
| LEBIHAN BAGI TAHUN | 528,462 | — | 528,462 |

2.22 Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.23 Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakna pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli-ahli Majlis.

2.24 Pajakan

Pajakan Kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Majlis menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosot nilai.

Pajakan Operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.25. Kos Pembiayaan

Semua kos pembiayaan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh ia terlibat.

3. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Akaun belum terima cukai taksiran | 80,917,102 | 80,129,044 |
| Tolak: | | |
| Elaun rosot nilai | (46,866,209) | (43,075,327) |
| Elaun rosot nilai khas | (12,597,872) | (17,180,893) |
| | 21,453,021 | 19,872,824 |
| Akaun belum terima notis dan waran | 10,317,049 | 9,663,675 |
| Tolak: | | |
| Elaun rosot nilai | (6,974,041) | (6,255,688) |
| Elaun rosot nilai khas | (1,929,318) | (1,801,923) |
| | 1,413,690 | 1,606,064 |
| Akaun belum terima sewaan | 670,340 | 578,802 |
| Tolak: | | |
| Elaun rosot nilai | (373,330) | — |
| | 297,010 | 578,802 |
| | 23,163,721 | 22,057,690 |

4. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Pinjaman kenderaan | 26,247 | 32,706 |
| Pinjaman komputer | 6,558 | 16,267 |
| Faedah simpanan tetap terakru | 564,168 | 535,398 |
| Pendahuluan kakitangan | 36,308 | 11,900 |
| Jabatan Kastam Diraja Malaysia (GST) | 2,703,225 | 1,317,813 |
| Deposit kenderaan | — | 19,869 |
| Deposit Tanah | 7,897,457 | 2,000,000 |
| Pendahuluan AP 59–En Che Azmi bin Che Hassan | — | 14,000 |
| Deposit Pos Malaysia | 3,846 | 80,481 |
| Pendahuluan AP 59- Pn Nurul Huda Ahmad binti Khairuddin | 88,480 | — |
| Perbelanjaan terlebih bayar | 82,100 | — |
| | 11,408,389 | 4,028,434 |

5. SIMPANAN TETAP

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Bank Muamalat Indonesia | 10,000,000 | 15,000,000 |
| Malaysia Building Society | 23,000,000 | 9,500,000 |
| Al Khair International Islamic Bank Berhad | — | 10,000,000 |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad | 34,000,000 | 2,500,000 |
| Amanahraya Investment | — | 20,000,000 |
| Bank Islam Malaysia Berhad | — | 15,500,000 |
| Kuwait Finance House | 4,800,000 | — |
| Maybank Berhad | 8,500,000 | — |
| | 80,300,000 | 72,500,000 |

6. WANG DI TANGAN DAN DI BANK

| | | |
|---|---|---|
| Akaun Ibu Pejabat Maybank Bank Berhad | 615,633 | 1,321,025 |
| Akaun Public Bank Berhad Pejabat Bukit Beruntung | 1,977,227 | 799,446 |
| Akaun Maybank Bank Berhad | 349,771 | 19,221 |
| Akaun Bank Islam Malaysia Berhad | 6,512,572 | 734,481 |
| Akaun Bank Islam Malaysia Berhad (Int. Banking) | 9,832 | 106,127 |
| Akaun CIMB Bank Berhad (PBT) | 3,095,086 | 357,551 |
| Akaun CIMB Bank Berhad (PTD) | 921,967 | 813,949 |
| Akaun Hong Leong Bank Berhad | 7,840 | 12,995 |
| Akaun AmBank (M) Berhad | 323,165 | 213,857 |
| Akaun Bank Simpanan Nasional | 311,566 | 68,891 |
| Akaun Public Bank Berhad Pejabat Batang Kali | 159 | 55,736 |
| Akaun Affin Bank Berhad | 39,467 | 37,747 |
| Akaun Bank Muamalat Malaysia Berhad | 3,773 | 3,754 |
| Akaun CIMB Bank Berhad Kutipan | 593,838 | 315,874 |
| Akaun Maybank Berhad Program Mesra Rakyat | — | 164,320 |
| Akaun Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad | 131,252 | 67,288 |
| Akaun RHB Bank Berhad | 210,375 | 160,458 |
| Akaun Standard Chartered Bank Berhad | 132,710 | 10,748 |
| Akaun Bank Islam Malaysia Berhad–ISF | 97,874 | 1,984,457 |
| Akaun Bank Simpanan Nasional–EB | 24,865 | 256,263 |
| Akaun Bank Islam Malaysia Berhad–MARRIS | 69,893 | 2,096,124 |
| Wang Panjar Runcit | 3,000 | 3,000 |
| | 15,431,865 | 9,603,312 |

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

7.1 TAHUN 2017

| | Tanah | Bangunan | Kenderaan | Jentera & Mesin | Perabut | Perkakas-perkakas lain | Komputer & perkakasan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| KOS | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | 185,918 | 35,095,880 | 6,646,875 | 32,954 | 1,317,339 | 1,368,245 | 2,902,084 | 47,549,295 |
| Seperti yang dinyatakan semula | | | | | | | | |
| Tambahan dalam tahun | — | — | 804,782 | 3,450 | — | 8,250 | 154,568 | 971,050 |
| Pindahan dari kerja dalam kemajuan | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Pelupusan dalam tahun | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Pindahan ke aset tak ketara | — | — | — | — | — | — | (298,854) | (298,854) |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2017 | 185,918 | 35,095,880 | 7,451,657 | 36,404 | 1,317,339 | 1,376,495 | 2,757,798 | 48,221,491 |
| SUSUT NILAI TERKUMPUL | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | — | 22,462,677 | 4,721,764 | 22,687 | 1,011,987 | 914,863 | 2,025,784 | 31,159,762 |
| Seperti yang dinyatakan semula | | | | | | | | |
| Susut nilai tahun semasa | — | 1,754,794 | 768,974 | 3,016 | 57,605 | 68,515 | 331,621 | 2,984,525 |
| Pelupusan dalam tahun | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Pindahan ke aset tak ketara | — | — | — | — | — | — | (244,246) | (244,246) |
| SUSUT NILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2017 | — | 24,217,471 | 5,490,738 | 25,703 | 1,069,592 | 983,378 | 2,113,159 | 33,900,041 |
| AMAUN BAWAAN | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2017 | 185,918 | 10,878,409 | 1,960,919 | 10,701 | 247,747 | 393,117 | 644,639 | 14,321,450 |

Termasuk di dalam hartanah, loji dan peralatan adalah kenderaan dengan amaun bawaan bersih berjumlah RM759,013 (2015: RM1,011,994) yang telah dibeli melalui skim sewa beli.

7.2 TAHUN 2016

| | Tanah | Bangunan | Kenderaan | Jentera & Mesin | Perabut | Perkakas-perkakas lain | Komputer & perkakasan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| KOS | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | 185,918 | 34,802,165 | 5,634,881 | 22,860 | 1,317,339 | 1,278,381 | 2,271,645 | 45,513,189 |
| Seperti yang dinyatakan semula | | | | | | | | |
| Tambahan dalam tahun | — | 293,715 | 1,011,994 | 10,094 | — | 89,864 | 630,439 | 2,036,106 |
| Pelupusan dalam tahun | — | — | — | — | — | — | — | — |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2016 | 185,918 | 35,095,880 | 6,646,875 | 32,954 | 1,317,339 | 1,368,245 | 2,902,084 | 47,549,295 |
| SUSUT NILAI TERKUMPUL | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | — | 20,720,532 | 4,033,370 | 21,511 | 947,542 | 842,014 | 1,656,622 | 28,221,591 |
| seperti dinyatakan semula | | | | | | | | |
| Susut nilai tahun semasa | — | 1,742,145 | 688,394 | 1,176 | 64,445 | 72,849 | 369,162 | 2,938,171 |
| Pelupusan dalam tahun | — | — | — | — | — | — | — | — |
| SUSUT NILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2016 | — | 22,462,677 | 4,721,764 | 22,687 | 1,011,987 | 914,863 | 2,025,784 | 31,159,762 |
| AMAUN BAWAAN | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2016 Seperti yang dinyatakan semula | 185,918 | 12,633,203 | 1,925,111 | 10,267 | 305,352 | 453,382 | 876,300 | 16,389,533 |

8. KERJA DALAM KEMAJUAN

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 467,275 | 739,525 |
| Tambahan | — | — |
| Pindahan ke Hartanah, Loji dan Peralatan | — | (272,250) |
| Baki pada akhir tahun | 467,275 | 467,275 |

9. ASET TAK KETARA

| | | |
|---|---|---|
| Kos | | |
| Pada 1 Januari | — | — |
| Seperti yang dinyatakan semula | | |
| Tambahan | 42,410 | — |
| Pindahan dari hartanah, loji dan peralatan | 298,854 | — |
| Pada 31 Disember | 341,264 | — |
| Pelunasan Terkumpul | | |
| Pada 1 Januari | — | — |
| Seperti yang di nyatakan semula | | |
| Tambahan | 25,474 | — |
| Pindahan dari hartanah, loji dan peralatan | 244,246 | — |
| Pada 31 Disember | 269,720 | — |
| AMAUN BAWAAN Pada 31 Disember | 71,544 | — |

10. WANG CAGARAN

Jumlah wang cagaran adalah jumlah keseluruhan wang awam yang diterima bagi kerja dan perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak Majlis Daerah Hulu Selangor. Wang cagaran bagi tahun 2017 adalah masih aktif kerana tujuan wang cagaran itu dikutip belum tercapai.

| Jenis Cagaran | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Teknikal | 17,877,826 | 19,588,401 |
| Bukan Teknikal | 1,489,284 | 677,860 |
| Cagaran Terkumpul sehingga tahun | 19,367,110 | 20,266,261 |

11. GERAN TERTUNDA

| | | |
|---|---|---|
| Geran sehingga tahun | 2,941,846 | 3,331,110 |
| Tolak: | | |
| Pelunasan | (389,264) | (389,264) |
| Baki pada akhir tahun | 2,552,582 | 2,941,846 |

12. WANG AMANAH

| | Keterangan akaun amanah | Jumlah pada 1-1-2017 RM | Jumlah diterima dalam tahun RM | Jumlah dibayar dalam tahun RM | Jumlah pada 31-12-2017 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| a) | Geran MARRIS | 6,425,337 | 20,423,362 | 17,683,179 | 9,165,520 |
| b) | Caj ISF | 1,908,986 | 825,266 | — | 2,734,252 |
| c) | Caj Pemajuan | — | 682,400 | — | 682,400 |
| | JUMLAH | 8,334,323 | 21,931,028 | 17,683,179 | 12,582,172 |

13. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN TERIMAAN TERDAHULU

| Keterangan | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Cukai Taksiran Am | 1,689,583 | 2,422,463 |
| Notis dan Waran | 269,557 | — |
| Sewaan Tahunan | 27,458 | 28,679 |
| JUMLAH | 1,986,598 | 2,451,142 |

14. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR

| Keterangan | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Pemiutang Perbelanjaan | 1,090,009 | 395,055 |
| Lain-lain Cagaran | 1,014,019 | 1,258,806 |
| Terimaan Lain–Lain PBT dan Cukai Tanah | 12,018 | 11,375 |
| Electronic Banking–Bank Simpanan Nasional | 3,145 | 9,354 |
| Terimaan Tidak Jelas | 283,310 | 283,310 |
| JUMLAH | 2,402,501 | 1,957,900 |

15. PINJAMAN SEWA BELI

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Analisa sewa beli | | |
| Bayaran balik dalam tempoh 1 tahun | 672,965 | 684,312 |
| Bayaran balik diantara 1 hingga 5 tahun | 1,314,949 | 1,184,372 |
| | 1,987,914 | 1,868,684 |
| Tolak: | | |
| Faedah tertunda | (213,105) | (180,531) |
| | 1,774,809 | 1,688,153 |
| Mewakili liabiliti sewa beli | | |
| Matang dalam tempoh 12 bulan | 582,332 | 597,625 |
| Matang selepas tempoh 12 bulan | 1,192,477 | 1,090,528 |
| | 1,774,809 | 1,688,153 |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Pinjaman sewa beli adalah terdiri daripada: | | |
| (i) Pinjaman Maybank Islamic Sdn. Bhd.<br>Tujuan: Pembelian Kenderaan<br>Jumlah: RM4,358,801<br>Kadar Faedah: 2.45%–6.60%<br>Tempoh Bayaran Balik: 60 bulan_108 bulan<br>Cagaran: Hakmilik dituntut oleh Bank. | 1,700,992 | 1,594,926 |
| (ii) Pinjaman Bank Islam Malaysia Berhad<br>Tujuan: Pembelian Kenderaan<br>Jumlah: RM118,628<br>Kadar Faedah : 3.7%<br>Tempoh Bayaran Balik: 60 bulan<br>Cagaran: Hakmilik dituntut oleh Bank. | 73,817 | 93,227 |
| | 1,774,809 | 1,688,153 |

16. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

| | | |
|---|---|---|
| Cukai taksiran | 57,466,225 | 52,545,362 |
| Sumbangan membantu kadar | 450,338 | 1,053,840 |
| Sewaan | 1,699,705 | 1,446,415 |
| Notis dan waran | 1,835,324 | 1,602,584 |
| Lesen, bayaran pendaftaran dan permit | 2,425,489 | 2,283,326 |
| Denda dan Hukuman | 1,551,225 | 1,355,779 |
| Sumbangan Kerajaan Persekutuan/Negeri* | 9,677,903 | 8,250,580 |
| | 75,106,209 | 68,537,886 |

* Nota

Sumbangan Kerajaan Persekutuan/Negeri adalah termasuk peruntukan Bas Smart sebanyak RM925,592 dan peruntukan lain-lain berjumlah RM2,128,300.

17. URUSNIAGA PERTUKARAN

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan | 1,063,534 | 742,552 |
| Perolehan dari jualan barang | 303,479 | 414,862 |
| Sewaan Pelbagai | 73,546 | 211,444 |
| Bayaran Pelan | 2,912,862 | 4,169,038 |
| Faedah Bank | 140,812 | 121,457 |
| Faedah dari Pinjaman Kenderaan | 1,325 | 1,479 |
| Faedah dari Pinjaman Komputer | 469 | 1,158 |
| Faedah dari Pelaburan | 2,772,848 | 2,809,202 |
| Kredit Tertunda | 389,264 | 389,264 |
| Hutang Ragu Khusus–Cukai Taksiran | 4,583,021 | — |
| | 12,241,160 | 8,860,456 |

18. PELBAGAI HASIL

| | | |
|---|---|---|
| Cagaran dilucutkan | 48,166 | 2,902,788 |
| Pelbagai Pendapatan | 45,768 | — |
| | 93,934 | 2,902,788 |

19. PERBELANJAAN

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| PERBELANJAAN MENGURUS | | |
| EMOLUMEN | | |
| Gaji dan Upahan | 10,164,872 | 8,853,020 |
| Elaun Tetap | 4,920,094 | 3,881,787 |
| Sumbangan Berkanun (KWSP) | 294,231 | 326,828 |
| Elaun Lebih Masa | 1,119,405 | 953,156 |
| Faedah Kewangan Yang Lain | 2,840,548 | 1,686,985 |
| | 19,339,150 | 15,701,776 |
| PERKHIDMATAN DAN BEKALAN | | |
| Tuntutan Perjalanan | 109,679 | 82,207 |
| Perhubungan dan Utiliti | 355,973 | 504,542 |
| Sewaan | 180,254 | 144,966 |
| Bekalan Bahan Mentah | 434,986 | 380,796 |
| Bekalan Bahan Lain | 677,181 | 990,033 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan | 21,697,658 | 23,969,885 |
| Perkhidmatan Ikhtisas | 7,309,834 | 16,001,486 |
| | 30,765,565 | 42,073,915 |
| PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP | | |
| Pencen dan Ganjaran | 1,633,014 | 1,723,109 |
| | 1,633,014 | 1,723,109 |
| PERBELANJAAN LAIN | | |
| Lain-lain Harta Modal | 231,913 | 518,923 |
| Perbelanjaan Lain-lain | 636,192 | 307,187 |
| Komisen Bank | 100,331 | 123,231 |
| Hutang Ragu Am–Cukai Taksiran | 3,790,882 | 9,811,474 |
| Hutang Ragu Khusus–Cukai Taksiran | — | 2,216,812 |
| Hutang Ragu Am—Notis dan Waran | 718,353 | 1,368,762 |
| Hutang Ragu Khusus–Notis dan Waran | 127,395 | 404,303 |
| Hutang Ragu Am–Sewaan | 373,330 | — |
| Faedah Dikenakan atas Pinjaman Kenderaan | 101,775 | 108,463 |
| Penggenapan | 29 | 16 |
| | 6,080,200 | 14,859,171 |
| PEMBANGUNAN | | |
| Projek Pembangunan Majlis | | |
| Projek Pembangunan Sosial | 1,441,793 | 91,700 |
| Perkhidmatan Angkat Sampah | 6,324,707 | — |
| Membina Slab Konkrit | 19,414 | — |
| Projek Kemudahan Awam | 999,546 | 270,372 |
| Program Bandar Selamat | 19,550 | 500 |
| Rancangan Pemajuan | 641,357 | 334,712 |
| Pelan Strategik | 53,500 | — |
| Projek Pembangunan MDHS | 363,814 | 317,724 |
| Projek Rancangan Kemajuan Khas | 15,475 | 56,608 |
| Projek Pengindahan Landskap | 10,300 | 195,551 |
| Local Agenda 21 | 16,126 | — |
| Projek Khas MDHS | 1,243,366 | 709,408 |
| Menaiktaraf Pusat Pelancongan | 114,709 | — |
| Kerja-kerja Luar Jangka | 427, 086 | 499,951 |
| | 11,690,743 | 2,476,526 |

20.1 Wang Cagaran

Pelarasan sebanyak RM2,511,966 dibuat bagi melaraskan semula penutupan wang cagaran yang sebelum ini tidak ditutup di dalam sistem.

20.2 Urusniaga Bukan Pertukaran–Cukai

RM427,625 pelarasan dibuat bagi membetulkan kembali pindahan data cukai dari sistem lama ke sistem baru.

20.3 Urusniaga Bukan Pertukaran–Notis dan Waran

RM237,718 pelarasan dibuat bagi membetulkan kembali pindahan data cukai dari sistem lama ke sistem baru.

20.4 Lain-lain Cagaran

RM322,599 pelarasan dibuat bagi membetulkan wang pengurusan amanah tersilap kod akaun.

21. TANGGUNGAN LUAR JANGKA

Sehingga tempoh berakhir 31 Disember 2017, tiada kes yang dijangka.

22. INSTRUMEN KEWANGAN-DASAR PENGURUSAN RISIKO

Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, Majlis mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Majlis adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Majlis akan sentiasa memantau baki tunggakan secara berterusan dan akan mengambil tindakan mengikut kaedah perundangan yang dibenarkan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Majlis akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan Majlis kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti Majlis pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

| | Dalam tempoh setahun | Lebih tempoh setahun | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Pada 31 Disember 2017 | RM | RM | RM |
| Urusniaga bukan pertukaran terimaan terdahulu | 1,986,598 | — | 1,986,598 |
| Pemiutang perbelanjaan | 1,090,009 | — | 1,090,009 |
| Wang cagaran | 19,367,110 | — | 19,367,110 |
| Wang amanah | 12,582,172 | — | 12,582,172 |
| Lain-lain Cagaran | 1,014,019 | — | 1,014,019 |
| Terimaan Lain-Lain PBT dan Cukai Tanah | 12,018 | — | 12,018.00 |
| Pinjaman sewa beli | 582,332 | 1,192,477 | 1,774,809 |
| | 36,634,258 | 1,192,477 | 37,826,735 |

| | Dalam tempoh setahun | Lebih tempoh setahun | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Pada 31 Disember 2016 | | | |
| Urusniaga bukan pertukaran terimaan terdahulu | 2,451,142 | — | 2,451,142 |
| Pemiutang perbelanjaan | 395,055 | — | 395,055 |
| Wang cagaran | 20,266,261 | — | 20,266,261 |
| Wang amanah | 8,334,323 | — | 8,334,323 |
| Lain-lain Cagaran | 1,258,806 | — | 1,258,806 |
| Terimaan Lain-Lain PBT dan Cukai Tanah | 11,375 | — | 11,375 |
| Pinjaman sewa beli | 597,625 | 1,090,528 | 1,688,153 |
| | 33,314,587 | 1,090,528 | 34,405,115 |

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai wajar atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan Majlis akan berubah-ubah kerana perubahan dalam pasaran kadar faedah.

Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah

Pendedahan Majlis kepada risiko kadar faedah timbul daripada pinjaman Kerajaan Negeri. Pelaburan Majlis dalam aset kewangan kebanyakannya untuk jangka pendek dan kebanyakannya adalah deposit kewangan.

Pada tarikh pelaporan, jika kadar faedah adalah pada 10 mata asas lebih rendah/tinggi, dengan semua pemboleh ubah lain yang adalah sekata, kurangan bersih Majlis selepas cukai adalah pada RM10,316 lebih tinggi.

Aset dan liabiliti kewangan Majlis yang lain adalah tidak mempunyai kesan ketara ke atas Penyata Prestasi Kewangan Majlis.

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

23. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting hanya terdiri oleh Ahli-Ahli Majlis sahaja di mana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan | 25 | 25 |
| Jumlah ganjaran | 921,947 | 715,247 |

24. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai tempoh kewangan dari 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017. Jumlah bajet ini telah dibentangkan oleh Mesyuarat Khas Belanjawan MDHS pada 26 Oktober 2016. Tiada peruntukan tambahan dibuat dalam tempoh kewangan tahun 2017.

Belanjawan dan Penyata Kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada Penyata Kewangan. Penyata Kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam Penyata Kewangan ini telah disusun semula dari asas akru kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar. Selain perbezaan asas ini pelarasan kepada jumlah dalam Penyata Kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan Penyata Kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti yang tidak direkodkan di dalam Penyata Kewangan ini.

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di bawah.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di bawah:

| | Operasi | Pelaburan | Pembiayaan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| Jumlah sebenar di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar | 12,507,980 | 98,000 | 1,134,000 | 13,739,980 |
| Perbezaan asas (Nota (a)) | 2,041,833 | (1,105,916) | (1,047,344) | (111,427) |
| Perbezaan masa | — | — | — | — |
| Perbezaan entiti | — | — | — | — |
| Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai | 14,549,813 | (1,007,916) | 86,656 | 13,628,553 |

Nota a:

Perbezaan asas merujuk kepada pembayaran yang dibuat di dalam tahun kewangan semasa tetapi merupakan pembayaran berhubung tahun kewangan yang lalu.

**No. 4021.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

## Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat Berteguran

Penyata Kewangan Majlis Daerah Sabak Bernam telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Sabak Bernam pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

Pihak Majlis tidak dapat menyediakan keseluruhan laporan bagi baki Penghutang dan Pelbagai Penghutang masing-masing berjumlah RM1,229,274 dan RM4,593,629 serta laporan pengumuran bagi Penghutang pada 31 Disember 2017.

Selain itu, pihak Majlis tidak dapat menyediakan senarai terperinci dan laporan pengumuran bagi baki Pelbagai Pemiutang berjumlah RM227,457 pada 31 Disember 2017.

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Daerah Sabak Bernam dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Majlis Daerah Sabak Bernam bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Daerah Sabak Bernam tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan Majlis Daerah Sabak Bernam yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Sabak Bernam yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Sabak Bernam, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Daerah Sabak Bernam untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan untuk usaha berterusan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Daerah Sabak Bernam secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Daerah Sabak Bernam, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Daerah Sabak Bernam.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Daerah Sabak Bernam sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam

Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Daerah Sabak Bernam atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Daerah Sabak Bernam memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Daerah Sabak Bernam telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

SHAH ALAM
Berttarikh 25 Oktober 2018

ROKIAH BINTI SAHAT
*b.p. Ketua Audit Negara Malaysia*

KENYATAAN OLEH YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS
MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

Kami, Mohd Faizul Fitri bin Muslil, PPT., Yang Dipertua dan Dato' Haji Baharin bin Haji Mat Akhir., Ahli Majlis, Majlis Daerah Sabak Bernam dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Aliran Tunai Dan Penyata Perubahan Dalam Ekuiti bagi Majlis yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Daerah Sabak Bernam pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

MOHD FAIZUL FITRI BIN MUSLIL
*Yang Dipertua*
*Majlis Daerah Sabak Bernam*

Tarikh: 30 Ogos 2018

DATO' HJ. BAHARIN BIN HJ. MAT AKHIR
*Ahli Majlis*
*Majlis Daerah Sabak Bernam*

Tarikh: 30 Ogos 2018

PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

Saya, Salehuddin bin Ismail, KP. 901018-10-6259, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Sabak Bernam dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Aliran Tunai Dan Penyata Perubahan Dalam Ekuiti yang berikut ini berserta dengan nota-nota, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenar dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
(Salehuddin bin Ismail)
di SUNGAI BESAR, SELANGOR
pada 30 Ogos 2018.

Di hadapan saya:

JAMILAH BINTI ABU KASSIM @ RAHIM
*Pesuruhjaya Sumpah*
*Malaysia*

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| ASET | | |
| Aset Semasa | | |
| Wang Dalam Bank dan Tunai Di Tangan (Nota 4) | 3,698,419 | 2,914,400 |
| Simpanan Tetap dan Pelaburan Jangka Pendek (Nota 5) | 7,100,000 | 9,000,000 |
| Penghutang (Nota 6) | 1,229,274 | 2,644,636 |
| Pelbagai Penghutang (Nota 6) | 4,593,629 | 3,366,413 |
| Jumlah Aset Semasa | 16,621,322 | 17,925,449 |
| Aset Bukan Semasa | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 7 & 12) | 15,834,753 | 18,221,796 |
| Jumlah Aset Bukan Semasa | 15,834,753 | 18,221,796 |
| Jumlah Aset | 32,456,075 | 36,147,245 |
| LIABILITI | | |
| Liabiliti Semasa | | |
| Pelbagai Pemiutang (Nota 8) | 227,457 | 1,688,479 |
| Wang Cagaran (Nota 9) | 4,421,525 | 4,115,972 |
| Pinjaman daripada Kerajaan Negeri (Nota 10) | 1,641,920 | 1,221,700 |
| Pemiutang Sewa Beli (Nota 11) | 71,402 | 35,813 |
| Jumlah Liabiliti Semasa | 6,362,304 | 7,061,964 |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Liabiliti Bukan Semasa | | |
| Pinjaman (Tempoh melebihi setahun) (Nota 10) | 7,313,570 | 7,283,400 |
| Pemiutang Sewa Beli (Nota 11) | 242,685 | 87,499 |
| Jumlah Liabiliti | 13,918,559 | 14,432,863 |
| Aset Bersih | 18,537,516 | 21,714,382 |
| EKUITI | | |
| Geran Tertunda (Nota 12) | 15,046,620 | 17,594,434 |
| Kumpulan Wang Majlis (Nota 13) | 233,411 | 3,224,314 |
| Kumpulan Wang Amanah (Nota 14) | 3,257,485 | 895,634 |
| | 18,537,516 | 21,714,382 |

Nota-nota merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| PENDAPATAN (Nota 15) | | |
| Hasil Cukai | 5,915,241 | 7,412,917 |
| Hasil Bukan Cukai | 6,044,045 | 6,340,522 |
| Pelbagai Terimaan | 19,420,475 | 12,424,860 |
| JUMLAH PENDAPATAN | 31,379,761 | 26,178,299 |
| PERBELANJAAN (Nota 16) | | |
| Emolumen | 12,699,843 | 11,186,678 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 7,497,118 | 7,662,721 |
| Pemberian dan Kenaan Tetap | 9,572,663 | 4,007,896 |
| Perbelanjaan Lain | 4,602,718 | 2,931,040 |
| Perbelanjaan Geran Pembangunan | — | 146,369 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 34,372,342 | 25,934,704 |
| (KURANGAN)/LEBIHAN PENDAPATAN BERSIH | (2,992,581) | 243,595 |

Nota-nota merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI | | |
| (Kurangan)/Lebihan Pendapatan | (2,992,581) | 243,595 |

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Pelarasan Yang Tidak Melibatkan Tunai: | | |
| Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan | 2,949,144 | 2,919,440 |
| Pelarasan tahun semasa | 1,679 | — |
| (Keuntungan) dari Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan | — | (760) |
| Kredit Tertunda | (2,721,437) | (2,710,930) |
| | 229,386 | 207,750 |
| Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja | (2,763,195) | 451,345 |
| (Peningkatan)/Penurunan Pada Aset Semasa: | | |
| Penghutang | 188,146 | 675,651 |
| | 188,146 | 675,651 |
| Peningkatan/(Penurunan) Pada Liabiliti Semasa: | | |
| Pemiutang | (1,461,022) | 1,262,021 |
| Wang Cagaran | 305,553 | 251,982 |
| | (1,155,468) | 1,514,003 |
| Peningkatan/(Penurunan) pada Ekuiti: | | |
| Kumpulan Wang Amanah | 2,361,851 | (2,015,728) |
| | 2,361,851 | (2,015,728) |
| Aliran Tunai Bersih Dijana Dari Aktiviti Operasi | (1,368,667) | 625,271 |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN | | |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | (388,477) | (106,827) |
| Penerimaan dari Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | — | 766 |
| Aliran Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan | (388,477) | (106,061) |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN | | |
| Pembiayaan Diterima | 257,000 | — |
| Pinjaman Dari Kerajaan Negeri | 631,410 | — |
| Pembayaran Pinjaman | (181,020) | — |
| Penerimaan Sewa Beli | (66,227) | (33,696) |
| Aliran Tunai Bersih Dijana Dari Aktiviti Pembiayaan | 641,163 | (33,696) |
| PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETERAAN TUNAI | (1,115,981) | 485,514 |
| Tunai dan Keseteraan Tunai Bawa Hadapan | 11,914,400 | 11,428,886 |
| TUNAI DAN KESETERAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER | 10,798,419 | 11,914,400 |
| ANALISA TUNAI DAN TUNAI SETARA DI AKHIR TEMPOH | | |
| Wang Dalam Bank dan Tunai Di Tangan | 3,698,419 | 2,914,400 |
| Simpanan Tetap dan Pelaburan Jangka Pendek | 7,100,000 | 9,000,000 |
| WANG TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK | 10,798,419 | 11,914,000 |

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Kumpulan Wang MARRIS | Kumpulan Wang Majlis | Geran Bangunan | Geran Kenderaan/ Mesin | Geran Alatan | Geran Pelancaran | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari 2016 | 2,911,362 | 2,980,718 | 18,988,850 | 82,436 | 31 | 1 | 24,963,398 |
| Tambahan/(Kurangan) dalam tahun | 6,119,291 | — | 1,176,404 | 36,550 | 21,092 | — | 7,353,337 |
| Lebihan Pendapatan | — | 243,595 | — | — | — | — | 243,595 |
| Pelunasan | (8,135,019) | — | (2,677,794) | (28,919) | (4,216) | — | (10,845,948) |
| Pelarasan | — | — | — | — | — | — | — |
| Baki pada 31 Disember 2016 | 895,634 | 3,224,313 | 17,487,460 | 90,067 | 16,907 | 1 | 21,714,382 |
| Baki pada 1 Januari 2017 | 895,634 | 3,224,313 | 17,487,460 | 90,067 | 16,907 | 1 | 21,714,382 |
| Tambahan/(Kurangan) dalam tahun | 19,428,775 | (2,992,581) | 35,888 | 114,149 | 23,585 | — | 11,515,636 |
| Lebihan pendapatan | — | — | — | — | — | — | — |
| Pelunasan | (17,066,924) | — | (2,661,955) | (50,549) | (8,933) | — | (19,788,362) |
| Pelupusan Bangunan | — | — | — | — | — | — | — |
| Pelarasan dari tahun 2016 | — | 1,679 | — | — | — | — | 1,679 |
| Baki pada 31 Disember 2017 | 3,257,485 | 233,411 | 14,861,393 | 153,667 | 31,559 | 1 | 13,443,335 |

## NOTA-NOTA KEPADA AKAUN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

Dasar dan prinsip perakaunan digunakan secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

1.1 Asas Penyediaan

Penyata Kewangan disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan persembahan penyata kewangan adalah mengikut Lembaga Piawaian Perakaunan berkaitan yang diluluskan di Malaysia serta garis panduan yang berkuatkuasa. Penyata Kewangan ini mengikut piawaian MPERS dan tidak mengubah angka-angka pada tahun 2015 dan 2016.

1.2 Hartanah, Loji & Peralatan

1.2.1. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos selepas ditolak susutnilai terkumpul dan penjelasan nilai terkumpul.

1.2.2. Kadar Susutnilai Aset

Susutnilai atas hartanah, loji dan peralatan dibuat mengikut kaedah garis lurus berasaskan anggaran usiaguna harta-harta tersebut, seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Bangunan | 3%-5% |
| Perabot dan Alat Kelengkapan | 10%-33 1/3% |
| Kenderaan dan Mesin | 20%-33 1/3% |

Selepas pelupusan sebarang harta tetap, perbezaan di antara terimaan bersih pelupusan dan nilai buku bersih adalah diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan rizab penilaian semula yang berkaitan, sekiranya ada, dan dipindahkan kepada keuntungan terkumpul.

1.2.3. Pengurangan Nilai Aset

Nilai aset yang dibawa disemak semula pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan untuk menentukan sama ada terdapat tanda-tanda pengurangan nilai. Sekiranya terdapat tanda-tanda sedemikian, amaun yang boleh diperoleh semula bagi aset berkenaan akan dianggarkan. Amaun yang boleh diperoleh semula merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset individu atau sekiranya tidak boleh, untuk unit yang menghasilkan tunai yang mana aset itu digunakan.

Kerugian pengurangan nilai dicajkan terus kepada Penyata Prestasi Kewangan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam amaun yang boleh diperoleh semula bagi aset yang diiktirafkan setakat keterbalikan kerugian pengurangan nilai terdahulu dan diiktiraf setakat amaun aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susutnilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian pengurangan nilai diiktiraf sebelum ini. Keterbalikan ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dengan serta merta.

1.2.4. Keuntungan atau kerugian atas jualan aset

Keuntungan atau kerugian atas jualan hartanah, loji dan peralatan adalah dikenalpasti dengan membuat perbandingan harga jualan dengan nilai buku bersih dan ia akan diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan pada Penyata Prestasi Kewangan.

1.3 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dari cukai taksiran, caruman bantu kadar, bayaran denda lewat dan faedah adalah diiktiraf mengikut kaedah akruan. Pendapatan yang lain adalah diiktiraf pada asas terimaan.

1.4 Tunai dan Keseteraan Tunai

Tunai dan keseteraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki dan simpanan di bank serta pelaburan yang mempunyai kecairan yang tinggi dan tidak mempunyai risiko ketara dalam perubahan nilainya.

1.5 Perbandingan Tahunan

Angka tahunan terdahulu ditunjukkan semula untuk tujuan perbandingan. Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

1.6 Pengiktirafan Pemiutang

Pengiktirafan Pemiutang adalah seperti berikut:

1.6.1. Semua Pesanan Perolehan (L.O) yang dikeluarkan dalam tahun semasa dan bekalan/kerja/perkhidmatan/yang telah sempurna sehingga 31 Disember tetapi dibayar sehingga 31 Januari tahun berikutnya.

1.6.2. Semua kerja/bekalan/perkhidmatan tanpa L.O yang dibuat dalam tahun semasa, dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Januari tahun berikutnya.

1.7 Cukai Pendapatan

Majlis adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan mengikut Seksyen 127, Akta Cukai Pendapatan 1967.

1.8 Kebajikan Kakitangan

1.8.1. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Caruman Perkeso.

1.8.2. Peruntukan Perubatan kepada kakitangan dan keluarga.

1.8.3. Insuran Perubatan.

1.8.4. Pinjaman Kenderaan Kakitangan.

1.8.5. Pinjaman Komputer Kakitangan.

1.9 lnstrumen Kewangan

1.9.1 Pelaburan Simpanan Tetap.

1.10. Peruntukan Hutang Ragu

Peruntukan Hutang Ragu adalah satu jumlah peruntukan yang disediakan bagi mengenalpasti dan menyelaraskan amaun-amaun yang mempunyai usia tunggakan yang lama dari tiga tahun keatas.

2. LIABILITI LUAR JANGKA

Liabiliti Luar Jangka akan menjadi liabiliti sebenar sekiranya entiti berkenaan gagal memenuhi obligasi perjanjian atau berlaku sesuatu peristiwa tertentu. Liabiliti Luar Jangka pada 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2.1 | Mahkamah | : | Mahkamah Tinggi Shah Alam |
| | No. Fail/No. Saman | : | 25-149-12/2016 |
| | Plaintif | : | Petronas Gas Berhad (PGB) |
| | Defenden | : | MDSB |
| 2.2 | Mahkamah | : | Mahkamah Tinggi Shah Alam |
| | No. Fail/No. Saman | : | 25-52-11/2014 |
| | Plaintif | : | United Plantation Berhad |
| | Defenden | : | MDSB |

3. MAKLUMAT KAKITANGAN

Bilangan kakitangan adalah mengikut taraf jawatan seperti berikut:

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| Taraf Jawatan | | |
| Tetap | 265 | 268 |
| Kontrak | 8 | 11 |
| Pinjaman | 1 | 1 |
| Skim Perkhidmatan Singkat | 11 | 10 |
| | 284 | 290 |

4. WANG DI BANK DAN TUNAI DI TANGAN

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| KETERANGAN | | |
| Wang Di Bank | 3,697,335 | 2,913,400 |
| Wang Tunai Di Tangan | 1,084 | 1,000 |
| JUMLAH | 3,698,419 | 2,914,400 |

5. SIMPANAN TETAP DAN PELABURAN JANGKA PENDEK

| | | |
|---|---|---|
| KETERANGAN | | |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia | 3,000,000 | 2,000,000 |
| Malaysia Building Society Berhad | 3,100,000 | 1,000,000 |
| Bank Islam Berhad | 1,000,000 | 4,000,000 |
| Maybank Berhad | — | 1,000,000 |
| Pelaburan Jangka Panjang | 7,100,000 | 8,000,000 |
| | — | — |
| Pelaburan Jangka Pendek | — | 1,000,000 |
| JUMLAH | 7,100,000 | 9,000,000 |

Nota Simpanan Tetap: Simpanan Tetap yang dibuat dalam bank-bank dan syarikat kewangan seperti di atas memberi pulangan faedah pada kadar antara 3.3% ke 3.55% setahun.

6. PENGHUTANG

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| KETERANGAN | | |
| Pinjaman | | |
| Pinjaman Kenderaan | 84,080 | 63,079 |
| Pinjaman Komputer | 61,395 | 41,133 |
| Jumlah Kecil (i) | 145,475 | 104,212 |

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Pelbagai Penghutang | | |
| Syabas Berhad | 66,863 | 66,863 |
| Sewaan Gerai Pasar | 2,993,005 | 2,853,368 |
| Cek Terimaan Return | 14,813 | 14,813 |
| Faedah Terakru | 21,717 | 21,739 |
| Caruman Kerajaan | 18,930 | 18,930 |
| Caruman Agensi | — | 1,800 |
| Penghutang Gerai PLB | — | 20,400 |
| Bank Simpanan Nasional | 500 | 500 |
| Penghutang Caj Pemajuan | — | 79,976 |
| Lain-Lain Penghutang | — | 35 |
| Penghutang Cukai Lain | 78,414 | — |
| Penghutang Denda Lewat | 56,541 | — |
| Penghutang Waran F | 15,300 | — |
| Pendahuluan Pelbagai | 57,980 | — |
| Perkhidmatan & Bayaran Perkhidmatan | — | — |
| Cagaran Pelan | — | — |
| Pelbagai Penghutang (GST 6%) | 1,124,092 | 183,777 |
| Bayaran Terdahulu Pinjaman Sewa Beli | — | — |
| Jumlah Kecil (ii) | 4,448,154 | 3,262,201 |
| Jumlah (i)+(ii)=(iii) PEL. PENGHUTANG | 4,593,629 | 3,366,413 |
| TUNGGAKAN CUKAI | | |
| Cukai Taksiran | 3,127,836 | 2,934,005 |
| Tolak: | | |
| Peruntukan Hutang Ragu: | | |
| Cukai Taksiran | (1,898,562) | (289,369) |
| Jumlah (iv) PENGHUTANG | 1,229,274 | 2,644,636 |
| JUMLAH (iii+iv) | 5,822,903 | 6,011,049 |
| PERUNTUKAN HUTANG RAGU | | |
| Cukai Taksiran | | |
| Baki pada 1 Januari | 289,369 | 342,325 |
| Peruntukan Dalam Tahun | 1,609,193 | (52,956) |
| Baki pada 31 Disember | 1,898,562 | 289,369 |

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| Jenis Harta | Tanah Jangka Panjang RM | Bangunan RM | Geran Bangunan RM | Geran Kenderaan RM | Geran Pelancaran RM | Geran Alatan RM | Kenderaan/ Mesin Rumput RM | Perabot/ Alat Kelengkapan RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2016 | | | | | | | | | |
| Kos/Nilai | | | | | | | | | |
| Baki pada 1 Jan 2016 | 61,404 | 622,272 | 52,888,011 | 1,728,808 | 19,950 | 31 | 1,679,517 | 1,894,890 | 58,894,883 |
| Tambahan dalam tahun | — | — | 1,176,405 | 36,550 | — | 21,092 | 9,320 | 97,507 | 1,340,874 |
| Pelupusan | — | — | — | — | — | — | — | (7,350) | (7,350) |
| Pada 31 Dis 2016 | 61,404 | 622,272 | 54,064,416 | 1,765,358 | 19,950 | 21,123 | 1,688,837 | 1,985,047 | 60,228,407 |
| Susutnilai | | | | | | | | | |
| Susutnilai pada 1 Jan 2016 | 18,606 | 351,347 | 33,899,161 | 1,646,374 | 19,949 | — | 1,448,538 | 1,710,540 | 39,094,515 |
| Susutnilai dalam tahun | 620 | 29,320 | 2,677,794 | 28,919 | — | 4,216 | 87,574 | 90,995 | 2,919,440 |
| Hapuskira | — | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Pelupusan | — | — | — | — | — | — | — | (7,344) | (7,344) |
| Pelarasan | — | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Susutnilai pada 31 Dis 2016 | 19,226 | 380,667 | 36,576,955 | 1,675,293 | 19,949 | 4,216 | 1,536,112 | 1,794,191 | 42,006,611 |
| Nilai Buku 2016 | 42,178 | 241,605 | 17,487,460 | 90,065 | 1 | 16,907 | 152,725 | 190,855 | 18,221,796 |

| | Tanah Jangka Panjang | Bangunan | Geran Bangunan | Geran Kenderaan | Geran Pelancaran | Geran Alatan | Kenderaan/ Mesin Rumput | Perabot/ Alat Kelengkapan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Jenis Harta | | | | | | | | | |
| 2017 | | | | | | | | | |
| Kos/Nilai | | | | | | | | | |
| Baki pada 1 Jan 2017 | 61,404 | 622,272 | 54,064,416 | 1,765,358 | 19,950 | 21,123 | 1,688,837 | 1,985,047 | 60,228,407 |
| Tambahan dalam tahun | — | — | 35,888 | 114,149 | — | 23,585 | 333,999 | 54,478 | 562,099 |
| Hapuskira | — | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Pelupusan | — | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Pada 31 Dis 2017 | 61,404 | 622,272 | 54,100,304 | 1,879,507 | 19,950 | 44,708 | 2,022,836 | 2,039,525 | 60,790,506 |
| Susutnilai | | | | | | | | | |
| Susutnilai pada 1 Jan 2017 | 19,226 | 380,667 | 36,576,955 | 1,675,293 | 19,949 | 4,216 | 1,536,112 | 1,794,192 | 42,006,610 |
| Susutnilai dalam tahun | 621 | 29,320 | 2,661,955 | 50,549 | — | 8,933 | 123,763 | 74,001 | 2,949,144 |
| Hapuskira | — | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Pelupusan | — | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Pelarasan | — | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Susutnilai pada 31 Dis 2017 | 19,847 | 409,987 | 39,238,910 | 1,725,842 | 19,949 | 13,149 | 1,659,875 | 1,868,193 | 44,955,754 |
| Nilai Buku 2017 | 41,557 | 212,285 | 14,861,393 | 153,665 | 1 | 31,559 | 362,962 | 171,332 | 15,834,753 |

8. PELBAGAI PEMIUTANG

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| KETERANGAN | | |
| Gaji | 5,286 | 5,286 |
| Elaun Tetap | 800 | 800 |
| Pengangkutan Orang & Perbelanjaan Sara Hidup | 1,175 | 1,175 |
| Perhubungan dan Utiliti | 650 | — |
| Sewaan | 2,622 | 2,622 |
| Bekalan Bahan Mentah | 5,252 | 5,252 |
| Bekalan Bahan-Bahan Lain | 2,158 | 2,158 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil | 2,661 | 2,661 |
| Perkhidmatan lIkhtisas dan Hospitaliti | 30,530 | 30,782 |
| Faedah atas Pinjaman Kerajaan Negeri | — | — |
| Zon Bersih | 625 | 625 |
| Direct Geran | 200 | 200 |
| Direct Geran | 4,064 | — |
| Geran PeBT | 754 | 754 |
| Pemiutang Fasiliti Gas Petronas | — | 1,617,200 |
| Pulang Balik Hasil | — | — |
| Pemiutang lain | 14,559 | — |
| Cek Return | 150 | 150 |
| Cek Tamat Tempoh | 18,555 | — |
| Pemiutang Sewa Beli | — | — |
| Cek Rekup | — | — |
| MP Sepang | 776 | 776 |
| Direct Geran Karnival Bendang | 990 | 990 |
| Pemiutang Takaful | 148 | — |
| Cimb Clicks | 1,192 | — |
| Kesilapan kutipan | 821 | — |
| Kesilapan kutipan BIMB | 2,012 | — |
| Pelbagai Cagaran | 4,840 | 4,840 |
| Wang Tak Dituntut | 12,209 | 12,209 |
| Adam & Co. | 22,498 | — |
| Pelbagai Pemiutang (GST 6%) | 91,930 | — |
| Jumlah Kecil (ii) | 227,457 | 1,688,479 |
| JUMLAH | 227,457 | 1,688,479 |

9. WANG CAGARAN

Jumlah wang cagaran adalah jumlah keseluruhan wang awam yang diterima bagi kerja dan perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak Majlis.

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| KETERANGAN | | |
| Cagaran Terkumpul sehingga tahun: | | |
| Cagaran Teknikal | 4,421,525 | 1,892,641 |
| Cagaran Bukan Teknikal | — | 2,223,331 |
| JUMLAH | 4,421,525 | 4,115,972 |

10. PINJAMAN KERAJAAN NEGERI

Pinjaman ini adalah dengan kadar faedah sebanyak 4% setahun dikira secara 'flat rate'.

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| KETERANGAN | | |
| Pinjaman diterima | 8,505,100 | 8,505,100 |
| Pinjaman diterima tahun semasa | 631,410 | — |
| Tolak: | | |
| Bayaran dijelaskan dalam tahun semasa | (181,020) | — |
| JUMLAH | 8,955,490 | 8,505,100 |

11. PEMIUTANG SEWA BELI

| | | |
|---|---|---|
| KETERANGAN | | |
| Bayaran Sewa Beli | | |
| Tempoh 12 Bulan | 71,402 | 35,813 |
| | 71,402 | 35,813 |
| Tempoh 1 hingga 3 Tahun | 242,685 | 87,499 |
| Tempoh 4 hingga 5 Tahun | — | — |
| | 242,685 | 87,499 |
| JUMLAH | 314,087 | 123,312 |

12. GERAN TERTUNDA

| | | |
|---|---|---|
| KETERANGAN | | |
| GERAN BANGUNAN | | |
| Geran sehingga tahun | 17,487,460 | 18,988,850 |
| Tambahan dalam tahun | 35,888 | 1,176,404 |
| Pelupusan dalam Tahun | — | — |
| Pelarasan dalam Tahun | — | — |
| Pelunasan geran diiktiraf dalam tahun 2017 | (2,661,955) | (2,677,794) |
| Baki pada 31 Disember (i) | 14,861,393 | 17,487,460 |
| GERAN KENDERAAN/MESIN | | |
| Geran sehingga tahun | 90,067 | 82,436 |
| Tambahan dalam Tahun | 114,149 | 36,550 |
| Pelarasan dalam Tahun | — | — |
| Pelunasan geran diiktiraf dalam tahun 2017 | (50,549) | (28,919) |
| Baki pada 31 Disember (ii) | 153,667 | 90,067 |
| GERAN ALATAN | | |
| Geran sehingga tahun | 16,907 | 31 |
| Tambahan dalam Tahun | 23,585 | 21,092 |
| Pelunasan geran diiktiraf dalam tahun 2017 | (8,933) | (4,216) |
| Baki pada 31 Disember (iii) | 31,559 | 16,907 |

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| GERAN PELANCARAN | | |
| Geran sehingga tahun | 1 | 1 |
| Tambahan dalam Tahun | — | — |
| Pelarasan dalam Tahun | — | — |
| Pelunasan geran diiktiraf dalam tahun 2016 | — | — |
| Baki pada 31 Disember (iv) | 1 | 1 |
| Jumlah (i)+(ii)+(iii)+(iv)=(v) | 15,046,620 | 17,594,434 |
| PELUNASAN GERAN | | |
| GERAN BANGUNAN | | |
| Geran sehingga tahun | 9,024,008 | 14,320,777 |
| Pelunasan geran diiktiraf dalam tahun 2016 | (2,618,975) | (2,677,794) |
| (-) Pelunasan geran diiktiraf dalam tahun semasa (i) | (2,661,955) | (2,618,975) |
| Baki pada 31 Disember | 3,743,078 | 9,024,008 |
| GERAN KENDERAAN/MESIN | | |
| Geran sehingga tahun | (8,857) | (4,905) |
| Pelunasan geran diiktiraf dalam tahun 2016 | (1,976) | (1,976) |
| (-) Pelunasan geran diiktiraf dalam tahun semasa (i) | (1,976) | (1,976) |
| Baki pada 31 Disember | (12,809) | (8,857) |
| JUMLAH (i) + (ii) | 3,730,269 | 9,015,151 |

Nota: Geran diterima adalah meliputi Geran Bangunan, Geran Kenderaan/Mesin dan Geran Alatan yang diterima daripada Kerajaan Negeri.

13. KUMPULAN WANG MAJLIS

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| KETERANGAN | | |
| Baki pada 1 Januari 2017 | 3,224,313 | 2,980,718 |
| Lebihan Pendapatan dalam tahun | (2,992,581) | 243,595 |
| Pelarasan | 1,679 | — |
| Pelunasan | — | — |
| Baki pada 31 Disember 2017 | — | — |
| JUMLAH | 233,411 | 3,224,313 |

14. KUMPULAN WANG AMANAH

| | | |
|---|---|---|
| KETERANGAN | | |
| Geran Penyelenggaraan Jalan–MARRIS | 3,257,485 | 895,634 |
| JUMLAH | 3,257,485 | 895,634 |

15. PENYATA PRESTASI KEWANGAN TERPERINCI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| PENDAPATAN | | |
| HASIL CUKAI | | |
| Cukai Taksiran | 5,915,241 | 7,412,917 |
| Jumlah Kecil (i) | 5,915,241 | 7,412,917 |
| HASIL BUKAN CUKAI | | |
| Lesen dan Permit | 1,967,052 | 1,957,485 |
| Bayaran Perkhidmatan | 1,153,829 | 720,336 |
| Jualan Barang-Barang | 256,061 | 319,731 |
| Sewaan Harta Majlis | 1,741,146 | 1,779,672 |
| Faedah & Pelaburan | 334,854 | 242,511 |
| Denda & Kompaun | 591,104 | 623,095 |
| Keuntungan atas Jualan Aset Tetap | — | 760 |
| Penurunan Peruntukan Hutang Ragu | — | 52,956 |
| Caj Pemajuan | — | 643,976 |
| Jumlah Kecil (ii) | 6,044,045 | 6,340,522 |
| PELBAGAI TERIMAAN | | |
| Caruman Bantuan Kadar | 364,732 | 397,569 |
| Geran Tahunan | 1,654,757 | 1,654,757 |
| Geran Kerajaan Persekutuan/Negeri | 14,276,670 | 7,079,762 |
| Pendapatan Kredit Tertunda | 2,721,437 | 2,710,930 |
| Cagaran Batal | — | 52,795 |
| GST | — | — |
| Faedah Pinjaman Dihapuskan | — | 362,040 |
| Pulang Balik Belanja | 11,173 | 1,137 |
| Lain-Lain Terimaan | 391,706 | 165,871 |
| Jumlah Kecil (iii) | 19,420,475 | 12,424,860 |
| JUMLAH PENDAPATAN | 31,379,761 | 26,178,299 |

16. PERBELANJAAN

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Emolumen | | |
| Gaji dan Upahan | 8,274,479 | 7,243,488 |
| Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan | 1,168,460 | 1,097,285 |
| Elaun Tetap | 2,834,657 | 2,472,834 |
| Elaun Lebih Masa | 422,097 | 372,913 |
| Faedah Kewangan yang Lain | 150 | 158 |
| Jumlah Kecil (i) | 12,699,843 | 11,186,678 |
| Perkhidmatan & Bekalan | | |
| Tuntutan Perjalanan | 125,301 | 144,295 |
| Pengangkutan Barang-barang | 46,300 | 69,696 |
| Perhubungan dan Utiliti | 1,716,923 | 1,626,225 |
| Sewaan | 123,866 | 128,647 |
| Bekalan Bahan Mentah | 292,613 | 350,246 |
| Bekalan Bahan Lain | 276,032 | 368,779 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan | 437,219 | 554,688 |

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Perkhidmatan Ikhtisas | 4,359,275 | 4,236,459 |
| Kelengkapan Elektrik | 93,235 | 72,695 |
| Tanah dan Pembaikan Tanah | — | 78,981 |
| Kenderaan & Mesin | 21,740 | 3,370 |
| Anak Pokok | 4,615 | 28,640 |
| Jumlah Kecil (ii) | 7,497,118 | 7,662,721 |
| Pemberian & Kenaan Tetap | | |
| Biasiswa dan Bantuan Pelajaran | 9,100 | 7,400 |
| Pemberian Dalam Negeri | 9,473,520 | 3,706,640 |
| Ganjaran Pekerja Kontrak | 9,539 | 1,479 |
| Bayaran Pinjaman | — | 152,322 |
| Pemberian Tahunan | 29,990 | 29,990 |
| Gantian Cuti Rehat (GCR) | 50,514 | 110,065 |
| Jumlah Kecil (iii) | 9,572,663 | 4,007,896 |
| Perbelanjaan Lain | | |
| Pulangbalik dan Hapuskira | 16,565 | 3,499 |
| Susutnilai | 2,949,144 | 2,919,440 |
| Faedah Pinjaman | — | — |
| Faedah Sewa Beli | 27,816 | 8,100 |
| Peningkatan Peruntukan Hutang Ragu | 1,609,193 | — |
| Jumlah Kecil (iv) | 4,602,718 | 2,931,039 |
| Perbelaniaan Pembangunan | — | 146,369 |
| | — | 146,369 |
| Jumlah Perbelanjaan | 34,372,342 | 25,934,704 |

**Hakcipta Pencetak** (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA